

60 TAHUN EKONOMI PASARAN SOSIAL

Pembentukan, Pembangunan
&
Perspektif Formula Keamanan

Kata Pengantar Oleh
Khalid Jaafar



Institut Kajian Dasar

60 Tahun Ekonomi Pasaran Sosial

*Buku ini merupakan sebuah kompilasi artikel tentang
Ekonomi Pasaran Sosial*

*Terjemahan
Muhammad Ashraf Khalid
Muhammad Zihni Khalid
Ammar Gazali*

diterbitkan oleh
Institut Kajian Dasar (IKD)
1-35, Jalan Orkid 1F,
Seksyen BS 1, Bukit Sentosa,
Rawang, Selangor,
Malaysia.
(ikdbudaya@gmail.com)

dengan kerjasama
Konrad Adenauer Stiftung

Cetakan Pertama, 2010.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Mengkatalog-dalam-Penerbitan
1. Ekonomi 2. Eropah 3. Sosial I. Muhammad Ashraf Khalid
II. Judul: 60 Tahun Ekonomi Pasaran sosial

*Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana
bahagian artikel dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan
dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik,
rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada
Institut Kajian Dasar.*

ISBN 978-983-884-094-1

font Bookman Old Style

dicetak di
Mj Production
No. 23 Jln. PBS 14/13,
Taman Perindustrian Bukit Serdang,
43300 Seri Kembangan, Selangor.

daftar isi

- v | Prakata
- vi | Kata Pengantar
- 1 | Pembikinan Ekonomi Pasca Perang Negara Jerman, *Christian L. Glosner*
- 12 | Tentang Etika Ekonomi Walter Eucken, *Manuel Worsdorfer*
- 34 | Etika Sosial Emil Brunner dan Penerimaannya di kalangan Ordoliberal, *Tim Peterson*
- 59 | Peranan Pasaran dan Kerajaan Dalam Ekonomi: Satu Renungan Terhadap Model Ekonomi Islam Dengan Perbandingan Kepada Ekonomi Pasaran Sosial Negara Jerman, *Mohamed Aslam Haneef*
- 75 | Memajukan Idea Ekonomi Pasaran Sosial: Konsep-konsep dalam memperbaharui ordoliberalisme daripada perspektif etika ekonomi yang bersepadu, *Alexander Lorch*
- 88 | Ekonomi Pasaran Sosial Pada Tahun Ke Enam Puluh: Jalur Ketergantungan dan jalan yang berubah-ubah, *Lothar Funk*
- 108 | Rundingan Kolektif Bebas: Tiang yang mendukungi atau tiang yang sedang runtuh bagi Ekonomi Pasaran Sosial, *Hagen Lesch*

- 134 | Sistem Keselamatan Sosial di Dalam Ekonomi Pasaran Sosial: Antara kekuatan dasar sosial dan kuasa pasaran. Suatu analisa terhadap insurans kesihatan berkanun di Jerman dalam konteks prinsip asasi Ekonomi Pasaran Sosial,
Christine Wolfram | Ines Laufer
- 152 | Wain Lama Berbotol Baru?: Cabaran-cabaran Dasar Ekonomi Terhadap Ekonomi Pasaran Sosial Dalam Dunia Global, *Bodo Herzog*
- 177 | Menangani masalah pemasaran Ekonomi Pasaran Sosial, *Marcus Marktanner*
- 196 | Ekonomi Pasaran Sosial Di Eropah Timur: Satu pilihan yang dipandang rendah?, *Marc Steghebr*
- 214 | Kepentingan Kerajaan untuk Menyediakan Perlindungan Iklim Dalam Ekonomi Pasaran Sosial,
Janina Jansch | Christian Vossler
- 235 | Sebab dan Akibat Kawalseliaan Krisis Pasaran Kewangan, *Ekkehard A. Kobler | Andreas Hoffman*
- 259 | Adakah Krisis Kewangan dan Krisis Ekonomi ini Ancaman Kepada Ekonomi Pasaran Sosial?, *David Gregosz*

Biodata-biodata Penulis

Prakata

Sejak diimplementasikan secara politik oleh khususnya Ludwig Erhard dan Konrad Adenauer dalam Majelis Ekonomi di parlimen legislatif yang pertama pasca-perang, dan selanjutnya di *Bundestag* Republik Persekutuan yang baru muncul pada tahun 1949, Ekonomi Pasaran Sosial adalah “Jalan Ketiga” Jerman untuk polisi kawal selia yang berada di antara sosialisme sentralis dan kapitalisme tidak terkawal dan telah terbukti sangat berjaya. Terutama sekali pada saat yang disebut ‘globalisasi’ dan krisis ekonomi ketika ini di seluruh dunia, konsep yang sengaja dijadikan holistik walaupun ditakrif secara longgar dan kerana itu model ekonomi, politik dan sosial yang fleksibel itu telah menerima pujian umum.

Walaupun perhatian besar dan bahkan baru-baru ini Ekonomi Pasaran Sosial dimaktubkan di dalam perlembagaan dalam Perjanjian Lisbon untuk Kesatuan Eropah [1] dan berkuatkuasa mulai tarikh 1 Disember 2009 - tepatnya 60 tahun selepas implementasi politik dan penerimaan umum - tetapi, beberapa kekeliruan tetap

wujud tentang definasi, implementasi, pembentukan, dan potensi model dasar ekonomi dan sosial Jerman yang khas itu.

Sempena ulang tahun ke 60 Ekonomi Pasaran Sosial, adalah menjadi tujuan daripada penerbitan ini dihasilkan daripada prosiding persidangan antarabangsa yang diadakan secara kerjasama oleh Konrad-Adenauer-Stiftung (KAS) dan European Business Circle (euBc) pada bulan november 2009 untuk mengingati kembali sejarah asal-usul dan prinsip-prinsip dasar model ekonomi dan sosial-politik tersebut. Tambahan pula, transformasi konsep itu dari masa ke masa ditelusuri kembali dan potensi masa depan perkembangannya disajikan untuk pembaca.

Apatah lagi, peranan dan potensi Ekonomi Pasaran Sosial dalam Kesatuan Eropah dan globalisasi yang berlaku dengan rancaknya, sentiasa diperhatikan.

Oxford & Bonn Augustin / Sankt, Disember 2009

Dr Christian L. Glossner | Gregosz David

[1] *Article 2 para. 3 Treaty of Lisbon, Brussels, 2009.1* |

Kata Pengantar

Wacana sistem ekonomi didominasi oleh perdebatan dalam bahasa Inggeris. Sememangnya karya-karya besar ekonomi ditulis dalam bahasa tersebut. Adam Smith, David Ricardo, Thomas Malthus, John Stuart Mill, pembangun teori ekonomi klasik, semuanya menulis dalam bahasa Inggeris. Apabila berlaku pemberontakan terbesar terhadap pemikiran ekonomi klasik, pemberontakan tersebut juga dilakukan melalui bahasa Inggeris, *A General Theory of Employment, Interest and Money* oleh John Maynard Keynes.

Pastinya bukanlah suatu kebetulan, sejak berlakunya revolusi industri Great Britain muncul sebagai ekonomi terkuat didunia maka bahasa Inggeris mengambil peranan utama sebagai wahana perdebatan dan wacana tentang kekayaan, perdagangan dan kebijakan berhubungan perbankan, mata wang, kadar faedah dan sebagai. Ilmu ekonomi itu sendiri diasaskan dalam bahasa Inggeris dengan terbitnya *An Inquiry into the Nature and Causes of the Wealth of Nation* karya Adam Smith dalam tahun 1776, tatkala revolusi industri yang memberikan kekayaan kepada Britain sedang bermula.

Apabila kuasa ekonomi dunia menyeberang lautan Atlantik sejak Perang Dunita Pertama ke Amerika Syarikat pusat wacana ekonomi juga mula beralih ke negara tersebut. Sejak di awal abad ke-20 Amerika Syarikat sudah menunjukkan potensinya sebagai kuasa ekonomi dunia. Maka ilmu ekonomi mula berkembang pesat di negara tersebut. Irving Fisher (1867-1947) merupakan ahli ekonomi terawal yang menjadi selebriti. Beliau mempunyai pengaruh besar teori monetari, bahkan kebangkitan monetarisme dalam dekad 1980an diilhamkan oleh teori beliau. Prestij beliau jatuh kerana membuat ramalan yang terhap pasaran saham dalam tahun 1929. Beliau menolak ramalan yang memberi amaran awal bahawa bursa saham Wall Street akan merudum. Sebaliknya Fisher meramalkan nilai saham akan terus naik. Dalam tahun 1920 tertubuh National Bureau of Economic Research, sebuah badan bebas yang membuat kajian-kajian empirikal tentang persoalan ekonomi. Pakar-pakar ekonomi yang memimpin NBER adalah sar-

jana handalan seperti Simon Kuznet yang membuat kajian penerokaan dalam sistem perakaunan negara (national accounting system) dan Wassily Mitchel dalam kajian putaran perniagaan (business cycle).

Meskipun revolusi Keynes dicetuskan di England tetapi universiti-universiti Amerika memainkan peranan yang besar dalam penyebaran idea beliau. Sarjana-sarjana ekonomi Amerika khususnya melalui pengaruh Paul Samuelson turut berperanan besar menjadikan Keynesianisme sebagai aliran ekonomi arus perdana. Samuelson, orang Amerika yang pertama meraih Hadiah Nobel ekonomi, menulis buku teks yang mempopulerkan ekonomi Keynes. Buku tersebut, *Economics: an Introductory Analysis*, diterbitkan tahun 1948 telah diterjemahkan ke dalam 42 bahasa, terjual 4 juta naskah dan kini melalui edisi ke-19. Pemikiran Keynesian menyerap ke dalam media dan perdebatan awam melalui ekonom dan intelektual awam John Kenneth Galbraith.

Teori Keynes menghadapi masalah dalam tahun-tahun 1970an kerana tidak dapat menjelaskan gejala stagflasi dimana inflasi (yang sepatutnya tidak) wujud bersekali dengan pengangguran tinggi. Di sini bermulanya pemberontakan terhadap Keynesianisme yang dipelopori oleh Milton Friedman. Tetapi pemberontakan Friedman bukan sahaja terhadap persoalan kebijakan atau dasar untuk menangani persoalan pengangguran dan inflasi. Beliau ingin mengembalikan keyakinan terhadap pasaran sebagai instrumen paling berkesan dalam menyelesaikan masalah ekonomi, keyakinan yang digasir oleh Keynes, seterusnya memberikan nafas baru kepada pemikiran ekonomi klasik. Sebagai ekonom paling terkemuka dari Sekolah Ekonomi Chicago Friedman menganggap pemerintah sebagai penyelesaian masalah ekonomi, sebaliknya campur tangan pemerintah lebih banyak menimbulkan masalah dari menyelesaikan masalah ekonomi. Dengan kedudukan Amerika sebagai kuasa besar ekonomi nombor satu maka negara tersebut menjadi pusat perdebatan Keynesianisme lawan kontra-Keynesianisme. Sekali lagi bahasa Inggeris menjadi wahana terpenting perdebatan.

Ofensif intelektual yang dilakukan oleh Friedman dan Sekolah Ekonomi Chicago memberi ruang kepada apresiasi semula karya-karya F A Hayek yang beberapa dekad sebelum itu memimpin serangan intelektual terhadap ekonomi sosialisme. Mazhab liberalisme klasik pro pasaran yang digugat oleh pemikiran yang memberikan tempat besar kepada peranan pemerintah dalam mengurus ekonomi mendapat nafas baru. Hayek sendiri adalah pencabar paling utuh kepada teori monetari Keynes sebelum *General Theory* diterbitkan. Tetapi beliau tidak memberikan sanggahan bertenaga terhadap karya

besar tersebut berbanding dengan yang beliau lakukan dengan karya Keynes sebelumnya tentang mata wang. Hayek sebagai ekonom terpenting dunia setelah meninggalnya Keynes, dan pembangun semula visi teori ekonomi klasik, menyepi dengan karya terbesar yang melancarkan pemberontakan terhadap gagasan beliau. Lama selepas itu Hayek menjelaskan mengapa beliau tidak menyanggah *General Theory*, mengatakan Keynes mudah menukar fikirannya. Bila Hayek mencurahkan tenaganya untuk menyanggah teori monetari dalam *A Treatise on Money* Keynes menjawab beliau tidak lagi mempercayai apa yang beliau tulis dalam buku tersebut. Hayek tentunya kesal dan tidak menyangka *General Theory* mencetuskan revolusi dalam pemikiran ekonomi.

Tetapi Hayek menumpukan tenaganya kepada aspek intelektual yang lebih luas untuk mempertahankan dan memberi nafas baru kepada falsafah kebebasan menurut visi keteraturan spontan liberalisme klasik yang digugat oleh semua bentuk pemikiran kolektivistik seperti komunisme dan sosialisme. Di tengah-tengah Perang Dunia II Hayek menerbitkan *The Road to Serfdom* yang menjadi salah satu karya terpenting abad ke-20. Bahkan tidak ada mereka yang memperjuangkan kebebasan yang tidak terpengaruh oleh karya tersebut. Hayek bukan sahaja amat produktif secara individu bahkan mencipta jaringan pemikir-pemikir yang sependapat untuk memperjuangkan kebebasan. Bersama-sama dengan ekonom-ekonom pro pasaran dan pemikir-pemikir kebebasan Hayek membentuk Mont Pelerin Society yang kemudian menjadi persatuan yang paling berpengaruh dari segi pemikiran dalam separuh kedua abad ke-20. Pengaruh Mont Pelerin bukanlah sebagai sebuah persatuan, bahkan tidak ramai yang mengetahui tentang kewujudan persatuan tersebut. Tetapi pengaruhnya adalah melalui pengaruh idea yang dikupas melalui buku-buku dan makalah-makalah yang diterbitkan oleh anggota Mont Pelerin. Dan mereka adalah pemikir-pemikir besar yang produktif seperti Hayek sendiri, Karl Popper, Milton Friedman dan lain-lain. Hanya setelah beberapa dekad usaha untuk memulihkan semua keyakinan terhadap pasaran gerakan pemikiran tersebut mempunyai kesan terhadap politik arus perdana melalui kemenangan Margaret Thatcher (1979) dan kemudiannya Ronald Reagan (1981).

Perdebatan antara Keynesianisme dan pemikiran pro-pasaran berterusan dengan pasang surut aliran-aliran tersebut. Dengan meledaknya krisis ekonomi dunia berikutan dari krisis subprima dalam pasaran perumahan Amerika Keynesianisme muncul kembali dengan

kuat. Kritikan terhadap kegagalan dan keburukan pasaran mendapat perhatian semula. Namun kedengaran juga pemikir-pemikir ekonomi melontarkan pandangan bahawa Keynesianisme bukanlah jawapan kepada krisis kapitalisme yang terbesar selepas Kemelesetan Agung. Ketika yang sama perdebatan sistem ekonomi sebenarnya lebih renca-m dari belahan yang terdapat di dunia Anglo-Amerika iaitu pertentangan antara Keynesianisme lawan liberalisme klasik (lebih dikenali sebagai libertarianisme di Amerika). Dan libertarianisme bukanlah satu-satunya aliran liberal. Justeru dominannya bahasa Inggeris dalam perdebatan ini seolah-olah kelihatan perdebatan itu sahaja yang berlaku. Satu jalur dari liberalisme pro-pasaran yang tidak kurang mantapnya diturut diungkapkan di Eropah melalui bahasa Jerman tetapi hampir tidak diketahui diluar masyarakat intelektual dan kesarjanaan yang tidak menggunakan bahasa tersebut. Jalur tersebut menamakan dirinya sebagai Ordoliberalisme dan diwacanakan oleh sekumpulan pemikir dalam lingkaran Sekolah Freiburg. Signifikan jalur liberal ini adalah ianya menjadi asas kepada Ekonomi Pasaran Sosial, satu konsepsi sistem yang mencipta *Wirtschaftswunder* atau ketakjuban ekonomi setelah Jerman punah dalam Perang Dunia Kedua. Dengan perdebatan antara Keynesianisme-libertarianisme mencapai tahap tepu di dunia bahasa Inggeris, Ekonomi Pasaran Sosial mula keluar dari ruang lingkup bahasa Jerman untuk mendapat perhatian dunia yang lebih luas.

Khalid Jaafar

PEMBIKINAN EKONOMI PASCA PERANG NEGARA JERMAN¹

Christian L. Glossner

*Dasar ekonomi yang dijamin dibawah konsep
Ekonomi Pasaran Sosial adalah dasar sosial terbaik.
(Konrad Adenauer , 1949)²*

Genap lapan puluh tahun selepas kejatuhan bursa saham Wall Street 1929, pencetus Kemelesetan Agung pada 1930 disebabkan spekulasi meluas terhadap pasaran saham³, sekali lagi, sejarah berulang kembali. Krisis kewangan dan ekonomi semasa, menyebabkan majalah seperti *The Economist*, mempersoalkan teori ekonomi moden kerana tidak dapat menghindari kesilapan masa lalu⁴, dan di peringkat antarabangsa, ahli-ahli politik dalam semua jalur mencari penjelasannya. Ahli-ahli intelektual, seperti Peter Sloterdijk dan tokoh liberal yang baru meninggal dunia Ralf Dahrendorf, menuntut etika kerja dan sosial baru dan meyeru agar kembali kepada kapitalisme yang lebih bertanggungjawab dan terkawal.⁵

Begitu juga, di dalam buku “An Inquiry into the Principles of the Good Society” diterbitkan pada 1937, filsuf Amerika dan pengulas politik, Walter Lippmann, mengkritik kecenderungan sosialis dan teori ekonomi neo-klasik sebagai punca krisis sosial dan ekonomi yang

1 Untuk maklumat lanjut, rujuk Glossner, C. L., *The Making of the German Post-War Economy – Political Communication and Public Reception of the Social Market Economy after World War II*, London, 2010.

2 Kenyataan pertama Adenauer dalam dasar kerajaan pada 20 September 1949; rujuk Henning, F.-W., *Adenauers Verhältnis zu Wirtschaft und Gesellschaft*, dalam: *Rhöndorfer Gespräche*, vol. 12, Bonn, 1992, hlm. 26.

3 Galbraith, J. K., *The Great Crash 1929*, New York, 1954.

4 *Economist*, Modern Economic Theory: Where it went wrong – and how the crisis is changing it, vol. 392, Bil. 8640, 19-24 Julai 2009.

5 Dahrendorf, R., *Nach der Krise: Zurück zur protestantischen Ethik?*, dalam: *Mercur*, Bil. 720, Mei 2009.

meluas.⁶ Sebagai penghargaan terhadap wartawan Amerika tersebut dan pandangannya, filsuf Perancis Louis Rougier telah mengadakan satu persidangan antarabangsa yang dikenali sebagai Colloque Walter Lippmann berkenaan krisis yang dialami oleh liberalisme.

Selain Lippmann sendiri, dua puluh lima cendekiawan, ahli-ahli akademik dan usahawan menerima jemputan tersebut dan bertemu di *Institut International de Coopération Intellectuelle* di Paris antara 26 dan 30 Ogos 1938. Bersatu dalam satu barisan, para peserta dan ahli-ahli ekonomi terkenal Ludwig van Mises, Friedrich August von Hayek, Alexander Rüstow and Wilhelm Röpke berhasrat untuk menyemak dan mendefinisikan kembali ekonomi dan politik liberal- dan juga sosialisme.

Pelajaran yang diperolehi daripada pengalaman-pengalaman sejarah tentang kegagalan liberalisme ekonomi pada awal tahun 1930-an dan kebejatan totalitarianisme, pemerintahan kuku besi dan fasisme Nazi (Sosialisme Nasional), dan selain itu, keasyikan kepada persoalan sosial pada hujung kurun ke 19 membawa kepada perbincangan dan akhirnya membangunkan liberalisme baru ataupun 'neo'-liberalisme, yang juga disebut sebagai 'Third' ataupun 'Middle Way' antara ekstrem kapitalisme tak terkawal dengan perancangan pusat. Tanggapan neo-liberal ini melingkungi ekonomi – politik dan idea- idea falsafah sosial didasarkan pada liberalisme klasik dan teori neo-klasik. Berbeza dengan *laissez-faire*⁷ ataupun liberalisme pasaran bebas, bagaimanapun, konsep neo-liberal menganggap campur tangan pemerintah melalui peraturan adalah sah sekiranya semata-mata untuk melindungi fungsi pasaran. Meskipun persetujuan umum tentang huraian dan definisi mengenai penggabungan antara peranan yang lebih besar untuk keselamatan sosial bersama pemeliharaan kebebasan individu, pandangan para pembahas berbeza mengenai kepentingan negara dan individu, maka, tidak ada satu mazhab pun dikenali dengan nama 'neo-liberalisme', tetapi idea tersebut merangkumi spektrum yang luas tentang pelbagai mazhab dan tafsiran, seperti monetarisme, libertarianisme, ataupun ordo- liberalisme.

Tokoh liberal seperti Friedrich August von Hayek mempertahankan liberalisme klasik dan kapitalisme pasaran bebas daripada mana-mana campur tangan, di mana beliau menganggap akan memudaratkan kedua-dua liberalisme dan demokrasi. Ahli ekonomi pasaran bebas itu berhu-

6 Lippmann, W., *The Good Society*, Boston, 1937.

7 Merujuk kepada slogan popular '*laissez faire, laissez passer, le monde va de lui-même*' yang barangkali dikemukakan buat pertama kalinya oleh ahli ekonomi liberal Perancis dan juga penyokong fisiokrasi, Jean Claude Marie Vincent Marquis de Gournay (1712-1759).

jah bahawa teori-teori kolektivisme dan sosialis, meskipun berniat untuk kebaikan, tetap membawa kepada kejahatan totalitarian. Pembangunan Jerman di zaman Nazi dan di negaranya Austria, mengukuhkan ketakutan dan ramalannya. Menurut Hayek, yang menjadi warga British pada 1938 yang kemudiannya menubuhkan *Mont Pèlerin Society*⁸ sebagai ketua kumpulan pemikir neo-liberalisme bertempat di Montreaux, Switzerland pada tahun 1947, 'Liberalisme boleh dikatakan mati di Jerman dan sosialisme yang membunuhnya.'⁹

Selepas kejatuhan Reich ketiga (nama bagi kerajaan Jerman di bawah pemerintahan Adolf Hitler) bersama dasar ekonominya yang statis dan korporatis, ahli akademik di Universiti Freiburg im Breisgau di Jerman mengunjurkan satu aturan sosio-ekonomi baru dan liberal. Dalam konteks ini, adalah penting untuk membezakan antara Sekolah Freiburg dan Lingkaran Freiburg. Sering kali, kedua-dua aliran ini dipercayai sama sahaja¹⁰, tetapi hakikatnya, yang pertama muncul dari yang kedua dan antara ahli-ahli Sekolah Freiburg hanya pengasasnya Walter Eucken dan Franz Böhm tergolong dalam Lingkaran Freiburg. Sebaliknya, tiada ahli daripada Lingkaran Freiburg boleh dikaitkan dengan Sekolah Freiburg yang sedikit sebanyak menyokong objektif ekonomi yang berbeza. Kedua-dua aliran ekonomi tersebut menganggap bentuk perancangan tertentu diperlukan untuk tempoh peralihan selepas perang. Bagaimanapun, sementara ahli-ahli penting penentang Freiburg, Erwin von Beckerath, Adolf Lampe dan Jens Jessen menyebelahi campur tangan kerajaan yang 'produktif', iaitu ekonomi yang diuruskan oleh kerajaan yang agak kuat.¹¹ Walter Eucken, Franz Böhm dan Constantin von Dietze percaya pada kawalan sendiri pasaran dan menghadkan campur tangan secara tidak langsung¹². Menurut Eucken, negara mesti mencipta

8 Pada awalnya, hanya 37 sarjana sahaja dijemput. Menjelang awal 1950-an, komuniti ini mencecah lebih kurang 200 ahli dan kini telah berkembang sehingga lebih kurang 500 ahli.

9 Hayek, F. A. v., *The Road to Serfdom*, Chicago, 1944, hlm.23.

10 Contohnya Götz, H. H., *Die geistigen Väter der sozialen Marktwirtschaft*, dalam: Eick, J. (ed.), *So nutzt man den Wirtschaftsteil einer Tageszeitung*, Frankfurt am Main, 1971, hlm. 57-61. Atau Rieter, H.; Schmolz, M., *The Ideas of German Ordoliberalism 1938-1945: Pointing the Way to a New Economic Order*, dalam: *The European Journal of the History of Economic Thought* 1, London, 1993, hlm. 87-114.

11 Laporan bil. 14, dalam: Blumenberg-Lampe, C. (ed.), *Der Weg in die Soziale Marktwirtschaft: Referate, Protokolle, Gutachten der Arbeitsgemeinschaft Erwin von Beckerath 1943-1947*, Stuttgart, 1986, hlm. 192.

12 Grosseckter, H., Adolf Lampe, *die Transformationsprobleme zwischen Friedens- und Kriegswirtschaften und die Arbeitsgemeinschaft Erwin von Beckerath*, dalam: Goldschmidt, N. (ed.), *Wirtschaft, Politik und Freiheit*, Freiburg im Breisgau, 2005, hlm. 104 dan Blumenberg-Lampe,

persekitaran perundangan secukupnya semata-mata untuk ekonomi, dan mengekalkan peringkat persaingan yang sihat menerusi tindakan yang mematuhi prinsip pemasaran. Demikian, maksud terpenting di mana dasar ekonomi mampu memperbaiki ekonomi adalah dengan memperbaiki rangka institusi ataupun ‘ordo’.

Berdasarkan aturan kompetitif ekonomi daripada Eucken dan ‘Humanisme Ekonomi’ Wilhelm Röpke yang membawa kepada ‘Civitas Humana’,¹³ aturan kompetitif ekonomi telah dibangunkan oleh Sekolah Cologne di sekitar ahli ekonomi dan antropologi Alfred Müller-Armack. Beliau kemudian menciptakan istilah ‘*Soziale Marktwirtschaft*’ (Ekonomi Pasaran Sosial) dalam satu penerbitan pada Disember 1946.¹⁴ Walaupun ia berkembang daripada ordo-liberalisme sebagai satu aliran neo-liberalisme yang baru, konsep ini tidak seiras dengan idea Sekolah Freiburg. Berbanding dengan Eucken, yang cenderung memilih liberalisme prosedur atau berteraskan peraturan di mana peranan negara hanya menyusun rangka institusi dan umumnya tidak campurtangan dalam pasaran, Müller-Armack menitikberatkan tanggungjawab kerajaan secara aktif untuk memperbaiki suasana pasaran dan secara serentak untuk mengejar imbalan sosial.¹⁵ Dalam meletakkan dasar sosial setanding dengan dasar ekonomi, konsep Müller-Armack lebih tegas tentang matlamat socio-politik berbanding konsep ekonomi ordo-liberal. Bagaimanapun, Ekonomi Pasaran Sosial sebagai lanjutan daripada fikiran

C., *Das Wirtschaftspolitische Programm der “Freiburger Kreise”*, Berlin, 1973, hlm. 64 (nota kaki).

13 Röpke, W., *Grundfragen rationeller Wirtschaftspolitik*, dalam: *Zeitschrift für Schweizer Statistik & Volkswirtschaft*, no. 1, 1941, hlm. 112; *Idem, Civitas Humana – Grundfragen der Gesellschafts- und Wirtschaftsordnung*, Erlenbach-Zurich, 1944.

14 Müller-Armack, A., *Wirtschaftslenkung und Marktwirtschaft*, Hamburg, 1946, hlm. 88. Namun, persoalan tentang asal-usul istilah ‘Soziale Marktwirtschaft’ masih lagi dalam kontroversi. Dalam autobiografi beliau ‘*Wahrheit und Wirklichkeit. Der Weg aus den Weltkriegen in die Soziale Marktwirtschaft und eine künftige Weltordnung*’, Homburg-Saarplatz, 1996, hlm. 571 ff., Karl Günther Weiss, pembantu akademik kepada bekas perwakilan tetap Sekretariat Kerajaan dalam Kementerian Ekonomi, Otto Ohlendorf, tidak sependapat, beliau mengemukakan bahawa istilah ‘Ekonomi Pasaran Sosial’ adalah hasil daripada perbincangan dengan Ludwig Erhard pada 12 Januari 1945. Terdapat juga bukti bahawa Harold Rasch, timbalan pengarah pentadbiran ekonomi antara zon di Minden tahun 1946/47, telah menggunakan istilah tersebut di hujung 1947 dan awal 1948 tanpa sebarang kaitan dengan Müller-Armack (1901-1978); rujuk Rasch, H., *Grundlagen der Wirtschaftsverfassung*, Bad Godesberg, 1948.

15 Müller-Armack, A., *Soziale Marktwirtschaft – handwörterbuch der Sozialwissenschaften*, vol. 9, Göttingen, 1956, hlm. 390; *Idem, Wirtschaftsordnung und Wirtschaftspolitik, Studien und Konzepte zur Sozialen Marktwirtschaft und zur Europäischen Integration*, Freiburg im Breisgau, 1966, hlm. 245.

neo-liberal bukanlah sistem ekonomi yang jelas tetapi satu konsepsi holistik anjal yang bermatlamatkan sistem aturan sosial humanistik yang lengkap sebagai sintesis objektif yang kelihatan bercanggah, iaitu kebebasan ekonomi dan keselamatan sosial.¹⁶ Walaupun ia selalu dilihat sebagai campuran dari idea-idea sosio-politik berbanding aturan yang mempunyai asas teori yang jelas, tetapi konsepsi tersebut mempunyai slogan efektif, yang mana mudah dikomunikasikan kepada dua sektor politik dan awam. Namun pelaksanaan akhirnya, memerlukan bukan sahaja komunikasi malah dokongan politik.

Di sini, konsep Müller-Armack tak lama selepas itu bertemu dengan idea pengerusi *Sonderstelle Geld und Kredit* (Biro Khas untuk Wang dan Kredit) dalam pentadbiran kewangan iaitu Ludwig Erhard, seorang pakar yang menyediakan reformasi mata wang di zon Inggeris- Amerika. Walaupun Erhard lebih cenderung kepada aliran ordo-liberal pasaran bebas Walter Eucken,¹⁷ dan juga menganggap dirinya sebagai seorang ordo-liberal,¹⁸ namun dia sangat tertarik pada Alfred Müller-Armack, bukan sebagai pakar teori, tetapi sebaliknya sebagai seorang yang mahu menterjemah teori kepada praktis.¹⁹

Apabila Erhard menggantikan Johannes Semmler sebagai Pengarah Pentadbiran Ekonomi di Majlis Ekonomi Bizone²⁰ pada 2 Mac 1948, Ekonomi Pasaran Sosial memasuki lingkungan politik. Tidak lama selepas itu, pada 21 April 1948, Erhard memberitahu Parlimen mengenai dasar ekonominya, dan memperkenalkan konsep Ekonomi Pasaran Sosial.²¹ Walaupun tidak ada pujian sebulat suara, kedua-dua Demokrat liberal dan Konservatif mengalu-alukan peralihan kepada ekonomi yang lebih berorientasikan pasaran.²² Justeru, pengerusi *Christlich-Demokratische*

16 Müller-Armack, A., *Auf dem Weg nach Europa. Erinnerungen und Ausblicke*, Tübingen/ Stuttgart, 1971, hlm. 50 ff.

17 Commun, P., *Erhard's Bekehrung zum Ordoliberalismus: Die grundlegende Bedeutung des wirtschaftspolitischen Diskurses in Umbruchzeiten*, dalam: Freiburg Discussion Papers on Constitutional Economics 04/4, Freiburg im Breisgau, 2004.

18 Erhard, L., *Deutsche Wirtschaftspolitik – der Weg der Sozialen Marktwirtschaft*, Düsseldorf/ Vienna/ New York/ Moscow, 1992 (terbitan pertama pada tahun 1962), hlm. 592.

19 Hentschel, V., *Ludwig Erhard – Ein Politikerleben*, Berlin, 1998, hlm. 25.

20 Bizone adalah dua zon yang diperintah oleh Britain dan Amerika selepas Jerman tewas dalam Perang Dunia Kedua. Zon ketiga pula diperintah oleh Perancis. Ketiga-tiga zon ini kemudiannya menjadi Jerman Barat.

21 *Wörtliche Berichte über die 1.-40. Vollversammlung des Wirtschaftsrates des Vereinigten Wirtschaftsgebietes (Zweizonen-Wirtschaftsrat) in Frankfurt am Main*, 8 vols., Wiesbaden/ Frankfurt am Main, 1947-1949, hlm. 436 ff.

22 Görtemaker, M., *Geschichte der Bundesrepublik Deutschland: Von der Gründung bis zur Gegen-*

Union (Kesatuan Demokrat Kristian CDU) dalam zon kawalan British, Konrad Adenauer, menjemput Erhard untuk memberitahu kepada ahli-ahli parti mengenai idea sosio-ekonominya di konvensyen parti di Recklinghausen pada 28 Ogos 1948. Dalam ucapan yang penuh semangat dan berwawasan, bertajuk *Marktwirtschaft im Streit der Meinungen* (Pertikaian tentang Ekonomi Pasar)²³. Ludwig Erhard mempertahankan konsepnya mengenai Ekonomi Pasaran Sosial dengan mencadangkan dualisme antara ekonomi terkawal dan ekonomi pasaran.²⁴ Apabila pilihanraya pusat dan negeri hampir tiba, Adenauer, yang pada mulanya ragu-ragu terhadap Erhard,²⁵ akhirnya tertarik dengan slogan “Ekonomi terkawal atau Ekonomi pasaran” dan juga kepada keberkesanan Erhard dan programnya.²⁶ Asas kepada perikatan politik berjaya dibentuk.²⁷ Selepas *Christlich-Soziale Union* (Kesatuan Sosial Kristian/CSU) juga menyatakan komitmennya kepada ekonomi pasaran menerusi imbalan sosial, dan Menteri Hal Ehwal Ekonomi Bavaria yang baru dipilih, Hans Siedel, turut menganjurkan model ekonomi liberal-sosial Erhard pada konvensyen parti CSU di Straubing pada Mei 1949.²⁸ Prinsip ekonomi yang diperincikan oleh Jawatankuasa Kerja CDU/CSU sebagai hubungan badan dan pusat penerangan dua parti politik secara umumnya dirujuk sebagai “Kesatuan” tertumpu pada Ekonomi Pasaran Sosial.²⁹ Akhirnya, prinsip-prinsip ini diterima sebagai platform parti dan manifesto untuk pilihanraya persekutuan di persidangan parti CDU di Düsseldorf pada 15 Julai 1949.³⁰ Berbeza dengan ideologi *Ablener Programm* (Program CDU yang kritikal terhadap sistem kapitalis) yang agak abstrak dan anti-materialis ‘*Gemeinwirtschaft*’,³¹ (Sosialisme) apa yang disebut sebagai ‘*Düsseldorfer Leitsätze*’ ini bukan sahaja menyediakan

wart, Munich, 1999, hlm. 148.

23 Stoltenberg, G., *Konrad Adenauer und die Soziale Marktwirtschaft*, dalam: *Die Politische Meinung*, disunting oleh Konrad-Adenauer-Stiftung (KAS), vol. 45 (373), Sankt Augustin, 2000, hlm. 21 f.

24 Erhard, L., l.c., 1992, hlm. 69-85.

25 Müller-Armack, A., l.c., 1971, p. 247.

26 Schwarz, H.-P., *Adenauer. Der Aufstieg. 1876-1952*, Stuttgart, 1986, hlm. 602.

27 Erhard, L., *Was uns trennte, was uns einte*, dalam: *Deutsche Zeitung*, 26 Disember 1975, hlm. 3.

28 *Wirtschaftspolitische Richtlinien der CSU in Bayern*, (lebih kurang di hujung tahun 1948).

29 *Wirtschaftspolitische Leitsätze der Arbeitsgemeinschaft der CDU/CSU*, (lebih kurang April 1949).

30 Narr, W.-D., *CDU-SPD. Programm und Praxis seit 1945*, Stuttgart, 1966, hlm. 95.

31 *Ablener Programm*, dalam: Heck, B. (ed.), *Die CDU und ihr Programm – Programme, Erklärungen, Entschliessungen*, Melle/ Sankt Augin, 1979, hlm. 3-5.

program ekonomi yang konkrit, pragmatik dan materialis tetapi juga sebagai slogan yang menarik untuk mencapai muafakat dalam parti dan masyarakat umum. Akhirnya kesatuan kedua-dua parti politik yang baru ditubuhkan, iaitu CDU dan CSU, mempunyai program ekonomi yang jitu dan menyatukan pembentukan satu barisan yang konsisten. Sementara itu, parti politik Jerman paling tua, *Sozialdemokratische Partei Deutschlands* (Parti Demokrasi Sosial Jerman, SPD) yang menganjurkan perancangan ekonomi dan sosialisasi yang besar, dipimpin oleh Kurt Schumacher, tidak memperkenalkan konsep ekonominya. Ini bukan sahaja menyulitkan kerja parlimen parti tersebut dalam Majlis Ekonomi tetapi juga menghadkan komunikasi awam parti itu lebih-lebih lagi sewaktu berkempen di mana program-program politik yang kompleks dipermudah dan dipopularkan.

Pada saat-saat menjelang pilihanraya persekutuan pada Ogos 1949, CDU/CSU yang demikian melaraskan platform partinya, dasar-dasar, manifesto dan kempen bersama Ekonomi Pasaran Sosial. Khususnya, bekas pengurus pengiklanan barang pengguna, Ludwig Erhard, yang menegaskan bahawa dia akan 'menyertai pertempuran parti politik yang mendatang dengan mencurahkan tenaga untuk CDU',³² sedar dengan potensi teknik pemasaran sistematik untuk menterjemahkan konsep daripada teori ekonomi, ataupun dasar ekonomi yang abstrak, kepada asas propaganda parti politik dan imej awam yang memiliki tarikan luas. Akhirnya, pada Ahad 14 Ogos 1949, lebih kurang 31 juta warga Jerman keluar mengundi untuk Bundestag (parlimen) pertama Jerman dan untuk memilih antara Ekonomi Pasaran Sosial dan ekonomi terkawal yang didukung oleh SPD. Daripada 25 juta yang layak mengundi ataupun 78.5 peratus rakyat hadir ke peti undi yang dibuka di restoran-restoran atau rumah-rumah awam dan menunjukkan komitmen yang jelas terhadap kemunculan demokrasi selepas perang. Walaupun SPD memperoleh 29.12 peratus daripada undi, menjadi parti tunggal paling berjaya, gabungan CDU/CSU menarik lebih banyak undi, sejumlah 31 peratus, dan 139 mandat berbanding dengan 131 untuk Demokrat Sosial. Walau bagaimanapun, kedua-dua *Volksparteien* telah mengalami kehilangan peratusan yang banyak pada keseluruhan pemilihan dewan negeri yang lepas akibat kegagalan untuk menawan sebahagian besar jumlah pengundi yang semakin ramai. Kemajuan paling luar biasa ialah kemenangan melebihi satu juta undi dan mencapai 11.9 peratus daripada

³² Wengst, U., *Die CDU/CSU im Bundestagswahlkampf 1949*, dalam: *Vierteljahreshefte für Zeitgeschichte (VfZ)* 34, no. 1, Munich, 1986, hlm. 25.

keseluruhan undi telah dibuat oleh parti liberal *Freie Demokratische Partei* (FDP) yang dipimpin oleh pengerusi Theodor Heuss. Politik progresif dan ekonomi konservatif Demokrat Bebas ini sebenarnya satu-satunya parti politik yang konsisten memperolehi peratus undian antara tahun 1946 dan 1949.³³ Ketika keputusan- keputusan ini menegaskan trend umum yang cenderung pasar, akhirnya pengundi membuat keputusan bergantung kepada kepuasan keperluan yang praktikal daripada mana-mana teori sistem ekonomi tertentu. Kelebihan CDU dan CSU adalah dengan mengemukakan secara fakta bahawa mereka adalah separa kerajaan di Bizone dan dengan demikian semakin dikenali dengan pemulihan ekonomi dan pembaikan keadaan ekonomi. Walaupun pelaksanaan Ekonomi Pasaran Sosial bermanfaat juga dari faktor-faktor lain yang penting- termasuklah konflik Timur-Barat dan iklim politik dan ekonomi dalam Jerman dan luar negara, kestabilan gabungan antara parti-parti konservatif dan parti-parti liberal, penggubahan pro-pasaran daripada Majlis Ekonomi dan juga *Grundgesetz* (Hukum asas) Republik Persekutuan, di mana menekankan kebebasan individu, maruah manusia, dan subsidiariti organisasi kemasyarakatan- ia juga adalah hasil-hasil konsisten komunikasi politik daripada kerjasama dan model korporat yang memimpin ke arah pelaksanaan dan akhirnya pengesahan melalui pilihanraya terhadap Ekonomi Pasaran Sosial di Jerman Barat selepas perang.

Hakikatnya, tepat lapan tahun selepas kejatuhan bursa saham Wall Street 1929, lebih daripada 70 tahun selepas pelbagai kumpulan pemikir, parti-parti politik dan individu-individu terdorong membentuk sistem sosio-politik dan ekonomi antara dua ekstrem-antara kapitalisme laissez-faire dan ekonomi terancang kolektif, dan, betul-betul 60 tahun selepas kejayaan pelaksanaan Ekonomi Pasaran Sosial sebagai satu jalur model dasar ekonomi dan sosial neo-liberal, perdebatan politik dan umum kembali semula pada persoalan apakah kapitalisme yang mengejar keuntungan serasi dengan tanggungjawab sosial. Walaupun perbincangan semasa bukan lagi kapitalisme lawan sosialisme, ia tertumpu pada kapitalisme lawan kapitalisme dan tadbir urus korporat dan bentuk kapitalisme. Krisis ekonomi dan kewangan semasa dan semua ekonomi berorientasikan pasaran serta model-model sosial menghadapi ketegangan dan kritikan. Dalam iklim ini, adalah amat penting untuk mengingatkan asal-usul, pembangunan dan definisi Ekonomi Pasaran Sosial

33 Glossner, C. L., Lc., hlm. 177-180.

dan juga untuk memperbaharui prinsip dan idea-idea dasarnya. Akhir sekali, sememangnya, boleh dijadikan hujah, model sosio-politik dan ekonomi Jerman yang terkemuka bukan hanya membentuk alternatif menarik antara Ekonomi Pasaran Anglo–Amerika dan Ekonomi Pasaran Sosialis China sahaja, tetapi ia mungkin juga membantu menyusun semula ekonomi global kita, untuk mentakrif semula fahaman kita tentang kapitalisme dan untuk menyegarkan kembali falsafah dan pendirian ekonomi mengenai liberalisme secara umum.

RUJUKAN

- Blumenberg-Lampe, Christine (1973): *Das wirtschaftspolitische Programm der Freiburger Kreise. Entwurf einer freibeitlich-sozialen Nachkriegswirtschaft: Nationalökonomien gegen den Nationalsozialismus (Volkswirtschaftliche Schriften, vol. 208) – Berlin.*
- Blumenberg-Lampe, Christine (1986): *Der Weg in die soziale Marktwirtschaft. Referate, Protokolle, Gutachten der Arbeitsgemeinschaft Erwin von Beckerath 1943-1947, di sunting oleh Christine Blumenberg-Lampe (Forschungen und Quellen zur Zeitgeschichte, vol.9) – Stuttgart.*
- Commun, Patricia (2004): *Erhards Bekehrung zum Ordoliberalismus. Die grundlegende Bedeutung des wirtschaftspolitischen Diskurses in Umbruchszeiten (Freiburg Discussion Papers on Constitutional Economics 04/4) – Freiburg im Breisgau.*
- Dahrendorf, Ralf (2009): *Nach der Krise: Zurück zur protestantischen Ethik?, dalam: Merkur, Nr. 720, Mei 2009.*
- Die CDU und ihr Programm (1979): *Programme, Erklärungen, Entschliessungen, disunting oleh B. Heck – Melle.*
- Erhard, Ludwig (1992): *Deutsche Wirtschaftspolitik. Der Weg der sozialen Marktwirtschaft – Düsseldorf et al. (Terbitan pertama pada tahun 1962).*
- Erhard, Ludwig (1975): *Was uns trennte, was uns einte, dalam: Deutsche Zeitung, 26 Desember 1975, hlm. 3.*
- Galbraith, J. K. (1955): *The Great Crash 1929 – New York.*
- Glossner, Christian L. (2010): *The Making of the German Post-War Economy. Political Communication and Public Reception of the Social Market Economy after World War II (International Library of Twentieth Century History) – London.*
- Görtemaker, Manfred (1999): *Geschichte der Bundesrepublik Deutschland. Von der Gründung bis zur Gegenwart – München.*
- Götze, Hans-Herbert (1971): *Die geistigen Väter der sozialen Marktwirtschaft, dalam: So nutzt man den Wirtschaftsteil einer Tageszeitung, disunting oleh J. Eick – Frankfurt am Main.*
- Grosseckler, Heinz (2005): *Adolf Lampe, die Transformationsprobleme zwischen Friedens- und Kriegswirtschaften und die Arbeitsgemeinschaft Erwin von Beckerath, dalam: Wirtschaft, Politik und Freiberit, disunting oleh Nils Goldschmidt – Freiburg im Breisgau, hlm. 91-122.*
- Hayek, Friedrich A. Von (1944): *The Road to Serfdom – Chicago.*
- Henning, Friedrich-Wilhelm (1992): *Konrad Adenauer und die Soziale Marktwirtschaft bis 1956, dalam: Adenauers Verhältnis zu Wirtschaft und Gesellschaft,*

disunting oleh Hans Pohl (Rbödorfer Gespräche, vol. 12) – Bonn.

- Hentschel, Volker (1998): *Ludwig Erhard. Ein Politikerleben* (Ullstein, vol. 26536) – Berlin.
- Lippmann, Walter (1937): *An Inquiry Into the Principles of the Good Society* – Boston.
- Müller-Armack, Alfred (1971): *Auf dem Weg nach Europa. Erinnerungen und Ausblicke* – Tübingen/Stuttgart.
- Müller-Armack, Alfred (1956): *Soziale Marktwirtschaft, dalam: Handwörterbuch der Sozialwissenschaft, vol. 9, Stuttgart, by Erwin von Beckerath, 1956, blm. 390-392 (Dicetak semula dalam: Müller-Armack (1966): Wirtschaftsordnung und Wirtschaftspolitik. Studien und Konzepte zur Sozialen Marktwirtschaft und zur Europäischen Integration – Freiburg im Breisgau).*
- Müller-Armack, Alfred (1947): *Wirtschaftslenkung und Marktwirtschaft* – Hamburg.
- Müller-Armack, Alfred (1966): *Wirtschaftsordnung und Wirtschaftspolitik. Studien und Konzepte zur sozialen Marktwirtschaft und zur europäischen Integration (Beiträge zur Wirtschaftspolitik, vol. 4) – Freiburg im Breisgau.*
- Narr, Wolf-Dieter (1966): *CDU-SPD. Programm und Praxis seit 1945 – Stuttgart et al.*
- Rasch, Harold (1948): *Grundfragen der Wirtschaftsverfassung* – Bad Godesberg.
- Rieter, Heinz/Schmolz, Matthias (1993): *The Ideas of German Ordoliberalism 1938-1945. Pointing the Way to a New Economic Order, dalam: The European Journal of the History of Economic Thought, vol. 1(1), blm. 87-114.*
- Röpke, Wilhelm (1944): *Civitas Humana. Grundfragen der Gesellschafts- und Wirtschaftsordnung* – Erlenbach-Zürich.
- Röpke, Wilhelm (1941): *Grundfragen rationeller Wirtschaftspolitik, dalam: Zeitschrift für Schweizer Volkswirtschaft und Statistik, vol. 1.*
- Schwarz, Hans-Peter (1986): *Adenauer. Der Aufstieg: 1876-1952 – Stuttgart.*
- Stoltenberg, Gerhard (2000): *Konrad Adenauer und die Soziale Marktwirtschaft. Das enge Zusammenwirken mit Ludwig Erhard ermöglichte neue Wege in der Wirtschaftspolitik, dalam: Die Politische Meinung, vol. 45(373) – Sanket Augustin.*
- *The Economist* (2009): *Modern Economic Theory: Where it went wrong – and how the crisis is changing it (The Economist, vol. 392(8640), 18-24 Julai 2009).*
- Weiss, Karl G. (1996): *Wahrheit und Wirklichkeit. Der Weg aus den Weltkriegen in die Soziale Marktwirtschaft und eine Künftige Weltordnung – Homburg-Saarplatz.*
- Wengst, Udo (1986): *Die CDU/CSU im Bundestagswahlkampf 1949, dalam: Vierteljahreshefte für Zeitgeschichte, vol. 34(1), blm. 1-52.*
- *Wörtliche Berichte über die 1.-40. Vollversammlung des Wirtschaftsrates des Vereinigten Wirtschaftsgebietes (Zweizonen-Wirtschaftsrat) in Frankfurt am Main, 8 vols. – Wiesbaden/Frankfurt am Main, 1947-1949.*

TENTANG ETIKA EKONOMI WALTER EUCKEN

Manuel Wörsdörfer

1. PENDAHULUAN

Tahun 2008/9 merupakan ulangtahun ke-60 bagi reformasi ekonomi dan matawang Jerman pada 20 Jun 1948, dan penerimaan *Grundgesetz* (perlembagaan republik Jerman) pada 23 Mei 1949, yang menjadikan negara tersebut terikat dengan cita-cita ekonomi dalam lingkungan sosial. Kedua peristiwa ini adalah titik penting sepanjang perjalanan yang diambil oleh Republik Persekutuan Jerman untuk mencapai sistem Ekonomi Pasaran Sosial. Kerana istilah “Ekonomi Pasaran Sosial” selalu digunakan dalam beberapa konteks yang berbeza dan kadang-kadang membawa kepada makna yang bercanggahan, persoalan penting untuk kita: Apa sebenarnya yang dimaksudkan dengan istilah Ekonomi Pasaran Sosial? Teori dan etika ekonomi yang bagaimana mendukungnya? Makalah ini akan memerikan asal-usul Ekonomi Pasaran Sosial (Bab 2) dan menghuraikan ciri utama Sekolah Ekonomi Freiburg (Bab 3), salah satu tunjang utama Ekonomi Pasaran Sosial. Paksi bagi kertas kerja ini adalah karya Walter Eucken, salah seorang wakil tersohor Sekolah Freiburg yang ordoliberal. Objektifnya adalah untuk mengenalpasti faktor pengaruh sosio-politik dan inspirasi teori dasar ekonominya (Bab 4) dan menilai persamaannya dengan makalah-makalah Kant, Smith dan filasuf ekonomi yang lain. Bab 5 akan menerangkan “Program Kebebasan” Eucken. Kita akan menyimpang sedikit untuk menghuraikan persamaan di antara makalah ini dengan pemahaman Kant mengenai autonomi dan kebebasan. Bab 6 menyentuh dua keperluan Eucken bagi kestabilan ekonomi dan sosial (sosio-ekonomi manusiawi yang stabil serta kestabilan yang berfungsi). Dalam bab 7, kita cuba untuk menjawab – dengan rujukan memadai daripada Adam Smith – sejauh mana boleh dianggap bahawa kepentingan peribadi dan kebaikan umum saling

bersesuaian. Makalah ini diakhiri dengan sedikit perhatian terhadap ordoliberalisme semasa berhubung dengan etika ekonomi dunia Jerman yang moden (Bab 8).

2. ASAL-USUL NORMATIF EKONOMI PASARAN SOSIAL

Idea mengenai Ekonomi Pasaran Sosial terletak atas beberapa tunjang itu adalah yang paling mustahak. Asal-usul normatif berikut perlu disebut: 1. Sekolah Ekonomi Freiburg yang ordoliberal. Pengasas gagasan ini termasuk ahli ekonomi Walter Eucken, dan pakar undang-undang Franz Böhm dan Hans Großmann-Doerth. 2. Lingkungan luas Ordoliberalisme yang berkumpul sekitar emigran Alexander Rüstow dan Wilhelm Röpke yang mana masing-masing adalah Neoliberal yang sosiologikal. 3. Sekolah Ekonomi Cologne dan penyokong utamanya, Alfred Müller-Armack.¹ 4. Franz Oppenheimer² dan muridnya, Ludwig Erhard.³ Selain itu, *Christliche Sozialethik* (Etika sosial Kristian) dan *Katholische Soziallehre* (Pengajaran sosial Katolik) dalam Bab 5 juga memberi dorongan kuat kepada Ekonomi Pasaran Sosial; di sini, kita tertarik oleh makalah Oswald von Nell-Bruening (1954/1960; 1956/1960; 1975/1990) dan Joseph Höffner (1959/2006), dan juga penekanan mereka terhadap prinsip subsidiariti dan solidariti. Akhirnya, kita tidak boleh mengabaikan dokongan media, terutamanya berhubung usaha mempopularkan dan usaha mendapat pengesahan sosial Ekonomi Pasaran Sosial (cf. i.a. Erich Welter, pengasas bersama *Frankfurter Allgemeine Zeitung*).

1 Sebagai setiausaha bawah Kementerian Ekonomi (yaitu Pengerusi Jabatan Dasar dan Bahagian Perancangan serta Setiausaha Dewan Parlimen bahagian Hal Ehwal Eropah), Müller-Armack banyak terlibat dalam melaksanakan Ekonomi Pasaran Sosial (rujuk Scheffold (2004)). Munculnya istilah “Ekonomi Pasaran Sosial” ini juga dapat disusur kembali kepada beliau (rujuk Klump (1997), Klump (2001)); beliau mendefinisi Ekonomi Pasaran Sosial tersebut sebagai satu “formula irenic”, satu formula penyepaduan, yang mana sentiasa bertujuan untuk mengimbangi kebebasan ekonomi dan kesaksamaan sosial (Müller-Armack (1956)).

2 Rujuk esei Oppenheimer “*Weder so – noch so. Der Dritte Weg*”, di mana beliau cuba memperincikan suatu perantara (“Jalan Ketiga”) antara kapitalisme di satu sisi dan sosialisme di sisi yang lain; rujuk juga Eucken 1942: hlm. 37, Röpke 1942: hlm. 43, hlm. 278 et seq., dan Rüstow 2001: hlm. 41 et seq.

3 Ludwig Erhard – bersama dengan Leonhard Miksch yang ordoliberal – adalah seorang arkitek kepada reformasi ekonomi dan matawang pada tahun 1948. Erhard, “Bapa keajaiban ekonomi Jerman”, adalah Menteri Ekonomi daripada 1949-1963, beliau juga Canselor Republik Persekutuan Jerman daripada 1963 hingga 1966.

3. SEKOLAH EKONOMI FREIBURG

Salah satu perbezaan utama yang digariskan oleh Sekolah Freiburg yang ordoliberal ini adalah berhubung *Ordnungs- and Prozesspolitik* (peraturan dan pelaksanaan dasar, kedua-dua ‘rules of the game’ dan juga ‘plays of the game’ terangkum di dalam dasar ini⁴). Kerajaan mesti membatasi diri dalam merangka atau membentuk peraturan; campurtangan kerajaan dalam perkembangan ekonomi mestilah atas asas *kepatuhan pada pasaran*,⁵ di mana ia harusnya tidak melemahkan atau merosakkan fungsi pasaran dan mekanisme harga. Campurtangan berbentuk ‘policy process’ yang tidak bersesuaian dengan pasaran harus dielak. Dalam hal ini, kawalan kerajaan harus mengambil kira *Interdependenz der Ordnungen*⁶ (Kerbegantungan Aturan, Eucken), ini kerana campurtangan ekonomi boleh memberi impak terhadap struktur sosial. *Denken in Ordnungen* (Berfikir dalam Aturan, Eucken) (antara disiplin), yang turut mengambil kira kebergantungan-kebergantungan ini adalah sangat mustahak. Wajib ke atas “kerajaan yang kuat” (Rüstow⁷), sebagai “kuasa yang mengatur” dan “pembela persekitaran yang kompetitif” (untuk: *Hüter der Wettbewerbsordnung*)⁸, untuk menggunakan peraturan bagi mewujudkan sebuah sistem ekonomi, bagi membolehkan pencapaian kompetitif untuk berkembang, supaya dapat menggalakkan inovasi (persaingan atas merit dan berbentuk perkhidmatan yang lebih baik kepada pengguna (*Leistungswettbewerb*, persaingan dalam pencapaian))⁹, dan dalam persaingan penuh (untuk: *vollständige Konkurrenz*) yang memastikan kumpulan yang berkepentingan sosio-ekonomi dirampas kuasanya (“persaingan sebagai instrumen untuk menghilangkan kuasa”¹⁰). Cita-cita liberal, yang mana sebagai asas kepada Ordoliberalisme, termasuklah *kebebasan dari sebarang hak istimewa dan tidak diskriminasi*.¹¹ Kerajaan yang kuat dan berkuasa – ditadbir dengan kedaulatan undang-undang – mestinya berdasarkan perlembagaan, dalam posisi untuk melindungi

4 Rujuk Eucken (1999).

5 Röpke (1942 / 1948), hlm. 258 *et seq.*

6 Untuk maklumat lanjut berkenaan slogan ordoliberal “*Denken in Ordnungen*” dan “*Interdependenz der Ordnungen*”, rujuk Eucken (1950/1965), hlm. 50 *et seq* dan hlm. 62, Eucken (1940) dan Eucken (1952/2004), hlm. 13 *et seq.*, hlm. 19 *et seq.* dan hlm. 183.

7 Istilah “kerajaan yang kuat” telah diperkenalkan dalam perbincangan ordoliberal oleh Rüstow pada 1932 di sebuah persidangan *Verein für Socialpolitik*. Syarahan beliau bertajuk “Free Market – Strong State”.

8 Eucken (1952/2004) hlm. 325 *et seq.*

9 Eucken (1952/2004), hlm. 247, hlm. 267 dan hlm. 297.

10 Böhm (1971/2008), hlm. 306.

11 Rujuk Vanberg (2008).

daripada kepentingan tertentu; idealnya ia mengatasi kepentingan kelompok tertentu, kekal untuk menjadi neutral dan berkhidmat untuk kebaikan umum. Dalam perihal ini, peranan kerajaan sangat penting, tetapi batas atau sempadan untuk aktiviti kerajaan diberi definisi jelas bagi mengelakkan penyalahgunaan kuasa dan kepentingan kelompok tertentu daripada pengaruh mereka.

Menurut Eucken,¹² syarikat-syarikat, pertubuhan-pertubuhan dan kerajaan menimbulkan beberapa ancaman sosio-ekonomi terhadap kebebasan. Senario ancaman-ancaman ini, akan dijelaskan lebih lanjut kemudian, perlu dielak dengan menggunakan kedaulatan undang-undang, keteraturan yang kompetitif (untuk: *Wettbewerbsordnung*) dan mekanisme kawalan yang diterapkan di dalamnya. *Asas Dasar Ekonomi Eucken dan Prinsip Konstituen dan Kawal Atur* – asas dan prinsip yang membentuk entiti yang jitu – berperanan memenuhi suatu tujuan; ia membolehkan persaingan, justeru mengurangkan penyalahgunaan kuasa dan mempermudah untuk melaksana kebebasan awam. Momen Kantian terkait dengan pencegahan kekuasaan (iaitu batas kekuasaan sosio-ekonomi dan batas kuasa kerajaan) dan pemudah-cara kebebasan.¹³

4. WALTER EUCKEN (1891-1950): FAKTOR-FAKTOR SOSIO-FALSAPAH KEPADA PENGARUHNYA

Bagi mentafsir tulisan Walter Eucken dalam cara yang paling canggih dan paling kurang stereotaip, kita harusnya tidak membatasi diri dengan dua makalah (ekonomi) utamanya: *Die Grundlagen der Nationalökonomie* (Asas-asas Ekonomi) dan *Grundsätze der Wirtschaftspolitik* (Prinsip-prinsip kepada Dasar Ekonomi). Sebaliknya, kita harusnya turut mempertimbangkan terbitan awalnya, khususnya esei *Die Tatwelt*, makalah ORDO-nya dan surat-menyurat beliau (surat-surat di antara beliau dan keluarga, Rüstow, Röpke, dan lain-lain). Seterusnya, penting untuk kita teliti biografi dan personaliti Eucken. Dan ianya jelas sangat kompleks dan penuh dengan ketegangan, keretakan serta belah bahagi dalaman – yang kebanyakannya berkait dengan konteks sejarah kerana Eucken hidup dalam masyarakat yang sedang berubah, yang banyak torehan yang tidak putus-putus (Perang Dunia pertama dan kedua, inflasi besar-besaran, krisis ekonomi global, pengangguran yang berleluasa, kebangkitan golongan radikal dan ideologi totalitarian, seperti Sosialisme Nasional dan Komunisme). Perjalanan hidup Eucken bukan sahaja mengalami perubahan mendalam

¹² Eucken (1952/2004), hlm. 177.

¹³ Rujuk Kant (1977a).

dari sudut falsafah dan metodologi sains (penolakan berperingkat kepada Sekolah Ekonomi Historikal), tetapi juga dari sudut sosio-politik. Pemahaman tentang perjalanan Eucken menuju liberalisme yang demokratik boleh didapati melalui Oswald (2005,2008) dan Dathe (2009).

Pengaruh utama dalam penulisan Eucken adalah ibubapanya, Rudolf dan Irene Eucken, dan juga isterinya, Edith Eucken-Erdsiek. Melalui bapanya, Rudolf Eucken, yang juga professor falsafah di Jena dan dianugerahkan hadiah Nobel dalam kesusasteraan (1908), Walter Eucken dapat mengenali pemikiran-pemikiran (neo)Kant dan (neo)idealis, dan juga etika-etika sosial Kristian. Isterinya pula, Edith Eucken-Erdsiek, seorang penerbit, filasuf, ahli ekonomi dan juga murid kepada Husserl, membawa Eucken untuk mengenali fenomenologi. Perkaitan di antara ekonomi dan fenomenologi, dan juga bidang yang berkaitan dengan “noologi” (untuk: *noologische Methode*) yang diwarisi daripada ayahnya, merupakan ciri-ciri terkuat dalam tulisan-tulisan epistemologikal Eucken.¹⁴ Tambahan, kita harusnya juga menyebut debat-debat di antara *Sekolah Historikal-Etikal* dan *Sekolah Ekonomi Austria*: ketegangan berhubung (pertimbangan nilai dan) perbalahan metodologi (untuk: *Werturteils- und Methodenstreit*) juga digambarkan dalam makalah-makalah Eucken (“Great Antinomy”¹⁵ yang disebut-sebut). Akhirnya, jaringan dalaman dan di sekeliling Freiburg juga mendatangkan impak sosio-ekonomi: Di satu sisi, pertemuan dan persahabatan dengan ahli-ahli lain Sekolah Freiburg dan ordoliberalisme yang meluas (khususnya, Böhm, Miksch, Röpke dan Rüstow, termasuk juga von Hayek dan komuniti Mont Pèlerin); dan di sisi lain, gerakan menentang Lingkaran Freiburg (Diehl, Dietze, Lampe, Ritter dan ahli-ahli lain Confessional Church [untuk: *Bekennende Kirche*]).

5. “PROGRAM KEBEBASAN” EUCKEN

Setelah mendapat gambaran umum tentang asas-asas normatif Ekonomi Pasaran Sosial dan ciri-ciri penting Sekolah Freiburg yang ordoliberal, sekarang adalah peluang terbaik untuk mengenali ajaran Walter Eucken – khususnya pemahaman beliau terhadap kebebasan. Makalah-makalah ORDO Eucken daripada 1948 dan 1949 adalah satu asas: *Das ordnungspolitische Problem* (The Regulatory Problem) dan *Die Wettbewerbsordnung und ihre Verwirklichung* (The Competitive System and Its Realization). Untuk menilai (secara kontekstual dan terminologikal)

¹⁴ Rujuk Eucken (1950/1965).

¹⁵ Ibid.

keselarisan dengan Kant, adalah lebih baik untuk kita merujuk kepada tulisan-tulisan politik Kant sendiri.¹⁶

Roh kepada wacana Eucken tentang kebebasan adalah istilah (Kantian), autonomi. Sasarannya adalah untuk mengatasi ketidakmatangan dan kemanusiaan yang minoriti¹⁷, pencerahan peribadi dan emansipasi, dan realisasi hak individu kepada penentuan sendiri.¹⁸ Eucken sentiasa menegaskan perkaitan tanggungjawab individu dengan realisasi autonomi. Dalam hal ini, Eucken menentang kebergantungan, penindasan dan eksploitasi sosio-ekonomi dan politik.¹⁹ Dengan itu, kebebasan adalah tidak bersesuaian dengan sistem-sistem totalitarian dan imperialis. Selanjutnya, kebebasan tidak akan boleh menerima proses “massification” dan “stereotyping” (untuk: *Vermassung*) sosial, di mana personaliti individu “dicabut” dan “rohnya dihakis” (untuk: *Entseelung*) dan “penipisan individu” (*Entindividualisierung*) berskala besar terjadi. Dalam perkembangan sebegini, individu menjadi semakin sukar untuk meluahkan hak diri untuk penentuan sendiri. Ramai penyokong Ordoliberalisme menyatakan gejala ‘massification’ sebagai sebahagian “krisis sosial semasa” (untuk: *Gesellschaftskrisis der Gegenwart*); menurut ini, kehilangan cara hidup beragama dan sekatan beragama di khalayak umum telah menjurus kepada krisis dalam makna dan orientasi. Ciri-cirinya termasuk kekosongan dalaman (*inner emptiness*) yang meluas, iaitu nihilisme etika dan kejatuhan nilai-nilai dengan ketara. Ada hujah akan perlunya reformasi spiritual-agama dan penciptaan cara hidup sosial yang baru, yang mana akan menyelesaikan krisis spiritual dan mengisi kekosongan etika-agama. Di sini, dan banyak tempat lain, hujah budaya meta-ekonomi dan halatuju sosio-kritikal ordoliberal nampak jelas.²⁰

Esei Eucken pada tahun 1938 yang bertajuk *Die Überwindung des Historismus* (*Penaklukan Historisme*) membawa kepada perbincangan rapi tentang krisis sosial dan mengaitkannya dengan baik pemahaman Kantian tentang kebebasan dan rasionalisme. Eucken menunjukkan keserasian jelas dengan tradisi Pencerahan apabila membawa pertikaian ini kepada historisisme dan mengkritik irrasionalisme yang diwakilinya. Serangan Eucken tertumpu khusus pada penyokong historisisme, seperti Sombart, Gottl-Ottlilienfeld dan Spann, yang membawa ideologi

16 Rujuk Kant (1977b).

17 Rujuk Kant (1987).

18 Rujuk Böhm (1950), hlm. XXXV.

19 Rujuk Eucken (1932a), Eucken (1932b), Eucken (1948) dan biografi beliau.

20 Rujuk Eucken (1926), Eucken (1932a), Eucken (1932b), Röpke (1942/1948).

romantis, fatalistik, dan deterministik. Eucken menentang keras usaha untuk merelatifkan pengertian tentang kebenaran, kenisbian pengetahuan dan bahaya terhadap sains yang akan kehilangan fungsi daya susun dan kreatifnya (tuduhan relativisme). Selanjutnya, beliau mengkritik skeptisisme dan kesangsian sesetengah historikus terhadap nisbah itu (tuduhan irrationalisme).²¹

Marilah kita kembali kepada pemahaman sebenar Eucken tentang kebebasan. Ianya tidak, sepertimana selalunya diperkatakan, sekadar sesuatu yang negatif berdasarkan hak-hak defensif (untuk: *Abwehrrechte*) dan mengabaikan prestasi hak-hak positif (untuk: *Leistungsrechte*); sebagaimana yang akan kami jelaskan, ianya banyak juga berkait dengan positif atau kebebasan sebenar.

Kebebasan – menurut Eucken – adalah bahagian kepada kewujudan manusia: “Tanpa kebebasan, tanpa perilaku individu yang spontan, manusia bukanlah ‘manusia’”.²² Kebebasan berkait rapat dengan kemanusiaan, martabat manusia dan keadilan sosial.²³ Tambah lagi, kebebasan bukanlah tiada batasan ataupun sesuatu yang anarki; kebebasan individu terbatas apabila ruang kebebasan lain bermula.²⁴ Sebab itulah bagi Eucken, kebebasan mestilah sentiasa diiringi dengan rasa tanggungjawab yang menyeluruh terhadap diri dan terhadap yang lain (tanggungjawab individu dan sosial).²⁵ Akhirnya, kebebasan bukan sahaja terbatas dalam ekonomi. Kebebasan juga relevan dalam konteks politik, dengan maksud sebenar hak asasi manusia²⁶ dan berkait rapat dengan istilah martabat manusia – nilai utama ordoliberal. Kebebasan ekonomi dipasangkan dengan kedaulatan pengguna dan andaian “koordinasi” pelan individu tentang pasaran dan bukannya “subordinasi” (autoritarian).²⁷ Ideal ekonomi, liberal yang mana menjadi asas kepada idea ini, melibatkan kebebasan hak istimewa, tidak mendiskriminasi, dan juga kedaulatan undang-undang, hak bersama, dan has asasi manusia.

Selalunya, Eucken (dan kebanyakan penyokong Ordoliberalisme) dituduh memutlakkan ekonomi dan tidak memenuhi “kemampuan pasaran ekonomi untuk berfungsi” (*Zweck-/ Lebensdienlichkeit der*

21 Eucken (1952/2004), hlm. 340 *et seq.*

22 Eucken (1948), hlm. 73.

23 *Ibid.*, hlm. 73.

24 Kant (1977a), hlm. 337 *et seq.*

25 Batas etika-individu kebebasan adalah maruah manusia dan kebaikan bersama (tidak boleh dipersoal).

26 Eucken (1952/2004), hlm. 48 *et seq.*

27 *Ibid.*, hlm. 244 *et seq.*

Marktwirtschaft).²⁸ Namun, ini diatasi apabila Eucken dengan jelas menjauhkan diri daripada pengangkatan dan pemutlakan normatif aspek ekonomi²⁹ dan Eucken menggunakan mekanisme pasaran dan kompetitif secara instrumental: “Persaingan sebagai instrumen untuk menghilangkan kuasa” bukan sebagai satu tujuan, tetapi berperanan untuk memenuhi suatu tujuan, untuk menghindari struktur yang mendominasi dan memonopoli pasaran, eksploitasi dan penyalahgunaan kuasa.³⁰ Dengan itu, persaingan – dengan menghilangkan kuasa pasaran, melemahkan tumpuan pasaran dan meminimumkan tekanan imperialis – dapat berfungsi untuk membolehkan perkembangan individu yang bebas daripada perspektif ekonomi dan sosio-kebudayaan.³¹ Lebih lagi, *Prinsip Konstituen dan Kawal Atur*³² Eucken sangat bertentangan dengan pemutlakan ekonomi. Contohnya, prinsip kebebasan kontrak (*contractual freedom*) hanyalah sesuatu yang relatif, kerana kontrak menyekat persaingan dan kebebasan juga, dengan itu, tidak dapat dibenarkan. Prinsip harta persendirian memerlukan mekanisme kawalan seperti prinsip persaingan dan liabiliti. Ia senantiasa dirangkumkan di dalam pasaran yang berbentuk persaingan penuh. Selanjutnya, pemiliknya mempunyai kewajipan sosial dan kemasyarakatan.

Meskipun begitu, prinsip kawal atur adalah berkaitan dengan pengubahsuaian sederhana kepada hasil pengagihan dalam proses pasaran (sekiranya kegagalan pasaran timbul), atau lebih tepat lagi konfigurasinya yang diterima masyarakat (perlaksanaan cukai progresif pendapatan berdasarkan prestasi (*Leistungsfähigkeitsprinzip*) dan, mungkin perlu, wujudnya satu had minima yang mengawal seperti gaji minima). Persaingan dapat menghalang penumpuan kuasa pasaran; dan pasaran berbentuk persaingan penuh dapat menempatkan kepentingan peribadi untuk kebaikan umum. Sistem kompetitif Eucken (*Euckenite competitive system*) adalah sistem yang membawa kemakmuran, dan juga membawa nilai kebebasan dan kemasyarakatan. Walaupun Eucken turut menyentuh peranan kesatuan sekerja sebagai sebahagian *Spezielle Sozialpolitik* (*Special Social Policy*)³³ dan pentingnya penentuan bersama, hak-hak pekerja

28 Cf. Ulrich (1997/2008).

29 Eucken (1938), hlm. 81.

30 Böhm/Eucken (1948),. P. XI.

31 Bagi Eucken, (Pemudahcara) kebebasan dan (pencegahan) kekuasaan adalah dua sisi bagi syiling yang sama.

32 Eucken (1952/2004), hlm. 254 *et seq.* dan hlm. 291 *et seq.*

33 Malangnya Eucken tidak berjaya untuk menyiapkan penulisanannya tentang *special social policy* akibat kematian beliau yang tidak dijangka pada tahun 1950. Bab ini masih lagi dalam fragmen ketika zaman hidupnya dan kemudiannya disiapkan oleh isterinya dan salah seorang muridnya selepas kematian beliau.

dan sistem keselamatan sosial, tetapi fokusnya masih lagi atas prinsip subsidiariti; ertinya, sebelum bermula campurtangan kerajaan, ia bergantung pada inisiatif sendiri, bantu diri dan tanggungjawab peribadi bagi individu dan komuniti (bantuan komunal kejranaan); hanya selepas itu barulah sistem keselamatan sosial boleh campurtangan dan, langkah-langkah bantuan daripada kerajaan atau masyarakat hanya sebagai langkah terakhir.

Seperti yang kita perhati, adalah menjadi kewajipan kepada *Prinsip Konstituen dan Kawal Atur* dan juga *Asas Dasar Ekonomi* berperanan untuk mencapai suatu tujuan, untuk mempertahankan kebebasan dan kesemuanya harus bertindak untuk menghilangkan kuasa kumpulan-kumpulan yang mempunyai kepentingan sosio-ekonomi dan juga bertindak membangunkan polisi kawal atur bukannya ‘process policy’ (untuk: *Ordnungs- anstelle von Prozesspolitik*).³⁴ Campurtangan kerajaan dalam aspek ekonomi, yang mana tidak mematuhi mekanisme pasaran, haruslah dielakkan (kriteria bagi kepatuhan kepada pasaran). Kerajaan harusnya membatasi diri hanya kepada polisi kawal atur, iaitu pembentukan (struktur) kawal atur. ‘Process policy’ ditolak atas asas berikut: ianya arbitrari, selektif, ad hoc dan paternalistik. Tambah lagi, ia berdasarkan kepentingan kelompok dan budi bicara dalam membuat keputusan terlalu banyak bergantung pada kelompok yang berkuasa (tidak demokratik, tidak sah) maka terlalu banyak peluang untuk memenuhi kepentingan tertentu melalui pengaruh terhadap legislatif dan eksekutif. Kesudahannya, ini hanya membolehkan mereka berfungsi secara tidak adil, dan melenyapkan kebebasan dan kemakmuran. Kerajaan ordoliberal yang “kuat” diperlukan, kerajaan yang kuat dan bebas, kerajaan yang ditadbir melalui kedaulatan undang-undang, kerajaan yang tidak berkepentingan, dan kerajaan yang menghalang penumpuan kuasa pasaran dan syarikat-syarikat yang mendominasi pasaran.³⁵

34 Eucken (1952/2004), hlm. 334 *et seq.*

35 Adam Smith juga menentang monopoli, kartel-kartel dan kelebihan sosial yang eksklusif. Beliau mengkritik kerajaan yang lemah, yang boleh didominasi oleh kelompok-kelompok berkepentingan, dan menyebabkan peningkatan egoisme kelompok. Beliau khususnya mengecam tindakan eksklusif, diskriminasi, partikularisme, penyelewengan kuasa tersembunyi dan separa awam, begitu juga tindakan rawak, ad hoc dan, jurispruden dan pembuatan dasar mengikut kes per kes, yang mana boleh dikaitkan dengan penganugerahan hak istimewa. Sama seperti Eucken, Smith juga menegaskan struktur berper lembaga dan penimbang taranya, dan juga kepentingan untuk menegakkan pasaran yang bebas dan kompetitif dan kedaulatan undang-undang bagi membatasi struktur-struktur pasaran. Mekanisme-mekanisme kawalan institusi adalah penting dalam percubaan untuk membatasi penumpuan dan juga penyelewengan kuasa. Kriteria asas, yang ditetapkan bagi mengukur urus tadbir yang baik, adalah termasuk tidak menyalahbelahi mana-mana pihak (im-

Sehubungan dengan ini, kritik Eucken terhadap intervensionisme kerajaan dan kerajaan yang intervensionis juga perlu disentuh, yang mana lagi sekali menunjukkan jelas pendirian beliau yang anti-totalitarian.³⁶ Eucken mengkritik “kekuasaan yang dipegang oleh kerajaan yang [totalistik], meluas, moden, industrial, teknologikal” dan “keunggulan kerajaan berekonomi [intervensionis dan tertumpu (untuk: *Vermachtung*³⁷)]”. Hubungan antara politik dan kekuasaan ekonomi, iaitu ekonomi yang dipolitikkan dan politik yang diekonomikan, akan meningkatkan bahaya penyalahgunaan kuasa. Tambah lagi, ia bertentangan dengan idea utama Kant. Menurut Eucken: “Kerajaan menyelia dan mengawal aktiviti harian ekonomi dan ia [...] mengawal sebahagian atau keseluruhan jentera ekonomi. Manusia hanyalah serpihan kecil daripada jentera ekonomi yang tidak bernama [...]. Individu menjadi benda dan bukan lagi seseorang. Jentera tersebut adalah satu tujuan dan manusia adalah kaedahnya”.³⁸ Di sini, dan juga tempat lain, sokongan Eucken terhadap liberalisme politik menjadi jelas. Beliau berusaha untuk mempertahankan privasi dan kebebasan individu daripada campurtangan kerajaan dan perampasan kolektif. Beliau bertanya: “Apakah bentuk pengawalan yang menjanjikan kebebasan? Apakah bentuk yang juga dapat menegahkan penyalahgunaan kebebasan? [...] Adakah ia mungkin untuk mencipta satu sistem ekonomi, di mana manusia bukan sekadar untuk mencapai sesuatu, bukan sekadar sebahagian daripada jentera?”³⁹ Jawapannya, yang dibentangkan Eucken sendiri, sudah tentunya, ialah dasar persaingan ordoliberal.

parsial), kesejahteraan, dan kebolehan untuk mencapai konsensus dan kepatuhan. Masalah utamanya adalah partikularisme dan sikap berat sebelah, bukannya pencarian kepentingan peribadi di dalam atau daripadanya. Sasarannya mestilah untuk menghasilkan peraturan-peraturan yang jelas pernyataannya, perinci, ketara dan boleh dikuatkuasa secara universal. Ia penting untuk mempunyai kehakiman dan legislatif yang seboleh mungkin neutral dan objektif, yang menghadkan ruang membuat keputusan oleh kelompok-kelompok yang berkuasa (rujuk Klump/Wörsdörfer (2010)).

36 Untuk pendapat yang bertentangan daripada itu, rujuk Haselbach (1991) (“*Autoritärer Liberalismus*” (Authoritarian Liberalism)), Ptak (2004) dan Ptak (2007).

37 Rujuk Eucken (1932b).

38 Eucken (1948), hlm. 74.

39 *Ibid.*, hlm. 77.

Perbincangan: Eucken vs. Kant

Sama seperti Kant, Eucken juga berbincang sekitar persoalan kebebasan, kuasa dan peraturan, atau undang-undang. Menurut Eucken⁴⁰, terdapat tiga kali ganda ancaman sosio-ekonomi terhadap kebebasan: Daripada kuasa persendirian melalui pengeluar-pengeluar, daripada kuasa separa awam melalui kolektif sosial dan daripada kuasa pemerintah. Dengan menggunakan undang-undang dan sistem yang kompetitif (iaitu melalui Asas Dasar Ekonomi dan Prinsip Konstituen dan Kawal Atur), ianya mungkin untuk mengelakkan senario-senario ancaman yang disebut awal tadi – bahaya berterusan daripada penyalahgunaan kuasa dan “anarki berkumpulan”⁴¹ – dan ianya dapat untuk menjamin kebebasan individu. Dengan itu, idea kebebasan dalam undang-undang berperanan untuk melindungi individu daripada tindakan orang lain. Momen Kantian terkait dengan pencegahan kuasa (iaitu menghadkan kuasa sosio-ekonomi dan kuasa kerajaan) dan mudah-cara kebebasan.⁴²

Selanjutnya, kita boleh lihat persamaan antara Eucken dan Kant dalam pandangan mereka terhadap kemanusiaan, pemahaman mereka terhadap kebebasan dan autonomi, dan definisi mereka tentang kebebasan. Bagi mereka, manusia berperanan untuk dirinya sendiri; manusia bukannya berperanan untuk tujuan lain, dan dalam keadaan apapun, manusia tidak boleh dieksploitasi. Ini merujuk pada Rumusan Kedua Imperatif Kategorikal, Formula Matlamat Akhir.⁴³ Eucken – dengan beberapa rujukan daripada Kant – sentiasa menekankan kepentingan kematangan dan autonomi, dan juga rasionalisme Kant, khususnya penentangan beliau terhadap historisisme dan ketika menyerangnya dengan irrasionalisme dan penisbian kebenaran.⁴⁴ Marilah kita amati definisi Eucken terhadap kebebasan, yang mana agak mirip dengan takrif daripada Kant. Eucken menulis: “Sebagaimana kerajaan ditadbir dengan kedaulatan undang-undang, sistem yang kompetitif seharusnya membentuk satu rangka, di mana pencarian bebas individu dibatasi oleh ruang kebebasan orang lain, justeru mewujudkan kebebasan seimbang antara manusia. Hakikatnya, keinginan untuk dasar yang kompetitif berkait rapat dengan keinginan untuk kebebasan.”⁴⁵ Di sini, dinyatakan bahawa kebebasan individu

40 Ibid., hlm. 74; Eucken (1952/2004), hlm. 177.

41 Rujuk Eucken (1952/2004), hlm. 79 dan Eucken (2001), hlm. 16.

42 Rujuk Kant (1977a).

43 Eucken (1948), hlm. 76 *et seq.*

44 Rujuk Eucken (1938).

45 Eucken (1949), hlm. 27.

harus dipertahankan daripada (penyelewengan) kuasa persendirian dan kerajaan melalui kedaulatan undang-undang, *Asas Dasar Ekonomi* Eucken dan *Prinsip Konstituen dan Kawal Atur* beliau. Eucken juga menulis: “Ruang ini harus didukung oleh undang-undang. [...] Sebagaimana seseorang yang sebahagian daripada sistem ini, yang tidak akan menolak kebebasan diri, dia juga tidak boleh menyalahi ruang kebebasan orang lain. Ruang kebebasan yang lain membatasi ruangnya. Dengan mengambil kira ruang kebebasan ini, seseorang dapat mengamalkan kemanusiaan. Sekiranya difahami dengan betul kebebasan, kemanusiaan dan undang-undang berkait sangat rapat sesama lain dan tidak boleh dipisahkan.”⁴⁶ “Kerajaan ditadbir dengan undang-undang. [...] Dengan itu, ia seharusnya mengiktiraf kebebasan dan hak-hak [...] warganegara dan melindungi kesemuanya. [...] Justeru, kerajaan yang ditadbir dengan kedaulatan undang-undang seharusnya melindungi hak-hak warganegaranya daripada dua pihak: daripada kuasa badan-badan kerajaan [yang tidak menentu], yang mempunyai [...] kecenderungan mencero bohi kebebasan peribadi, atas dakwaan menjaga kepentingan awam; dan ancaman daripada warganegara ke atas warganegara lain [pencerobohan daripada individu terhadap ruang kebebasan individu yang lain]”.⁴⁷

6. PERANAN DAN NILAI KEMANUSIAAN SISTEM EKONOMI

Dari perspektif etika ekonomi, Eucken menimbulkan satu soalan yang menarik: Bagaimana mungkin untuk mencapai sistem sosio-ekonomi yang berfungsi serta manusiawi (bebas, adil dan saksama)?⁴⁸ Objektifnya adalah untuk mengatasi dilema atau tujuan yang bertentangan antara kecekapan dan prestasi sesuatu ekonomi, di satu sisi, dan di sisi lain untuk keadilan sosial serta kesaksamaan sistem sosio-ekonomi. Eucken

46 Eucken (1952/2004), hlm. 176. rujuk takrifan Kant terhadap kebebasan (Kant (1997a), hlm. 337 *et seq.*): “Undang-undang adalah contoh terbaik untuk keadaan tersebut, di mana keinginan seseorang dapat berdamai dengan yang lain menurut undang-undang kebebasan yang universal.” [...] Maka, undang-undang universal tersebut: bertindak secara luaran supaya pernyataan keinginan kamu dapat wujud bersama dengan kebebasan orang lain ...” Id.: hlm. 345: “Kebebasan (tanpa paksaan sesiapa), menurut undang-undang universal, hanya selagi mana ia dapat wujud bersama dengan kebebasan orang lain, hanya satu-satunya hak tulen yang wujud untuk setiap manusia yang berdasarkan tahap kemanusiannya” (hlm. 345); untuk takrifan kebebasan yang serupa, rujuk: Smith (1978), hlm. 8 dan Smith (1976a), hlm. 324 dan hlm. 687.

47 Eucken (1952/2004), hlm. 48.

48 *Cf.* Eucken (1952/2004), hlm. 14, hlm. 166 dan hlm. 369 dan Eucken (1950/1965), hlm. 239 *et seq.*

mengeluarkan hujah dua-peringkat, seperti Adam Smith: Beliau menawarkan hujah kecekapan dan peruntukan, dan juga hujah etika bagi sistem ekonomi kompetitifnya yang ideal. Beliau berusaha mengatasi keutamaan etika (Integrasi Ulrich *Wirtschaftsethik*, iaitu *Integrative Economic Ethics*) dan keutamaan ekonomi (*Moralökonomik* Homann, iaitu *Moral Economics*), dengan berpandukan pada dua keperluan ke arah ekonomi pasaran yang kompetitif, yang mana berpaksikan sosial.

Sistem ekonomi mestilah berupaya untuk menghadapi sebaiknya kemelesetan ekonomi, untuk memenuhi keperluan asas dan membekalkan barangan asas ekonomi kepada populasi. Kriteria fungsi ekonomi adalah menawarkan asas kepada kehidupan yang “manusiawi” (Eucken) dan “kehidupan politik”⁴⁹, di mana “berkhidmat untuk kemanusiaan” (untuk: *Lebensdienlichkeit* (Ulrich)). Dalam kata lain, ia mewujudkan syarat-syarat materialistik bagi kehidupan merdeka yang bebas dan berautonomi dan perkembangan personaliti yang intelektual (tidak materialistik).⁵⁰ Ini merujuk kepada aspek luaran, bukannya kriteria meta-ekonomi kepada keteraturan sosial yang manusiawi.

Walaupun Eucken sedar akan saling kebergantungan dan kesalingan kedua kriteria itu⁵¹: Eucken tidak mengutamakan kriteria tersebut; atau lebih tepat lagi, terdapat keutamaan terbatas untuk beliau. Tentunya ada akibat daripada kestabilan dan kesepaduan sosial daripada keteraturan yang adil dari segi *Tausch-* dan *Verteilungsgerechtigkeit*, yang mempengaruhi fungsi sistem ekonomi tersebut. Perlu juga ditambah bahawa kategori ekonomi yang kompetitif berdasarkan merit dan keteraturan kompetitif haruslah dilihat hanya berperanan untuk mencapai suatu tujuan. Ia berperanan sebagai instrumen untuk merealisasikan kebebasan individu dan mencapai martabat manusia untuk setiap individu. Dengan itu, persaingan difafsirkan dalam Sekolah Freiburg sebagai instrumen untuk menghilangkan kuasa dan kawalan. Semua hujah ini menentang pemutlakan ruang ekonomi yang satu pihak, dan sebaliknya berhujah ke arah “kemampuan ekonomi pasaran yang berkhidmat untuk kemanusiaan” (untuk: *Zweck-/Lebensdienlichkeit*), sebagaimana disyaratkan oleh Ulrich (1997/2008).

49 Rüstow (1955), hlm. 53 *et seq.*

50 Eucken (1952/2004), hlm. 48, hlm. 125 dan hlm. 130 *et seq.*

51 Rujuk Eucken (1952/2004), hlm. 370 *et seq.*: “Es ist aber nur die eine Seite der Wettbewerbsordnung, daß sie auf die Durchsetzung der ökonomischen Sachgesetzlichkeit dringt. Ihre andere Seite besteht darin, daß hier gleichzeitig ein soziales und ethisches Ordnungswollen verwirklicht werden soll. Und in dieser Verbindung liegt ihre besondere Stärke. Den rein sozial-ethisches Wollen ohne Verbindung mit der ökonomischen Sachlogik ist ebenso ohnmächtig, wie andererseits die wirtschaftliche Sachlogik nicht zur Auswirkung kommt, wenn nicht ein soziales Ordnungswollen die Gestaltung der Formen beeinflusst?”.

Justeru itu, dua kriteria Eucken boleh diambil sebagai idea kebebasan positif; berbeza dengan kebebasan formal atau negatif (hak-hak membela), pelaksanaan kebebasan yang sebenar atau kebebasan yang positif (hak-hak perlakuan) memerlukan keadaan material yang tertentu. Ini semua disebut oleh Eucken apabila beliau menyeru kepada sebuah keteraturan ekonomi yang berfungsi. Seterusnya, dasar persaingan iaitu Suruhanjaya Monopoli dan Penggabungan (*Monopolies and Mergers Commission*) dan pejabat anti monopoli (*antitrust office*) adalah amat penting dalam perihal ini⁵²: Kerana, hanya dengan bantuan daripada keteraturan yang kompetitif dan lembaga mekanisme kawalan yang berbeza, barulah kuasa kebebasan yang ideal dapat diwujudkan dan, seterusnya, kebebasan (yang positif) dapat dicapai.

7. KESesuaIAN ANTARA KEHENDAK PERIBADI DAN KEBAIKAN UMUM

Persoalan mengenai kesesuaian kehendak peribadi dan kebaikan umum adalah antara isu yang paling kerap diperdebatkan dalam ekonomi dan etika. Dalam banyak-banyak isu lain, Eucken juga turut membincangkan isu ini dalam bukunya *Grundsätze der Wirtschaftspolitik (Principles of Economic Policy)*⁵³. Fokusnya ialah terhadap peringkat keinstitusian-etika (formal). Eucken menulis (hanya) sistem ekonomi (yang kompetitif) dapat menjamin keharmonian perhubungan antara individu dan kepentingan umum⁵⁴ dan (hanya) persaingan mempunyai kuasa untuk mengawal egoisme.⁵⁵ Kepercayaan beliau terhadap apa yang dikatakan Smith sebagai “tangan ghaib” untuk menyelesaikan potensi konflik antara kehendak peribadi dan kebaikan umum adalah agak terbatas: “‘Tangan Ghaib’ tidak boleh terbentuk dengan sendirinya, yang mana menyelaraskan kepentingan individu dan awam. [...] Tugas dasar ekonomi adalah untuk membimbing kuasa-kuasa ini, yang terhasil daripada kepentingan peribadi, ke arah yang dapat menjurus kepada kebaikan bersama, jadi kepentingan individu harusnya dikoordinasi dengan munasabah”.⁵⁶ Beliau meneruskan: “Dalam pendapat [Kant], peranan kerajaan adalah untuk mencari satu bentuk, di mana [...] terdapat kedua-dua perkara iaitu kewujudan bersama dan ruang seluas mungkin

52 Eucken (1952/2004), hlm. 291 *et seq.* dan Eucken (2001).

53 Eucken (1952/2004), hlm. 350 *et seq.*

54 *Ibid.*, hlm. 368.

55 *Ibid.*, hlm. 365.

56 Eucken (1952/2004), hlm. 360.

bagi individu untuk mengembangkan kuasa sendiri. Kebebasan mutlak dalam keadaan semulajadinya harus dibatasi dengan undang-undang, yang melindungi individu daripada tindakan tidak menentu individu lain. Namun, di sudut lain, usaha bebas orang ramai, yang bersaing sesama lain, dapat menggalakkan hidup bermasyarakat”.⁵⁷

Namun, sekiranya kita melihat tulisan Eucken, khususnya karya sosio-agama⁵⁸ dan krisis⁵⁹ beliau, jelas bahawa Eucken tidak hanya bergantung pada kerangka institusi etika dan ordoliberal; tetapi, beliau juga percaya bahawa etika di peringkat keinstitusian haruslah dilengkapi dengan etika di peringkat individu (etika individu atau kebaikan).⁶⁰ Petikan berikut menggambarkan perkara ini: “Sistem keseluruhan seharusnya direka supaya manusia dapat hidup dengan berpandukan prinsip-prinsip etika”.⁶¹ Peringkat etika individu ini, setakat ini, telah jauh terlepas pandang dalam akademia (fokusnya jelas terhadap keinstitusian etika Eucken). Oleh itu, adalah kelihatan baik untuk bincangkan peringkat ini dengan lebih teliti dan mencari kesamaan di antara pemikir ordoliberal yang lain, contohnya Rüstow, Röpke (dan Müller-Armack).

Peringkat etika individu dalam karya Eucken boleh didapati dalam dua bentuk: Pertamanya, dalam *bentuk Kantian* (individu sebagai asal-usul merujuk kepada pemahaman Kant terhadap kebebasan dan autonomi, dan imejnya terhadap kemanusiaan⁶²) dan, keduanya, sebuah *bentuk sosio-agama etika-individu dan komitmen-peribadi*.⁶³ Kerana pemahaman Kant tentang kebebasan dan autonomi telah disentuh dalam bab lima, kita hanya akan menyentuh secara ringkas sahaja bentuk sosio-agama etika individu dan komitmen peribadi. Ini berkait rapat dengan pemahaman Eucken tentang agama. Sebagai ahli Confessional Church, Eucken sentiasa menekankan nilai-nilai Kristian, terutamanya solidariti dan kasih

57 Ibid.

58 Rujuk Eucken (1932a).

59 Rujuk Eucken (1926) dan Eucken (1632b).

60 Menarik apabila, Kant membuat pembezaan yang sama antara etika individu dan institusi, pembezaan antara *Rechts-* dan *Tugendpflichten* (kewajipan berkanun dan kewajipan moral), ataupun lebih tepat antara *Legalität* dan *Moralität* (Perundangan dan Moraliti) (rujuk Kant (1977a), hlm. 318 *et seq.*).

61 Eucken (1952/2004) hlm. 199 dan hlm. 370 *et seq.*

62 Di sini, ia merujuk kemanusiaan (yang tidak boleh dipertikai) dan kebaikan bersama sebagai sempadan etika-individu kepada kebebasan.

63 Kami tidak dapat untuk menjawab di sini sama ada pemahaman Eucken terhadap kebebasan itu berkait atau tidak dengan tanggungjawab dan keterikatan beliau terhadap agama. Berbaloi untuk dikaji perhubungannya yang tegang dalam ‘etika individu Eucken’, iaitu perasaan belah bahagi terhadap agama dan kebebasan rasional, individualistik.

terhadap jiran. Beliau juga menekankan keperluan terhadap reformasi etika-agama.⁶⁴ Agama secara umum, dan khususnya gereja-gereja Kristian berperanan penting dalam kerjasama dan kepaduan sosial. Dalam *Grundsätze der Wirtschaftspolitik (Principles of Economic Policy)* beliau, Eucken membincangkan bahawa agama dan gereja-gereja Kristian sebagai kuasa pengawalan atau aturan yang berpotensi – selain sains (ekonomi) dan kerajaan.⁶⁵ Dalam *Volkswirtschaftsfibel*” (*Economic Handbook*), yang mana ditulis bersama oleh Eucken, von Dietze dan Lampe, jelas bahawa Eucken bukan sahaja berusaha untuk sistem ekonomi dan sosial pasca-perang yang ordoliberal, tetapi juga satu ordoliberal yang berdasarkan Kristian. Pemahamannya terhadap agama, yang mana bersifat separa individualistik dan rasional⁶⁶, dilengkapi oleh kata-kata daripada autobiografi beliau (“Aku tidak akan wujud atau bekerja, sekiranya aku tidak tahu akan kewujudan Tuhan”⁶⁷) dan pemahaman agama Rudolf Eucken, juga fenomenologi Husserl, yang mana mereka rapat secara peribadi dengan Eucken.

Keselarian yang jelas dengan Adam Smith⁶⁸ harus diberi perhatian, kerana Smith juga berusaha untuk membina dua perkara ini, yang *formal*, iaitu institusi etika dan kawalan dan peraturan, dan juga yang *tidak formal*, iaitu etika-individu.⁶⁹ Bagi Smith, mekanisme kawalan yang formal

64 Rujuk Eucken (1926).

65 Eucken (1952/2004), hlm. 347 *et seq.*

66 Rujuk Eucken (1932).

67 Disebut dalam: Lenel (1991).

68 Terdapat keselarian yang lanjut antara Eucken dan Smith dengan kefahaman Kantian terhadap autonomi dan kebebasan (iaitu emansipasi dan pencerahan terhadap populasi, mengawal minoriti; kebebasan difahami sebagai autonomi yang memerlukan undang-undang berperlembagaan, ekonomi pasaran dan dasar pendidikan) dan juga pemahaman terhadap keadilan (fokusnya terhadap keadilan komutatif (keadilan berkontrak dan keadilan tukar ganti (untuk: “*Vertrags- und Tauschgerechtigkeit*”), tidak lupa “*Regel- dan Verfahrensgerechtigkeit*” bukannya “*Ergebnis- atau Endzustandsgerechtigkeit*” (iaitu keadilan yang terakhir), yang menekankan pada prinsip kesaksamaan, balasan dan layanan sama rata/tidak diskriminasi; namun, hanya pertimbangan terhad untuk keadilan teragih). Akhirnya, kedua-dua Eucken dan Smith menekankan kepada kedaulatan pengguna, persaingan atas merit dan campurtangan untuk kelas sosial yang lebih rendah, ataupun boleh disebut sebagai solusi terhadap persoalan-persoalan sosial.

69 Perbezaannya adalah Smith yang memandang remeh terhadap kepentingan tahap keinstitusian-etika dan pengabaian beliau terhadap peraturan yang dibentuk secara sedar dan sistematik. Sementara Smith lebih kerap menegaskan tahap etika individu dan kebaikan beretika, Eucken pula (lebih) peka terhadap keperluan keinstitusian etika (pelengkap). Atas sebab ini, Eucken lebih menggariskan kepentingan kaedah-kaedah sekatan berdasarkan berperlembagaan dan tahap ordoliberal terhadap penggubalan dasar ekonomi (rujuk Klump/Wörsdörfer (2010)).

melibatkan usaha persaingan yang formal (kontrak-kontrak, pertukaran pasaran, dan lain-lain) dan penggubalan undang-undang; kawalan-kawalan informal mengandungi kemampuan individu-individu untuk berempati (konsep simpati oleh Smith), jumlah pemerhati yang tidak berat sebelah dan norma-norma sosial yang tidak formal (tekanan daripada khalayak umum). Seterusnya, kedua-dua Eucken dan Smith membezakan antara kepentingan peribadi dan egoisme: Smith membezakan antara egoisme dan cinta-diri, manakala Eucken berbicara tentang egoisme dan prinsip ekonomi (pengurusan sepatutnya dengan kemelesetan sosio-ekonomi).⁷⁰ Kedua-duanya menolak egoisme yang tidak terkawal. Pemikir ordoliberal yang lain juga memberi amaran tentang “keliaran” ekonomi.⁷¹ Seperti mana diperkatakan Smith, bagi beliau usaha berkepentingan peribadi haruslah sentiasa dijustifikasi melalui kacamata pemerhati yang bebas, begitu juga Rüstow, Röpke dan Müller-Armack yang menuntut ordoliberalisme normatif yang tertanam meta-etiknya, ataupun lebih tepat kita kenali ia sebagai Ekonomi Pasaran Sosial. Paling tidak kurang, ini adalah kaitan jelas kepada ‘kesaling-gantungan aturan’ Eucken, iaitu integrasi sistem ekonomi tersebut di dalam masyarakat yang meta-ekonomi.

Ia sangat jelas bahawa *‘plays of the game’* di dalam *‘rules of the game’* bukanlah amoral (untuk: *moralfrei*), seperti yang diperkatakan oleh Homann dan lain-lain⁷²; dan terminologi Ekonomi Moral Homann yang selebihnya, iaitu kedudukan sistematik moral bukanlah hanya eksklusif kepada struktur kawal-atur⁷³, tetapi juga kepada etika individu!

Akhirnya, krisis kewangan semasa telah menunjukkan bahawa peringkat keinstitutional-etika sahaja tidak dapat untuk memberi perlindungan daripada salah laku individu dan institusi. Ia harus dikembangkan supaya dapat melibatkan komitmen peribadi pada peringkat etika-individu dan etika-korporat. Disebabkan kapasiti pengantara pasaran kewangan yang inovatif, juga kerana produk kewangan yang sangat rumit (dan tidak jelas), begitu juga akibat kekurangan pakar, badan-badan yang mengawal selia hanya mampu untuk bertindak balas terhadap *ex post*, bukannya *ex ante*, dan mereka juga tidak dapat untuk menduga trend-trend tertentu (masalah jeda masa). Dengan itu, persoalan sebegini timbul: sejauh mana komitmen peribadi etika-individu dapat direalisasikan, contohnya,

70 Rujuk Recktenwald (1985), hlm. 112 et seq. dan hlm. 380 et seq.

71 Rujuk Eucken (1952/2004), hlm. 350 et seq. dan Eckstein (1985) hlm. 124.

72 Röpke (1937/1946), hlm. 287.

73 Homann/Blome-Drees (1992), hlm. 35.

seperti dengan kelakuan pelabur di peringkat etika-korporat, adakah ia akan wujud dalam bentuk kod etika? Etos kepada pengurus bank atau peniaga yang mulia boleh diambil sebagai pendekatan pertama, yang mana memberi kesan terhadap kedua-dua etika-individu dan juga etika-korporat.

8. PENUTUP

Relevansi ordoliberalisme bukan sahaja terbatas pada perdebatan metodologikal di sekitar *Neuen Methodenstreit der Ökonomik* (Perdebatan terbaru terhadap kaedah-kaedah dalam ekonomi), tetapi ianya juga amat relevan di ambang krisis kewangan. Bahkan daripada perspektif etika-ekonomi, Ordoliberalisme Eucken dapat menawarkan banyak nilai-nilai inovatif (tidak lapuk). Khususnya, perihal dua kriteria beliau, yang mana harus dicapai oleh sistem ekonomi dan sosial: nilai fungsinya dan kemanusiaan. Sasaran yang amat diingini ini adalah sentiasa untuk membina dan melaksana keteraturan etika yang normatif, yang mana terikat kepada asas prinsip kemanusiaan dan keadilan. Kita juga harus menyebut bahawa usaha untuk mencapai kesesuaian di antara kepentingan peribadi dan kebaikan umum melalui etika institusi dan individu (penyaluran kepentingan peribadi melalui etika individu dan institusi). Seterusnya, ordoliberalisme juga mencetuskan perbahasan di sekitar etika ekonomi untuk dunia Jerman moden – paling tidak dari sudut perkaitan Walter Eucken dengan Moral Ekonomi, juga dengan Etika Ekonomi Bersepadu. Hasil kerja Eucken dapat mengurangkan ketegangan yang dialami oleh etika ekonomi Jerman. Justeru, beliau boleh bertindak sebagai perantara yang berwibawa di antara Homann dan Ulrich.

RUJUKAN

- Böhm, Franz (1950): *Die Idee des ORDO im Denken Walter Euckens*, dalam: *ORDO*, vol. 3, blm. XV-LXIV.
- Böhm, Franz (1971/2008): *Freiheit und Ordnung in der Marktwirtschaft* dalam: *Grundtexte zur Freiburger Tradition der Ordnungsökonomik*, disunting oleh Nils Goldschmidt/Michael Wohlgenuth (*Untersuchungen zur Ordnungstheorie und Ordnungspolitik*, vol. 50) – Tübingen, blm. 299-314.
- Böhm, Franz/Eucken, Walter (1948): *Vorwort. Die Aufgabe des Jahrbuchs*, dalam: *ORDO* vol. 1, blm. VII-XI.
- Dathe, Uwe (2009): *Walter Euckens Weg zum Liberalismus (1918-1934)* dalam: *ORDO*, vol. 60, blm. 53-86.
- Dietze, Constantin von et al. (1941/1942): *Volkswirtschaftsfiabel / Nationalökonomische Fiabel*; dalam: *Nachlass Popütz (BA NL 1262/87) – Bundesarchiv Koblenz*.
- Eckstein, Walter (1985): *Zur Wissenschaftlichen Bewertung der "Theorie der ethischen Gefühle"*, dalam: *Ethik, Wirtschaft und Staat. Adam Smiths politische Ökonomie heute*, disunting oleh Horst C. Recktenwald (*Wege der Forschung*, vol. 617) – Darmstadt, blm. 123-130.
- Eucken, Walter (1926): *Die geistige Krise und der Kapitalismus*, dalam: *Die Tatwelt*, vol. 2 (1/3), blm. 13-16 (mengggunakan alias Dr. Kurt Heinrich) (Cetakan semula: *Frankfurter Allgemeine Zeitung*, 31 Januari 1981, blm. 14).
- Eucken, Walter (1932a): *Religion – Wirtschaft – Staat. Zur Problematik des Gegenwartsmenschen*, dalam: *Die Tatwelt*, vol. 8(7/9), blm. 82-89.
- Eucken, Walter (1932b): *Staatliche Strukturwandlungen und die Krisis des Kapitalismus*, dalam: *Weltwirtschaftliches Archiv*, vol. 36, blm. 97-321 (Cetakan semula: *ORDO*, vol. 48, pp. 5-24).
- Eucken, Walter (1938): *Die Überwindung des Historismus*, dalam: *Schmollers Jahrbuch*, vol. 62(2) – München, blm. 62-86.
- Eucken, Walter (1940): *Wissenschaft im Stile Schmollers*, dalam: *Weltwirtschaftliches Archiv*, vol.52, blm. 469-506.
- Eucken, Walter (1942): *Der Wettbewerb als Mittel volkswirtschaftlicher Leistungssteigerung und Leistungsauslese*, dalam: *Schriften der Akademie für Deutsches Recht* 6 – Berlin.
- Eucken, Walter (1948): *Das ordnungspolitische Problem*, dalam: *ORDO*, vol. 1, blm. 56-90.
- Eucken, Walter (1949): *Die Wettbewerbsordnung und ihre Verwirklichung* dalam: *ORDO*, vol. 2, blm. 1-99.
- Eucken, Walter (1950/1965): *Die Grundlagen der Nationalökonomie*

(Enzyklopädie der Rechts- und Staatswissenschaft. Abteilung Staatswissenschaft) – Berlin et al.

- Eucken, Walter (1950/2004): *Grundsätze der Wirtschaftspolitik, di sunting oleh Edith Eucken/K. Paul Hensel (UTB 1572) – Tübingen, 2004.*
- Eucken, Walter (1999): *Ordnungspolitik, disunting oleh Walter Oswalt (Reihe Zweite Aufklärung, vol. 1) – Münster et al.*
- Eucken, Walter (2001): *Wirtschaftsmacht und Wirtschaftsordnung. Londoner Vorträge zur Wirtschaftspolitik und zwei Beiträge zur Antimonopolpolitik, disunting oleh Walter-Eucken-Archiv (Wissenschaftliche Paperbacks, vol.1. Wirtschaftswissenschaft) – Münster et al.*
- Haselbach, Dieter (1991): *Autoritärer Liberalismus und soziale Marktwirtschaft. Gesellschaft und Politik im Ordoliberalismus, Baden-Baden.*
- Höffner, Joseph (1959/2006): *Neoliberalismus und christliche Soziallehre, dalam: Joseph Höffner (1906-1987), Soziallehre und Sozialpolitik. “Der personale Faktor ...”, disunting oleh Karl Gabriel – Paderborn et al., blm. 187-196.*
- Homann, Karl/Blome-Drees, Franz (1992): *Wirtschafts- und Unternehmensethik – Göttingen.*
- Homann, Karl/Lütge, Christoph (2004/2005): *Einführung in die Wirtschaftsethik (Einführungen, vol. 3: Philosophie)- Münster.*
- Kant, Immanuel (1977a): *Die Metaphysik der Sitten, disunting oleh Wilhelm Weischedel (Subrkamp-Taschenbuch Wissenschaft, vol. 190) – Frankfurt.*
- Kant, Immanuel (1977b): *Schriften zur Anthropologie, Geschichtsphilosophie, Politik und Pädagogik, vol. 1, disunting oleh Wilhelm Weischedel (Subrkamp-Taschenbuch Wissenschaft, vol. 192) – Frankfurt.*
- Kant, Immanuel (1987): *Beantwortung der Frage: Was ist Aufklärung? – Neu-Isenburg.*
- Klump, Rainer (1997): *Wege zur Sozialen Marktwirtschaft. Die Entwicklung ordnungspolitischer Konzeptionen in Duetschland vor der Währungsreform, dalam: Studien zur Entwicklung der ökonomischen Theorie, vol. 16. Die Umsetzung wirtschaftspolitischer Grundkonzeptionen in die kontinentaleuropäische Praxis des 19. Und 20. Jahrhunderts, bahagian pertama, disunting oleh Erich Streissler – Berlin.*
- Klump, Rainer (2001): *Soziale Marktwirtschaft: Geistige Grundlagen, ethischer Anspruch, historische Wurzeln, dalam: Soziale Marktwirtschaft. Grundlagen, Entwicklungslinien, Perspektiven, disunting oleh Otto Schlecht/Gerhard Stoltenberg – Freiburg im Breisgau et al.*
- Klump, Rainer/Wörsdörfer, Manuel (2010): *An Ordoliberal Interpretation of Adam Smith, dalam: ORDO (akan datang).*
- Lenel, Hans O. (1991): *Walter Euckens Briefe an Alexander Rüstow, dalam: ORDO, vol. 42, blm. 11-14.*

- Müller-Armack, Alfred (1956): *Soziale Marktwirtschaft*, dalam: *Handwörterbuch der Sozialwissenschaft*, vol. 9, Stuttgart, oleh Erwin von Beckerath, 1956, blm. 390-392 (Cetakan semula dalam: Müller-Armack (1966): *Wirtschaftsordnung und Wirtschaftspolitik. Studien und Konzepte zur Sozialen Marktwirtschaft und zur Europäischen Integration – Freiburg im Breisgau.*)
- Nell-Breuning, Oswald von (1954/1960): *Neoliberalismus und katholische Soziallehre*, dalam: *Nell-Breuning, Oswald von: Wirtschaft und Gesellschaft heute*, vol. 3. *Zeitfragen 1955-1959 – Freiburg im Breisgau.*
- Nell-Breuning, Oswald von (1956/1960): *Die soziale Marktwirtschaft im Urteil der katholischen Soziallehre*, dalam: *Nell-Breuning, Oswald von: Wirtschaft und Gesellschaft heute*, vol. 3. *Zeitfragen 1955-1959 – Freiburg im Breisgau.*
- Nell-Breuning, Oswald von (1975/1990): *Wie sozial ist die soziale Marktwirtschaft?*, dalam: *Nell-Breuning, Oswald von: Den Kapitalismus umbiegen. Schriften zu Kirche, Wirtschaft und Gesellschaft – Düsseldorf.*
- Oppenheimer, Franz (1933): *Weder so – Noch so. Der Dritte Weg – Postdam.*
- Oswald, Walter (2005): *Liberaler Opposition gegen den NS-Staat. Zur Entwicklung von Walter Euckens Sozialtheorie*, dalam: *Wirtschaft, Politik und Freiheit. Freiburger Wirtschaftswissenschaftler und der Widerstand, disunting oleh Nils Goldschmidt – Tübingen*, blm. 315-353.
- Oswald, Walter (2008): *Offene Fragen zur Rezeption der Freiburger Schule*, dalam: *Grundtexte zur Freiburger Tradition der Ordnungsökonomik*, disunting oleh Nils Goldschmidt – Tübingen.
- Ptak, Ralf (2007): *Grundlagen des Neoliberalismus*, dalam: *Kritik des Neoliberalismus*, disunting oleh Christoph Butterwegge et al. – Wiesbaden.
- Ptak, Ralf (2004): *Vom Ordoliberalismus zur sozialen Marktwirtschaft. Stationen des Neoliberalismus in Deutschland – Opladen.*
- Recktenwald, Horst C. (1985): *Ethik, Wirtschaft und Staat. Adam Smiths Politische Ökonomie heute*, disunting oleh Horst C. Recktenwald (*Wege der Forschung*, vol. 617) – Darmstadt.
- Röpke, Wilhelm (1937/1946): *Die Lehre von der Wirtschaft*, Erlenbach-Zürich, 1946.
- Röpke, Wilhelm (1942/1948): *Die Gesellschaftskrisis der Gegenwart – Erlenbach-Zürich, 1948.*
- Rüstow, Alexander (1955): *Wirtschaftsethische Probleme der sozialen Marktwirtschaft*, dalam: *Der Christ und die soziale Marktwirtschaft*, disunting oleh Patrick M. Boorman – Stuttgart/Köln, blm. 53-57.
- Rüstow, Alexander (2001): *Der Dritte Weg*, dalam: *ders., Die Religion der Marktwirtschaft – Münster.*

- Schefold, Bertram (2004): *Vom Interventionsstaat zur sozialen Marktwirtschaft. Der Weg Alfred Müller-Armacks*, dalam: Schefold, Bertram: *Beiträge zur ökonomischen Dogmengeschichte*, disunting oleh Volker Caspari – Düsseldorf.
- Smith, Adam (1976a): *An Inquiry into the Nature and Causes of the Wealth of Nations*, disunting oleh R. H. Campbell et al. (*The Glasgow edition of the works and correspondence of Adam Smith, vol. 2*) – Oxford/New York.
- Smith, Adam (1976b): *The Theory of Moral Sentiments*, disunting oleh D. D. Raphael (*The Glasgow edition of the works and correspondence of Adam Smith, vol. 1*) – Oxford.
- Smith, Adam (1978): *Lectures on Jurisprudence*, disunting oleh Ronald L. Meek (*The Glasgow edition of the works and correspondence of Adam Smith, vol. 5*) – Oxford / New York.
- Ulrich, Peter (1997/2008): *Integrative Wirtschaftsethik. Grundlagen einer lebensdienlichen Ökonomie* – Bern.
- Vanberg, Viktor J. (2008): *Die Ethik der Wettbewerbsordnung und die Versuchungen der sozialen Marktwirtschaft* (*Freiburger Diskussionspapiere zur Ordnungsökonomik* 08/6).

ETIKA SOSIAL EMIL BRUNNER DAN PENERIMAANNYA DI KALANGAN ORDOLIBERAL

Tim Petersen

1. Catatan Awal¹

Persoalan tentang akar Kristian di dalam Ekonomi Pasaran Sosial adalah soalan yang sering ditanyakan. Banyak tulisan dengan pelbagai pendekatan terhadap soalan ini telah diterbitkan.² Suatu kemungkinan yang lebih mendalam adalah untuk menyiasat dengan lebih rinci pertembungan bapa-bapa spiritual Ekonomi Pasaran Sosial dengan ajaran sosial Katolik dan etika sosial Protestan.

Konflik di antara ajaran sosial Katolik dan neo-liberalisme mendapat tempat yang utama dalam perdebatan falsafah-sosial di Jerman Barat

1 Tulisan ini awalnya diterbitkan sebagai makalah penelitian berjudul *“Die Sozial-Ethik Emil Brunners und ihre neoliberalen Rezeption”* (Etika Sosial Emil Brunner dan Penerimaan Neoliberal). Untuk ulasan rasmi kertas ini dan nasihat mengenai isinya saya berhutang terima kasih kepada Dr Joachim Zweynert (HWWI Thuringia). Versi ini yang disemak untuk sebarang kesalahan formal oleh Pascal Klockmann (Intern di Biro Konsultasi Cukai Petersen), kepadanya saya ucapkan terima kasih.

2 Lachmann (1988) mengkaji etika ekonomi pasaran dan Kristian, melihat dua itu sebagai pelengkap. Dalam sumbangannya kemudian (2002), dia melihat lebih dekat pada latar belakang sejarah. Brakelmann dan Jähnichen (1994) mengembangkan tesis kesinambungan antara Ekonomi Pasaran Sosial dan historisisme ekonomi dan Protestanisme sosial berkaitan dari abad ke-19 akhir (hlm. 14-21), yang dalam pandangan saya bukan suatu yang bermasalah. Nutzinger dan Müller (1997) juga berbicara dalam hal kesinambungan ini (hlm. 31-32), sementara secara bersamaan cuba untuk mencari pengaruh Protestanisme dalam biografi-biografi (hlm. 34-37) dan dalam karya-karya agama-sosiologis para pengasas (hlm. 55-57), sambil terus menyiasat prinsip sosio-falsafah dasar bagi Ekonomi Pasaran Sosial (hlm. 28-53). Röser (1998) melakukan penyelidikan biografi-sejarah (hlm. 23-207) dan penyelidikan sistematik (hlm. 208-339) terhadap “Protestanisme dan Ekonomi Pasaran Sosial”, dengan menggunakan contoh Franz Böhm (1895-1977). Rieter dan Schmolz (1993) menggambarkan hubungan Sekolah Freiburg dengan perlawanan terhadap Sosialisme Nasional terinspirasi dari gereja Kristian (hlm. 103-108). Goldschmidt (2005b) kemudian menerbitkan siri karya mengenai hal ini. Dietzfelbinger (1997) meneliti sosiologi agama (hlm. 118-185) Alfred Müller-Armack (1901-1978) dan pengaruh Kristian pada konsepnya tentang Ekonomi Pasaran Sosial (hlm. 239-278).

pada tahun 1950an dan 1960an.³ Latar belakang Protestan di kalangan hampir semua ahli ekonomi liberal menimbulkan persoalan sejauh mana etika sosial Protestan dibawa masuk ke dalam diskusi.⁴ Dibandingkan dengan ajaran sosial Katolik, golongan Protestan mendapat perhatian yang kurang daripada mereka. Ahli ekonomi Ordoliberal percaya bahawa Protestantisme tidak dapat menawarkan apa-apa dalam hal ini. Kerana itu, Wilhelm Röpke, bercakap pada tahun 1944, melihat bahawa protestanisme tidak dihiraukan di bawah kepustakaan sebuah kajian yang secara sosial dan falsafahnya tandus dan yang paling teruk, tidak stabil.⁵

Daripada pengalaman lalu seseorang agak sukar untuk menerima kesimpulan Röpke.⁶ Pun begitu, dalam satu perspektif dia benar: etika sosial Protestan tidak memiliki satu bentuk ajaran yang koheren seperti mana yang ditawarkan oleh Katolik. Tambahan pula, etika sosial sudah lama tidak menjadi tunjang di dalam institusi-institusi gereja Protestan. Hal ini terpaksa dinantikan sehingga selepas Perang Dunia Kedua.⁷

Dengan latar belakang ini dalam minda kita, ia menjadi jelas mengapa, di mata Röpke, buku *Justice and The Social Order* oleh Emil Brunner (1889-1966) yang diterbitkan pada tahun 1943, mengisi “kekosongan yang wujud.”⁸ Bukan hanya Röpke, tetapi juga Walter Eucken (1891-1950) yang menyerap etika sosial Brunner. Oleh kerana itu, tujuan saya dalam teks ini adalah untuk menyajikan etika sosial Brunner dan Eucken dan reaksi Röpke terhadapnya. Untuk mencapai hal ini, saya akan meletakkan teologi Brunner dalam konteks sejarah dan memperkenalkan dirinya sendiri. Bahagian utama yang kedua akan menumpukan kepada etika sosial Brunner. Penerimaan Röpke dan Eucken terhadap Brunner akan disimpulkan di akhir kajian ini.

3 Cf. Petersen (2008)

4 Antara lain, Stefan Harris (HWW Thuringia) dan Daniel Braun (KAS Erfurt) serta Konsistori Dr Thomas Seidel (International Martin Luther Foundation) semua menunjukkan saya pada persoalan ini. Terima kasih kepada mereka untuk ini.

5 Röpke (1976), hlm. 74 (surat kepada Dr Heinrich Drosz bertarikh 29 Januari, 1944).

6 Jadi, pada tahun 1920an sekumpulan ahli ekonomi dan teologi berkumpul sekitar Paul Tillich (1886-1965) dan para sosialis religius, semua ingin melihat sintesis Kristian dan sosialisme (lih. Zahrnt (1966), pp 461-462).

Dalam bidang sosiologi agama, teologi liberal dan sahabat Max Weber (1864-1920), Ernst Troeltsch (1865-1923) membuat sebuah sumbangan penting (1922/1961). Hal ini dengan “Evangelische Wirtschaftsethik” (Protestan Ekonomi Etika) yang Georg Wunsch (1887-1964), sosialis keagamaan dan mahasiswa Troeltsch, melihat kontribusinya untuk mendapatkan pembaharuan Protestantisme.

7 Rauscher (1977/1988), hlm. 14.

8 Röpke (1976), hlm. 74 (surat kepada Dr Heinrich Droz bertarikh 29 Januari 1944).

2. LATAR BELAKANG SEJARAH DAN BIOGRAFI

2.1 Latar Belakang Sejarah

Salah satu perkara yang penting sebelum Perang Dunia Pertama adalah idea kemajuan yang dibentuk oleh historisisme dan diabadikan dalam falsafah, teologi, ekonomi teori, politik dan sistem ekonomi. Semua ini berakar daripada idealisme Jerman. Dengan falsafah sejarah Georg Wilhelm Friedrich Hegel (1770-1831), ajaran idealis mendapat satu elemen yang dinamik.⁹ Idea evolusi Hegelian juga menyerap masuk ke dalam cabang lain falsafah abad ke-19.¹⁰ Hanya dengan falsafah berpaksikan-objek abad ke-20 menyebabkan ajaran evolusi hilang kepentingan.¹¹

Situasinya mirip dengan Teologi Protestan Jerman di abad ke-19. Tokoh utama di sini adalah seorang Romantik, Friedrich David Ernst Schleiermacher (1768-1834). Idea evolusi muncul dalam pemikirannya pada titik di mana dia menafsirkan sejarah agama sebagai suatu proses progresif yang menuju kepada agama Kristian.¹² Lebih lanjut dalam abad ke-19, idea kemajuan mendapat tempat yang lebih dalam teologi.¹³

Jangkauan perkembangan ilmu ekonomi Jerman di atas garis yang sama amat menakutkan. Idea evolusi menjadi jelas dalam pemikiran Friedrich List (1789-1846).¹⁴ Idea ini terus mendominasi Mazhab Sejarah Lama (untuk: *Alte Historische Schule*).¹⁵ Gustav von Schmoller (1838-1917), pemimpin Mazhab Sejarah Baru dan seorang ahli ekonomi yang terkemuka di empayar Jerman, juga menyatakan kesetiannya kepada idea evolusi.¹⁶

9 Höffe (2001), hlm. 216-218.

10 Jadi Karl Marx (1818-1883) (Hirschberger (1952/2007), hlm. 472-477), August Comte (1798-1857), pengasas Positivisme Perancis (*ibid.*, hlm. 528), dan empiricis Inggeris Herbert Spencer (1820-1903) (*ibid.*, hlm. 533) mendasarkan semua andaian mereka pada idea tentang proses sejarah yang progresif.

11 Hirschberger (1952/2007), hlm. 570.

12 Pannenberg (1997), hlm. 70.

13 Kerana itu Richard Rothe (1799-1867) melihat perkembangan positif dalam meningkatnya peranan negara dan merosotnya peranan Gereja yang akan berujung pada pembentukan Kerajaan Tuhan di muka bumi (Barth (1947/1960), hlm. 550).

14 Pribram (1998), hlm. 409.

15 Justeru salah seorang pendukungnya yang terkemudian, Bruno Hildebrand (1812-1878), menjadikan matlamatnya untuk menukar ekonomi kepada sebuah ajaran yang didasarkan pada prinsip-prinsip evolusi (1848/1998, V).

16 Schmoller ((1893/1949), hlm. 9-13) mengandaikan suatu perkembangan evolusi dari peladang domestik, melalui ekonomi tempatan, hingga ekonomi nasional.

Idea teori evolusi membayangi pertumbuhan nyata Jerman. Tompokan wilayah kecil telah bertukar pada tahun 1871 menjadi sebuah Negara bangsa, walau agak terlambat di dalam kemunculannya tetapi ia menuntut tempat dalam hubungan antarabangsa yang berpadanan dengan statusnya.¹⁷ Ekonomi Jerman juga mengalami transformasi yang pantas dengan keluar daripada ekonomi pertanian dominan dan muncul sebagai sebuah kuasa industri terkemuka.¹⁸ Optimisme yang lahir daripada idea-idea kemajuan yang seiring dengan nasionalisme Eropah yang berlebihan kesan daripada Perang Dunia Pertama.¹⁹

Sejauh bersangkutan dengan teologi, Perang Dunia Pertama menandakan pemisahan yang signifikan dengan masa lalu. Budaya optimisme sejarah Protestanisme harus memberi jalan kepada teologi dialektik. Bersama Karl Barth (1886-1968), Emmil Brunner adalah salah seorang pendukung utamanya.

2.2 Emil Brunner²⁰

Emil Brunner lahir di Winterthur, Switzerland pada 23 Disember 1889. Semasa kanak-kanak, dia berpindah ke Zurich. Baik di Zurich atau di Berlin dia belajar teologi. Pada tahun 1912, dia menyelesaikan ijazah kedoktoran dalam subjek tipikal budaya Protestan *Das Symbolische in der religiösen Erkenntnis* (iaitu simbolik dalam kesedaran agama). Selepas latihan ketenteraan dia menyertai masa latihan teologi untuk khidmat kepaderian dengan seorang sosialis religius, Hermann Kutter (1863-1931).

Antara tahun 1916 dan 1924 Emil Brunner bekerja sebagai seorang paderi di Obstalden. Dirangsang oleh perbincangan teologi yang diusahakan oleh Karl Barth, dia beralih ke kerjaya ilmiah. Pada tahun 1921 dia memenuhi syarat sebagai seorang profesor. Pada tahun 1924 di Zurich dia menjadi seorang profesor teologi sistematik dan praktikal, kerusi yang didudukinya sampai tahun 1955. Pada tahun 1924 bukunya, *Mystik und das Wort* (Mistisisme dan Firman) diterbitkan. Buku itu mengandungi pemeriksaan kritikal terhadap teologi Schleiermacher. Setelah itu untuk sementara Brunner bekerja pada penerbitan utama Barthians, *Zwischen den Zeiten* (*Between the Times*).

17 Mann (1958/1992). 55-569

18 Treue (1962/1973), 534-594

19 Mann (1958/1992), 563-569.

20 Portret oleh Brunner (1986), terutamanya di hlm. 389-391; Berger-Gerhardt (1958), hlm. 137-139.

The Divine Imperative, buku Brunner tentang etika sosial, diterbitkan pada tahun 1932, membawa kepada perpecahan dengan Karl Barth. Konflik ini sangat mempengaruhi kerja Brunner pada tahun-tahun berikutnya. Arah hidupnya membawa beliau untuk beberapa lama mengikut Gerakan Oxford seorang evangelis Amerika Frank Buchman (1878-1961).²¹ Pada masa yang sama, bagaimanapun, dia dipengaruhi oleh munculnya totalitarianisme dan Perang Dunia II. Itulah yang merupakan latar belakang untuk karyanya pada tahun 1943, yang akan dipertimbangkan dalam esei ini, *Gerechtigkeit. Eine Lehre von den Grundgesetzen der Gesellschaftsordnung (Keadilan dan Aturan Sosial. Sebuah Ajaran tentang Undang-undang Asas berkenaan Aturan Sosial)*.

Selepas Perang Dunia II, Brunner menghabiskan lebih dari 16 tahun bekerja pada sebuah koleksi tiga jilid koleksi dogmatik yang bertujuan menjadi pengimbang untuk karya Karl Barth *Church Dogmatics (Kirchliche Dogmatik)*. Pada tahun 1950an ia terus menyuarakan pandangannya tentang isu-isu etika-politik. Dengan demikian ia mengambil sikap anti-komunis, yang sekali lagi meletakkan dirinya bertentangan dengan Karl Barth. Emil Brunner meninggal dunia di Zurich pada 04.06.1966.

3. BUKU EMIL BRUNNER, KEADILAN DAN ATURAN SOSIAL

Sambutan yang diberikan kepada Brunner oleh ordoliberal pada dasarnya bertumpu pada buku *Keadilan dan Aturan Sosial*. Ini hanya boleh difahami dalam konteks perubahan pandangan teologi Brunner yang terjadi dalam rentang tahun-tahun 1930-an. Atas sebab ini saya akan bermula dengan meletakkan buku itu ke tempat tertentu dalam perkembangan spiritual Brunner. Kemudian saya akan menjelaskan kandungan bahagian umum *Keadilan dan Aturan Sosial*. Bahagian terakhir akan dikhususkan kepada aspek ekonomi karya tersebut.

3.1 *Keadilan dan Aturan Sosial* dalam Konteks Teologi.

Berkaitan teologi, Perang Dunia pertama merupakan pemisahan yang fundamental dengan masa lalu. Optimisme progresif yang lalu memberikan ruang kepada sikap yang lebih pesimistik. Daripada mencanangkan tentang munculnya keharmonian antara Tuhan dan dunia,

21 Kemudian, Wilhelm Röpke juga mendapati gerakan ini, juga dikenali sebagai “Pengukuhan Kembali Moral”, dengan ibu pejabat pusat Eropahnya di Caux di Tasik Geneva. Dia merasa secara estetikanya jijik dengan perkara itu, walaupun dia mengakui peranan positif yang dimainkan kelompok itu dalam perjuangan menentang Komunisme (Röpke (1976), hlm. 114-115, surat kepada Gertrud Fricke bertarikh 25 Januari 1951).

ahli teologi sekarang mulai menekankan jurang yang tak terjambatani antara Tuhan dan manusia. Teologi berpisah dari fokusnya terdahulu pada karya-karya sejarah. Ahli teologi kontemporari bahkan melihat ke belakang dan bercakap tentang “revolusi anti-sejarah”.²²

Berada di tengah-tengah pergolakan ini adalah ahli teologi, Karl Barth. “Teologi dialektik-nya” itu bertentangan sekali dengan ajaran abad ke-19. Barth melawan empirisisme kritis-sejarah liberal dengan apodiktik “*Dominus Dixit*” (iaitu Tuhan telah berbicara). Beliau menolak idea-idea budaya dan agama dengan konotasi lama yang positif. Sebaliknya, dia menekankan keilahian Tuhan dan dengan demikian jarak antara Tuhan dan manusia yang hanya boleh diatasi melalui Jesus (maka, “teologi dialektik”).²³

Karl Barth menjadi seperti sebuah magnet bagi para teolog muda yang lain, banyak yang akan membentuk sejarah teologi dalam dekad mendatang. Salah satunya adalah Emil Brunner. Sama seperti Barth, Brunner mengkritik falsafah abad ke-18 dan 19.²⁴ Dalam istilah-istilah yang sistematik, Brunner menyatakan beza pandangannya dengan Barth apabila Barth membuat pembezaan di antara teologi dan falsafah.²⁵

Dalam karyanya tentang etika sosial, *The Divine Imperative (Das Gebot und die Ordnungen)*, yang diterbitkan pada tahun 1932, Brunner mengambil langkah berani untuk melampaui idea-idea utama teologi dialektik. Dia percaya bahawa sudah sampai waktunya untuk mengaplikasikan hasil teologi dialektik dalam praktis sehari-hari.²⁶ Pendiriannya bahawa etika kebahagiaan duniawi dan tanggungjawab tidak cukup untuk sentiasa sesuai sepenuhnya dengan tradisi teologi dialektik. Untuk melawan hal tersebut dia mengutip wahyu Kristian.²⁷ Pada peringkat antropologi, dia menggunakan contoh dari pandangan kemanusiaan Kristian sebagai alternatif kepada arah yang diambil oleh naturalisme dan idealisme, yang keduanya dia temukan kekurangan. Brunner memahami pandangan kemanusiaan Kristian sebagai erti bahawa manusia harus berpaling daripada ego-sentrik dan mengabdikan dirinya untuk beramal kerana Tuhan. Cerminan duniawi dalam hal tersebut boleh didapati dalam kebajikan yang dilakukan sesama manusia.²⁸ Kecenderungan terhadap

22 Pannenberg (1997), hlm. 341-342.

23 Zahrnt (1966), hlm. 13-65.

24 Brunner, (1922/1962), hlm. 262-263

25 Brunner, (1925/1962), hlm. 290-298.

26 Brunner, (1932/1939), hlm. VII.

27 *Ibid.*, hlm. 3-94.

28 *Ibid.*, hlm. 136-146.

personalisme yang membawa Brunner ke luar batas teologi dialektik. Persoalan bagaimana seseorang dapat membuat kebajikan sesama manusia di dalam suatu masyarakat yang kompleks dijawab oleh ahli teologi reformasi dengan seruan untuk kembali kepada ajaran lama pemulihan aturan sosial. Itu adalah tanggungjawab Kristiani untuk membuat kebajikan dalam lingkup tatanan alami dan Ilahi dan--di sini tradisi reformasi Brunner kena pada tempatnya--untuk mengubah ke arah yang lebih baik.²⁹ Untuk Brunner, aturan tersebut termasuklah institusi perkahwinan dan negara, budaya dan ekonomi.

Sebagai satu aturan, ekonomi mempunyai satu tetapan hukumnya yang tersendiri. Bagaimanapun, hal itu adalah pembolehubah dan dapat diubah.³⁰ Dengan demikian, dia menyeru kepada konsep ekonomi yang baru. Dalam *The New Imperative*, Brunner menolak kedua-dua individualisme dan kolektivisme. Dia melihat manusia sebagai makhluk sosial. Namun, serangannya yang utama itu disediakan untuk kapitalisme. Dia dengan demikian secara jelas bersekutu dengan Werner Sombart, seorang *neo-historian* (1863-1941) dan seorang Institutionalists, Thorstein Veblen (1857-1929).³¹ Seorang Kristian tetap harus menyertai ekonomi kapitalis dan menggunakan kesaksian Kristiannya untuk mengubahnya.³² Adalah menjadi tugas gereja untuk menyertai proses reformasi ini melalui proklamasi dan kerja-kerja Kristian.³³

Perpecahan dengan teologi dialektik menjadi ketara di sini berlanjutan dengan *Natur und Gnade. Zum Gespräch mit Karl Barth (Nature and Grace: About the Conversation with Karl Barth)*. Dalam karya ini Brunner membela tesis wahyu Ilahi dalam alam. Barth menentang pandangan ini dalam esei polemik-nya, '*nein!*' (Tidak!), di mana dia mengutuk teologi alami sebagai tidak Kristian.³⁴ Tidak terkesan, bagaimanapun, Brunner tetap berpegang pada pandangannya. Salah satu titik fokus teologinya adalah etika sosial. Selama Perang Dunia II Brunner menemui sekumpulan laki-laki yang berkemahiran dalam kehidupan ekonomi praktis dan ilmu pengetahuan sama, termasuk ahli ekonomi Karl Brunner (1916-1989). Salah satu hasil daripada pertemuan ini adalah karya Emil Brunner tentang etika sosial, *Keadilan dan Aturan Sosial*.³⁵

29 *Ibid.*, hlm. 277-292.

30 *Ibid.*, hlm. 388-389.

31 *Ibid.*, hlm. 401-411.

32 *Ibid.*, hlm. 419-423.

33 *Ibid.*, hlm. 423-425.

34 Zahrnt (1966), hlm. 72-84.

35 Brunner (1986), hlm. 81-84.

3.2 Isi Pokok

Totalitarianisme dan Perang Dunia Kedua menjadi latar belakang politik-sejarah untuk buku *Keadilan dan Aturan Sosial*, yang diterbitkan pada tahun 1943. Bagi Brunner, ketidakadilan utama pada zaman itu adalah disebabkan merosotnya gagasan keadilan Kristian Barat. Idea tentang keadilan alami telah membuka jalan untuk positivisme undang-undang (*legal positivism*). Pada saat ini harus dikatakan bahwa Brunner tidak hanya menyeru untuk mengembalikan keadilan alami, yang dia juga mempunyai pandangan yang kritis padanya. Atas sebab itulah dia cuba untuk mengembangkan konsep keadilan yang baru sama sekali.³⁶

Bagi Brunner, keadilan ditakrifkan dalam istilah pembahagian yang adil. Idea dasar di sebalik hal ini dirumuskan dalam sebuah pepatah: “*to each his own*”.³⁷ Untuk Brunner, keadilan memerlukan tindakan sesuai dengan undang-undang. Namun, undang-undang tidak dapat difahami di sini dalam fahaman perundangan positivistik.³⁸ Andaian dasar Brunner adalah identiti antara hukum Tuhan dan keadilan. Hukum Ilahiah kelihatan dipatuhi ketika seseorang yang diciptakan oleh Tuhan dibenarkan untuk menduduki kedudukan sosial yang dia telah ditugaskan.³⁹ Begitu juga bila ada hubungan dengan undang-undang, maka ada hubungan dengan prinsip kesetaraan. Namun ini tidak harus difahami sebagai semacam egalitarianisme; ertinya kes yang serupa harus menerima layanan yang serupa.⁴⁰ Brunner melihat dasar kesetaraan ini sebagai berasal dari fakta bahawa manusia adalah anak-anak Tuhan.

Pandangan Brunner tentang undang-undang dan kesetaraan membentuk ideanya tentang sifat masyarakat dan manusia. Hak-hak individu hanya masuk akal dalam konteks hubungan dengan Tuhan. Untuk Brunner ini merangkumi hak kebebasan beragama dan pemilikan individu.⁴¹ Fakta bahawa manusia tidak sama, bagaimanapun, bererti bahawa mereka bergantung pada satu sama lain. Ini bermakna bahawa masyarakat serta individu harus mempunyai hak. Atas sebab itulah individu mempunyai kewajiban untuk mengambil tempat yang telah ditetapkan di dalam institusi keluarga dan negara.⁴²

Mengandaikan hak-hak masyarakat dan individu dengan cara ini

36 Brunner (1943), hlm. 3-11.

37 *Ibid.*, hlm. 15-24.

38 *Ibid.*, hlm. 24-28.

39 *Ibid.*, hlm. 54-64.

40 *Ibid.*, hlm. 29-36.

41 *Ibid.*, hlm. 64-76.

42 *Ibid.*, hlm. 77-89.

membawa Brunner untuk berada di tengah-tengah antara individualisme dan kolektivisme. Individualisme merupakan satu teori atomistik negara dan menyokong kapitalisme tak terkawal. Namun, dia juga mengutuk kolektivisme. Bagaimanapun, Brunner menentang kolektivisme dengan cara ketiga kebebasan dalam konteks masyarakat, untuk dilaksanakan melalui struktur sosial yang diuruskan persekutuan.⁴³

Persamaan antara pandangan beliau dan konsep Katolik tidak membuatkan Brunner untuk menjadi penyokong falsafah keadilan alamiah (*natural justice*). Walaupun mengakui kelebihan yang dimiliki konsep itu berkenaan dengan keadilan, dia menolak formulasi itu sendiri. Untuk menyokong pandangannya ia merujuk pada penafsiran yang berbeza tentang istilah itu oleh pelbagai mazhab keadilan alamiah. Brunner juga berpendapat bahawa pertembungan antara andaian keadilan alamiah dan undang-undang positif sering berhujung pada kekalahan yang tidak adil undang-undang positif.⁴⁴

Skeptisisme dalam soal keadilan alamiah inilah yang membolehkan dia untuk membuat kompromi dengan historisisme berhubung pertanyaan tentang konsep kerelatifan keadilan. Manakala dia percaya pada keadilan mutlak, dia secara bersamaan menegaskan bahawa semua cara untuk merealisasikaninya adalah kontinjen pada masa dan tempat.⁴⁵ Atas alasan inilah Brunner juga menolak untuk membina konsep keadilan atas sebuah asas yang secara langsung bersifat tafsiran terhadap Injil (*Biblical-exegetical*).⁴⁶

Brunner mendapatkan keperluan utuh untuk suatu aturan sosial yang adil daripada teori keadilan (*theory of justice*). Dia melihat manifestasi nyata dalam struktur klasik keluarga,⁴⁷ masyarakat terstruktur mengikut fungsi,⁴⁸ negara yang adil⁴⁹ dan komuniti masyarakat yang saksama.⁵⁰ Ekonomi juga mempunyai peranannya dalam pembentukan masyarakat yang adil.

3.3 Soal Ekonomi dalam Keadilan dan Aturan Sosial

Menurut Brunner, ekonomi sebagai aturan ilahiah penciptaan, seperti keluarga, adalah nilai holistik yang tidak mungkin dalam pengertian

43 *Ibid.*, hlm. 89-100.

44 *Ibid.*, hlm. 100-112.

45 *Ibid.*, hlm. 113-129.

46 *Ibid.*, hlm. 130-147.

47 *Ibid.*, hlm. 167-174.

48 *Ibid.*, hlm. 218-230.

49 *Ibid.*, hlm. 230-267.

50 *Ibid.*, hlm. 268-307.

atomistik disusutkan kepada semata-mata subjek individu ekonomi.⁵¹ Berdasarkan cetak biru ekonomi tersebut Brunner menyenaraikan perkara berikut sebagai elemen dari suatu aturan ekonomi yang adil.

▪ 1. Keadilan Pemilikan

Pandangan Brunner yang berada di tengah antara individualisme dan kolektivisme mempengaruhi sikapnya tentang pemilikan peribadi. Di satu sisi dia berpegang pada satu diktum “tidak ada pemilikan, tidak ada kebebasan”⁵². Di sisi lain, bagaimanapun, dia juga berpendapat dalam menghadkan hak individu untuk memiliki. Oleh kerana pemilikan harta benda sentiasa mempunyai hubungan dengan masyarakat, pemilik harta benda mempunyai kewajipan untuk menyokong masyarakat melalui bayaran cukai dan duti.⁵³ Bagaimanapun, Brunner memberi amaran agar tidak melebihi-lebihkan tanggungjawab ini untuk memberikan bayaran kepada negara, sehingga membantutkan kehendak masyarakat untuk bekerja.⁵⁴

▪ 2. Faedah yang Adil

Walaupun beliau melabelkan faedah sebagai “pendapatan tanpa usaha (*unearned income*)”⁵⁵, Brunner juga menganggapnya sebagai sah. Sikap ini dijustifikasi dengan mengutip penangguhan konsumsi yang dibawanya dan fungsi faedah sebagai pulangan atas risiko yang ditanggung.⁵⁶ Dia tidak menganggap larangan Injil terhadap faedah dapat dilaksanakan sekarang, kerana Injil tidak mengambil kira modal produktif, tapi hanya berbicara tentang kredit pengguna.⁵⁷ Sama seperti dia menolak larangan faedah atas dasar prinsip, Brunner juga menolak untuk menyetujui larangan yang ditetapkan pada kadar faedah. Namun, menurutnya, kadar faedah yang dibebankan harus sepadan dengan tahap pendapatan.⁵⁸ “Keutamaan hak para pekerja”⁵⁹ dari perspektif ekonomi tidak boleh dijalankan dan samar-samar. Dalam kedudukan inilah yang menyebabkan Eucken salah faham dalam penerimaannya pada Brunner.

51 *Ibid.*, hlm. 174-175.

52 *Ibid.*, hlm. 175.

53 Brunner merumuskan hal ini dalam formulasi berikut: “Doktrin keadilan Kristian menuntut [...] bukan kesamarataan tetapi perlindungan.” (*ibid.*, hlm. 185)

54 *Ibid.*

55 *Ibid.*, hlm. 187.

56 *Ibid.*, hlm. 189-190.

57 *Ibid.*, hlm. 194-195.

58 *Ibid.*, hlm. 191-193.

59 *Ibid.*, hlm. 193.

- 3. Harga yang Adil

Brunner mengakui bahawa masalah harga yang adil ini sangat sulit. Di sini, bagaimanapun, teori persaingan ordoliberal datang membantunya. Brunner melihat penyebab terhadap andaian ketidakadilan harga adalah kerana pasaran didominasi oleh monopoli. Atas alasan ini, dia percaya bahawa bukan campur tangan negara secara langsung yang akan menghasilkan harga yang adil, tapi apa yang kini disebut sebagai dasar kawal-atur (*regulatory policy*).⁶⁰ Keadaan untuk pasaran yang bebas daripada dominasi monopoli harus dicipta. “Bila keadaan ini dipenuhi, sesuatu seperti harga yang adil akan muncul di pasaran itu sendiri.”⁶¹

- 4. Gaji yang Adil

Berbeza dengan persoalan harga yang adil, idea-idea Brunner tentang gaji yang adil menunjukkan pemisahan yang signifikan daripada pemikiran liberal. Dia melihat pasaran tenaga kerja sebagai pasaran yang unik. Untuk Brunner, prinsip gaji yang adil bererti bahawa, pada saat krisis, masyarakat sebagai pemegang modal harus memerhatikan prinsip pampasan, dan modal harus digunakan untuk mempertahankan tahap gaji.⁶² Seperti halnya dengan penetapan suku faedah, idea-idea Brunner nampak sebahagian besarnya tidak praktikal jika dilihat dari aspek ekonomi.

- 5. Pengagihan kuasa ekonomi yang adil

Apa yang Brunner faham tentang pengagihan kuasa bukan kuasa untuk bersaing tapi redistribusi dalam syarikat masing-masing. Pertimbangan ini muncul secara penuhnya daripada perspektif falsafah sosial secara personalnya. Pengusaha dan pekerja harus mengambil tempat mereka masing-masing dalam sebuah komuniti syarikat. Hierarki harus dipelihara, tetapi selari dengan keinginan pada kedua-dua belah pihak untuk mendengar satu sama lain.⁶³

60 Brunner sendiri tidak menggunakan istilah “dasar peraturan kawal-selia”. Dengan mengikut garis ordoliberal dia membuat tuntutan polisi anti-monopoli, bercakap dalam konteks “kestabilan dan kebebasan relatif” yang diperlukan dari pasar (*ibid.*, hlm. 199). Apakah, atau sejauh mana, idea-idea ini mencerminkan penyerapan langsung dari ekonomi regulasi Walter Eucken tidak boleh diperolehi dari membaca buku itu. Ini akan menjadi lapangan untuk kajian lebih lanjut.

61 *Ibid.*

62 *Ibid.*, hlm. 200-204.

63 *Ibid.*, hlm. 206.

▪ 6. Kapitalisme dan Komunisme

Brunner melihat pertentangan dalam kapitalisme dan komunisme sama banyak seperti mana dia melihat penentangan pada individualisme dan kolektivisme. Daripada tengah dia menolak kapitalisme sebagai bentuk ekonomi individualisme melampau dan komunisme sebagai suatu aturan ekonomi kolektif yang merampas hak-hak individu.⁶⁴ Di sini, Brunner secara jelas tidak bersetuju dengan Röpke. Dia menolak tesis Röpke bahawa kemungkinan untuk tafsiran yang pelbagai bermakna bahawa istilah “kapitalisme” tidak boleh digunakan. Dia terus menganggap bahawa istilah itu boleh digunakan dengan mengambil pandangan Werner Sombart untuk menyokong pendapatnya.⁶⁵

▪ 7. Aturan Ekonomi yang Adil

Di mata Brunner, persoalan tentang ekonomi terancang vs ekonomi pasaran adalah tidak berdampingan dengan kapitalisme vs kolektif. Di sini dia mengambil jalan tengah. Dia menegaskan kesan positif daripada ekonomi pasaran. Pada masa yang sama, bagaimanapun, dia melihat pentingnya campur tangan negara. Dia mengatakan campur tangan itu harus mengambil bentuk tindakan untuk memelihara aturan ekonomi.⁶⁶ Dalam pandangannya, ini menyebabkan dia bertentangan dengan Röpke di mana dia mengatakan bahawa dalam soal lain mereka banyak bersependapat.⁶⁷ Di sini kita tampaknya telah tersadung pada masalah semantik: idea Brunner tentang pengurusan ekonomi negara sebenarnya sangat dekat dengan konsep Röpke tentang ekonomi kawal-selia (*regulatory economic*).

Jika dibandingkan dengan *The Divine Imperative, Keadilan dan Aturan Sosial* menunjukkan perubahan pandangan Brunner. Dia tetap skeptik terhadap kapitalisme. Namun, skeptisisme itu tampaknya kerana kurang mengetahui tentang historisisme berbanding ordoliberalisme yang muncul pada masa itu.⁶⁸ Mengenai teori upah dan faedah, bagaimanapun ada perbezaan yang signifikan.

64 *Ibid.*, hlm. 207-213.

65 *Ibid.*, hlm. 327. Röpke, untuk bahagiannya, menolak teori Sombart tentang kapitalisme sebagai penyederhanaan. (Röpke (1937/1994), hlm. 32 dan 59).

66 Brunner (1944), hlm. 213-218.

67 *Ibid.*, hlm. 328.

68 Hal ini juga ditunjukkan dalam penggunaan tentang istilah “ekonomi keuntungan”. Sedang dia menggunakan istilah ini secara meluas dalam “*The Divine Imperative*”, meminjam dari Sombart (hlm. 402), dalam “*Keadilan dan Aturan Sosial*” dia melihat penggunaan dikotomi ekonomi keuntungan versus ekonomi sara-hidup (hlm. 199) hanya berlaku sampai batas tertentu. Pembangunan sosial-etika Brunner itu boleh menjadi objek dari keterangan sejarah teologi berdasarkan teori ekonomi.

4. PENERIMAAN DI KALANGAN KELOMPOK ORDOLIBERAL

Buku Brunner *Keadilan dan Aturan Sosial* dikenali oleh para ahli ekonomi ordoliberal. Walter Eucken membuat selidik terhadap buku itu dalam *Grundsätze der Wirtschaftspolitik (Prinsip-prinsip Dasar Ekonomi)*. Wilhelm Röpke bahkan memberikan ulasan pada etika sosial Brunner.

4.1 Wilhelm Röpke

Dalam rangka untuk dapat meletakkan penerimaan Röpke terhadap Brunner dalam konteks sejarah, adalah penting untuk mengetahui bahawa Röpke, selama tempoh dalam buangan, menjalani transformasi menjadi seorang pemikir yang sangat dipengaruhi oleh falsafah sosial. Oleh kerana itulah saya perlu memberi pendahuluan tentang penerimaan Brunner dengan sebuah latar belakang tentang perkembangan ini.

4.1.1 Röpke Sebagai Ahli Falsafah Sosial⁶⁹

Röpke muda sangat dipengaruhi oleh reformis sosial dan ahli ekonomi historisisme empiris Walter Troeltsch (1866-1933). Disertasi Röpke “*Die arbeitsleistung im deutschen Kalibergbau*” (“Kecekapan perlombongan potash Jerman”) membuktikannya. Esei keprofesorannya “*Die Konjunktur. Ein systematischer versuch zur morphologie der verkehrswirtschaft*” (“Ekonomi. Percubaan sistematik untuk menyusun morfologi ekonomi pengangkutan”) mempunyai ciri-ciri lebih teoritis, yang terserap masuk ke seluruh perekonomian nasional Jerman pasca perang. Saat itu, Röpke mendedahkan keresahannya tentang seluruh bidang ekonomi sejarah.

Krisis ekonomi global tahun 1929 membantu mendorong Röpke ke arah falsafah sosial. Dia menafsirkan Kemelesetan Agung (*Great Depression*) sebagai retak yang dalam pada dasar-dasar yang mencerminkan masalah pada aturan yang lebih tinggi.⁷⁰ Tahun-tahun berikutnya Röpke, sentiasa menjadi binatang politik (*political animal*), memperhebat penglibatannya dalam perdebatan sosial-politik. Perpindahan Röpke ke Universiti Istanbul lama selepas pengambilalihan sosialis kebangsaan di Jerman menguatkan minatnya di luar bidang ekonomi lebih luas. Ketika bekerjasama dengan Alexander Rüstow (1885-1963) dia bekerja untuk sebuah konsep sosio-falsafah.⁷¹

69 Diambil daripada Tuchtfeldt/Willgerodt (1884); Hennecke (2005), kecuali dinyatakan sebaliknya.

70 Röpke (1937), hlm. 325-326.

71 Neumark (1980), hlm. 15-16.

Dengan menggunakan hasil kerja yang dilakukannya di Istanbul sebagai asas, pada tahun 1942 Röpke menerbitkan bahagian pertama daripada triloginya. Di bawah tajuk *The Social Crisis of Our Time*, dia mendiagnos krisis budaya yang serius, khususnya muncul fenomena *massification*. Satu cara yang mungkin terletak untuknya ialah Jalan Ketiga (*Third Way*)⁷² di antara *laissez-faire* dan kolektivisme, yang menunjukkan ekonomi pasaran bebas yang dikawal-selia negara.⁷³ Dia meneruskan untuk menyempurnakan program ini di bahagian kedua dari trilogi itu, *Civitas Humana*, diterbitkan pada tahun 1944. Saat itu Röpke bersungguh-sungguh berhubung dengan trend agama Kristian. Sehingga dia membaca siaran paus (*papal encyclical*) *Quadragesimo anno*.⁷⁴ Ketika dia jatuh sakit pada awal tahun 1944⁷⁵ dan *Civitas Humana* mula diterbitkan⁷⁶, dia juga berubah perhatiannya kepada buku Brunner, *Justice and The Social Order*.

4.1.2 Penerimaan Röpke terhadap Brunner

Atas alasan teknikal dalam pencetakan Röpke hanya dapat menyampaikan penghargaan yang tinggi pada buku Brunner dan persetujuan asas dengan pengarangnya⁷⁷ dalam catatan kaki pendek pada *Civitas Humana*. Beberapa bulan kemudian Röpke mempunyai kesempatan untuk menggunakan ulasan kepada bukunya untuk bergulat lebih intensif dengan Brunner.

Setelah komen ringkas Röpke di *Civitas* muncul, dia mendapati dirinya dalam persetujuan asas dengan premis-premis Brunner. Dia memberikan sambutan hangat pada buku itu.⁷⁸ Perasaannya terhadap idea asas Brunner adalah, dalam kata-katanya sendiri, adalah perasaan persetujuan yang mengayakan dan menyenangkan.⁷⁹ Ada berbagai alasan untuk sikap ini. Röpke melihat keselarasan dengan pendekatan metodologi yang didukungnya. Sama seperti Röpke, Brunner dalam pencarian sebuah sintesis daripada sains sosial. Oleh kerana itu Röpke mengangkat Brunner sebagai kawan yang membantu dan memperkaya.⁸⁰

72 Dalam edisi yang berikutnya dalam buku teks, Röpke menjarakkan dirinya daripada istilah itu. (Röpke (1937/1994), hlm. 330.

73 Röpke (1942).

74 Röpke (1976), hlm. 69 (surat kepada Alexander Rüstow bertarikh 13 Mei, 1943.)

75 *Ibid.*, 73 (surat kepada Dr. Heinrich Droz bertarikh Januari 29, 1944.

76 Röpke (1944/1946), hlm. 28.

77 *Ibid.*

78 Röpke (1944), hlm. 171.

79 *Ibid.*

80 *Ibid.*

Persahabatan ini, bagaimanapun, jauh melampaui metodologi belaka. Röpke bersetuju dengan wawasan dasar, nilai dan kesimpulan Brunner.⁸¹ Dengan lebih terperinci, Röpke memuji penolakan Brunner terhadap kolektivisme, sama ada dengan wajah seorang Sosialis Nasional atau Komunis. Röpke secara alami memuji Brunner atas sokongannya terhadap hak milik peribadi. Pada masa yang sama, Röpke juga bersetuju dengan sikap positif Brunner terhadap keluarga dan federalisme.⁸²

Namun, bahagian-bahagian di mana Röpke menyatakan persetujuannya juga mengandungi unsur-unsur kritis. Ini juga ada kaitan dengan kenyataan ekonomi-teknikal Brunner, yang tidaklah mengejutkan. Walaupun demikian, kritiknya dengan alasan ekonomi tidak diutamakan. Röpke tidak mahu nampak seperti seorang yg seolah-olah tahu semuanya. Atas alasan itu dia hanya membincangkan sedikit tentang perbezaan erti istilah “kapitalisme” yang dibincangkan oleh Brunner. Perbezaan-perbezaan lain dalam pendapat sehubungan dengan sukarnya mengelakkan monopoli, keadaan kerja pada zaman awal industri dan dasar ekonomi hanya dibincangkan sepintas lalu.⁸³

Dia menyimpan kritik utamanya untuk bidang falsafah sosial. Di sini, Röpke yang humanis, menggambarkan sikap teologinya sendiri sebagai ‘Erasmic’⁸⁴, mengambil kedudukan menentang skeptisisme budaya Brunner, yang tidak dapat menyangkal asal usulnya dalam teologi dialektik. Röpke mengkritik Protestanisme atas sikap skeptik terhadap Zaman Dahulu. Dia sendiri melihat kesinambungan yang kuat antara Kristian Barat dan sejarah idea dari zaman antikuiti. Pada pandangannya, Kristian mengikut jejak langkah sosio-falsafah dari zaman antikuiti itu. Ini termasuk pendapatnya atas semua pandangan Tullius Marcus Cicero (106-43 BC)⁸⁵. Kritik Röpke terhadap Brunner adalah kerana dia tidak mengambil kira kesinambungan ini. Itu adalah keyakinannya bahawa Brunner tidak menerima signifikannya warisan budaya umum manusia dengan rujukan khusus pada warisan dunia antikuiti atau, jika dia menerima, hanya dengan berat hati⁸⁶. Pada pandangan Röpke, ini boleh mengakibatkan pendewaan negara, seperti dapat ditemui dalam karya Martin Luther (1483-1556)⁸⁷, atau teologi pengekangan (*theology of*

81 *Ibid.*

82 *Ibid.*, hlm. 172.

83 *Ibid.*, hlm. 171.

84 Kuehnelt-Leddihn (2000), hlm. 281.

85 Röpke (1944), p. 171.

86 *Ibid.*, hlm. 172.

87 Luther dan gagasan tentang negara mengalami serangan keras oleh Röpke selama tahun-tahun ini. Untuk lebih lanjut lihat Röpke (1944/1946), hal 199-201 antara lain.

confinement). Bukti tentang hal ini katanya dapat dilihat⁸⁸ pada kenyataan Brunner bahawa keadilan duniawi harus tunduk pada wahyu ilahi.⁸⁹ Penentangan humanisme terhadap teologi dialektik mengambil bentuk yang lebih konkrit pada perkara yang lain. Brunner menyerang falsafah Yunani kerana panteismenya. Sesuai dengan skeptisisme agama teologi dialektik, dia menegaskan bahawa konsep keadilan dapat ditemui dalam falsafah Yunani dibentuk berdasarkan undang-undang alami (*law of nature*)⁹⁰. Röpke membantah hal ini dengan mengambil pada kenyataan bercanggahan yang dibuat oleh Animaxander (610-547 BC). Dia pada masa yang sama, bagaimanapun, membenarkan kritik Brunner terhadap Plato (428-348 BC) dan Aristotle (384-322 BC)⁹¹. Namun, ini tidaklah bererti bahawa adalah suatu yang luar biasa untuk seorang wakil dari humanisme mengambil pegangan daripada Hellenisme tidak daripada falsafah *attic* (Socrates, Plato dan Aristotle)⁹².

Ulasan itu menunjukkan banyak hal tentang Röpke kerana pada tahun 1944. Harus diakui bahawa Röpke pasti masih berada dalam kem ahli ekonomi. Namun, fokus utama perhatiannya adalah pada falsafah sosial. Dalam hal ini, Röpke berpatah balik ke zaman antikuiti dan agama Kristian adalah selari dengan tradisi humanisme Kristian abad ke-16.

4.2 Walter Eucken

Reputasi Walter Eucken berasal daripada teori aturan ekonominya, yang koheren dan dogmatik. Ini adalah ukuran yang digunakan oleh Walter Eucken dalam memahami Emil Brunner. Atas sebab itulah saya akan menghuraikan perkembangan teori aturan ekonomi Walter Eucken.

4.2.1 Ekonomi Kawal Selia Walter Eucken⁹³

Walter Eucken berasal dari latar belakang akademik dalam acuan Wilhelminian klasik. Ayahnya adalah ahli falsafah sepanjang hayat dan pemenang Hadiah Nobel 1908 dalam bidang kesusasteraan, Rudolf Eucken (1846-1926). Disertasi Walter Eucken pada tahun 1913 "*Die Verbandsbildung di Seeschiffahrt*" (iaitu Penubuhan Persatuan

88 Röpke, (1944), hlm. 172.

89 Brunner, (1943), hlm. 108.

90 Brunner (1943), hlm. 57.

91 Röpke, (1944), hlm. 172.

92 Lihat Humanism dan kritisisme terhadapnya oleh Aristotle: Hirschberger (1952/2007), hlm. 19-21.

93 Diambil dari Klinckowstroem (2000), hlm. 53-115; Lenel (1989), terutamanya hlm. 292-294.

dalam Perkapalan Maritim) merupakan judul sejarah yang tipikal. Seperti Röpke dan para ahli teologi dialektik, Walter Eucken berpisah dengan historisisme pada tahun 1920an. Selepas karya profesionalnya “*Die Stickstoffversorgung di der Welt. Eine volkswirtschaftliche Untersuchung*” (iaitu Penyelidikan Bekalan Nitrat Dunia, Sebuah Analisis Ekonomi Politik), esainya “*Kritische Betrachtungen zum Deutschen Geldproblem*” (iaitu Pemerhatian Kritis pada Masalah Wang Jerman) menandakan titik perbaikan hubungan dengan ekonomi nasional teoritis. Pada tahun 1932 esainya, “*Staatliche Strukturwandlungen und die Krisis des Kapitalismus*” (iaitu Perubahan Struktur dalam Negara dan Krisis Kapitalisme), dia menganalisis keruntuhan ekonomi Jerman.

Pada pandangannya, dasar ekonomi campur tangan telah menyebabkan percampuran antara ruang ekonomi dan negara. Dia menyesali fakta bahawa Jerman telah berubah menjadi negara yang mengendalikan kapitalisme⁹⁴. Dia mendakwa melihat pencetus sejarah perkembangan ini dalam Mazhab Historisisme. Eucken menggunakan dua esei dari tahun 1938 dan 1940 untuk membawa perjuangan kepada relativisme sejarah⁹⁵, bersama-sama dengan gagasan kemajuan dan empirisisme sejarah.⁹⁶

Pada masa yang sama, Eucken mengerjakan sebuah program alternatif yang ilmiah. Dalam rangka mengatasi ‘antinomi besar’⁹⁷ antara kajian teoritis dan sejarah dalam perekonomian nasional, pada tahun 1940, di Yayasan Ekonomi (*Die Grundlagen der Nationalökonomie*), dia mengembangkan konsep metodologinya sendiri. Dengan meminjam daripada Max Weber (1864-1920) dan Edmund Husserl (1859-1938), Eucken menyokong pengajaran model ekonomi ‘pasar’ dan ‘berpusat’. Realiti ekonomi, dia tegaskan, selalu menggabungkan dua sistem⁹⁸. Jawapan atas pertanyaan yang muncul jenis mana yang lebih baik dijawab dalam bukunya *Grundsätze der Wirtschaftspolitik (Prinsip-prinsip Dasar Ekonomi)*. Di sini dia merumuskan idea aturan kompetitif (*competitive order*), yang seharusnya menjadi asas ekonomi pasaran di mana persaingan merupakan keutamaan⁹⁹. Adalah menjadi peranan institusi untuk melaksanakan dan mempertahankan ketenteraman aturan kompetitif ini.

94 Eucken (1932b), hlm. 303.

95 Eucken (1938), hlm. 198-2-4.

96 Eucken (1940), hlm. 474-488.

97 Eucken (1940/1965), hlm. 21.

98 *Ibid.*, hlm. 78-112.

99 Eucken (1952/1990), hlm. 347.

Di samping peranan negara dan ilmu pengetahuan, Eucken mengatakan bahawa gereja mempunyai kuasa untuk memenuhi fungsi ini¹⁰⁰.

Pertimbangan yang dibawa Eucken untuk bergantung pada gereja harus difahami dalam konteks sejarah mereka. Ketika datang persoalan tentang kegiatan politik gereja, Eucken mencari kompromi antara Teokrasi ajaran Calvinis dan ajaran Lutheran tentang kerajaan berkembar. Hujah ini berakar pada reformasi membawa erti baru mengenai totalitarianisme sosialis nasional¹⁰¹. Eucken tidak mahu gereja untuk terlibat dalam kehidupan politik sehari-hari, apa yang dia inginkan adalah untuk membuat pandangannya [gereja] diketahui pada pertanyaan eksistensial yang penting¹⁰². Ini membuatnya selari dengan versi modifikasi daripada ajaran dua kerajaan. Hal itu ini diwakili oleh Helmut Thielicke (1908-1986)¹⁰³ dan laporannya berjudul *Politische Gemeinschaftsordnung* (iaitu Aturan Politik Kehidupan Komunal), tentang bahagian politik-ekonomi di mana Eucken terlibat¹⁰⁴. Tanggapan skeptis Eucken terhadap ajaran sosial Katolik sama dengan pandangan muridnya sendiri Karl Paul Hensel¹⁰⁵ (1907-1975). Pada pandangannya, tiang kembar ajaran-ajaran sosial, aturan *subsidiarity* dan *professional* tidak mungkin didamaikan¹⁰⁶. Pada perkara ketiga pada persoalan gereja sebagai kuasa kawal-selia, Eucken menumpukan perhatiannya kepada teologi Protestan. Dia mengkritik skeptisisme teologi itu yang skeptis pada aturan-aturan alami dan pemisahan bersamaan teologi daripada ilmu-ilmu yang lain¹⁰⁷, di mana dia membuat sindiran penting untuk teologi dialektik¹⁰⁸. Bagaimanapun Eucken melihat Brunner telah menimbulkan harapan bahawa isolasi yang timbul daripada teologi kedudukan Protestan dapat diatasi. Ini adalah latar belakang kepada pendekatan yang diambil Eucken terhadap buku Brunner, *Keadilan dan Aturan Sosial*.¹⁰⁹

100 *Ibid.*, (1966), hlm. 218-259.

101 Zahrnt (1966), hlm. 218-259.

102 Eucken (1952/1990), hlm. 347.

103 Zahrnt (1966), hlm. 242-251.

104 Ritter (1945/1979).

105 Hensel (1949).

106 Eucken (1952/1990), hlm. 348.

107 *Ibid.*

108 Eucken (1932a, hlm. 88-89) telah mengambil sikap kritis terhadap teologi dialektik dalam "*Die Tatwelt*". Kawannya di Freiburg, Constantin von Dietze (1891-1973) menulis dalam memoirnya tentang penolakan total Eucken terhadap teologi Barth (dikutip dalam Goldschmidt (2005b, hlm. 306)). Selama masa Sosialisme Nasional kedudukannya dalam politik gereja bertembung dengan Barth, walaupun dia terus menjadi terasing oleh teologi Barth yang sangat Kristian-sentrik (Oswalt (2005), hal 343-344). Saya berterima kasih kepada Uwe Dathe dari Universiti Jena untuk beberapa maklumat penting tentang hal ini.

109 Eucken (1952/1990), hlm. 348-349.

4.2.2 Penerimaan Eucken Terhadap Brunner

Membandingkan sikap Eucken dan Röpke terhadap Brunner mendedahkan beberapa yang selari. Kedua-duanya, Eucken dan Röpke memuji arah dasar falsafah sosial Brunner tatkala mengkritik penguasaan ekonominya. Harus dikatakan, bagaimanapun, bahawa penekanan dalam setiap kes sangat berbeza.

Pada awalnya Eucken mengatakan Brunner bahawa idea-ideanya selaras sebahagian besarnya dengan aturan kompetitif, beberapa dasar di mana dia secara jelas mengakui¹¹⁰. Ini, bagaimanapun, adalah pujian awal sebelum memberikan kritiknya. Untuk Eucken, Brunner adalah salah seorang teolog yang tidak cukup mempertimbangkan fakta saling kebergantungan ekonomi¹¹¹. Ini, dakwanya, jelas dari ajaran Brunner tentang faedah. Pada saat ini tidak jelas apakah Eucken benar-benar memahami apa Brunner katakan. Beliau menulis bahawa:

“Seperti para ahli etika yang lain, Brunner juga telah sampai pada kesimpulan bahawa hanya tingkat faedah yang rendah dapat dibenarkan: tingkat faedah yang lebih tinggi, katakanlah, lebih daripada 5 peratus, tidak dapat dibenarkan dan secara moralnya tercela.”¹¹²

Dari pernyataan etika Brunner dalam soal faedah tidak cukup untuk menggambarkan secara keseluruhan pandangannya. Pernyataan Eucken pula adalah salah dalam kata-katanya dapat diertikan sebagai sesuatu yang mengarah kepada kesimpulan keliru bahawa Brunner menuntut kadar faedah maksimum sebanyak lima peratus. Itu bukanlah yang sebenarnya. Memang benar Brunner mengatakan bahawa had itu mempunyai justifikasi tertentu pada saat Reformasi. Namun, dalam konteks hari ini dia menemukan dirinya dalam persetujuan yang jelas dengan ordoliberal, perkara berikut menjelaskan lagi:

“Sebaliknya, kita harus mengatakan bahawa kadar yang ‘adil’ semacam ini tidak dapat ditentukan, apatah lagi dalam suatu perekonomian bebas, suatu peraturan dengan rang undang-undang, bahkan dengan niat baik dari semua yang bersangkutan tidak boleh dilakukan tanpa melalui kegendalaan apparatus ekonomi secara keseluruhan.”¹¹³

Namun, Eucken benar dalam menunjukkan bahawa Brunner menjadikan idea tentang kadar faedah sebagai masalah etika. Brunner mengandaikan adanya keutamaan terhadap pendapatan berbanding

110 *Ibid.*, hlm. 349.

111 *Ibid.*

112 *Ibid.*

113 Brunner (1943), hlm. 192.

faedah dan mengakui bahawa, pada titik ini, gagasannya tentang keadilan bertentangan dengan konsep pasaran.¹¹⁴

Tafsiran Eucken pada etika faedah (*ethics of interest*) Brunner adalah titik penting daripada kritiknya. Eucken mendakwa bahawa desakan Brunner untuk kadar faedah rendah akan menyebabkan penyalahuntukan, penyalahagihan dan inflasi. Tidak akan membawa apa-apa kesan melainkan dengan campur tangan selektif oleh negara. Dengan berpegang pada pandangan seperti itu Brunner terjebak dalam kontradiksinya sendiri (dan juga idea-idea Walter Eucken tentang polisi kawal selia)¹¹⁵. Kerana itu Eucken mencabar Brunner dan gereja untuk tidak melupakan bagaimana segala sesuatu bekerja dalam ekonomi sebenar dan untuk mengikut projeknya mempromosikan aturan kompetitif.¹¹⁶

Eucken menunjukkan dirinya sebagai seorang pemikir yang konsisten tetapi rigid. Keputusannya tentang sebuah karya etika sosial ditentukan oleh konsep tatanan ekonomi. Tidak seperti Röpke, yang mampu melampaui perbezaan dalam pemikiran ekonomi, Eucken hanya dapat menerima falsafah sosial yang dapat yang diintegrasikan ke dalam sistem aturan ekonominya.

5. PENUTUP

Contoh penerimaan Brunner oleh golongan ordoliberal berfungsi untuk menonjolkan akar Kristian Ekonomi Pasaran Sosial. Para pengasasnya bergulat secara intensif dengan konsep teologi dan sosial-etika pada zaman mereka. Pengasas yang sama ini juga sangat mempengaruhi Ludwig Erhard dan amalan Ekonomi Pasaran Sosial¹¹⁷. Dalam kes Brunner ada hubungan langsung kepada politik pasca-perang Jerman Barat. Eugen Gerstenmaier (1906-1986), presiden Bundestag, atau parlimen, dan “ketua ideolog bagi Persekutuan”¹¹⁸ pada era Adenauer, melihat dalam karya Brunner, *Keadilan dan Aturan Sosial* asas bagi pembangunan semula Jerman¹¹⁹. Sejauh mana hal ini mempengaruhi amalan ekonomi pada

114 *Ibid.*, hlm. 192.

115 Eucken (1952/1990), hlm. 349.

116 *Ibid.*, hlm. 350.

117 Untuk lebih lanjut tentang Eucken dan pengaruh Röpke terhadap Ludwig Erhard lihat Mierzejewski (2006), hlm. 45-49.

118 Klein (2006), hlm. 61.

119 Gerstenmaier (1960/1962), hlm. 407. Dia juga menyebutkan bahawa Kurt-Georg Kiesinger (1904-1988) juga sangat menghargai etika sosial Brunner (*ibid.*, hlm. 406). Terima kasih kepada Klein (2006, hal 67) yang menunjukkan saya pada kutipan ini.

tahun-tahun awal Republik Persekutuan tidak akan dibincangkan di sini, tetapi akan menjadi pertanyaan yang menarik.

Pada masa yang sama, persamaan dan perbezaan dalam pemikiran Walter Eucken dan Wilhelm Röpke menjadi jelas¹²⁰. Penerimaan Eucken terhadap Brunner dibentuk oleh ketaatannya yang sangat utuh pada sistem aturan ekonominya sendiri. Ini membuat perkara lebih jelas dan konsisten. Pada masa yang sama, bagaimanapun, pemikirannya muncul sempit. Röpke, di sisi lain, dalam soal berkaitan ekonomi, jauh lebih bersifat mengharmonikan dan menekankan pada unsur-unsur sosio-falsafah. Ini membuatkan pemikirannya lebih terbuka dalam erti yang positif. Harus pada masa yang sama dikatakan bahawa sikap yang lebih jelas pada laporan ekonomi Brunner begitu dikehendaki. Beberapa orang pengulas telah menggunakan perspektif yang berbeza untuk membuat kesimpulan bahawa pemisahan Eucken dengan historisisme jauh lebih definitif daripada Röpke¹²¹. Penerimaan Eucken dan Röpke terhadap Brunner menunjukkan bahawa tesis ini mempunyai nilai. Pada masa yang sama, kita tidak boleh melupakan fakta bahawa Eucken dan Röpke, walaupun mereka memilih penekanan yang berbeza, akhirnya tiba pada keputusan yang sama.

120 Kolev (2009, hlm. 1) membincangkan persamaan dan penggabungan yang signifikan.

121 Zweynert, (2007), hlm. 11.

RUJUKAN

- Barth, Karl (1947/1960): *Die protestantische Theologie im 19. Jahrhundert. Ihre Vorgeschichte und ihre Geschichte* – Zürich.
- Berger-Gerhardt, Ursula (1958): *Über den Verfasser*, dalam: Brunner, Emil: *Gott und sein Rebell. Eine theologische Anthropologie*, ed. oleh Ursula Berger-Gerhardt – Hamburg, hlm. 137-139.
- Brakelmann, Günter/Jähnichen, Traugott (1994): *Einleitung*, dalam: *Die protestantischen Wurzeln der Sozialen Marktwirtschaft. Ein Quellenband*, ed. oleh Günter Brakelmann/Traugott Jähnichen – Gütersloh, pp. 13-37.
- Brunner, Emil (1922/1962): *Die Grenzen der Humanität*, dalam: *Anfänge der dialektischen Theologie*. Teil 1: Karl Barth, Heinrich Barth, Emil Brunner, ed. oleh Jürgen Moltmann (Theologische Bücherei, vol. 17(1); *Systematische Theologie*) – München, hlm. 259-279 (Asal dari: *Sammlung gemeinverständlicher Vorträge und Schriften*, No 102 Tübingen).
- Brunner, Emil (1925/1962): *Gesetz und Offenbarung. Eine theologische Grundlegung*, dalam: *Anfänge der dialektischen Theologie*. Teil 1: Karl Barth, Heinrich Barth, Emil Brunner, ed. oleh Jürgen Moltmann (Theologische Bücherei, vol. 17(1) ; *Systematische Theologie*) – München, hlm. 290-298 (Asal dalam: *Theologische Blätter*, Tahun ke-4, hlm. 53-58).
- Brunner, Emil (1932/1939): *Das Gebot und die Ordnungen. Entwurf einer protestantisch-theologischen Ethik* – Zürich.
- Brunner, Emil (1943): *Gerechtigkeit. Eine Lehre von den Grundgesetzen der Gesellschaftsordnung* – Zürich.
- Brunner, Hans H. (1986): *Mein Vater und sein Ältester. Emil Brunner in seiner und meiner Zeit* – Zürich.
- Dietzfelbinger, Daniel (1997): *Stiltheorie und Soziale Marktwirtschaft. Die religions- und wirtschaftssoziologischen Studien Alfred Müller-Armacks* – Diss. München.
- Eucken, Walter (1932a): *Religion – Wirtschaft – Staat. Zur Problematik des Gegenwartsmenschen*, dalam: *Die Tatwelt*, vol. 8(7/9), hlm. 82-89.
- Eucken, Walter (1932b): *Staatliche Strukturwandlungen und die Krisis des Kapitalismus*, dalam: *Weltwirtschaftliches Archiv*, vol. 36, hlm. 97-321 (Reprint: ORDO, vol. 48, hlm. 5-24).
- Eucken, Walter (1938): *Die Überwindung des Historismus*, in: *Schmollers Jahrbuch*, vol. 62(2) – München, hlm. 63-86.
- Eucken, Walter (1940): *Wissenschaft im Stile Schmollers*, hlm. *Weltwirtschaftliches Archiv*, vol. 52, hlm. 469-506.

- Eucken, Walter (1940/1965): *Die Grundlagen der Nationalökonomie (Enzyklopädie der Rechts- und Staatswissenschaft. Abteilung Staats- wissenschaft)* – Berlin et al.
- Eucken, Walter (1952/1990): *Grundsätze der Wirtschaftspolitik*, ed. oleh Edith Eucken/K. Paul Hensel (UTB 1572) – Tübingen.
- Gerstenmaier, Eugen (1960/1962): *Emil Brunner, Zum 70. Geburtstag. Ansprache im Deutschen Generalkonsulat in Zürich am 14. Mai 1960*, dalam: *Gerstenmaier, Eugen: Reden und Aufsätze, vol. 2* – Stuttgart, hlm. 405-407.
- Goldschmidt, Nils (2005a): *Die Rolle Walter Euckens im Widerstand. Freiheit, Ordnung und Wahrhaftigkeit als Handlungsmaximen*, dalam: *Goldschmidt, Nils (2005b)* – Tübingen, hlm. 286-314.
- Goldschmidt, Nils (2005b): *Wirtschaft, Politik und Freiheit. Freiburger Wirtschaftswissenschaftler und der Widerstand*, ed. oleh Nils Goldschmidt (*Untersuchungen zur Ordnungstheorie und Ordnungspolitik, vol. 48*) –Tübingen.
- Hennecke, Hans J. (2005): *Wilhelm Röpke. Ein Leben in der Brandung* – Stuttgart.
- Hensel, Karl P. (1949): *Ordnungspolitische Betrachtungen zur katholischen Soziallehre (im Sinne der päpstlichen Enzykliken „Rerum Novarum“ und „Quadragesimo Anno“)*, dalam: *ORDO, vol. 2*, hlm. 229-269.
- Hildebrand, Bruno (1848/1998): *Die Nationalökonomie der Gegenwart und Zukunft, vol. 1* – Frankfurt am Main, 1848 (Facsimile 1998).
- Hirschberger, Johannes (1952/2007): *Geschichte der Philosophie. 2. Teil: Neuzeit und Gegenwart* – Köln.
- Höffe, Ottfried (2001): *Kleine Geschichte der Philosophie* – München.
- Klein, Michael (2006): *Eugen Gerstenmaier - Der „Chefideologe“ der Union*, in: *Eugen Gerstenmaier (1906-1986). Kirche – Widerstand – Politik*, ed. oleh Günter Buchstab – Sankt Augustin, hlm. 61-72.
- Klinckowstroem, Wendula von (2000): *Walter Eucken. Eine biographische Skizze*, dalam: *Walter Eucken und sein Werk. Rückblick auf den Vordenker der sozialen Marktwirtschaft*, ed. oleh Lüder Gerken (*Untersuchungen zur Ordnungstheorie und Ordnungspolitik, vol. 41*) – Tübingen, hlm. 53-115.
- Kolev, Stefan (2009): *Macht und soziale Kohäsion als Determinanten. Zur Rolle des Staates in der Wirtschaftspolitik bei Walter Eucken und Wilhelm Röpke (HWWI, Research-Paper 5-8)* – Hamburg, (http://www.hwwi.org/uploads/tx_wilpubdb/HWWI_Research_Paper_5-8.pdf).
- Kuehnelt-Leddihn, Erik von (2000): *Weltweite Kirche. Begegnungen und Erfahrungen in sechs Kontinenten 1909-1999* – Stein am Rhein.

- Lachmann, Werner (1988): *Ethik und Soziale Marktwirtschaft. Einige wirtschaftswissenschaftliche und biblisch-theologische Überlegungen*, dalam: *Wirtschaftswissenschaft und Ethik*, ed. oleh Helmut Hesse (*Schriften des Vereins für Socialpolitik, Neue Folge, vol. 171*) – Berlin, hlm. 277-304.
- Lachmann, Werner (2002): *Protestantische Wurzeln der Sozialen Marktwirtschaft und ihre biblische Bewertung*, dalam: *Mehr als man glaubt. Christliche Fundamente dalam Recht, Wirtschaft und Gesellschaft*, ed. oleh Ingo Resch – Gräfelfing, pp. 187-217.
- Lenel, Hans O. (1989): *Walter Eucken (1891-1950)*, dalam: *Klassiker des ökonomischen Denkens, vol. 2*, ed. oleh Joachim Starbatty – München, hlm. 292-311.
- Mann, Golo (1958/1992): *Deutsche Geschichte des 19. und 20. Jahrhunderts* – Frankfurt am Main.
- Mierzejewski, Alfred C. (2006): *Ludwig Erhard. Der Wegbereiter der Sozialen Marktwirtschaft* – München.
- Neumark, Fritz (1980): *Erinnerungen an Wilhelm Röpke*, dalam: *Wilhelm Röpke. Beiträge zu seinem Leben und Werk*, ed. oleh Ludwig-Erhard-Stiftung (*Symposion IV. Wilhelm Röpke*) – Stuttgart/New York, pp. 7-21.
- Nutzinger, Hans G. / Müller, Eckart (1997): *Die protestantischen Wurzeln des Konzepts der Sozialen Marktwirtschaft*, dalam: *Ordnungs-konforme Wirtschaftspolitik dalam der Marktwirtschaft. Festschrift für Prof. Dr. Hans-Rudolf Peters zum 65. Geburtstag*, ed. oleh Sylke Beh-rends – Berlin, hlm. 27-64.
- Oswalt, Walter (2005): *Liberale Opposition gegen den NS-Staat. Zur Entwicklung von Walter Euckens Sozialtheorie*, dalam: Goldschmidt, Nils (2005b) – Tübingen, hlm. 315-353.
- Pannenberg, Wolfhart (1997): *Problemgeschichte der neueren evangelischen Theologie in Deutschland. Von Schleiermacher bis zu Barth und Tillich* – Göttingen.
- Petersen, Tim (2008): *Wilhelm Röpke und die Katholische Soziallehre* (HWWI Research Paper 5-5) – Hamburg (http://www.hwwi.org/uploads/tx_wilpubdb/HWWI_Research_Paper_5-5_01.pdf).
- Pribram, Karl (1998): *Geschichte des ökonomischen Denkens, vol. 1* – Frankfurt am Main.
- Rauscher, Anton (1977/1988): *Kirchliche Soziallehre*, dalam: *Rauscher, Anton: Kirche in der Welt. Beiträge zur christlichen Gesellschaftsver-antwortung, vol. 1*, Würzburg, hlm. 11-21 (Asal dari: *Handbuch der Wirtschaftswissenschaften, vol. 7* – Stuttgart, hlm. 41-51).

- Rieter, Heinz/Schmolz, Matthias (1993): *The Ideas of German Ordoliberalism 1938-1945. Pointing the Way to a New Economic Order*, dalam: *The European Journal of the History of Economic Thought*, vol. 1(1), hlm. 87-114.
- Ritter, Gerhard (1945/1979): *Preface*, dalam: *In der Stunde Null. Die Denkschrift des Freiburger "Bonhoeffer-Kreises" Politische Gemeinschaftsordnung: Ein Versuch zur Selbstbesinnung des christlichen Ge-wissens in den politischen Nöten unsrer Zeit*, ed. oleh Helmut Thielicke – Tübingen, hlm. 26-30.
- Röpke, Wilhelm (1976): *Briefe 1934-1966. Der innere Kompaß*, ed. oleh Eva Röpke – Erlenbach-Zürich.
- Röpke, Wilhelm (1944/1946): *Civitas humana. Grundfragen der Gesellschafts- und Wirtschaftsreform* – Erlenbach-Zürich.
- Röpke, Wilhelm (1942): *Die Gesellschaftskrisis der Gegenwart* – Erlenbach-Zürich.
- Röpke, Wilhelm (1937/1994): *Die Lehre von der Wirtschaft* (UTB, vol. 1736. *Wirtschafts- und Sozialtexte*) – Bern et al.
- Röpke, Wilhelm (1937): *Die Neuordnung von Wirtschaft und Gesell-schaft. Betrachtungen zu Meßners „Die berufständische Ordnung“*, dalam: *Monatsschrift für Kultur und Politik*, vol.2, hlm. 325-332.
- Röpke, Wilhelm (1944): *Gerechtigkeit*, in: *Schweizerische Bauzeitung*, vol. 123, hlm. 171-172 (Diterbitkan semula dalam: Röpke, Wilhelm: *Gegen die Bran-dung. Zeugnisse eines Gelehrtenlebens unserer Zeit*, – Erlenbach-Zürich / Stuttgart, 1959, hlm. 348-354).
- Roser, Traugott (1998): *Protestantismus und Soziale Marktwirtschaft: Eine Studie am Beispiel Franz Böhms (Entwürfe, vol. 6)* – Münster.
- Schmoller, Gustav von (1893/1949): *Die Volkswirtschaft, die Volkswirtschaftslehre und ihre Methode (Sozialökonomische Texte, H. 16/17)* – Frankfurt am Main.
- Treue, Wilhelm (1962/1973): *Wirtschaftsgeschichte der Neuzeit, vol. 1: 18. und 19. Jahrhundert (Kröners Taschenausgabe, vol. 207)* – Stuttgart.
- Troeltsch, Ernst (1922/1961): *Gesammelte Schriften, vol. 1: Die Soziallehren der christlichen Kirchen und Gruppen* – Aalen.
- Tuchtfeldt, Egon/Willgerodt, Hans (1994): *Wilhelm Röpke. Leben und Werk*, dalam: Röpke, Wilhelm (1937/1994): *Die Lehre von der Wirt-schaft* (UTB, vol. 1736. *Wirtschafts- und Sozialtexte*) – Bern et al., hlm. 340-371.
- Wünsch, Georg (1927): *Evangelische Wirtschaftsethik* – Marburg.
- Zahrnt, Heinz (1966): *Die Sache mit Gott. Die protestantische Theologie im 20. Jahrhundert* – München.
- Zweynert, Joachim (2007): *Die Entstehung ordnungsökonomischer Paradigmen. Theoriegeschichtliche Betrachtungen (Diskussionspapier, No 07/8)* – Freiburg im Breisgau.

PERANAN PASARAN DAN KERAJAAN DALAM EKONOMI: SATU RENUNGAN TERHADAP MODEL EKONOMI ISLAM DENGAN PERBANDINGAN KEPADA EKONOMI PASARAN SOSIAL NEGARA GERMAN¹

Mohamed Aslam Haneef

ABSTRAK

Semua sistem ekonomi dunia bermatlamat untuk mencapai pertumbuhan dan kesamarataan. Tetapi malangnya, kedua-dua tersebut membawa makna dan kaedah yang berbeza. Dua teras utama dalam perbincangan sistem ekonomi adalah penyelarasan mekanisme dan perhubungan antara pasaran dan kerajaan untuk mencapai kedua matlamat ini. Krisis kewangan baru-baru ini telah membuktikan bahawa kuasa pasaran sahaja tidak mampu untuk menjamin kesejahteraan ekonomi. Dan masalah-masalah yang dihadapi kebanyakan negara kebajikan di Eropah juga menunjukkan cabaran-cabaran yang harus diatasi. Dalam senario ini, Ekonomi Pasaran Sosial negara Jerman dapat menawarkan 'alternatif' yang menarik untuk mengimbangi kapitalisme neoklasik dan *laissez-faire* untuk pembangunan Ekonomi Islam. Makalah ini akan cuba untuk membincangkan dan membandingkan konsep-konsep asas yang terkandung dalam hubungan individu/masyarakat yang mempunyai pengaruh kepada kerajaan dan pasaran daripada sistem Ekonomi Islam dan model Ekonomi Pasaran Sosial negara Jerman. Makalah ini berpendapat walaupun kedua-dua sistem menitikberatkan peranan individu dan pasaran, tetapi wujud juga satu tunjang sosial yang lain, iaitu peranan kerajaan yang melengkapi untuk mencapai matlamat sistem

1 Makalah ini dibentang dalam Persidangan Antarabangsa Bertemakan '*After the Crisis: New Approaches for a Value-Based Economic Policy*', 11-13 Oktober 2010, Abu Dhabi, UAE dianjurkan oleh Konrad Adenauer Stiftung dan German-Emirati Chamber for Trade and Industry.

2 Professor, Jabatan Ekonomi & Islam dan Unit Penyelidikan Dasar, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Penulis amat berterima kasih kepada Muhamadou Lamin Jaiteh atas bantuannya dalam menyiapkan makalah ini.

tersebut. Maka, makalah ringkas ini cuba untuk membuat pemerhatian sejauh mana model Ekonomi Pasaran Sosial dapat dirujuk dalam usaha untuk membina alternatif kontemporari bagi masyarakat/negara Muslim dalam usaha mereka untuk mencapai kemajuan ekonomi dan pembangunan.

PENDAHULUAN

Istilah “Ekonomi Pasaran Sosial” mula timbul selepas tragedi teruk Jerman dalam Perang Dunia kedua. Idea-idea awal Ekonomi Pasaran Sosial ini boleh dikaji melalui pemikir-pemikir terawal model ini, sepertimana yang didakwa penyokong-penyokong mereka, termasuk Adam Smith, Max Weber, dan kebanyakan mereka yang penyokong Sekolah Historikal Jerman³. Beberapa takrifan Ekonomi Pasaran Sosial kini boleh ditemui, tetapi tema utamanya yang tidak akan lari adalah peranan ‘saling kebergantungan’ antara kerajaan dan pasaran. Misalnya; kamus menakrifkan Ekonomi Pasaran Sosial sebagai: “Sebuah sistem ekonomi di mana industri dan perdagangan dikendalikan oleh syarikat-syarikat swasta yang dibatasi set peraturan oleh kerajaan untuk menjamin kesamaan peluang dan kesamaan dalam tanggungjawab sosial dan tanggungjawab terhadap alam sekitar”.⁴

Ekonomi perusahaan swasta menunjukkan ekonomi pasaran⁵. Para pengikut model ekonomi ini jelas dalam membezakan istilah ‘sosial’ dan ‘sosialis’. Istilah pertama menggambarkan keteraturan ekonomi atas premis tanggungjawab popular bersama dalam menentukan barangan sosial, manakala istilah yang kedua berkisar tentang sistem ekonomi terkawal oleh kerajaan; iaitu kawalan terhadap sumber-sumber produktif yang menyebabkan penyekatan kepada kebebasan memilih. Dalam reformasi pasca perang Jerman, ciri-ciri Ekonomi Pasaran Sosial disematkan dalam Artikel (13) yang menggabungkan kembali Jerman;

3 Untuk pengenalan tentang sejarah penyumbang-penyumbang Ekonomi Pasaran Sosial, sila rujuk Rolf H. Hasse, Hermann Schneider dan Klaus Weigelt (Eds.), 2008. Antara penyumbang-penyumbang utamanya adalah mereka daripada Sekolah Ekonomi Freiburg, yang kemudiannya membangunkan aliran Adam Smith, dan juga meyakinkan bahawa falsafah, sains dan keagamaan mempunyai impak kuat terhadap proses ekonomi (Weber). Dengan itu, menjelaskan mengapa para ordoliberal perlu untuk mendalami ajaran-ajaran sosial Katolik.

4 Collins English Dictionary, HarperCollins Publishers, 1991,1994,1998, 2000 dan 2003.

5 Namun, perkembangan model ekonomi China baru-baru ini menunjukkan bahawa ekonomi pasaran tidak semestinya tertakluk kepada ekonomi perusahaan swasta. Kapitalisme kerajaan dan syarikat-syarikat kerajaan yang dikendalikan dengan ‘arahan-arahan kerajaan’ adalah contoh lain yang tidak akan dibincangkan dalam makalah ini.

iaitu 'harta benda persendirian, persaingan, harga percuma maklumat dan kebebasan dalam pekerjaan, permodalan dan perkhidmatan'. Artikel 1(4) menjanjikan keteraturan pasaran pekerjaan yang penting berdasarkan teras keadilan dalam pencapaian dan (imbangan) pampasan. 'Dimensi sosial dan matlamat sikap' Ekonomi Pasaran Sosial banyak dibincangkan dalam penulisan-penulisan sarjana seperti penulisan Alfred Müller-Armack (1901-1978). Dalam usaha penyebaran keteraturan sosial dan institusi Jerman, nilai sosial dan usaha untuk menerima tanggungjawab sosial adalah salah satu tiang pembezaan Ekonomi Pasaran Sosial, sepertimana yang disebut oleh Wilhelm Röpke (1889-1966); iaitu penyelesaian 'jalan ketiga' (yang berbeza dengan kapitalisme dan sosialisme).

Ekonomi Islam juga boleh dikatakan mencapai 'permulaan kontemporari'nya di sekitar tahun 1950-an apabila perintis-perintis seperti M.N. Siddiqi, M.A. Mannan, M. Baqir Sadr dan S. Mahmud Taleghani, mula untuk menulis makalah-makalah bertajuk 'Ekonomi Islam' dan 'Sistem Ekonomi Islam'⁶. Pelopor-pelopor ini, terutamanya dua yang terakhir, membuat tumpuan utama terhadap menggariskan sifat-sifat Sistem Ekonomi Islam. Contohnya, Sadr dalam karya agunginya, *Iqtisaduna* (Ekonomi Kita), yang berbeza dengan kapitalisme, sosialisme dan Sistem Ekonomi Islam di penghujung 1950-an di ketika beliau masih dalam penjara di Iraq. Dalam tulisan-tulisan tersebut, boleh diperhatikan seruan kepada sistem yang mempunyai peranan kerajaan dan pasaran yang saling lengkap-melengkapi untuk mencapai matlamat sistem tersebut. Umumnya, kesemua sarjana di atas mengemukakan pandangan bahawa Ekonomi Islam seharusnya dilihat sebagai ekonomi campuran; walaupun masih terdapat perbezaan di antara pandangan-pandangan mereka.

Sepertimana Ekonomi Pasaran Sosial yang melihat sistem ekonomi secara menyeluruh, penyokong Ekonomi Islam juga mengiktiraf kesepaduan antara ekonomi, agama, falsafah (ideologi), dan nilai-nilai sosial dalam dimensi kehidupan. Menarik apabila, karya Sadr bertajuk *Falsafatuna* (Falsafah Kita) dan *Ijtima'una* (Masyarakat Kita) yang terkandung dalam trilogi beliau bertujuan untuk membentangkan sebuah 'sistem' pendekatan untuk memahami bahawa Islam bukan hanya sekadar 'agama' tetapi adalah teras kepada 'cara kehidupan yang menyeluruh', yang merangkumi semua aspek kehidupan dan sosial.

⁶ Untuk maklumat lanjut, rujuk Haneef (1995) untuk pengkajian terhadap enam pelopor idea ekonomi islam.

Dalam makalah ini, kami bermatlamat untuk membuat satu analisis perbandingan ringkas tentang beberapa konsep, isu-isu dan tema antara Ekonomi Pasaran Sosial dan Ekonomi Islam, yang mempunyai impak terhadap sifat-sifat utama peranan pasaran dan kerajaan dalam sesebuah ekonomi. Matlamat akhir kami adalah untuk menunjukkan bahawa dalam membangunkan alternatif ekonomi kontemporari Islam, penyokong-penyokong Ekonomi Islam dapat mempelajari banyak daripada sumbangan-sumbangan penyokong Ekonomi Pasaran Sosial, terutamanya ketika ekonomi neoklasikal arus perdana yang sedang mengalami kemunduran yang paling teruk akibat krisis-krisis yang tidak berhenti melanda. Sementara mengakui bahawa terdapat perbezaan antara Ekonomi Pasaran Sosial Jerman dan sebuah Ekonomi Islam, kajian lanjut dan analisis mendalam masih perlu dilaksanakan sebelum keputusan dibuat.

EKONOMI ISLAM DAN EKONOMI PASARAN SOSIAL: EKONOMI PASARAN BERDASARKAN PRINSIP-PRINSIP SOSIAL

Teras kepada pandangan yang mengemukakan Ekonomi Islam dan Ekonomi Pasaran Sosial berkongsi banyak persamaan kebanyakannya datang daripada satu premis asas; iaitu kedua-duanya adalah ekonomi pasaran yang memberikan keutamaan kepada pertimbangan sosial. Justeru, kedua-dua Ekonomi Islam dan Ekonomi Pasaran Sosial menyeru untuk melangkaui takrifan sempit kepentingan diri sebagai asas motivasi untuk memperkukuh sistem tersebut. Menurut penyokong-penyokongnya, Ekonomi Pasaran Sosial adalah satu sistem terbuka, satu sistem yang anjal dan sedia untuk disesuaikan dengan syarat-syarat sosial selagi kelonggaran ini tidak menggugat idea asas dan makna sistem tersebut. Ekonomi Pasaran Sosial menggabungkan *prinsip pasaran bebas dan prinsipimbangan sosial*. Ekonomi Pasaran Sosial menyatukan *teori liberalisme berorientasikan masyarakat* (yang didasari idea kebebasan) dan *falsafah sosial berorientasikan etika*, yang mengandungi asas keadilan sosial.

Kebebasan seperti ini juga dibawa dalam Ekonomi Islam. Menurut satu kajian pada awal 1990-an, penulis tersebut menemukan bahawa Qur'an, tatkala mengiktiraf kedudukan mulia manusia, juga mengiktiraf dua kedudukan yang mempunyai asas implikasi kepada ekonomi: satu yang memberi keutamaan kepada individu (pandangan individu sebagai *kebalifah*), lalu menjurus kepada sistem ekonomi yang lebih dikuasai

pasaran; dan satu lagi yang tertumpu kepada masyarakat (pandangan umat manusia sebagai *kehalifah*), dan menjurus kepada peranan kerajaan yang penting dalam menjamin keadilan sosial dan ekuiti sosial⁷. Kedua-dua pandangan ini meletakkan kedudukan yang logikal, koheren dan konsisten terhadap pemilikan harta benda, pengagihan, serta peranan pasaran dan kerajaan dalam ekonomi yang berfungsi. Sementara individu sering menjadi unit asas kepada analisis, kita tidak boleh sekadar menganalisa individu secara atomistik, tetapi ia adalah analisis kepada individu sosial yang ditekankan dalam Islam, yang turut sama dikongsi dalam Ekonomi Pasaran Sosial. Kerana akhirnya individu yang akan menerima ganjaran atau hukuman, dengan itu struktur sosial dan etos sosial yang tersemat dalam konsep tersebut seperti *ummah* (masyarakat) tidak akan terpisah daripada analisis terhadap individu.

PASARAN DAN KEPENTINGAN HARTA PERSENDIRIAN

Pemahaman terhadap keteraturan sosial dalam Ekonomi Pasaran Sosial bergantung kepada rakyat itu sendiri dan keperluan mereka dalam hidup bermasyarakat. Sepertimana individu-individu, kelompok-kelompok dan masyarakat-masyarakat yang berbeza bentuk, kemahiran, dan kualitinya, begitu juga keperluan, kepentingan, matlamat dan cara yang digunakan untuk memenuhinya. Namun, matlamat akhir yang mampu diperolehi daripadanya bergantung kepada sumber-sumber yang dimiliki oleh ejen-ejen yang akan melaksanakannya. Sumber (aset kebendaan) boleh wujud dalam dua bentuk, nyata dan tidak nyata. Dan kewujudan sumber yang sentiasa kekurangan ini bererti wujudnya keperluan untuk membuat 'keputusan yang bijak' dan berkesan/efisien dalam memenuhi sesuatu tujuan, tidak kira bertujuan untuk individu ataupun masyarakat secara keseluruhan. Oleh itu, Pengagihan sumber-sumber bukan hanya perlu untuk dilaksanakan, tetapi ia juga harus dilaksanakan secara adil dan saksama dalam konteks individu-individu dalam masyarakat, tidak kira untuk generasi sekarang atau generasi akan datang.

Sementara model ekonomi pasaran neoklasik menyeru kepada *laissez-faire* di mana keputusan ini diserahkan bulat-bulat kepada mekanisme harga yang mana berlandaskan prinsip penswastan harta, keutamaan pasaran yang tiada batas, dan persaingan dalam pasaran, sementara aliran dan ekonomi pasaran yang lain mempunyai pendapat yang agak berbeza. Sebagai Contoh, Ekonomi Pasaran Sosial yang juga memberi keutamaan

7 Haneef, Mohamed Aslam (1994), 'Intellectual Parameters of Contemporary Islamic Economic Thought and Policy'.

kepada individu dan pasaran, tetapi tidak beranggapan bahawa pasaran itu sesuatu yang ‘sakral’, begitu juga individu yang punyai kelemahan. Maka, campurtangan adalah sesuatu yang dibenarkan, mungkin juga sesuatu yang diperlukan, untuk menjamin kesejahteraan masyarakat secara keseluruhan. Dalam Ekonomi Pasaran Sosial, campurtangan yang perlu bukan hanya sekadar diperbincangkan selepas kegagalan pasaran, malah ia adalah sebahagian daripada tetapan keinstitutional sebuah Ekonomi Pasaran Sosial.

Dalam Ekonomi Islam, pendapat Ekonomi Pasaran Sosial ini lebih mudah diterima dari segi perhubungan antara kepentingan individu, kuasa pasaran dan kesejahteraan sosial. Sebagai contoh, apabila membincangkan asas kepada falsafah Ekonomi Islam dan perkembangannya, Khurshid Ahmed (1976), seorang pendokong Ekonomi Islam menyentuh tentang ini sehubungan dengan konsep *khilafah*: “Ini mentakrifkan status dan peranan manusia, yang mengkhususkan tanggungjawab-tanggungjawab manusia, seorang Muslim, di mana *ummah* Muslim sebagai tempat kepada *khilafah* ini. Di sini, tersemat konsep Islam yang unik, iaitu amanah dan moral dalam politik dan ekonomi dan juga prinsip-prinsip terhadap kemasyarakatan.⁸ Kedudukan *khalifah* menunjukkan harta persendirian sebagai satu amanah yang besar, manakala peranan manusia sebagai ‘hamba kepada Tuhan’, memastikan bahawa selain kepentingan peribadi, kepentingan orang lain juga harus dipertimbangkan. Kebanyakan yang diajukan dalam analisis ekonomi adalah idea saling kebergantungan, bukannya fungsi utiliti yang independen. Pendapat ini juga dikongsi bersama dalam ‘takrifan keagamaan’ Ekonomi Pasaran Sosial, yang mana jarang sekali diabaikan oleh penyokongnya.

Pernyataan penting lain yang menentukan perhubungan antara individu dan masyarakat boleh didapati dalam kepustakaan yang membincangkan matlamat *shari’ah*, di mana matlamat terakhir kesejahteraan rakyat atau masyarakat dilihat sebagai tujuan utama *shari’ah*, maka, kepentingan peribadi tidak boleh mengagadai kesejahteraan masyarakat. Malah, menurut pandangan kebanyakan pakar undang-undang, peraturan umumnya adalah kepentingan masyarakat boleh

8 Khurshid Ahmed (1976), ‘Economic Development in An Islamic Framework’, makalah ini dibentangkan dalam Persidangan Ekonomi Islam yang pertama di Makkah. Persidangan ini terkenal sebagai pencetus kelahiran Ekonomi Islam sebagai satu disiplin, kerana inilah kali pertama satu persidangan besar dianjurkan dengan mengumpulkan bersama para sarjana pengajian Islam dan *shari’ah* bersama ahli-ahli ekonomi dan para saintis sosial untuk membincangkan tentang pembangunan Ekonomi Islam dan hal-hal yang berkaitan.

melangkaui kepentingan peribadi sekiranya wujud konflik di antara keduanya. Oleh itu, kehidupan berekonomi dan membuat keputusan dilihat sebagai suatu cabaran kepada individu dan dilihat sebagai suatu bentuk penyerahan menyeluruh kepada penentuan Tuhan dalam pemerolehan undang-undang dan pengurusan sumber-sumber, tanpa menjejaskan imbalan sosial sedia ada.

STRUKTUR KEINSTITUSIAN DAN PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG DALAM EKONOMI PASARAN SOSIAL

Ekonomi Pasaran Sosial ini dikatakan sebagai 'jalan ketiga', kerana ia adalah pembaikan daripada kapitalisme pasaran liberal dan juga menerapkan nilai-nilai kemasyarakatan daripada sosialisme terarah. Di Jerman, nilai-nilai ini telah tersemat dalam undang-undang pentadbiran, ekonomi dan industri untuk menjamin perlindungan terhadap martabat manusia, perlindungan terhadap perkahwinan dan keluarga dan perlindungan terhadap hak-hak harta persendirian. Di mana kekurangan oleh pasaran dalam Ekonomi Pasaran Sosial, unsur-unsur keteraturan industri (iaitu, undang-undang, perlembagaan atau peraturan) tersemat dalam sistem tersebut supaya dapat bertindak sebagai langkah-langkah pembetulan. Kerana inilah Artikel 14 daripada *Germany's Basic Law* menjamin hak-hak harta persendirian. Namun, turut dinyatakan bahawa ia seharusnya berfungsi untuk kesejahteraan masyarakat: "Batas kepada hak pemilikan persendirian harusnya difikirkan supaya pemilikan ini memanfaatkan pemilikinya *apabila mereka bersedia untuk menawarkan perkhidmatan kepenggunaan, bukannya apabila mereka cuba untuk memperkaya diri melalui kuasa, monopoli, kartel dan penentuan harga*". Melalui imbalan bersesuaian antara peranan pasaran dan campurtangan kerajaan, harta persendirian dan barangan sosial, satu percubaan dibuat bagi memastikan kejayaan individu dalam ruang ekonomi selari dengan mempertahankan martabat manusia dan teras kepada nilai-nilai sosialnya.

Apa yang pasti daripada postulat ini adalah bahawa Ekonomi Pasaran Sosial memegang sifat pasaran hingga ke terasnya. Namun, ia bukan sekadar pasaran yang mana individu bermain permainan hasil tambah sifar (*zero-sum game*), di mana kepentingan peribadi bererti 'menghapuskan persaingan'. Sistem ini juga cuba untuk mempamerkan bahawa ia mempunyai komponen sosial yang luar biasa dan menjana satu identiti unik yang mampu menyelesaikan permasalahan asasi ekonomi seperti peruntukan, pengeluaran dan pengagihan dalam sesuatu yang

bukan permainan hasil tambah sifar (*non-zero sum game*). Beberapa prinsip-prinsip asas telah dikuatkuasakan di dalam Artikel 20 dan 28 dalam *Basic Law* bagi menuju matlamat ini, seperti prinsip-prinsip tanggungjawab peribadi, subsidiariti, solidariti dan keyakinan pada diri sendiri.

Melalui sistem-sistem ini, sistem sosial tersebut lebih cenderung menuju kepada sebuah model kerajaan berkeadilan sosial. Sistem Jerman ini berfungsi untuk memastikan individu mempunyai peranan utama tetapi juga mengandungi asas-asas keselamatan sosial seperti peruntukan, pampasan dan insurans sosial sebagai sebahagian matlamatimbangan sosialnya. Ganjaran diberikan kepada individu-individu yang berbakat tanpa mengganggu gugat masyarakat. Namun begitu, Ekonomi Pasaran Sosial bukannya menggalakkan ketamakan, iaitu punca utama kepada krisis kewangan yang melanda dunia baru-baru ini. Tetapi ia memberi manfaat kepada individu-individu yang memberi manfaat kepada individu lain.

Berdasarkan Ekonomi Islam pula, kebebasan individu itu diangkat, sementara wujud juga kerangka undang-undang dan norma-norma sosial yang berperanan saling melengkapi dalam menjamin keseimbangan sosial. Kebanyakan yang diperincikan dalam perenggan-perenggan di atas adalah bersesuaian dengan Ekonomi Islam, namun, sumber autoriti yang terutama dalam Ekonomi Islam adalah agama, bukannya sekadar ideologi manusia. Sekurang-kurangnya dua pengkajian lanjut diperlukan: Pertama, kajian untuk memperoleh 'pembabitan manusia' yang berasaskan agama supaya pembezaan yang lebih baik dapat dihasilkan antara Ekonomi Islam dan Ekonomi Pasaran Sosial. Kedua, bagi memperoleh perbandingan yang lebih bermakna dalam Ekonomi Islam, kerja-kerja empirikal dan kajian lanjut daripada peruntukan undang-undang dan pelaksanaan di negara-negara Muslim/Islam diperlukan. Walaubagaimanapun, ketika ini, boleh dinyatakan dengan yakin bahawa kebanyakan penulisan-penulisan akademik jelas mendokong sifat-sifat ekonomi pasaran yang dilengkapi dengan kebajikan sosial dan peruntukan-peruntukan asas sebagai sifat-sifat utama dalam Ekonomi Islam.⁹

KONSEP KEMANUSIAAN

Oleh kerana manusia dan keperluan untuk memenuhi permintaan adalah fokus utama dalam setiap ekonomi, konsep kemanusiaan yang diaplikasi

⁹ Rujuk M. Umer Chapra (1992), *The Challenge of Islamic Economics* dan Syed Nawab Haider Naqvi (2003), *Perspectives on Morality and Human Well-Being* untuk dua pandangan yang saling melengkapi dalam Ekonomi Islam.

dalam Ekonomi Pasaran Sosial harus didalami dan difahami. Kapitalisme Pasaran Liberal meletakkan konsep manusia ekonomi rasional yang sempit menjadi tumpuan utama kepada semua analisis. Sosialisme terarah membahagikan masyarakat kepada kelas-kelas kerana melihat konflik sebagai penggerak utama dalam masyarakat. Mengikut Sosialisme Kebangsaan (iaitu Nazi), ras adalah lebih mustahak daripada manusia. Persepsi sebegini terhadap manusia sebelum ini telah mendatangkan bencana kemusnahan kehidupan dalam beberapa bentuk. Dengan itu, Jerman pasca perang meletakkan *martabat* setiap individu sebagai sesuatu yang “sakral”, seperti yang boleh didapati dalam Artikel (1) *German Basic Law*, dan martabat ini tidak boleh dinodai tidak kira mana-mana kaum, agama dan jantina. Dan turut termaktub dalam perlembagaannya, Artikel 79(3) dan Artikel (1-20) yang meletakkan hak asasi manusia sebagai satu ketetapan dan tidak boleh diubah. Di sini, menarik apabila pendokong-pendokong model Jerman ini sebulat suara menerima dua sumber konsep kemanusiaan. Pertama, agama, sumber-sumber Bible yang berkonotasi bahawa martabat manusia sebagai satu ciptaan Tuhan, di mana martabat manusia itu adalah anugerah daripada-Nya (rujuk huraian Bible dalam Genesis 1.27). Kedua, pandangan yang Humanis terhadap manusia, apabila membuat pernyataan martabat manusia itu datangnya daripada manusia sendiri sebagai satu hukum alam: “manusia adalah lebih daripada apa yang dia tahu tentang dirinya”.¹⁰

Dalam Islam, manusia dilihat sebagai ‘ciptaan terulung Tuhan’, yang diberi kesemua sumber-sumber dalam dunia untuk dibangunkan bagi memanfaatkan diri dan manusia. Martabat manusia (*karamah*) adalah fungsi teratas manusia sebagai *kehalifah*. Manusia sebagai satu individu tidak berhak untuk mencabul martabatnya sendiri atau martabat orang lain. Dalam keteraturan Islam, parameter-parameter terhadap martabat manusia umumnya digariskan dalam *shari’ah*.¹¹ *Shari’ah* merangkumi undang-undang, lumrah-lumrah, nilai-nilai dan prinsip-prinsip (iaitu panduan menyeluruh) untuk mendatangkan kebaikan dan kejayaan kepada manusia dalam dunia ini dan yang kemudian. Kebebasan individu, dalam Islam, juga dilihat sebagai sisi syiling yang lagi satu bagi tanggungjawab individu. Maka, tiada siapa yang boleh berhujah untuk masyarakat yang sepenuhnya ‘berdasarkan hak’ seperti sesetengah masyarakat yang ada di hari ini. Tambah lagi, jelas terdapat agenda yang reformasi dalam *shari’ah*

10 Rujuk Hasse *et. al*, hlm. 396.

11 Shari’ah adalah sebagai panduan daripada Tuhan, tetapi malangnya menjadi kebiasaan sekarang bahawa shari’ah hanya dianggap sekadar undang-undang.

yang menggariskan panduan untuk kemakmuran, kesejahteraan dan kejayaan menyeluruh.

Islam juga memastikan keadilan sosial sebagai satu matlamat untuk memartabatkan manusia. Sementara mengakui manusia diciptakan dengan kepentingan, kemahiran dan keupayaan yang berbeza-beza, matlamatnya tidak pernah untuk ‘menyamakan’ pendapatan atau kekayaan. Kedua-dua usaha dan keperluan adalah asas kepada hasilnya Ekonomi Islam. Namun begitu, keadilan yang dimaksudkan adalah dengan menyediakan keperluan minimum, mencipta peluang yang sama untuk semua, menjamin untuk pasaran yang adil, membenarkan hasil berbeza yang tidak terjangka tetapi cuba untuk mengawal perbezaan ini supaya dalam lingkungan bakat-bakat semulajadi, kemahiran dan atas usaha sendiri.¹²

IRENIK SOSIAL DAN ISLAM

Istilah Irenik dan Islam kedua-dua membawa maksud keamanan. Konsep yang pertama diperkenalkan untuk mencari kewujudan bersama yang aman antara pandangan hidup yang berbeza, memperakui identiti setiap satu tanpa bertanggapan kedudukan dominan untuk mana-mana pandangan hidup. Dalam menjelaskan idea Ekonomi Pasaran Sosial, Müller-Armack menghuraikan Irenik Sosial sebagai “memeluk fahaman dan ideologi yang berbeza-beza”. Dalam kerangka ini, dimensi sosial aturan keinstitutional (*institutional order*) tersebut memainkan peranan penting. Müller-Armack mengambil ciri-ciri beberapa doktrin (seperti Katolikisme, Protestantisme, Sosialisme dan Liberalisme) yang dianggap kaya dan sarat dengan nilai-nilai kepercayaan, moral dan etika. Berdasarkan saranan konsep ini, tugasnya adalah untuk menyesuaikan dan mendamaikan ideologi yang berbeza sementara mengambil perbezaan-perbezaan antaranya sebagai suatu anugerah. Hanya dengan itu Irenik boleh dilaksanakan sebagai satu penyelesaian.¹³

Müller-Armack menyatakan bahawa *kebebasan* dan *keadilan sosial* adalah dua nilai-nilai sosial asas yang mendasari idea Ekonomi Pasaran Sosial. Ia bermatlamat untuk mengimbangi ‘kecekapan pasaran bebas’ dan ‘pengimbang sosial’ (*kebebasan sosial dan keadilan sosial yang disepadukan dengan kekuatan Irenik sosial*) bagi menarik perhatian ekonomi dan politik yang maksimum. Müller-Armack berpendapat sama apabila beliau

12 Sebagai contoh, rujuk Munawar Iqbal (ed, 1986), *Need Fulfillment and Distribution Justice in Islam*.

13 Rujuk Hasse *et. al* 2008, hlm. 417.

menulis dalam perspektif etika tentang “formula irenik”¹⁴, yang cuba mengimbangi keadilan, kebebasan dan pertumbuhan ekonomi yang ideal. Cabarannya, sebagaimana diperakui beliau, adalah ‘bagaimana untuk kita temui persamaan itu’.

Mungkin jawapan untuk ini boleh ditemui dalam Islam. Islam bererti keamanan dan penyerahan, yang menjurus kepada pandangan keamanan sebenar hanya boleh dicapai melalui penyerahan total kepada kehendak Tuhan. Justeru, kaedah untuk mencapai keseimbangan dalam pandangan-pandangan dan kedudukan-kedudukan yang berbeza adalah sentiasa dengan kembali kepada Tuhan dan rasul-Nya, iaitu prinsip yang sangat asas dalam kerangka Islam. Sebagai contoh yang lebih terdahulu daripada irenik sosial Jerman, kita boleh dapati konsep *ijma’* (konsensus) dan *shura’* (rundingan bersama) dalam institusi Islam, yang antara lain membawa kepada realiti pluraliti dalam tamadun Islam, keadilan sosial dan prinsip kepada universalisme. Kesemua ini adalah ajaran asas dalam kitab suci Al-Qur’an, yang memiliki kualiti untuk mengekalkan kewujudan bersama antara kelainan kepercayaan dan ideologi dengan aman. Sebab itulah Islam, dalam bentuknya yang paling suci, menganggap kebebasan berfikir, hati nurani dan agama sebagai hak manusia yang tidak boleh dicabul, yang mana dianugerahkan oleh Tuhan melalui pengamalan kuasa untuk memilih. Pemeliharaan keadilan sosial, yang telah menjadi tiang kardinal kepada sistem sosial Jerman hari ini, mempunyai keserasian kuat dengan kepercayaan dan ajaran Islam. Peradaban Muslim di Sepanyol masih lagi dianggap daripada pelbagai kayu ukur, sebagai negara yang memberi hak kepada semua ‘warganegara’.

Pentingnya konsep tatangera yang universal tidak boleh disangkal lagi. Kerana ia bertindih dengan idea Qur’an bahawa manusia adalah milik kepada ‘satu bangsa’ (*Ummah Wahidah*) yang tidak boleh direnggang sesama lain, malah, manusia berusaha untuk menambah pengetahuan dan memahami sesama lain. Namun, di satu ketika dalam sejarah Muslim, perkara ini telah dilupakan. Kemungkinan dalam dimensi ekonomi ini, pendokong-pendokong Ekonomi Islam perlu untuk menimba semula asas norma-norma dan nilai-nilai sosial ini dan mencontohi daripada kebaikan Ekonomi Pasaran Sosial hari ini, terutamanya dalam bidang yang berurusan dengan pencarian keseimbangan tepat antara kedudukan-kedudukan yang kelihatan bertentangan.

14 Rujuk Hasse *et. al.*, hlm. 418.

PERBELANJAAN SOSIAL DAN KEPENTINGAN TERHADAP MODAL SOSIAL

Dalam Ekonomi Islam dan Ekonomi Pasaran Sosial, individu bertanggungjawab untuk bekerja dan mencari nafkah sendiri. Walaupun begitu, untuk menggambarkan keprihatinan terhadap kebaikan sosial, kedua-dua model ini berpandangan jelas terhadap perbelanjaan untuk kebaikan sosial atau awam. Dalam kes Ekonomi Pasaran Sosial, untuk memperbaiki kebertanggungjawaban terhadap peruntukan perbelanjaan dalam khidmat kebajikan sosial, ekonomi Jerman secara konsisten membentangkan Belanjawan Sosial yang menggambarkan hasil kerajaan dan anggaran kos untuk peruntukan kebajikan, antara lain seperti skim-skim pencen, pampasan dan insurans kehidupan. Belanjawan ini merangkumi **perkhidmatan am** (faedah-faedah skim pencen, penjagaan kejururawatan, pengangguran, insurans kemalangan, penciptaan kerja, kanak-kanak dan pendidikan), **perkhidmatan khas** (dana pencen, dana petani dan kumpulan wang simpanan), **perkhidmatan langsung** (skim perkhidmatan perkhidmatan awam, perkhidmatan pekerja, skim pampasan dan perkhidmatan bantuan sosial) dan **perkhidmatan tidak langsung** (usaha-usaha pencukaian atau rebat, contohnya, perbelanjaan keluarga dan pasangan, pampasan faedah tidak langsung anak atau elaan anak). Ini mencecah hingga 32 peratus daripada keseluruhan belanjawan dalam tahun 2007.

Ekonomi Islam pula mengiktiraf hasil dan perbelanjaan awam sebagai keutamaan yang paling tinggi, melainkan kategori-kategori perkhidmatan keselamatan sosial yang baru disebut tadi. Walaupun mungkin sukar untuk mendapati perincian kesemua perbelanjaan ini dalam perlaksanaan institusi bersejarah *baitul mal* (perbendaharaan), tetapi penulisan sarjana-sarjana dalam topik ini secara tidak langsung mempunyai kategori-kategori yang mirip. Selain usaha-usaha kerajaan melalui pencukaian, sistem Islam juga mempunyai usaha-usaha sukarela dan usaha-usaha wajib yang berkaitan langsung dengan ajaran Islam yang mempunyai impak kepada peruntukan perkhidmatan sosial. Contohnya semasa zaman khalifah Othman, dokumen-dokumen terdahulu yang dianalisa menunjukkan bahawa sebahagian besar institusi *amqaf* (pembiayaan agama) yang sukarela dalam masyarakat, di mana pendidikan, perkhidmatan perubatan, kemudahan awam dan hinggakan perkhidmatan keraian semuanya dibiayai pembiayaan amal jariah, iaitu sebahagian daripada sumbangan sektor ketiga, yang berbeza dengan peranan sektor am hari ini.¹⁵

15 Rujuk Cizacka, M. (1999).

Bertentangan dengan sumber-sumber yang konvensional - kebiasaannya dalam bentuk sumbangan insurans sosial, sumbangan oleh para pekerja, matlamat am yang ditetapkan dan sumber-sumber lain seperti pemulangan modal – sistem Islam ini lebih cenderung kepada tanggungjawab individu (melalui usaha-usaha wajib dan usaha-usaha sukarela) untuk menampung program-program kebajikan. Asad Zaman menyebut ini sebagai semangat bekerjasama, perikemanusiaan dan keharmonian.¹⁶ Bukti-bukti yang menyokong ini juga boleh didapati dalam penulisan Azmi terhadap pandangan Abu Yusuf, Yahya, Abu Ubaid, Al-Ghazali, Al-Shatibi dan Mawardi berkenaan *Maslahah* (kepentingan awam).¹⁷ Tambah lagi, walaupun dengan banyak senarai

perbelanjaan (contohnya pertahanan, perkhidmatan pentadbiran, keselamatan sosial, pencen dan geran, pendidikan dan pembangunan, dan lain-lain) dalam kerajaan Islam, proses belanjawan ini adalah berdasarkan pemisahan akaun-akaun. Maka, hasil dalam bentuk *ghanimah*, *fay*, *waqf* dan *zakat* sebagai contoh adalah untuk kegunaan tersendiri yang spesifik dan kekurangan hanya diatasi dengan peminjaman daripada akaun-akaun yang mengalami lebihan. Namun, terdapat banyak isu dalam pembiayaan awam berkenaan sumber-sumber hasil dan perbelanjaan berbeza yang perlu diseliasa kembali dengan kritikal dalam Ekonomi Islam untuk menyelesaikan banyak keperluan belanjawan sosial sepertimana yang diperbincangkan dalam sesebuah Ekonomi Pasaran Sosial.¹⁸

Dalam pandangan pencetus-pencetus Ekonomi Pasaran Sosial, istilah ‘modal sosial’ adalah paksi kepada Ekonomi Pasaran Sosial. Setiap keteraturan ekonomi bergantung kepada dasar institusi asas yang khusus untuk terus bertahan dan ianya boleh dalam bentuk formal (berbentuk peraturan atau perlembagaan) atau informal (lebih menjurus kepada perhubungan sosial antara ejen-ejen ekonomi). Modal sosial adalah mustahak kerana ia mempunyai impak langsung dan tidak langsung kepada pembentukan saham modal, kandungannya dan pentakrifan terhadap nilai-nilai dan hasilnya.¹⁹

Idea Müller-Armack berkenaan modal sosial memberi penekanan kepada kepentingan ‘pelaburan terhadap perhubungan sosial’ – sebuah konsep yang beliau panggil sebagai “pelekat sosial” – sebagai aset pada struktur masyarakat itu. Berkenaan dengan isinya, ‘amanah’ disebut

16 Rujuk Zaman (2008), hlm. 41.

17 Rujuk Azmi S. (2002), hlm. 120.

18 Untuk perbincangan yang bagus mengenai isu-isu ini, rujuk Nienhaus, Volker (2006).

19 Rujuk Hasse *et al.* (2008), hlm. 389.

berulang kali sebagai unsur utama yang mana beliau kemukakan sebagai mempunyai kegunaan yang universal. Dan produknya, iaitu kerjasama membawa kepada “keuntungan sosial” yang bersesuaian dengan seluruh jaringan perhubungannya tanpa sebuah mekanisme penyelarasan langsung yang jelas (perhubungan tanpa nama). Dengan itu, Müller-Armack mencadangkan Ekonomi Pasaran Sosial beliau sebagai tafsiran balas terhadap tafsiran teori tangan ghaib Smith dalam ekonomi arus perdana. Justeru, amanah berfungsi sebagai asas dalam kesemua penyusunan ekonomi di bawah Ekonomi Pasaran Sosial. Ditambah dengan peranan “organisasi sukerala”, perhubungan sosial sebegini dapat menghasilkan pembangunan dan perubahan ekonomi yang dikehendaki – versi daripada aliran Ekonomi Pasaran Sosial.²⁰

Kepentingan untuk modal sosial masih cukup diberi penekanan dalam Ekonomi Islam. Kita boleh dapati sumber insentif dan persamaan yang menyatukan umatnya (*ummah*) adalah berdasarkan amanah seperti dalam Qur’an dan Hadis. Sebagai contoh, Qur’an menganggap amanah sebagai universal dalam konteks manusia sebagai *kehalifah* Allah. Kekayaan Allah ditakrifkan secara luas sama ada berbentuk kekayaan, modal ataupun sumber-sumber - tidak kira nama apa yang digunakan untuk menyebutnya, adalah amanah yang universal kepada individu dan juga manusia, ia diamanahkan sebagai suatu ujian untuk kejayaan di dunia ini dan selepasnya. Pemahaman sebegini tidak membenarkan unsur-unsur persaingan bermusuhan di kalangan *ummah*. Sekiranya diamalkan seperti yang disyorkan, rukun Qur’an menjamin saham modal sosial (pelekat sosial (dengan menggunakan istilah Müller-Armack) yang lebih baik melalui amanah. Ini dinyatakan dengan jelas dalam penulisan Abdalati: “Individu yang berdaya usaha bertanggungjawab ke atas kemakmuran kerajaan, dan sebaliknya, kerajaan bertanggungjawab ke atas keselamatan individu tersebut. Konflik kelas diganti dengan kerjasama dan keharmonian; kebimbangan dan keraguan diubah dengan keselamatan bersama dan keyakinan [...] pemilik sentiasa diingatkan dengan hakikat bahawa mereka hanyalah sekadar ejen yang dilantik oleh Tuhan untuk mengurus syarikat mereka [...], kerana hakikatnya manusia

20 Sementara sesetengah penulis kini mengakui keperluan untuk mengiktiraf ‘soft-side’ ekonomi, iaitu nilai dan asas-asas ideologi, ekonomi arus perdana masih lagi tegas berpendirian terhadap matlamat ekonomi mereka. Untuk mereka yang cuba untuk menulis tentang modal sosial dan kepentingannya, terus terpintas akan dua makalah, Harrison, Lawrence dan Samuel Huntington (2000), *Culture Matters – How Values Shape Human Progress – New York* dan Fukuyama, Francis (1995), *Trust – The Social Virtues and the Creation of Prosperity*, Free Press.

lahir ke dunia ini tanpa apa-apa dan berangkat daripadanya juga tanpa apa-apa. Pemilik sebenar adalah Tuhan sahaja yang sekadar melantik ejen, sekadar amanah [...] ia membuatkan pemilik sentiasa bersedia untuk berbakti ke jalan Allah, bertanggungjawab ke atas keperluan masyarakatnya, menyelamatkannya daripada lohong mementingkan diri dan kelobaan yang tidak adil sepertimana Qur'an menganggap pemilikan kekayaan adalah satu ujian bukannya kesempurnaan ataupun kelebihan bangsawan atau untuk dieksploitasi [...]”²¹

Petikan yang berjela di atas jelas menunjukkan persamaan antara Ekonomi Islam dan Ekonomi Pasaran Sosial, seperti usaha individu, ekonomi pasaran, pulangan untuk usaha yang berpatutan, terutamanya ciri-ciri yang memberi faedah kepada masyarakat secara keseluruhan. Namun, sementara tercetusnya model pertama ini daripada ajaran Islam, tetapi tidak bagi Ekonomi Pasaran Sosial.

PENUTUP

Dalam makalah ringkas ini, kami cuba untuk menunjukkan persamaan pandangan berkenaan kebanyakan ciri-ciri institusi dan konsep-konsep asas antara Ekonomi Islam dan Ekonomi Pasaran Sosial. Teras kepada persamaan asas ini adalah ekonomi pasaran berdasarkan prinsip-prinsip sosial. Banyak lagi kajian lanjut yang perlu dilaksanakan oleh ahli-ahli Ekonomi Islam yang berusaha untuk membangunkan disiplin Ekonomi Islam yang masih muda dan perbandingan lanjut antara dua konsep dan teori antara dua model harus diteruskan. Sebagai tambahan, kajian untuk mengkaji ekonomi Jerman ini dengan lebih terperinci, iaitu kerangka institusinya yang praktikal, preskripsi dasar-dasar dan perlaksanaannya juga harus dilakukan. Tentunya banyak pengajaran boleh dituntut daripada kejayaan Ekonomi Pasaran Sosial sepanjang 60 tahun lepas untuk membangun Ekonomi Islam yang kontemporari dan dimensi dasar-dasarnya, terutamanya apabila satu dunia kelihatan menjurus untuk satu alternatif kepada ekonomi neoklasikal arus perdana.

21 Rujuk Abdalati (2001).

RUJUKAN

- Abdalati, H. (2001), *Islam in Focus*, Islamic Book Trust – Kuala Lumpur.
- Ahmed, Khursbid (1976), 'Economic development in an Islamic Framework' dalam Ahmed, Khursbid (Ed), *Studies in Islamic Economics*, Islamic Foundation – Leicester.
- Azmi, S. (2002), *Islamic Economics: Public Finance in Early Islamic Thought*, Goodword Books Pvt. Ltd.
- Chapra, M. Umer (1992), *The Challenge of Islamic Economics*, Islamic Foundation – Leicester.
- Cizakca, Murat (1999), 'Anqaf in History and Its Implication for Modern Economics', *Islamic Economic Studies*, jil. 6, bil. 1.
- Haneef, Mohamed Aslam (1994), 'Intellectual Parameters of Contemporary Islamic Thought and Policy', tesis kedoktoran (Ph.D), Universiti East Anglia.
- Haneef, Mohamed Aslam (1995), *Contemporary Islamic Economic Thought – Selected Comparative Analysis*, Ikrq Publisbers – Kuala Lumpur.
- Iqbal, Munawar (Ed. 1986), *Need Fulfillment and Distributive Justice in Islam*, Islamic Foundation – Leicester.
- Hasan, S. (2006), *Muslim Philanthropy and Social Security: Prospects, Practice, and Pitfalls*, Universiti of Technology, Sydney.
- Hasse, R.H, H. Schneider dan K. Weigelt (2008), *Social Market Economy, Principles and Implementation – Economic Policy from A to Z*, Ferdinand Schoningh – Paderborn.
- Naqvi, Syed Nawab Haider (2003), *Perspectives on Morality and Human Well-Being*, Islamic Foundation – Leicester.
- Nienhaus, Volker (2006), 'Zakat, Taxes and Public Finance in Islam', Behdad Sobrab and Farhad Nomani (Eds.), dalam *Islam and the Everyday World – Public Policy Dilemmas*, Routledge – Abingdon.
- Zaman, A. (2008), *Islamic Economics: A Survey of the Literature*, Munich Personal RePEc Archive, MPR A Paper No. 11024 di '<http://mpr.aub.uni-muenchen.de/11024/>'

MEMAJUKAN IDEA EKONOMI PASARAN SOSIAL

Konsep-konsep dalam memperbaharui ordoliberalisme daripada perspektif etika ekonomi yang bersepadu.

Alexander Lorch

1. EKONOMI PASARAN SOSIAL DAN ULANG TAHUNNYA KE-60

Ulangtahun Ekonomi Pasaran Sosial pada tahun ini memberi beberapa sebab untuk melihat kembali sejarah konsep ekonomi-politik itu¹. Di saat ulangtahun ini, tidak hanya asal usul tetapi juga perubahan dan kemampuan Ekonomi Pasaran Sosial dibahas berulang kali. Namun walau tanpa ulangtahun ini, konsep Ekonomi Pasaran Sosial sentiasa menjadi perdebatan hangat dan dibicarakan setiap orang. Memang, Ekonomi Pasaran Sosial mempunyai kesan yang luas dalam perbincangan politik dan akademik di Jerman selama beberapa dekad yang lalu. Perdebatan itu hampir tidak pernah reda sampai hari ini, maka Canselor Persekutuan Jerman, Angela Merkel, berkali-kali menekankan pentingnya “*Freiheit in einer der Ordnung sozialen marktwirtschaft*”² (Kebebasan dalam Aturan Sistem Pasaran Sosial) dalam pidatonya dan kerajaan negeri Bavaria telah membentuk sebuah jawatankuasa “*zukunft soziale marktwirtschaft*” (Masa Depan Ekonomi Pasaran Sosial). Relevansi konsep politik-ekonomi menjadi lebih jelas ketika perlembagaan Kesatuan Eropah mendefinisikan “Ekonomi Pasaran Sosial” sebagai sistem ekonomi bersama untuk Kesatuan Eropah baru-baru ini.³

Namun, Ekonomi Pasaran Sosial bukan sebuah konsep yang dapat dijelaskan cukup dengan beberapa kata-kata pilihan pada ulangtahun. Ini

1 Contohnya Assländer/Ulrich (2009).

2 Ini adalah daripada ucapan ketika Hari Penyatuan Jerman, 3 Oktober, 2009.

3 “Kesatuan ini akan mewujudkan sebuah pasaran dalaman. Pasaran akan berfungsi untuk pertumbuhan Eropah yang mampan berdasarkan pertumbuhan ekonomi yang seimbang dan harga yang stabil, sebuah Ekonomi Pasaran Sosial yang kompetitif, yang bertujuan untuk mendapatkan guna tenaga penuh dan kemajuan sosial [...]”. (lihat *Europen Union* (2007): Article 2 (3)).

kerana “gaya”⁴ Ekonomi Pasaran Sosial, yang Müller-Armack percaya harus difahami sebagai “strategi di dalam ruang sosial”,⁵ terus mengalami *perubahan* dan selamanya mengalami berbagai perbezaan tafsiran. Definisi yang tepat dari konsep tersebut hanya boleh dilakukan dengan beberapa kesulitan dan ruang untuk tafsiran tetap ada. Keterbukaan secara sedar (atau kekaburan, bahkan ketidakpastian) konsep itu oleh para pengasasnya adalah, di satu sisi, merupakan salah satu kekuatan terbesar konsep aturan itu, tapi pada masa yang sama juga cacat utamanya. Hanya kerana keterbukaan konsep itu mendapat penerimaan yang luas di semua pihak, persatuan, kesatuan pekerja, gereja dan bahagian-bahagian masyarakat pada setiap masa. Di sisi lain bagaimanapun, ini juga disertai dengan gugatan yang diperhebatkan terhadap konsep itu.⁶ Kerana apa yang sering tidak jelas selama perbincangan tentang masalah Ekonomi Pasaran Sosial ialah pemahaman yang manakah yang dimaksudkan dalam setiap baris kata. Walaupun konsep itu mempunyai sejarah yang signifikan, istilah “Ekonomi Pasaran Sosial” sekarang sukar untuk ditentukan dan memerlukan lebih penjelasan berbanding dahulu. Pada akhir penjelasannya tentang sejarah Ekonomi Pasaran Sosial dan ordoliberalisme, Ralf Ptak memberikan ringkasan yang padat: “tidak ada orientasi yang dapat ditemui dalam Ekonomi Pasaran Sosial. Kandungan konseptualnya telah kering dan terasing daripada mitos masa lalu.”⁷

Ekonomi Pasaran Sosial telah berusaha menghadirkan aturan ekonomi alternatif antara dua kutub liberalisme *laissez-faire* dan kawalan ekonomi sosialis selama lebih daripada enam puluh tahun. Seperti Ptak nyatakan dengan tepat, idea Ekonomi Pasaran Sosial saat ini menawarkan orientasi terlalu sedikit untuk benar-benar memberikan konsep politik-ekonomi yang meyakinkan. Pada peringkat konseptual, hal ini terutamanya kerana sebahagiannya bertentangan, sebahagian lagi asas yang ketinggalan zaman. Maka istilah ini boleh digunakan atau disalahgunakan dengan pelbagai cara, bergantung pada fokus tentang kadar faedah.

Untuk menyatakan sifat sebegini untuk menyimpulkan sebuah gambaran umum seperti Ralf Ptak lakukan adalah agak simptomatik dalam perbincangan akademik tentang konsep itu—alternatif dan pembangunan konsep itu sebenarnya agak jarang difikirkan. Terlalu sering, kajian hanya pada analisis dan refleksi konsep-konsep dan

4 Müller-Armack (1966), hlm. 243.

5 Müller-Armack (1962), hlm. 13.

6 Quaes (2000), hlm. 11.

7 Ptak (2004), hlm. 299.

perkembangan sejarah: pembangunan konseptual hampir ditinggalkan sama sekali.

Idea untuk mencapai perkembangan itu dari sudut pandang pemahaman etika ekonomi yang bersepadu akan dibentangkan di sini. Etika ekonomi bersepadu harus difahami sebagai etika falsafah akal (*philosophical ethics of reason*), yang terletak pada “orientasi dalam pemikiran politik-ekonomi”.⁸ Tujuan artikel berikut ini untuk mempertimbangkan idea-idea awal dan perspektif, dan untuk merangsang perkembangan lebih lanjut konsep-konsep tersebut melalui perspektif yang melampaui dari semata-mata refleksi terhadap konsep itu.

2. EKONOMI PASARAN SOSIAL DAN ORDOLIBERALISME

Umumnya, perbezaan dalam penggunaan istilah “Ekonomi Pasaran Sosial” boleh dibuat pada tiga tahap: Ekonomi Pasaran Sosial sama ada difahami sebagai suatu *kata kunci politik*, sebagai *prinsip petunjuk* kepada konsep politik-ekonomi atau sebagai *realiti sosial-ekonomi*, iaitu: *Realpolitik*.⁹ Dalam pembahasan berikut ini, *konsep* (prinsip petunjuk itu) Ekonomi Pasaran Sosial itu dan tema-tema utama di dalamnya harus dipertimbangkan, kerana semua ini adalah dasar untuk setiap perbincangan lebih lanjut. Oleh kerana itu, artikel ini tentang kajian dasar istilah itu, yang harus dianalisis dan dikembangkan lebih lanjut.

Istilah Ekonomi Pasaran Sosial digunakan dengan sangat berbeza oleh pelbagai kecenderungan Realpolitik dan ahli akademik (hari ini, juga seperti 60 tahun yang lalu) dan tampaknya menjadi mangsa kepada kesewenangan tertentu. Ini berasal dari perbezaan yang melekat pada konsep itu, serta daripada kata-kata yang kontradiktif dan kabur. Untuk para penciptanya, Ekonomi Pasaran Sosial tidak pernah definitif dan akhirnya berkembang sebagai konsep teoritis. Maka Müller-Armack membincangkan tentang tema utama misalnya yang terbuka untuk evolusi dan adaptasi, iaitu “konsep gaya progresif”,¹⁰ di mana dalam menggunakannya kekhasan dan perubahan dalam peristiwa bersejarah selalu harus diperhitungkan.

Dan ini adalah apa yang akhirnya selalu tetap pada Ekonomi Pasaran Sosial—sebuah tema sentral, sebuah gaya konsep untuk pelaksanaan praktikal perancangan ordoliberal. Begitu juga ordoliberalisme sendiri

8 Ini dimaksudkan daripada diktum Kant, “orientasi dalam pemikiran”. Untuk perspektif etika ekonomi, lihat Ulrich (1997/2008)

9 Hentschel (1998), hlm. 25.

10 Müller-Armack (1966), hlm. 12.

bukanlah sekolah yang seragam. Sudah tentu ada saja tema sentral yang menyatukan antara wakil-wakilnya, namun dalam soal pembuktian, penjelasan dan juga pelaksanaan, ada perbezaan antara kedudukan individu serta perbezaan antara teori yang berbeza jalur.¹¹ Ordoliberalisme disebutkan untuk kali pertama di sini dan istilah itu memainkan peranan penting dalam keseluruhan perbincangan ini, kerana konsep Ekonomi Pasaran Sosial berkait rapat dengan unsur-unsur pemikiran ordoliberal. Tidak kira bagaimana Ekonomi Pasaran Sosial dan ordoliberalisme ditakrifkan dan dibezakan daripada satu sama lain, seseorang tidak boleh mengabaikannya kerana interaksi idea-idea dan pergantungan jalur daripada dua trend ini. Ini lebih menyulitkan pemeriksaan yang tepat dari segi istilah.

Sebuah perdebatan tentang Ekonomi Pasaran Sosial tidak dapat dielakkan lagi perlu berlangsung sejajar dengan sejarah idea-idea ordoliberalism khususnya. Juga, perlu secara konsisten juga berurusan dengan kesalahan (yang disyaki) dan percanggahan (atau sekurang-kurangnya kekaburan) dari kedua-dua konsep.¹² Ketidakpastian dan keterbukaan istilah itu kemudian membawa kepada kesewenangan tertentu. Canselor Republik Persekutuan Jerman, Angela Merkel, memberi komentar tentang hal ini dalam ucapannya sebagai berikut: “Kerana Ekonomi Pasaran Sosial sangat penting bagi kita, sementara itu kita semua cenderung memanfaatkan untuk tujuan diri masing-masing, dan kerana itu kadang-kadang baik untuk kembali kepada asalnya.”¹³

Hal ini masih dinyatakan dengan sangat menarik, kerana bukan sebab Ekonomi Pasaran Sosial sangat *penting* bagi kita bahawa ia dapat dieksploitasi, tetapi kerana ia secara konseptual sangat terbuka (atau samar): sebuah isu yang boleh diambil peluang daripadanya. Komen oleh Canselor Merkel bahawa kembali ke asal mungkin benar--tetapi dalam cara yang berbeza dengan apa yang dia maksudkan, mari kita pertimbangkan asal-usul ini dengan lebih dekat.

11 Lebih lanjut lihat: Ptak (2004), hlm. 199 *et seq.*

12 Tulisan yang disebut sebelum ini oleh Ralf Ptak mempunyai pengenalan hal ini ialah: “*Vom Ordoliberalismus zur Sozialen Marktwirtschaft*”. Dalam konteks ini, dia bercakap tentang “hubungan timbal-balik” antara ordoliberalisme dan Ekonomi Pasaran Sosial. Ptak (2004), hlm. 11.

13 Ucapan oleh Canselor Republik Persekutuan Jerman, Angela Merkel pada 2 Jun, 2009 sempena “*Erfolg made in Germany – die Soziale Marktwirtschaft*” sebuah program yang dianjurkan oleh Initiative Neue Soziale Marktwirtschaft (INSM).

3. AKAR UMBI EKONOMI PASARAN SOSIAL

Ahli akademik dan ahli politik telah secara intensif menumpukan perhatian mereka terhadap persoalan “akar” Ekonomi Pasaran Sosial, dengan sejarah pemikiran dan andaian-andaian yang mendasari konsep teoritis itu, untuk jangka waktu yang lama.¹⁴ Adalah diandaikan bahawa pendedahan dan pembuktian idea-idea asli itu akan membuat niat para pengasas konsep itu semakin jelas dan kurang bertentangan. Hanya dengan cara ini kebingungan teoritis dan pragmatis sekitar konsep itu dihilangkan - atau seperti itu yang dimaksudkan.

Sebahagian besar penulisan menyimpulkan dengan tafsiran, persembahan dan aplikasi daripada akar ini, sama ada *akar-akar peribadi* dalam erti kata idea para penulis tertentu seperti Müller-Armack, Erhard, Eucken *et al* atau *idea-idea yang mendasari akar*, seperti sistem nilai Kristian Barat¹⁵ atau keyakinan liberal fundamental para pengasasnya. Apa yang selalu disebut adalah kembali ke akar, soalan tentang daya maju konsep tersebut di masa depan kebanyakan hanya dijawab dengan kenyataan bahawa itu bergantung pada seberapa baik seorang itu berjaya secara konsisten kembali kepada akar umbi.¹⁶ Andaian bahawa kekaburan daripada idea-idea politik-kawal selia ini dapat diatasi melalui analisis yang tepat terhadap akar konsep ini adalah mengelirukan. Boleh diandaikan bahawa akar adalah penyebab dan bukan penyelesaian terhadap kurangnya orientasi kini. Ordoliberalisme sendiri dibuktikan dengan baik secara teoritis dan fikiran yang mendalam dan dikembangkan oleh para ahli akademik terkenal, tapi pada masa yang sama juga ditandai dengan percanggahan dan--dari perspektif masa kini--kadang-kadang dicirikan oleh idea-idea kuno dan nilai-nilai (seperti pesimisme budaya yang kuat, perlawanan sengit terhadap sosialisme atau sebahagian pemahaman pemerintahan otoritarian, misalnya).¹⁷ Dan walaupun idea Ekonomi Pasaran Sosial sangat dicirikan oleh pemikiran ordoliberal, konsep ini juga dicirikan dengan pragmatisme politik yang umumnya memberi perhatian yang lebih pada pengukuhan Realpolitik daripada kerigidan konseptual.

14 Lihat juga Körner (2007), hlm.16 *et seq.* yang membincangkan tentang akar Ekonomi Sosial Pasaran, sebagai contoh.

15 Röpke (1958), hlm. 140 *et seq.*

16 E.g. Quaas ((2000), hlm. 169): “[...], pembaharuan Ekonomi Sosial Pasaran nampaknya tidak banyak tentang agenda tetapi lebih kepada kandungan sebenarnya.”—apa sahaja yang dimaksudkan dengan “kandungan sebenar”.

17 Lenk (1989), hlm. 208 *et seq.*

Lebih lanjut, sering kali tidak jelas apa sebenarnya dimaksudkan dengan “akar”. Maka hampir tidak mungkin sekali untuk benar-benar memenuhi permintaan untuk “kembali ke akar” kerana akar itu sendiri agak kontradiktif dan berbelit sehingga tidak ada konsep yang konsisten boleh diturunkan daripadanya.¹⁸ Jadi mereka yang berbicara tentang “kembali ke akar” ordoliberalisme atau Ekonomi Pasaran Sosial kebanyakan hanya bererti jalur tertentu daripada akar-akar tersebut, kerana kalau tidak seseorang akan terjebak dalam kekaburan konsep. Ramai hanya mengaitkan idea-idea Ludwig Erhard¹⁹ atau hanya daripada perspektif ekonomi-liberal dan penolakan negara kebajikan oleh ordoliberal dengan “akar” misalnya; yang lain menganggap idea-idea sosial-humanistik untuk menanam ekonomi pasaran dalam idea kepatuhan sosial. Sikap memilih ini dalam soal pertimbangan akar maka mahu tak mahu kembali kepada konsep Ekonomi Pasaran Sosial yang berasal dari hal ini dan perbincangan tentang kelangsungannya--itu akhirnya menjelaskan mengapa istilahnya tampak begitu samar dan serbaguna.

Mempertimbangkan hal ini, konteks sejarah juga secara relatifnya bermasalah. Fungsi Ekonomi Pasaran Sosial selalu diukur berdasarkan contoh daripada “keajaiban ekonomi” Jerman selepas Perang Dunia Kedua. Prestasinya yang hebat tampaknya telah membuat sebuah negeri makmur yang sebelumnya hancur dek perang. Namun, situasi sejarah unik dinilai secara salah di sini. Pertanyaan (yang sudah tentu penting) apakah Ekonomi Pasaran Sosial sebagai dasar ekonomi adalah (bersama-sama) bertanggung jawab atas kebangkitan ekonomi Jerman selepas Perang Dunia II harus diabaikan pada saat ini --yang relevan bagi kita adalah konteks sejarah bagi konsep itu.²⁰

Pendekatan Ekonomi Pasaran Sosial ordoliberal yang dilaksanakan semasa dan selepas Perang Dunia II, sehingga pada saat ketidakstabilan politik, dalam rangka membangun sistem ekonomi yang berfungsi yang harus cuba untuk “menenangkan” masyarakat dan ke satu tahap untuk “mensejajarkan” dan “mengorientasi semula” politik. Bagaimanapun senario hari ini untuk dasar ekonomi (sekurang-kurangnya di Jerman

18 Ptak (2004), hlm. 71.

19 “Initiative Neue Soziale Marktwirtschaft” (INSM) melakukan hal ini, sebagai contoh dengan membuat rujukan sebelah-pihak terhadap Ludwig Erhard. Namun setiap ordoliberal mendapati dirinya masih di dalam lingkaran peminat yang sama.

20 Untuk tafsiran tentang kepentingan Ekonomi Sosial Pasaran untuk Jerman pasca-perang, lihat Hentschel (1998) sebagai contoh.

dan negara-negara maju Barat) adalah sebaliknya: situasi politik relatif stabil dan masyarakat adalah (kebanyakannya) “tenang”, namun ekonomi semakin menyebabkan ketidakstabilan dan harus “diselaraskan” dan “diorientasi semula”. Dalam hal ini, akar asal menjadi kurang berguna daripada yang diharapkan. Sebagaimana seharusnya perbincangan politik-ekonomi masa kini serius dirangsang hanya melalui konsep-konsep dan idea yang membina semula Jerman musnah oleh dua Perang Dunia dan yang mempunyai tujuan dan keadaan yang sama sekali berbeza²¹. Alfred Müller-Armack menyatakan bahawa “model politik-ekonomi tidak boleh dihapuskan daripada latar masa mereka. Model tersebut terbaik dalam memenuhi matlamatnya dalam bertindak balas terhadap pertanyaan zaman tertentu.”²² Konsep itu dasarnya bertindak balas terhadap pertanyaan zaman itu dengan tanggapan yang mungkin pada zaman itu juga. Tetapi pada masa krisis kewangan dan persaingan peraturan-peraturan global, perspektif dan orientasi dasar ekonomi tentu harus berbeza daripada tempoh pasca-perang dengan derita kelaparan dan Perang dingin.

Harapan untuk representasi yang jelas dan bersih daripada akar akan menyelesaikan masalah konseptual adalah agak mengelirukan. Dan jika seseorang mengandaikan bahawa yang disebutkan di atas adalah pelbagai akar yang boleh ditafsirkan dengan jelas, banyak daripada akar tersebut tidak lagi dapat diikuti sebagai dasar sebuah polisi ekonomi dari perspektif masyarakat yang pluralistik, luas dan rasional. Konon nilai-nilai Kristian Barat tidak sepatutnya secara ideal menjadi asas untuk dasar ekonomi yang benar-benar berpencerahan pada saat dunia global, dan kritik budaya konservatif dan penentangan terhadap demokrasi merupakan sesuatu yang tidak diterima.²³ Apa yang diperlukan ialah pemodenan konsep itu, dasar baru dan prospek untuk kemajuan.²⁴

21 Di sini, terdapat hubung kait antara prestasi politik-ekonomi yang sebenar dan keadaan yang diidamkan, juga bantuan daripada kuasa penjajah tidak jelas seperti mana para penyokong “keajaiban ekonomi kerana Ekonomi Pasaran Sosial” mahu membuatnya dipercayai sebab itu.

22 Müller-Armack (1974), hlm. 129.

23 E.g. Rüstow (1959), hlm. 102, Eucken (1932), hlm. 312 atau idea Röpke tentang “Nobilitas naturalis”, Röpke (1958), hlm. 176, salah satunya.

24 Körner (2007), hlm. 30 mencapai kesimpulan yang sama, walaupun dengan jalur penghujahan yang berbeza.

4. PENCERAHAN ETIKA TERHADAP KONSEP-KONSEP TERSEBUT

Adalah terlalu optimis untuk berharap mendapatkan semua maklumat yang relevan untuk konsep moden dasar ekonomi dan penyelesaian bagi masalah yang harus diatasi *hari ini* dari jenis konsep (yang agak bermasalah) sementara menekankan pada pematuhan ketat dengan sejarah *akar*. Pendekatan artikel ini adalah untuk berusaha memajukan idea yang berbeza konsep dan bertujuan untuk mendapatkan pengetahuan dari penambahan pada akar bersejarah dengan idea-idea baru.

Adalah menakjubkan bahawa konsep itu jarang diperbaharui atau dilengkapkan dengan pengetahuan moden dalam bidang yang membentuk akar-akarnya sepanjang sejarah 60 tahun. Hanya ekonomi yang membenarkan untuk idea-idea baru mengalir ke dalam, misalnya perbincangan tentang ekonomi institusi dan Ekonomi Pasaran Sosial,²⁵ isu masalah agen utama dalam Ekonomi Pasaran Sosial dan juga peminggiran soalan-soalan sosial oleh para apologis pasaran libertarian.²⁶

Tapi bagaimana tentang falsafah politik, iaitu teori liberal yang merupakan asas sebenarnya ordoliberalisme, misalnya? Konsep kebebasan ordoliberal adalah kadang-kadang sedikit kabur--seorang dapat menemui liberalisme ekonomi yang halus (*latent*) dalam beberapa pemikiran ordoliberal, seperti pemikiran Eucken atau juga Böhm.²⁷ Mengapa hal ini tidak pernah diganti dengan politik-falsafah liberalisme yang konsisten; mengapa juga tidak dipertingkatkan dan dimodenkan dengan pandangan falsafah politik baru? *The Theory of Justice* atau *Justice as Fairness* oleh John Rawls dan idea daripada *Development as Freedom* oleh Amartya Sen dapat memberi kesan yang menarik pada istilah “sosial” dalam Ekonomi Pasaran Sosial, misalnya. Di manakah pandangan teori politik yang lebih mendalam, idea-idea republikan misalnya; yang mengatasi skeptisisme ordoliberal terhadap demokrasi? Di manakah idea-idea yang moden, dan berpencerahan yang dapat menggantikan pesimisme budaya yang mendalam oleh Röpke dan

25 Seperti dibincangkan dalam Hauser (2007), hlm. 85 *et seq.*

26 Menariknya kecenderungan ini dapat diperhatikan dalam sejarah ordoliberalisme, yang sebenarnya “menyokong penuh kemajuan [ekonomi] pengeluaran moden kapitalistik” tetapi pada masa yang sama “kesan-kesan sosial dalam masyarakat disebabkan oleh keadaan-keadaan pengeluaran yang dipinda tidak lagi diterima melainkan perubahan-perubahan dalam struktur pembuat keputusan[...]” (Ptak (2004), hlm. 36). Pendekatan yang bersifat selektif ini boleh dianggap sebagai permulaan kepada pembaharuan atau penghargaan semula yang selektif terhadap konsep-konsep yang dibincangkan sehingga hari ini

27 Dibentangkan di Böhm (1937), hlm. 42, dibincangkan di Werner (1994), hlm. 89 dan juga Ptak (2004), hlm. 108. Perbincangan yang sama juga dalam Blum (1969), hlm. 90 *et seq.*

Rüstow? Atau untuk mengelakkan daripada “*vital-political fall from grace*” (untuk: *vitalpolitischer Sündenfall*)²⁸, sebagaimana Peter Ulrich menyebut kes para ordoliberal yang berulang kali menekankan tentang *keakuratan pasaran (market conformity)* sebagai kriteria dasar kawal-selia yang tepat--walaupun menekankan keunggulan politik.²⁹ dan akhirnya: Di manakah konsep seragam Ekonomi Pasaran Sosial? Mengapa konsep-konsep di bawahnya ditangani dengan selektif, tidak hanya tanpa membuat aspek yang bermasalah ditinggalkan sebagai subjek untuk perbincangan, tetapi juga terutama sekali membuat perbaikan? Memang, ini adalah idea utama dalam pemikiran Müller-Armack: sebuah konsep yang terbuka--idea yang boleh disesuaikan dengan keadaan sejarah dan budaya yang berbeza, dilengkapi dengan pengetahuan baru.

5. MENCADANGKAN DEBAT MELIHAT SEMULA KONSEP EKONOMI PASARAN SOSIAL

Perlu dijelaskan bahawa dalam keadaan apa sekalipun tidak boleh untuk ada sebarang penolakan terhadap kerja-kerja awal konseptual oleh para pengasas teoritikal Ekonomi Pasaran Sosial dan ordoliberalisme terjadi di sini. Idea bersejarah Ekonomi Pasaran Sosial mempunyai terlalu banyak tarikan dan potensi untuk diabaikan--jika tidak artikel ini tidak akan pernah wujud. Untuk mengabaikan akarnya merupakan suatu yang sama sekali tidak bijak sebagai “[...] saya hanya boleh memperbaharui apa yang saya tahu atau tahu bagaimana pada saat perkara itu dibentuk dan di arah mana harus diperbaharui”³⁰ Namun, apa yang boleh dan harus diatasi dalam hal akar-akar konsep itu adalah terbatasnya perdebatan kepada soal pencambahan idea yang sehingga sekarang lebih daripada setengah abad dan tidak lagi mutakhir sifatnya.

Asal-usul istilah tersebut dan sejarah idea-ideanya sangat diperlukan untuk analisis yang diharapkan. Cadangan untuk “kembali ke akar” harus dalam pengertian ini diambil secara serius--dan dari sini jenis pendekatan salasilah kemudian dapat mendedahkan apa yang sebenarnya tersembunyi dalam akar tersebut dan di mana terdapatnya masalah. Tujuannya harus

28 Ulrich (1997/2008), hlm. 382 dan juga Ulrich (2009), hlm. 16.

29 Röpke membincangkan tentang kesesuaian dengan pasaran dalam maksud campuran tangan negara dalam pasaran haruslah dibenarkan supaya “[...] tidak mengatasi mekanisme harga dan pasaran yang mengawal dirinya sendiri, tetapi mengelaskannya sebagai ‘data’ baru dan diasimilasi dengannya” – Röpke (1942), hlm. 253. Ini secara langsung mencermakan keutamaan politik. Müller-Armack juga menyeru supaya “dasar sosial yang selari dengan pasaran” dalam bidang-bidang yang lain. Müller-Armack (1948), hlm. 128.

30 Biedenkopf (1983), hlm. 167.

untuk memodenkan projek ordoliberalisme dan Ekonomi Pasaran Sosial, yang membolehkan akar mereka “[...] untuk sepenuhnya difikirkan kembali melampaui alternatif ‘penyesuaian dengan keadaan baru’ dan mempertahankan sikap lama.”³¹ Sebuah konsep Ekonomi Pasaran Sosial yang diperbaharui tetapi ketat sifatnya diperlukan dengan dasar etika moden yang utuh untuk menghalang kesewenangan penafsiran. Dalam jangka panjang, sokongan untuk dasar ekonomi yang dicirikan dengan akar yang tidak jelas akan kemudiannya ditafsirkan dan direka secara berbeza oleh hampir semua pendapat akademik dan politik adalah tidak masuk akal. Dengan cara itu, “Ekonomi Pasaran Sosial” pada dasarnya tidak lebih dari sebuah bekas kosong, suatu kata kunci politik yang sewenang-wenangnya tanpa kemampuan untuk memberikan arah. Untuk mengisi bekas itu dan memberikan konsep itu kemampuan untuk memberikan arah adalah tugas untuk merenung kembali konsep-konsep tersebut. Dalam pengertian ini, tujuan jawatankuasa “Masa Depan Ekonomi Pasaran Sosial” daripada kerajaan negeri Bavaria adalah untuk “mengembangkan rangsangan baru untuk perbincangan, untuk memberikan sumbangan terhadap pandangan baru dan lebih jelas tentang Ekonomi Pasaran Sosial.”³² Pertama sekali debat haruslah tentang pencerahan konseptual sebelum hal-hal seperti garis panduan politik atau penyelesaian boleh diperolehi.

Prinsip-prinsip ordoliberalisme tidak boleh ditinggalkan. Bahkan, akarnya perlu dipertimbangkan pada peringkat awal supaya ruang hubung kait boleh didedahkan di mana fikiran yang ada dapat dilengkapi atau disemak oleh pengetahuan politik-falsafah semasa (dan 60 tahun terakhir). Hal ini adalah tentang mencari pautan yang sesuai dan untuk membetulkan dan mengelakkan kesalahan konseptual dan ketidaktentuan. Definisi *status quo* konsep yang dibahas secara luas dalam penulisan dan tafsiran maknanya untuk hari ini dapat—sama penting dengan yang lain—hanya menjadi satu permulaan. Idea Ekonomi Pasaran Sosial perlu dipertimbangkan lebih lanjut—bahkan, idea-idea daripada 60 tahun yang lalu tidak diukir di atas batu.

31 Zizek (2005), hlm. 160.

32 Kommission Zukunft Soziale Marktwirtschaft (2009), hlm. 5.

6. PERTIMBANGAN UNTUK EKONOMI PASARAN SOSIAL KONTEMPORARI

Artikel ini bertujuan untuk merangsang perbincangan lebih lanjut terhadap kemajuan dan kemampuan Ekonomi Pasaran Sosial dan ordoliberalisme. Tidak ada penyelesaian yang mudah bagi banyak masalah dengan Ekonomi Pasaran Sosial, tetapi arahnya harus jelas: jauh dari pandangan yang terlalu ke belakang dan meneruskan kepada perkembangan konsep yang berpencerahan dan penuh kefahaman. Untuk melakukan hal itu di sini berada di luar lingkup kertas ini³³, cadangan untuk tambahan-tambahan disebutkan di sini telah sengaja dibiarkan agak kabur agar tidak menghalang setiap perbincangan terlebih dahulu. Idea-idea itu mungkin tampak agak “utopia” pada pandangan pertama, tetapi tidak utopia dalam ertikata idea yang mustahil untuk melahirkan masyarakat yang ideal, tetapi lebih kepada satu “isyarat untuk mengubah koordinat sebarang kemungkinan.”³⁴

Untuk membuat kesimpulan, kajian haruslah berkaitan dengan pencerahan etika kawal-selia tentang konsep-konsep dan bukannya tentang rancangan kawal-selia politik. Diskusi tentang soalan-soalan implementasi *Realpolitik* dari perspektif etika adalah tidak wajar; perkara tersebut mestilah dijelaskan dalam wacana sosio-politik yang praktikal dan bukan secara akademik yang dibuat daripada meja tulis. Bagaimanapun asas kepada wacana itu mengandungi idea-idea yang baik dan bahkan hujah-hujah yang lebih baik, dan ini patut dibincangkan di sini dalam bentuk buah fikiran awal. Jadi kemudiannya hal ini dapat hadir sebagai “pencerahan’ politik-falsafah terhadap pemahaman Ekonomi Sosial Pasaran, sehingga kepada asas normatif (orientasinya) dan juga kesan-kesan sistematik pembaharuannya terhadap konsep kemampuan ordoliberalisme dan juga Ekonomi Pasaran Sosial. Inisiatif dan untuk memajukan jenis diskusi ini adalah matlamat etika ekonomi bersepadu.

33 Dalam konteks ini, adalah harus dinyatakan bahawa tesis yang dibentangkan di sini memberikan penerangan yang pendek dan bersifat pengenalan berbanding dengan topik disertasi yang saya inginkan, yang masih lagi di peringkat permulaan dan akan dikembangkan dari masa ke masa. Dalamnya akan dibincangkan tentang ideal etika ekonomi, sebuah deraf Ekonomi Pasaran Sosial akan dibentuk untuk merangsang refleksi dan perbincangan tentang idea-idea baru dan jalur pemikiran tentang dasar ekonomi.

34 Zizek (2005), hlm. 199.

RUJUKAN

- Assländer, Michael/Ulrich, Peter (2009): *60 Jahre Soziale Marktwirtschaft - Illusionen und Reinterpretationen einer ordnungspolitischen Integrationsformel*, diedit oleh Michael S. Assländer/Peter Ulrich (St. Galler Beiträge zur Wirtschaftsethik vol 44) - Bern.
- Biedenkopf, Kurt (1983): *Erneuerung der Sozialen Marktwirtschaft*, dalam: *Die Soziale Marktwirtschaft erneuern*, diedit oleh Ernst Albrecht (*Studien zur politischen Bildung, vol. 6*) - Mainz.
- Blum, Reinhard (1969): *Soziale Marktwirtschaft. Wirtschaftspolitik zwischen Neoliberalismus und Ordoliberalismus (Schriften zur angewandten Wirtschaftsforschung, vol. 18)* - Tübingen.
- Bohm, Franz (1937): *Die Ordnung der Wirtschaft als geschichtliche Aufgabe und rechtsschöpferische Leistung (Ordnung der Wirtschaft, vol. 1)* - Stuttgart.
- Eucken, Walter (1932): *Staatliche Strukturwandlungen und die Krisis des Kapitalismus*, dalam: *Weltwirtschaftliches Archiv, vol. 36 (2)*, hlm. 297-321 (Reprint: ORDO, jilid. 48, hlm. 5-24.).
- European Union (2007): *Treaty of Lisbon Amending the Treaty on European Union and the Treaty Establishing the European Community*, dalam: *Official Journal of the European Union C 306, vol. 50 (2007/C306/01)*(<http://eur-lex.europa.eu/JOHtml.do?uri=OJ:C:2007:306:SOM:EN:HTML>).
- Hauser, Richard (2007): *Die Entwicklung der Einkommens- und Vermögensverteilung di der real existierenden Sozialen Marktwirtschaft der Bundesrepublik Deutschland*, dalam: *Die Zukunftsfähigkeit Sozialen der Marktwirtschaft*, diedit oleh Michael von Hauff - Marburg, hlm. 37-69.
- Hentschel, Volker (1998): *Ludwig Erhard, die "Soziale Marktwirtschaft" und das Wirtschaftswunder. Historisches Lehrstück oder Mythos? (Reflexions sur l'Allemagne au 19me Siecle)* - Bonn.
- Kommission Zukunft Soziale Marktwirtschaft (2009): *Soziale Marktwirtschaft - Ordnung ohne Alternative. Abschlussbericht* – München ([http://www.bayern.de/Anlage10257245/Abschlussberichtder Kommission%20ZukunftSozialeMarktwirtschaft%202009C.pdf](http://www.bayern.de/Anlage10257245/Abschlussberichtder%20Kommission%20ZukunftSozialeMarktwirtschaft%202009C.pdf)).
- Körner, Heiko (2007): *Wurzeln der Sozialen Marktwirtschaft*, dalam: *Die Zukunftsfähigkeit der Sozialen Marktwirtschaft*, diedit oleh Michael von Hauff – Marburg, hlm. 37-69.
- Lenk, Kurt (1989): *Deutscher Konservatismus* – Frankfurt / New York.
- Merkel, Angela (2009a): *Oleh Canselor Republik Persekutuan*

Jerman, Angela Merkel, dalam acara “*Erfolg made in Germany – die soziale Marktwirtschaft*” (http://www.bundeskanzlerin.de/nn_683608/Content/DE/Rede/2009/06/2009-06-02-merkel-insm.html).

- Müller-Armack, Alfred (1962): *Das gesellschaftspolitische Leitbild der Sozialen Marktwirtschaft*, dalam: *Wirtschaftspolitische Chronik, vol. 11(3)* – Köln, hlm. 7-28.
- Müller-Armack, Alfred (1948): *Die Wirtschaftsordnungen sozial gesehen*, dalam: *ORDO, vol. 1*, hlm. 125-154.
- Müller-Armack, Alfred (1974): *Die zweite Phase der Sozialen Marktwirtschaft. Ihre Ergänzung durch das Leitbild einer neuen Gesellschaftspolitik*, dalam: *Müller-Armack, Alfred: Genealogie der Sozialen Marktwirtschaft* – Bern, hlm. 129-145.
- Müller-Armack, Alfred (1956): *Soziale Marktwirtschaft*, dalam: *Handwörterbuch der Sozialwissenschaft, vol. 9*, Stuttgart, oleh Erwin von Beckerath,
- 1956, hlm. 390-392 (Diterbit semula dalam: *Müller-Armack (1966): Wirtschaftsordnung und Wirtschaftspolitik. Studien und Konzepte zur Sozialen Marktwirtschaft und zur Europäischen Integration* – Freiburg im Breisgau).
- Ptak, Ralf (2004): *Vom Ordoliberalismus zur sozialen Marktwirtschaft. Stationen des Neoliberalismus in Deutschland* – Opladen.
- Quaas, Friedrun (2000): *Soziale Marktwirtschaft. Wirklichkeit und Verfremdung eines Konzepts (Beiträge zur Wirtschaftspolitik, vol. 74)* – Bern et al.
- Röpke, Wilhelm (1942): *Die Gesellschaftskrisis der Gegenwart* – Erlenbach-Zürich.
- Röpke, Wilhelm (1958): *Jenseits von Angebot und Nachfrage* – Erlenbach-Zürich / Stuttgart.
- Rüstow, Alexander (1929): *Zur Frage der Staatsführung in der Weimarer Republik. Dokumentation der Rede Alexander Rüstows „Diktatur innerhalb der Grenzen der Demokratie“ vor der Deutschen Hochschule für Politik am 5. Juli 1929 und die sich hier anschließenden Diskussionsbeiträge von Hermann Heller, Josef Wünschub und Theodor Heuss*, dalam: *Vierteljahrshefte für Zeitgeschichte, vol. 1*, hlm. 85-111 (http://www.ifz-muenchen.de/heftarchiv/1959_1_5_besson.pdf).
- Sen, Amartya (1999): *Development as Freedom* – New York.
- Ulrich, Peter (2009): *Die gesellschaftliche Einbettung der Marktwirtschaft als Kernproblem des 21. Jahrhunderts. Eine wirtschaftsethische Fortschrittsperspektive (Berichte des Instituts für Wirtschaftsethik, vol. 115)* – St. Gallen.
- Werner, Horst (1994): *Ordnungspolitik für Stabilität und Wandel*, dalam: *Ordnung und Freiheit. Festgabe für Hans Willgerodt zum 70. Geburtstag*, diedit oleh Rolf Hasse et al. – Stuttgart.
- Zizek, Slavoj (2009): *Die politische Suspension des Ethischen* – Frankfurt.

EKONOMI PASARAN SOSIAL PADA TAHUN KE ENAM PULUH: JALUR KETERGANTUNGAN DAN JALAN YANG BERUBAH-UBAH

Lothar Funk

1. PENGENALAN

Teori jalur ketergantungan (yaitu ketergantungan kepada paradigma asal), kini adalah konsep yang kerap kali digunakan baru-baru ini. Ia cuba untuk menjelaskan perkembangan yang selalunya sedikit dalam ekonomi berbanding dengan situasi apabila pembaharuan mempertingatkan kecekapan dilaksanakan dengan cergas. Hinggakan beberapa pengulas berpendapat bahawa jalur ketergantungan “adalah penjelasan yang paling popular kini untuk [...] sesuatu hasil yang kelihatan tidak rasional”.¹ Bagaimanapun ia harus disebut bahawa pendekatan ini seolah-olah diabaikan oleh pendukung konsep Ekonomi Pasaran Sosial. Sangat jarang topik-topik berkaitan jalur ketergantungan digunakan untuk menjelaskan asal-usul Ekonomi Pasaran Sosial yang beransur-ansur berevolusi dan pertukaran yang mengubah haluan asalnya oleh para ahli ekonomi² sementara isu ini terutamanya diabaikan oleh para ordoliberal tradisional.³ Walaupun sekiranya teori jalur ketergantungan boleh dianggap berpendekatan agak kabur atau “anjai” dan boleh dicabar atas beberapa sebab⁴, ia dapat menawarkan rangka kerja berpotensi yang berguna untuk menonjolkan perubahan yang asas dalam visi Ekonomi Pasaran Sosial dan bagaimana hal ini dapat terlaksana.

Jalur ketergantungan cuba untuk menjelaskan bagaimana amalan politik masa kini dan dasar sebenar dan asas keinstitusiannya yang berkembang dari masa ke masa. Oleh itu, penulis banyak menumpukan

1 Schmitter (2010), hlm. 255.

2 Cf. contohnya Allen (2005), Körner (2007), hlm. 27-29 dan Zweynert (2004).

3 Cf. Leipold (2001), hlm. 346.

4 Cf. Eichengreen (2006), hlm. 808-809 dan Scherrer (2005), hlm. 18-20.

pada aspek-aspek ini berbanding idea-idea intelektual asal daripada konsep yang ideal tersebut.⁵ Namun demikian, artikel ini mengambil idea-idea teori yang asas sebagai titik permulaan dan penanda aras untuk analisis. Selain itu, penulis menumpukan terutamanya pada isu-isu berkaitan dengan pekerjaan, kerana ini antara punca utama salah suai negara Jerman yang berlaku sejak tiga dekad lalu semenjak 1970-an. Bab yang seterusnya akan, pertamanya, memberikan gambaran luas secara ringkas tentang asas-asas idea jalur ketergantungan yang bersesuaian untuk analisis singkat ini. Keduanya, makalah ini akan melakarkan masalah pasaran pekerjaan Jerman dalam pandangan yang luas tanpa menekankan ketelitian. Bahagian ini juga menyerlahkan bahawa jalur ketergantungan mungkin merupakan unsur penting dalam menjelaskan pengalaman (Barat) Jerman. Akhirnya, makalah ini menggariskan beberapa pengajaran untuk masa depan Ekonomi Pasaran Sosial sendiri.

2. KONSEP JALUR KETERGANTUNGAN

Jalur ketergantungan mempunyai beberapa implikasi penting terhadap analisis penggubalan dasar yang dikehendaki untuk memahami perkembangan Ekonomi Pasaran Sosial Jerman dari masa ke masa. Salah satu sebab utamanya adalah pelaksanaan dasar akan menghasilkan keputusan yang akan berbalik semula kepada proses penggubalan dasar. Kemungkinan akan berlaku sama ada dengan pulangan positif yang akan menguatkan dasar-dasar yang telah diterapkan, atau pulangan negatif yang menjejaskan dasar-dasar yang digubal oleh kerajaan. “Pulangan positif’ ini terjadi kerana pelaku-pelaku yang telah menyerahkan dan menyesuaikan harapan mereka untuk suatu dasar atau memperoleh manfaat daripadanya, akan bertegas untuk mempertahankannya. [...] Aktor-aktor ini menikmati keuntungan politik daripadanya, maka dasar ini akan kekal pada kedudukannya, melainkan dasar ini tersedia tarikh luput di-dalam nya”.⁶ Sebaliknya, tindakan politik yang mengubah *status quo* secara radikal akan menyebabkan pulangan negatif yang berulang-ulang daripada mereka-mereka yang bakal kecundang. Dan jika perubahan ini benar-benar berlaku, kos jangka pendek untuk mengubah dasar-dasar berkemungkinan sangat tinggi. Oleh itu, walaupun keuntungan jangka panjang daripada perubahan struktur dasar-dasar ekonomi yang mampu untuk menangani masalah-masalah asas yang sedia ada dapat mendatangkan keuntungan bersih kepada kesejahteraan masyarakat,

⁵ Contohnya, Funk (2002), yang memperincikan latarbelakang teori tersebut.

⁶ Young (2010), hlm. 65.

perubahan itu ditunda akibat daripada hasil melobi yang berkesan daripada *orang dalam* yang kuat politiknya – iaitu penjawat-penjawat kini yang terjamin pekerjaannya - dan digantikan oleh penyelesaian jangka pendek bercirikan kelemahan dalam kecekapan, iaitu peralihan beban-beban kepada mereka-mereka yang kurang kemahiran untuk mempertahankan diri (*orang luar* yang terabai secara politik), misalnya peserta-peserta baru dalam pasaran pekerjaan atau pekerja-pekerja kurang berkemahiran dan berproduktiviti rendah. Tambah lagi, penguasa-penguasa veto berinstitusi dalam sesebuah negara (contohnya struktur-struktur federalisme atau sebuah Mahkamah Persekutuan atau juga sebuah Bank Pusat independen yang berkemungkinan menghalang atau bertindakbalas terhadap dasar-dasar kerajaan), penerima faedah-faedah dasar yang sedia ada ini harus dilihat sebagai penguasa veto dalam proses politik kerana kuasa undi mereka yang mampu mempertahankan sesuatu dasar mengikut keuntungan mereka walaupun langkah sebegini mampu untuk menjejaskan ekonomi secara keseluruhan. Dan kebiasaannya, penerima-penerima faedah ini disara oleh kelompok-kelompok berkepentingan, terutamanya kesatuan-kesatuan sekerja.

Oleh kerana itu, teori jalur ketergantungan menyatakan satu hipotesis mengenai penggubalan dasar: “Pertama, ia menekankan kepentingan kesesuaian masa dan urutan keputusan. Keputusan yang dibuat sebelum ini akan mempengaruhi keputusan yang akan dibuat kemudiannya. Kedua, walaupun satu kejadian yang tampaknya sangat kecil, jika ia terjadi pada masa yang penting (‘saat-saat kritikal’), ia akan mempunyai kesan signifikan, dan berkekalan [...] Ketiga, dari semasa ke semasa, dasar-dasar ini mungkin menjadi sub-optimal: peranan ia mungkin tidak lagi penting atau ia memerlukan kos yang tidak lagi boleh diterima [...] Keempat, jalur ketergantungan mungkin cukup bagus untuk memimpin ke arah alternatif yang jauh lebih elok, yang sebelum ini langsung tidak dipertimbangkan [...] Jalur ketergantungan menunjukkan bahawa perubahan dasar berlaku hasil daripada ‘keseimbangan berselang’: kestabilan dasar yang sudah sekian lama terganggu oleh perubahan mendadak yang mencetuskan ketidakserasian dasar dan objektifnya lalu mengakibatkan ketahanan yang tidak berkekalan apabila muncul kejutan dari luar”.⁷

7 Young (2010), hlm. 65.

2. MELAKAR KONSEP EKONOMI PASARAN SOSIAL YANG BERUBAH-UBAH

Kini, tidak perlu dipertikaikan lagi bahawa Ludwig Erhard yang dilantik sebagai Pengarah Pentadbiran Ekonomi, Pertubuhan Bidang Ekonomi (Bizone) di bahagian barat Jerman pada tahun 1948 berjaya untuk memulakan keteraturan ekonomi pasaran. Beliau meyakinkan sekutu-sekutu Barat ini, terutamanya wakil dari Amerika Syarikat, dan juga warga Jerman yang terpengaruh dengan dua langkah strategi, pertama, *reformasi barga* yang terbukti mencapai kejayaan yang jauh lebih besar daripada yang terjangka oleh kebanyakan pemerhati (ini boleh dijadikan contoh untuk peristiwa yang tampaknya kecil tetapi terjadi di saat-saat kritikal mungkin mempunyai kesan signifikan dan berkekalan), kedua, dengan mempromosi *keteraturan baru ekonomi* dan *sosial* dengan - menurut Zweynert⁸ - “killer phrase” Ekonomi Pasaran Sosial. Terutamanya berkenaan dua isu, selain mencanang-canang nama keteraturan ekonomi, iaitu mempraktikkan sumbangan sebenar Jerman kepada keteraturan ekonomi yang baru: Pertama, beliau menghapus sebahagian besar mekanisme kawalan harga barangan pengguna yang sedia ada tanpa berkoordinasi dengan kerajaan tentera dan juga menghubungkan pencatuan dan kawalan kerajaan terhadap ekonomi. Liberalisasi ini jauh lebih radikal daripada apa yang difikirkan oleh wakil-wakil dari tentera kerajaan Amerika Syarikat. Kedua, meskipun keteraturan pasaran dianggap sangat penting oleh Amerika Syarikat di saat kemunculan Perang Dingin, organisasi khusus yang dicadangkan oleh penyokong-penyokong Ekonomi Pasaran Sosial di Jerman dipertikaikan oleh kebanyakan ahli ekonomi Amerika Syarikat, justeru kerana penolakan kuat konsep ekonomi yang dihebah-hebahkan oleh Erhard dan pendukung-pendukungnya terhadap Keynesian yang berteraskan pengurusan permintaan ekonomi makro.

Fakta dan visi-visi konsep ekonomi ini telah meyakinkan majoriti pengundi lalu Ekonomi Pasaran Sosial berjaya dilaksanakan sebagai keteraturan ekonomi selepas pilihanraya pertama untuk *Deutsche Bundestag* (iaitu Parlimen Persekutuan Jerman (Barat) peringkat bawah) pada bulan September 1949. Namun, hakikatnya keteraturan ekonomi yang direalisasikan itu hanyalah satu kompromi.

Di suatu sudut, ia terdiri daripada penerusan apa yang sedia ada dan inovasi pada konsep-konsep berbeza yang dibangunkan sejak tahun 1930-an di mana kesemua pemikir ketika itu berusaha untuk memperkenalkan

⁸ Zweynert (2004), hlm. 16.

peranan ekonomi pasaran yang lebih baik di Jerman berbanding dengan yang wujud semasa Republik Weimar (dan pastinya yang lebih baik berbanding semasa tempoh pemerintahan Sosialisme Nasional). Di sisi lain, selaras dengan gagasan jalur ketergantungan - "keputusan yang dibuat sebelum ini akan membataskan keputusan yang akan dibuat kemudian" - tradisi dan institusi terdahulu Jerman yang dikekalkan sebahagiannya atau kembali berpengaruh secara beransur-ansur "dan membuka jalan untuk pembangunan ekonomi mengikut jalur korporatis".⁹ Ahli-ahli politik menerima ini dan ada juga yang mendukungnya supaya boleh diterima rakyat dan juga mereka-mereka yang berkepentingan. Ini juga dilakukan supaya usaha mendirikan dan memelihara keteraturan ekonomi baru dengan lancar secepat mungkin. Keperluan untuk mempertingkatkan dan memastikan penerimaan terhadap sistem ekonomi berasaskan pasaran di kalangan penduduk amatlah tinggi ketika itu kerana ia telah kian hilang selepas perang yang membinasakan dan memundurkan.¹⁰ Dan ia juga amat perlu kerana penentangan kuat daripada kesatuan-kesatuan sekerja dan sosial demokrat untuk menerima ekonomi pasaran yang dibawa oleh Ludwig Erhard dengan mengemukakan cadangan balas berlandaskan konsep yang lebih intervensionis.¹¹ Dan, setelah berjaya mengatasi tentangan awal dan berjaya menjadi model ikutan kepada negara-negara lain hasil daripada *Wirtschaftswunder* (Keajaiban Ekonomi) di bahagian barat Jerman¹², Ekonomi Pasaran Sosial sebagai satu label kepada dasar-dasar praktikal yang diamal hingga kini di Jerman terbukti masih berdaya tahan.

Ekonomi Pasaran Sosial dikembangkan selama enam dekad ini dan membawa kepada keteraturan ekonomi yang kini prinsipnya diterima oleh setiap parti dalam Parlimen¹³ dan juga kesemua pertubuhan utama termasuk kesatuan sekerja. Walaubagaimanapun, Sosial Demokrat hanya menerimanya dengan rasmi sejak tahun 1959, dan ianya kurang jelas adakah parti yang lebih kiri ini akan berpegang kepada nilai-nilai asas Ekonomi Pasaran Sosial sekiranya berpeluang untuk menjadi sebahagian daripada kerajaan persekutuan di masa akan datang. Selain itu, ia harus diberi perhatian bahawa majoriti masyarakat terbanyak masih berkeyakinan dengan Ekonomi Pasaran Sosial Jerman meskipun terdapat

9 Cf. Hartwich (2009).

10 Zweynert (2004), hlm. 16.

11 Schlecht (2005), hlm. 402.

12 Cf. Funk (2001b).

13 Cf. Wohlgenuth (2006), hlm. 217.

peralihan kecenderungan dan penurunan keyakinan terhadapnya dalam pertengahan 1990-an.¹⁴

Sehingga ke hari ini konsep untuk melawan Ekonomi Pasaran Sosial Jerman (Barat) masih lagi belum pernah berjaya walaupun dengan beberapa kemunduran di (Barat) Jerman sejak pertengahan 1970-an dalam pencapaian pasaran pekerjaan dan pertumbuhan ekonomi. Malah, model ini digunakan oleh kesemua parti sebagai titik permulaan atau kerangka untuk menukar sistem yang sedia ada dengan idea-idea mereka sendiri berdasarkan elemen-elemen asas model ini yang tidak kontroversi, contohnya kebanyakan usaha yang gagal untuk menyepadukan pengurusan permintaan Keynesian sebagai dasar makroekonomi semasa dan usaha untuk mempertingkatkan peranan campur tangan kerajaan terutamanya daripada tahun 1967 hingga 1978.

Salah satu sebab mengapa semua parti, selain parti-parti yang sangat kiri, sangat kanan atau parti-parti minoriti lain, menyokong konsep tersebut adalah kerana hakikat bahawa, secara keseluruhan, dua puluh tahun pertama selepas Ekonomi Pasaran Sosial boleh dipanggil sebagai “tempoh penuh kejutan positif”¹⁵ kerana prestasi ekonomi Jerman Barat berbanding dengan sebahagian besar negara-negara jiran termasuk Amerika Syarikat. Kejayaan ini sebahagian besarnya berpunca daripada ahli ekonomi ordoliberal tradisional, kerana selepas Perang Dunia Kedua, parti pemerintah iaitu Kristian Demokrat yang di bawah pimpinan Konrad Adenauer, bersama Ludwig Erhard, Menteri Ekonomi (dan kemudiannya menjadi Canselor) kerajaan persekutuan Jerman Barat yang pertama mengisytiharkan Ekonomi Pasar Sosial sebagai asas reformasi dalam institusi ekonomi. Punca kedua terbesar mungkin kerana Ekonomi Pasaran Sosial telah menjadi proses pembudayaan di khalayak Jerman di mana “aktor-aktor membiasakan diri mereka dengan institusi-institusi melalui proses *pembudayaan* dan mereka mengukuhkan institusi yang sedia ada melalui proses *penghasilan semula*”.¹⁶ Kesemua ini dapat menghasilkan kestabilan institusi-institusi sementara pada masa yang sama “kesesuaian dasar-dasar yang ada boleh terus dinilai semula dengan alternatif munasabah yang ada”¹⁷

Walaupun harus disebut bahawa sejak penghujung 1950-an dasar-dasar sebenar Ekonomi Pasaran Sosial beransur-ansur lari dari idea asal di

14 Mildner/Prentice (2009), hlm. 10.

15 Siebert (2005), hlm. 3.

16 Berg *et al.* (2010), hlm. 136.

17 Young (2010), hlm. 66.

mana negara sebagai penjamin keteraturan ekonomi (iaitu, menetapkan aturan yang lebih tinggi daripada proses ekonomi) kepada kerajaan yang lebih intervensionis hingga mengganggu proses ekonomi dan berisiko disalahguna oleh mereka-mereka yang berkepentingan, situasi ini lebih memburuk terutama selepas tempoh peningkatan usaha pengagihan dalam agenda tersebut. Namun, situasi ini diperbaiki pada tahun 1980-an tetapi kembali teruk akibat kesukaran untuk penyatuan.

Menurut teori asas yang digunakan di sini, Ekonomi Pasaran Sosial ini dikembangkan dengan kaedah yang boleh dikatakan jalur ketergantungan melalui peringkat berbeza-beza¹⁸ yang didorong oleh, terutamanya dua suasana ekonomi antarabangsa yang sangat berbeza, kadang-kadang disebut sebagai “Golden Age” atau “musim cuaca tenang” (hingga awal 1970-an) dan “Silver Age” atau “musim cuaca buruk” yang jauh lebih menyukarkan selepasnya. Tempoh kedua ditimpa dengan banyak kejutan terutamanya berunsur negatif yang bermula dengan dua lonjakan harga minyak pada awal 1970-an dan juga kesukaran untuk penyesuaian kepada penyatuan Jerman.¹⁹

Perkembangan ini hanya dapat mengekalkan beberapa tunjang Ekonomi Pasaran Sosial²⁰, iaitu komitmen untuk penswastan yang ditambah baik dengan kebajikan sosial, dasar persaingan kukuh bagi menjamin pasaran bebas dan terbuka dan bank pusat yang bebas politik yang komited untuk mencapai kestabilan tingkat-harga. Dan kebanyakan komponen lain Ekonomi Pasaran Sosial terabai semasa musim cuaca buruk, khususnya idea tentang kerajaan kuat tetapi terhad yang terpisah akibat mereka-mereka yang berkepentingan, sistem keselamatan sosial yang di luar pengaruh ahli politik dan terutamanya program-program kebajikan sosial yang dibiayai cukai.

Faktor-faktor utama yang perlu untuk difahami dalam perbezaan perlakuan ekonomi Jerman di sepanjang dua tempoh panjang ini - 1950-an hingga 1970-an dan 1980-an hingga sekarang - berada pada semua institusi-institusi berkaitan buruh, yang mendapat tuah kejutan-kejutan positif yang berturut dalam tempoh pertama dan paling penting turutan kejutan-kejutan negatif yang menimpa dalam tempoh kedua. Ekonomi Jerman telah dilanda krisis pengangguran yang tinggi dan pertumbuhan ekonomi yang sedikit serta peningkatan perbelanjaan awam dan sosial sejak pertengahan 1970-an ataupun selama lebih daripada tiga puluh tahun.

18 Cf. Quaas (2008), hlm. 386-387.

19 Untuk gambaran keseluruhan rujuk Leonhard/Funk (2002).

20 Cf. Funk (2010), hlm. 20-21.

Namun, tanggapan bahawa peningkatan terus-menerus perbelanjaan sosial hanya kerana dasar-dasar atau langkah-langkah sosial yang terlaksana oleh aktor-aktor kerajaan adalah kesilapan besar. Sifat-sifat jalur ketergantungan sesetengah organisasi yang bertahan dalam pasaran pekerjaan, walaupun banyak cabaran baru yang terus melindungi orang dalam dan menghalang penganggur-penganggur untuk (kembali) masuk ke dalam pasaran pekerjaan, juga antara sebab penting hasil suboptimal ini. Pasaran tenaga kerja Jerman sejak dahulu secara umum telah dipengaruhi oleh idea tuntutan kolektif bebas, dan banyak mempengaruhi pelaksanaan-perlakuan kerajaan semenjak penghujung 1950-an, contohnya, kaedah-kaedah aktif terhadap pasaran pekerjaan dan kesemua jenis dasar-dasar pengawalan, termasuk penyingkiran-penyinkingiran atau perlindungan produk pasaran yang dilaksana oleh kerajaan dan kepercayaan kepada persaraan awal sebagai salah satu kaedah untuk menyelesaikan masalah pasaran pekerjaan.²¹ Tambah lagi, saling perkaitan antara dasar-dasar sosial dan prestasi pasaran pekerjaan juga tampak jelas. Sebagai contoh, sepertimana yang lain, bantuan kepada pengangguran yang terlalu kerap atas sebab “keseimbangan sosial” kemungkinan besar, sekurang-kurangnya selepas beberapa sela masa, akan meningkatkan *reservation wage* (iaitu kadar gaji terendah yang rela diterima oleh pekerja-pekerja) lalu menyukarkan lagi usaha untuk membasmi pengangguran dan makin menambah buruk situasi kritikal ini.

Menurut pengkritik-pengkritik yang ordoliberal, pendorong utama kepada defisit-defisit melalui penggubalan dasar dalam Ekonomi Pasaran Sosial Jerman merangkumi, khususnya, aspek-aspek berikut yang menjadikan evolusi keteraturan ekonomi Jerman kepada “Ekonomi Pasaran Sosial tidak fleksibel”, terutamanya, dalam prestasi pasaran pekerjaan:²²

- Sistem keselamatan sosial yang telah berkembang sejak tahun 1880-an tidak diadaptasi ke dalam prinsip-prinsip pembentukan Ekonomi Pasaran Sosial, yang menumpukan lebih kepada perlindungan status bukannya subsidiariti yang menjadi ciri penting semasa pembangunan sistem keselamatan sosial Bismarckian. Lebih teruk lagi, prinsip-prinsip tersebut tidak memainkan peranan penting semasa pengembangan lanjut sebagai negara kebijakan dan

21 Cf. Funk (1999), (2004) dan (2007).

22 Cf. Funk (2001a).

juga dalam proses penyatuan Jerman. Hanya reformasi berkaitan pekerjaan baru-baru ini (Hartz IV) memansuhkan perlindungan status kebanyakan penganggur lama dengan hanya menawarkan bantuan (bayaran) bulanan tetap kepada mereka yang berkaitan. Ekonomi politik daripada negara kebajikan mampu untuk lebih menjelaskan corak-corak tidak simetri tindakan pengubahsuaian dalam tempoh baik dan buruk yang lebih panjang daripada sekadar bertepatan dan diyakini dengan ramalan-ramalan asas dalam teori jalur ketergantungan. “Pengembangan kebajikan biasanya menghasilkan politik pengakuan jasa yang berleluasa kerana melanjutkan hak-hak sosial dan pertambahan faedah-faedah kepada penduduk yang semakin meningkat jumlahnya, sementara dasar-dasar penjimatan mencerca pengundi-pengundi dan rangkaian-rangkaian yang berkepentingan terancang”. Dalam kata lain, “serangan terang-terangan terhadap negara kebajikan mendatangkan risiko yang besar dalam pilihanraya.” Serangan jelas sebegini akan “mengakibatkan tindakbalas politik berbahaya kepada diri dan ini telah digunapakai untuk menjelaskan sambutan yang mengecewakan dalam program-program kemasyarakatan”.²³

- Perjanjian rakan kongsi dalam tuntutan kolektif terabai hingga sekurang-kurangnya pada penghujung 1990-an, iaitu had yang mana mereka harus pertimbangkan untuk melindungi kestabilan pasaran tenaga kerja dan ekonomi secara menyeluruh dan menyumbang dengan kaedah ini untuk menstabilkan atau untuk mengurangkan kadar pengangguran. Namun, masalah yang terkumpul ini tidak mengarah ke penyelesaian asas untuk mengatasi punca sebenar masalah yang telah lama melarat. Gejala-gejala “penyelesaian” seperti meningkatkan persaraan awal atau pengurangan skimatik waktu kerja seminggu tanpa menurunkan kos tenaga kerja dengan kadar yang sama hanya menambah buruk masalah pengangguran yang tinggi dan masalah pekerjaan yang rendah untuk jangka panjang.²⁴ Ekonomi politik reformasi pasaran tenaga kerja bukan sekadar tidak dapat menjelaskan mengapa kerigidan terjadi. Pendekatan ini juga menimbulkan persoalan mengapa ia tetap bertahan sedangkan ia terbukti berkos tinggi dalam hal pekerjaan.²⁵ Hujah umum adalah

23 Semua ini dipetik dari Kersbergen/Manow (2008), hlm. 540-541.

24 Cf. Funk (2004).

25 Saint-Paul (1998), hlm. 274.

bahawa pengangguran berstruktur tinggi sering diperkuat dengan sendirinya kerana, ironiknya, kadar pengangguran yang tinggi menambahkan sokongan politik terhadap kerigidan pasaran tenaga kerja dengan kelompok yang besar, majoritinya orang dalam yang merasakan pekerjaan mereka tidak tergugat setelah pengalaman awal yang baik di negara-negara seperti Jerman Barat dengan perlindungan pemberhentian kerja yang agak ketat yang sering diperolehi daripada pasaran tenaga kerja yang berfungsi dengan teruk dalam jangka pendek.²⁶ Semuanya sekaligus, set institusi yang berfungsi dengan baik di ketika musim cuaca tenang menyumbangkan kepada dualisasi berterusan buruh kerja Jerman kepada, kebiasaannya, orang dalam yang cukup terlindung dan orang luar yang terpaksa mencari pekerjaan dalam pengangguran jangka panjang yang berpeluang tipis untuk kembali memasuki pasaran tenaga kerja selama zaman cuaca buruk - sejak pertengahan 1970-an. Sebabnya jelas bahawa kerajaan tidak hanya, seakan-akan, memaksa diri mereka untuk beberapa reformasi liberal, sebagai contoh, pilihan yang lebih banyak untuk menggunakan kontrak sementara bagi jenis-jenis pekerjaan yang tertentu, sementara mengekalkan sebahagian besar perlindungan pekerjaan untuk orang dalam; mereka dan juga rakan kongsi tuntutan kolektif menyokong langkah-langkah untuk mengurangkan penawaran buruh yang mampu, berkekalan lebih lama, merosotkan kemahiran pasaran tenaga kerja untuk menambah pekerjaan baru.

Ini adalah faktor penting yang menjadi punca, terutamanya, kepada masalah-masalah yang telah diajukan sekurang-kurangnya sebagai masalah yang harus diberi perhatian sejak baru-baru ini sepertimana yang akan ditunjukkan kemudian. Kesemua ini adalah faktor utama mengapa Ekonomi Pasaran Sosial menjadi semakin tidak fleksibel berbanding dengan peningkatan permintaan untuk fleksibiliti untuk menyelesaikan masalah ekonomi menjadi, hakikatnya, “tidak sosial” dalam hal pemahaman awal oleh Erhard semasa kempen pertama Jerman Barat oleh Kesatuan Kristian pada tahun 1949.

- Sememangnya, tidak ada yang sosial dalam hal ini bekenaan sebuah model yang kekal dengan kadar pengangguran yang sangat tinggi hinggakan berkadar dua digit.

26 Untuk perincian rujuk Saint-Paul (1998).

▪ Ia juga tidak jelas yang mana satu boleh dianggap sebagai sosial dalam hal ini, iaitu model yang telah memberikan, sejak pertengahan 1980-an hingga baru-baru ini, peluang kepada generasi bekerjanya (dan juga kebanyakan tugas yang tidak ketara) untuk bersara pada purata umur bawah 60 tahun walaupun terdapat peningkatan jumlah lelaki berumur 65 tahun (kaum wanita hanya beransur-ansur meningkat ke umur sebegini sejak beberapa tahun lepas). Malah, peraturan-peraturan sebegini berkemungkinan akan menyukarkan generasi akan datang yang hidup untuk bekerja lima hingga sepuluh tahun lebih lama jika mereka ingin mengekalkan taraf hidup yang sama (namun, mereka harus mengambil kira bahawa purata jangkaan umur mereka adalah lebih tinggi daripada generasi lepas).

Oleh itu, harus diketahui bahawa isi-isi Ekonomi Pasaran Sosial sebenar adalah sangat berbeza pada tahun 1950-an, misalnya, tahun 1970-an atau 1990-an dan hari ini. Perubahan kandungan di bawah nama yang sama ini, mungkin dapat menjelaskan sekurang-kurangnya sebahagian mengapa seringkali begitu sukar bagi orang asing untuk memahami Ekonomi Pasaran Sosial dan mengapa ia boleh menjadi teladan yang berjaya kepada negara-negara lain dengan hanya sebahagian daripada kandungannya, misalnya kebebasan bank pusat.

Sebahagiannya adalah supaya boleh berdaya maju politik, Ekonomi Pasaran Sosial yang asal terpaksa dikompromi dan dibina sebagai “model cuaca tenang” menurut pandangan separa kedua kewujudannya, iaitu ketika Jerman menghadapi cabaran baru yang terbukti lebih sukar untuk diselesaikan berbeza dengan “masa dahulu yang tenang” semasa berlakunya “keajaiban ekonomi”. Sebab kepada kesukaran ini adalah, terutamanya, kebolehan penyesuaian sistem Jerman kini yang lemah berbanding tahun-tahun awalnya. Dalam kata lain, aturan ekonomi Jerman telah menjadi “Ekonomi Pasaran Sosial tidak anjal”²⁷ yang tidak dapat menyesuaikan dengan secukupnya untuk menghadapi peningkatan cabaran akibat daya maju politik yang lemah untuk pembaharuan yang perlu, iaitu sekurang-kurangnya sebahagian institusi-institusi dan dasar-dasar yang telah ketinggalan zaman seperti yang dijelaskan di atas.

Tambah lagi, kita jangan lupa akan masalah yang sering dipandang enteng. Ahli-ahli akademik tradisional ordoliberal Jerman tidak menerima

27 Cf. Funk (2001a).

bahawa penyelesaian yang sesuai untuk masalah ekonomi yang muncul di Jerman Barat, seperti peningkatan pengangguran yang makin teruk dan pertumbuhan ekonomi rendah yang berterusan harus dihadapi dengan menggabungkan peningkatan kecekapan bersama daya maju politik yang mungkin. Agak ramai ordoliberal tradisional Jerman yang memimpin jabatan-jabatan ekonomi Universiti-universiti Jerman sepanjang tahun 1980-an dan awal 1990-an yang seringkali mengabaikan daya maju politik supaya dapat menjamin kecekapan yang maksima dalam usul mereka. Akibatnya, dalam tempoh-tempoh ini ahli politik sering tidak mengambil nasihat ekonomi dengan cukup serius kerana ia kebiasaannya bermaksud membunuh kerjaya politik sendiri. Kerana inilah seringkali diabaikan halangan-halangan reformasi di Jerman pada tahun 1980-an dan 1990-an. Situasi ini mula pulih apabila ahli-ahli ekonomi secara beransur-ansur mengubah fikiran mereka dan menawarkan lebih banyak saranan-saranan terhadap dasar ekonomi yang cuba mencari jalan mempertingkatkan kecekapan sambil mengambil kira “reformasi struktur ekonomi politik” semenjak sekitar pertengahan 1990-an di Jerman.²⁸

Kritikan sebegini tidak bermaksud ia menolak bahawa komponen pasaran (atau “aturan ekonomi”) harus dominan dalam Ekonomi Pasaran Sosial, sekurang-kurangnya dalam pengertian berikut: semakin dominan pasaran, terutamanya pasaran tenaga kerja, yang berfungsi dengan memuaskan, semakin rendah keperluan untuk pemindahan sosial yang tinggi terhadap rakyat. Dalam kata lain, dengan menganggap semuanya sama, kejayaan peluang pekerjaan yang mencukupi akan mengurangkan dasar sosial kerajaan dan sistem keselamatan sosial dengan meningkatkan hasil negara serta mengurangkan perbelanjaan sosial dalam suatu sistem yang kukuh. Oleh itu, pembentukan aturan ekonomi untuk mencecah jumlah pekerjaan yang tinggi dengan konsisten, harus dianggap sebagai dasar sosial yang paling penting dalam Ekonomi Pasaran Sosial walaupun dasar itu tidak langsung menunjukkan bahawa dasar sosial berbentuk lain adalah tidak diperlukan.

Secara keseluruhan, kita dapati kitaran jalur ketergantungan dan perubahan-perubahan daripada fleksibel kepada tidak fleksibel dan sekali lagi kepada Ekonomi Pasaran Sosial yang lebih fleksibel. Kitaran ini boleh diserlahkan, pada prinsipnya, dengan alat penganalisa jalur ketergantungan. Ekonomi Pasaran Sosial tertinggal kebelakang berbanding khususnya ekonomi-ekonomi Anglo-Saxon yang lebih

28 Rujuk contohnya Funk (1999) dan Kramer (2003).

dinamik, sebahagiannya sepanjang tahun 1980-an dan khususnya semenjak tahun 1990-an. Usaha-usaha mereformasi untuk mengatasi masalah-masalah ini terbukti selaras dengan hujah umum yang diajukan dalam teori jalur ketergantungan terlalu lemah walaupun sebahagiannya yang berjaya, misalnya berkenaan masalah untuk menurunkan hutang awam semasa tahun 1980-an.

Masih boleh dipertikaikan, aturan ekonomi Jerman disebut sebagai orang sakit di Eropah pada penghujung 1990-an dan pada tahun-tahun pertama dekad ini sebagai negara yang ketika ini, secara puratanya, berada di tempat terbawah liga pertumbuhan ekonomi pada ketika itu. Namun akhirnya, “kesesakan reformasi” yang menyakitkan khususnya berkenaan reformasi asas pasaran tenaga kerja yang baru dijelaskan, bagaimanapun, menjadikan usaha reformasi berstruktur Jerman hampir betul-betul seiring dengan idea keseimbangan yang berselang-selang sepertimana yang dipastikan oleh Jerman melalui “Agenda 2010” yang diumumkan pada tahun 2003 dan dilaksanakan secara berperingkat pada tahun-tahun berikutnya, iaitu satu transformasi yang mendadak dalam pembangunan insentif dalam pasaran tenaga kerja hanya setelah perubahan berperingkat. Agenda ini terlaksana dengan memberi tekanan kepada para penganggur untuk mencari kerja baru (juga dengan pampasan yang lebih rendah), memberikan lebih banyak ruang untuk pekerjaan bertempoh tetap, pekerjaan sementara dan kerja-kerja sambilan lalu pada masa yang sama dapat mengurangkan perlindungan pekerjaan. Kesan yang pro-kompetitif seperti ini membolehkan usaha reformasi yang lebih luas daripada sebelumnya dan secara tidak langsung memberi tekanan kepada orang dalam pasaran tenaga kerja kerana dengan segera mereka dapat melihat jurang produktiviti mereka lebih rendah daripada jurang kos pekerjaan mereka berbanding dengan orang luar. Situasi kedua ini mungkin mampu untuk menjelaskan mengapa sekurang-kurangnya sebahagian orang dalam di pasaran tenaga kerja menyederhanakan tuntutan gaji mereka sejak akhir-akhir ini.²⁹

Walaupun terdapat bebarapa ahli-ahli ekonomi ordoliberal yang meramal sejurus selepas pengumuman nya bahawa reformasi Agenda 2010 Jerman tidak akan berjaya membuka pasaran tenaga kerja Jerman, namun, kejadian itulah yang betul-betul terjadi dengan besarnya sejenak selepas pasaran melambung pada tahun 2005. “Untuk pertama kalinya sejak tiga dekad, pasaran tenaga kerja Jerman telah mencapai satu

29 Untuk perincian mengenai reformasi tersebut rujuk Funk (2007).

perkembangan penting yang tidak terjangka sebelum ini: Penurunan dalam pengangguran hingga ke peringkat dasar. Jumlah pengangguran dalam lambungan sebelum ini pada tahun 2008 adalah lebih kurang 600,000 orang kurang daripada nilai terendah dalam lambungan sebelum ini pada tahun 2000. Dan jumlah mereka yang menerima bantuan pengangguran jangka panjang kini 20 peratus lebih rendah berbanding pada awal tahun 2006³⁰.³⁰ Namun demikian, penilaian positif ini jelas tidak menolak pelarasan halus tertentu dan usah reformasi yang diperbanyakkan kemungkinan besar masih akan tetap membantu untuk memperbaiki keadaan pasaran tenaga kerja dengan lebih lanjut.

3. PENGAJARAN UNTUK MASA DEPAN EKONOMI PASARAN SOSIAL

Kini, konsep Ekonomi Pasaran Sosial mentakrifkan konsep dasar aturan ekonomi yang menggabungkan pasaran bebas bila mana berasaskan ekonomi bersama unsur-unsur yang mengimbangkan sosial.³¹ Namun, masalah yang timbul semasa pelaksanaan adalah ia terbukti sukar secara politik untuk mengelakkan peningkatan yang banyak unsur-unsur “sosial” yang diperkatakan dalam tempoh cuaca tenang kerana ia mendorong kepada kesan sampingan yang tidak diingini. Ini memakan diri semasa kesukaran sejak pertengahan tahun 1970-an dan terutamanya selepas penyatuan Jerman apabila kesan-kesan sampingan negatif terhadap dinamisme ekonomi muncul sebagai kadar pertumbuhan ekonomi rendah yang degil dan jumlah pengangguran yang meningkat sedikit demi sedikit dari satu kitaran perniagaan kepada kitaran perniagaan yang lain.

Sebagai hasil dari pelan asal untuk mereformasi, yang cuba untuk keseimbangan antara kecekapan ekonomi dan daya maju politik dan yang mendorong kepada perubahan asas berkenaan pekerjaan sejak tahun 2003³², prestasi pasaran tenaga kerja melonjak naik sejak itu dan untuk pertama kalinya sejak tahun 1970-an kedegilan pengangguran berstruktur yang tinggi dapat terus menurun meskipun dengan adanya krisis ekonomi semasa. Dan lagi, reformasi ekonomi sepanjang dekad lalu tampaknya telah membuat pasaran tenaga kerja jauh lebih teguh secara umum. Peningkatan fleksibiliti yang digabungkan dengan dasar yang dilaksanakan kerajaan sekarang, khususnya pembiayaan subsidi

30 Cf. Zimmermann (2010).

31 Cf. John (2007).

32 Cf. *Sachverständigenrat zur Begutachtung der gesamtwirtschaftlichen Entwicklung* (2002).

seketika semasa krisis ini tampaknya telah berjaya mengelakkan, sekurang-kurangnya sehingga kini, tersebarinya pertumbuhan ekonomi negatif ke dalam pasaran tenaga kerja lebih daripada yang terjangka oleh majoriti ahli ekonomi.³³ Pengalaman yang menyenangkan ini setelah penyesuaian yang agak menyakitkan sebelum ini menunjukkan bahawa Ekonomi Pasaran Sosial yang fleksibel harus menjadi cara untuk maju bagi masa depan Jerman yang dibina atas beberapa pengajaran daripada pengalaman lepas yang dialami oleh aturan ekonomi Jerman.

Kesemuanya sekaligus, sebuah pengajaran penting untuk dipelajari daripada pengalaman Jerman adalah Ekonomi Pasaran Sosial harus menerima fakta asas yang dihuraikan oleh Ludwig Erhard, iaitu bahawa “terlalu sosial” terbukti adalah “tidak sosial”. Peraturan-peraturan yang melebihi-lebih dan gaji sebenar yang tidak bertindak balas cukup dengan pengangguran tinggi atas sebab-sebab institusi yang menghancurkan pertumbuhan ekonomi dan pekerjaan serta peluang untuk terlibat sama dalam masyarakat bagi mereka yang ingin memasuki pasaran tenaga kerja dan tidak dapat mencari pekerjaan. Tambah lagi perlu juga diperkatakan, bahawa ahli-ahli akademik kini yang menegaskan kesan-kesan sampingan negatif daripada reformasi sektor buruh baru-baru ini harus membuat perbandingan yang bersesuaian. Menurut kritikan-kritikan tersebut³⁴, reformasi baru-baru ini dikatakan membawa kepada dualisasi pasaran tenaga kerja dengan menghakis solidariti, “menghasilkan perselisihan baru dalam sistem kebajikan dan masyarakat”. Namun, kritikan sebegini tidak boleh lupa bahawa pencetus reformasi ini adalah sememangnya dualisasi yang berterusan kepada orang dalam yang dilindungi dan orang luar yang mencari pekerjaan dengan peluang yang tipis untuk memasuki pasaran tenaga kerja yang tidak dapat diselesaikan dengan langkah-langkah campurtangan selama beberapa dekad sebelum terlaksananya usaha-usaha reformasi yang bermakna ini untuk memperbaiki insentif sudut penawaran.

Selain itu, pengalaman generasi sebelumnya tidak boleh dijadikan sebagai kayu pengukur kerana mereka akan pasti tidak dapat bertahan sekiranya dipertimbangkan tekanan daripada pembiayaan awam yang mendatang disebabkan, misalnya, masyarakat yang meningkat tua.

Pengajaran kedua mungkin adalah bahawa tahap perubahan-perubahan yang berlaku sangat bergantung kepada struktur institusi sesebuah ekonomi dan sistem politiknya yang sebahagian besarnya

33 Cf. Möller (2010).

34 Cf. contohnya Palier (2009), hlm. 392.

menetapkan keadaan kerangkanya. Tempoh penyesuaian-kerigidan dalam Ekonomi Pasaran Sosial Jerman – atau secara ringkas “penyakit Jerman” ini – adalah sukar untuk diubati kerana ia “berpunca daripada kombinasi kompleks sebab-sebab keinstitutional seperti struktur persekutuan, sistem pilihanraya [...] dan kelompok berkepentingan yang kuat [...] dan sebab-sebab budaya seperti budaya konsensus Jerman, kebertanggungjawaban terhadap kesamarataan sosial dan keadilan, atau penghargaan terhadap jangka panjang, kestabilan, dan keselamatan yang sudah berakar”.³⁵ Namun, jangka tempoh yang lebih panjang terhasil daripada “taktik pemotongan salami”³⁶ yang berdikit-dikit, menjurus reformasi politik yang sukar kepada tahap Kesatuan Eropah atau reformasi yang berperingkat akan memutuskan sekarang hanya beberapa tahun kemudian membantu untuk melaksanakan reformasi lebih asas yang lebih mesra pekerja dan pertumbuhan yang mempertingkat di Jerman. Kepimpinan strategik yang berisiko dengan aktor-aktor politik seperti dalam reformasi “Agenda 2010” mungkin akhirnya membawa kepada perubahan laluan yang jauh daripada ketidakanjalan dan menjurus ke arah Ekonomi Pasaran Sosial anjal yang mampu bertahan. Bagaimanapun, momentum reformasi ini berdasarkan pada konsensus tersembunyi bersama termasuk parti pembangkang Kesatuan Kristian. Ia beransur-ansur jelas untuk aktor-aktor utama dalam proses politik yang ketika mempertimbangkan tekanan masa depan yang meningkat tua dan penyesuaian lebih lanjut untuk globalisasi, jurang struktur “antara budaya Jerman yang diinstitutional yang berkesinambungan, konsensus dan berwaspada, di satu sudut, dan fleksibiliti semasa yang penting, inovasi, dan kelajuan, di sudut lain”³⁷ telah menjadi terlalu besar untuk dianggap sebagai “business as usual”.

Mudah-mudahan, hasil daripada kesiapan-kesilapan lepas dalam pengamalan Ekonomi Pasaran Sosial dan penambahbaikan dalam asas konseptualnya, dengan peninggalan pendekatan usang ini akan mendatangkan lebih banyak kesan pengajaran sekurang-kurangnya dalam praktis, kekurangan ruang untuk konsep keadilan yang lebih bersesuaian yang datang daripada konsep keadilan pengagihan yang tradisional dalam perkara, terutamanya, pindahan monetari bagi menjamin status sosial terdahulu untuk jangka masa yang agak panjang. Pendekatan baru ini perlu meletakkan penekanan pada penyertaan politik dan ekonomi

35 Blühdorn/Jun (2007), hlm. 18.

36 Funk (2007), hlm. 122.

37 Blühdorn/Jun (2007), hlm. 18.

melalui penglibatan sosial dan pekerjaan yang memanfaatkan, terhadap peluang yang sama rata melalui akses yang lebih mudah dan insentif untuk pendidikan dan pembelajaran seumur hidup, iaitu cara yang lebih baik untuk menggabungkan pekerjaan dan keluarga, dan bentuk yang lebih cekap untuk berurusan dengan sumber-sumber kewangan serta pendidikan yang lebih baik. Pada masa yang sama, krisis kewangan telah membuktikan bahawa peraturan-peraturan yang lebih baik dalam sektor kewangan dapat membantu untuk meningkatkan prestasi jangka panjang melalui, terutamanya, penyelarasan semula keuntungan swasta dan melalui pengambilan risiko. Ia jelas tidak serasi dengan aturan Ekonomi Pasaran Sosial, di satu sudut, keuntungan besar dalam perniagaan yang sangat berisiko diswastakan sedangkan sebaik sahaja kerugian berlaku, kerugian ini menjadi kerugian awam.³⁸

Kitaran dalam dasar sebenar dalam Ekonomi Pasaran Sosial menunjukkan bahawa dalam institusi ini sekurang-kurangnya berkenaan unsur-unsurnya yang tidak kekal “dasar akan terus dicabar oleh mereka yang tidak berjaya memperoleh kepentingan mereka apabila dasar ini terlaksana, tidak kira sama ada oleh aktor-aktor baru atau yang telah lama yang kepentingan mereka tidak lagi dipenuhi oleh dasar tersebut [...] Akibat daripada dinamik ini, dasar-dasar akan secara beransur-ansur menjadi lemah dan kecil, dihala kepada tujuan baru, ataupun kecundang.. Justeru, selagi ada maklum balas positif yang menyokong kestabilan dasar, akan ada juga maklum balas negatif yang bertegas untuk perubahan”.³⁹ Selagi mana masih wujud kontroversi berterusan di kalangan ahli politik berkenaan dasar sama ada sejajar atau tidak dengan Ekonomi Pasaran Sosial yang fleksibel, ahli akademik boleh menguatkan pendokong Ekonomi Pasaran Sosial yang fleksibel dengan cadangan dasar yang inovatif yang tidak hanya sejajar dengan ekonomi (yang terutamanya, mempertingkatkan kecekapan) tetapi juga mempertimbangkan aspek ekonomi politik mereka.⁴⁰

38 Cf. Funk (2009); rujuk bab yang ditulis oleh Gregosz dalam buku ini.

39 Young (2010), hlm. 66.

40 Cf. Kramer (2003).

RUJUKAN

- Allen, Christopher S. (2005): Ordo-Liberalism Trumps Keynesianism in the Federal Republic of Germany, dalam: Monetary Union in Crisis: The European Union as a Neo-Liberal Construction, disunting oleh Bernard H. Moss – London, hlm. 199-221.
- Berg, Annette van den et al. (2010): Institutional Economics. An Introduction – Basingstok.
- Blühdorn, Ingolfur / Jun, Uwe (2007): Reform-Gridlock and Hyper-Innovation: Germany, Britain and the Project of Societal Modernization, dalam: Economic Efficiency – Democratic Empowerment. Contested Modernization in Britain and Germany, disunting oleh Ingolfur Blühdorn / Uwe Jun – Lanham et al., hlm. 3-27.
- Eichengreen, Barry (2006): European Integration, dalam: The Oxford Handbook of Political Economy, disunting oleh Barry R. Weingast / Donald A. Wittmann – Oxford, hlm. 799-813.
- Funk, Lothar (1999): *Institutionell verbärte und politisch rationale Arbeitslosigkeit in der Bundesrepublik Deutschland (Volkswirtschaftliche Schriftenreihe, vol. 27)*, Münster, 1999
- Funk, Lothar (2000): Economic Reform of Modell Deutschland, dalam: The Future of the German Economy. An end to the Miracle?, disunting oleh Rebecca Harding/William E. Paterson (Issues in German Politics) – Manchester, hlm. 16-35.
- Funk, Lothar (2001a): Towards a Transformed Federal Republic of Germany?, dalam: Economics of Transition. Theory, Experiences and EU Enlargement, disunting oleh Michael H. Stierle / Thomas Birringer (INFER research edition, vol. 6) – Berlin, hlm. 17-36.
- Funk, Lothar (2001b): *Wirtschaftswunder*, dalam: German Culture and Society. The Essential Glossary, disunting oleh Holger Briel – London, hlm. 148-149.
- Funk, Lothar (2002): Economic Approaches to the Study of Contemporary Germany, dalam: Approaches to the Study of Contemporary Germany. Research Methodologies in German Studies, disunting oleh Jonathan Grix – Birmingham, hlm. 232-264.
- Funk, Lothar (2004): Employment Opportunities for Older Workers. A Comparison of Selected OECD Countries, dalam: Dice-Report – Journal for Institutional Comparisons, vol. 2(2), hlm. 22-33.
- Funk, Lothar (2009): *Kontroverse volkswirtschaftliche Interpretationen zur*

Finanzmarktkrise. Einige kritische Anmerkungen, dalam: *Sozialer Fortschritt*, vol. 58(4), hlm. 79-83.

- Hartwich, Oliver M. (2009): Neoliberalism. The Genesis of a Political Swearword (CIS Ocasional Paper, No. 114) – St. Leonards (http://www.cis.org.au/temp/op114_neoliberalism.pdf).

- John, Klaus-Dieter (2007): *Die Soziale Marktwirtschaft im Kontext der Europäischen Integration – Befund und Perspektiven*, dalam: *Die Zukunftsfähigkeit der Sozialen Marktwirtschaft*, disunting oleh Micheal von Hauff – Marburg, hlm. 143-191.

- Kersbergen, Kees van/Manow, Philip (2008): The Welfare State, dalam: *Comparative Politics*, disunting oleh Daniele Caramani – Oxford, hlm. 520-545.

- Körner, Heiko (2007): *Wurzeln der Sozialen Marktwirtschaft*, dalam: *Die Zukunftsfähigkeit der Sozialen Marktwirtschaft*, disunting oleh Michael von Hauff – Marburg, hlm. 15-36.

- Kramer, Helmut (2003): Political Economy in Economic Policy Advice, dalam: *Economic Policy Issues for the Next Decades*, disunting oleh Karl Aiginger/Gernot Hutschenreiter – Amsterdam, hlm. 295-299.

- Leipold, Helmut (2001): The Contribution of Neoliberal Ordnungstheorie to Transformation Policy, dalam: *Institutional Economics in France and Germany. German Ordoliberalism versus the French Regulation School*, disunting oleh Agnès Labrousse/Jean-Daniel Weisz – Berlin et al., hlm. 334-347.

- Leonhard, Jörn / Funk, Lothar (2002): Ten Years of German Unification. Transfer, Transformation, Incorporation – Birmingham.

- Mildner, Stormy-Annika / Prentice, Marc (2009): Germany's Social Market Economy. Old Wine in Old Bottles?, dalam: *Germany's Founding Pillars at 60. Future Challenges and Choices*, disunting oleh American Institute for Contemporary German Studies (AICGS German-American Issues, vol. 10) – Washington, D.C., hlm. 7-19 (<http://www.aicgs.org/documents/pubs/germanamerican10.pdf>).

- Möller, Hoachim (2010): The German Labor Market Response in the World Recession. De-mystifying a miracle, *Zeitschrift für Arbeitsmarktforschung (Journal for Labour Market Research, ZAF)*, vol. 42(4), hlm. 325-336.

- Palier, Bruno (2009): The French Welfare Reform Trajectory. From Keynesian to Supply-side Social Policies, dalam: *Wohlfahrtsstaatlichkeit in entwickelten Demokratien. Herausforderungen, Reformen und Perspektiven*, disunting oleh Herbert Obinger – Frankfurt / New York, hlm. 375-394.

- Quaa, Friedrun (2005b): *Soziale Marktwirtschaft: Einführung*, dalam: *Lexikon Soziale Marktwirtschaft. Wirtschaftspolitik von A bis Z*, disunting oleh Rolf H. Hasse et al. – Paderborn, hlm. 384-387.
- Scherrer, Christoph (2005): Can Germany Learn from the USA?, dalam: *Surviving Globalization? Perspectives for the German Economic Model*, disunting oleh Stefan Beck et al. – Dordrecht, hlm. 15-31.
- *Sachverständigenrat zur Begutachtung der gesamtwirtschaftlichen Entwicklung* (German Council of Economic Experts) (2002): *Zwanzig Punkte für Beschäftigung und Wachstum. Jahresgutachten 2002/2003* – Stuttgart.
- Schlecht, Otto (2005): *Soziale Marktwirtschaft: Politische Umsetzung, Erosion und Handlungsbedarf*, dalam: *Lexikon Soziale Marktwirtschaft. Wirtschaftspolitik von A bis Z*, disunting oleh Rolf H. Hasse et al. – Paderborn, hlm. 402-408.
- Schmitter, Philippe C. (2010): Business and Neo-Corporatism, dalam: *The Oxford Handbook of Business and Government*, disunting oleh David Coen et al. – Oxford, hlm. 248-258.
- Siebert, Horst (2005): *The German Economy, Beyond the Social Market* – Princeton.
- Wohlgemuth, Michael (2006): The Influence of Austrian Economics on German liberalism, dalam: *Internationale Experten zur Österreichischen Schule der Nationalökonomie. Festschrift für Christoph Kraus*, disunting oleh Barbara Kolm-Lamprecht / Christian Watrin – Wien, hlm. 194-225.
- Yound, Alasdair (2010): The European Policy in Comparative Perspective, dalam: *Policy-Making in the European Union*, disunting oleh Helen Wallace et al. (The New European Union Series) – Oxford, hlm. 45-68.
- Zimmermann, Klaus F. (2010): Germany's Labor Market Turnaround, dalam: *The Wall Street Journal*, 12 April 2010, hlm. 13.
- Zweynert, Joachim (2004): Shared Mental Models, Catch-up Development and Economic Policy-Making. The Case of Germany after World War II and Its Significance for Contemporary Russia (HWWA Discussion Paper 288) – Hamburg, (<http://www.econstor.eu/dspace/bitstream/10419/19260/1/288.pdf>).

RUNDINGAN KOLEKTIF BEBAS

TIANG PENDUKUNG ATAU TIANG EKONOMI PASARAN SOSIAL YANG SEDANG RUNTUH

Hagen Lesch

1. ABSTRAK

Sepanjang enam puluh tahun lepas, rundingan kolektif bebas telah menjadi satu tiang pendukung Ekonomi Pasaran Sosial. Rundingan kolektif bebas memberikan pekerja-pekerja dan majikan-majikan hak untuk rundingan gaji dan suasana pekerjaan tanpa sebarang pengaruh daripada kerajaan melalui perpaduan organisasi-organisasi. Tetapi sistem ini telah menjadi rapuh sepanjang dua dekad. Peniaga-peniaga makin kurang cenderung untuk memohon persetujuan kolektif dan pekerja-pekerja pula makin jarang disusun dalam kesatuan sekerja. Ini mengurangkan julat peruntukan-peruntukan kolektif, manakala, apa yang dipanggil sebagai persaingan luar semakin berkembang dan semakin meletakkan piawaian rundingan kolektif dalam tekanan. Kerana ini, rakan-rakan kongsi rundingan memperkenalkan klausa pembukaan dalam rundingan kolektif. Lalu menyebabkan persetujuan kolektif lebih anjal. Tekanan gaji tidak lagi berterusan, sepertimana penghakisan perlindungan terhadap rundingan kolektif. Tambah lagi, tahun-tahun akhir ini, persaingan telah dijana antara kesatuan sekerja yang berbeza. Sementara ia mengurangkan minat kepada tekanan gaji, tawaran yang berlebihan menjejaskan permintaan gaji. Sekiranya perkembangan terbaru ini makin menjadi-jadi, sistem rundingan kolektif bebas akan hancur berpecah. Persoalannya adakah rakan-rakan kongsi rundingan mampu untuk menghalang kejadian ini, dan sejauh mana persaingan luar dan persaingan kesatuan kerja akan terus patuh dengan sistem rundingan kolektif. Kini, rakan-rakan kongsi rundingan menyeru kepada penggubalan undang-undang. Kesatuan-kesatuan sekerja pula mahukan gaji minimum berkanun dan majikan-majikan pula ingin untuk

mengekalkan prinsip “satu syarikat, satu kesatuan sekerja” (keseagaman tarif). Campur tangan kerajaan dalam rundingan kolektif bebas adalah tidak digalakkan, sekurang-kurangnya pada saat ini. Pengalaman-pengalaman lepas dengan membuka persetujuan-persetujuan kolektif kepada perniagaan yang beroperasi berbeza telah menunjukkan bahawa rakan-rakan kongsi rundingan sememangnya mampu untuk bergerak balas dengan keadaan umum ekonomi yang berubah. Kerajaan hanyalah diperlukan sekiranya kesatuan sekerja dan persekutuan majikan tidak dapat untuk memastikan permohonan yang munasabah untuk persetujuan kolektif jangka panjang mereka. Sekiranya tiba saat kerajaan berperanan sebagai pengganti rakan kongsi rundingan, rundingan kolektif bebas akan berada dalam satu krisis keabsahan.

2. RUNDINGAN KOLEKTIF BEBAS: INTIPATINYA DAN ASAL-USUL SEJARAHNYA

Selain *Die Linke* (iaitu Yang Kiri), kesemua parti politik lain yang diwakili dalam *Bundestag* (iaitu Parlimen Persekutuan Jerman peringkat bawah) jelas komited terhadap rundingan kolektif bebas, yang telah menjadi tiang kepada Ekonomi Pasaran Sosial Jerman. Rundingan kolektif bebas datang daripada kebebasan berpersatuan, seperti mana yang tertera dalam Artikel 9 bahagian 3 Basic Law Republik Persekutuan Jerman (untuk: *Grundgesetz der Bundesrepublik Deutschland, GG*). Ini menjamin setiap individu dan kerjaya mereka mempunyai hak untuk bersekutu supaya dapat mengekalkan dan menggalakkan suasana berekonomi dan suasana pekerjaan. Peruntukan ini melingkungi kebebasan berpersatuan yang positif dan negatif. Kebebasan berpersatuan positif mewujudkan peluang kepada majikan dan pekerja untuk bekerjasama dalam persekutuan organisasi-organisasi.¹ Kebebasan berpersatuan negatif pula merangkumi adalah hak untuk tidak bertindak dalam konsortium ini dan mengawal suasana kerja secara individu. Namun, ia tidaklah sehingga membenarkan penarikan diri daripada persetujuan kolektif.² Perlindungan universal persetujuan kolektif – yang tertera dalam Collective Agreements Act (untuk: *Tarifvertragsgesetz, TVG*) -, Act on Posting Employees Abroad (untuk: *Arbeitnehmer-Entsendegesetz, AEntG*) dan Minimum Working Conditions Act (untuk: *Mindestarbeitsbedingungsgesetz, MiArbG*) membuka peluang, dalam keadaan tertentu, untuk memaksa “orang luar”, yang tidak dilindungi oleh persetujuan kolektif, untuk patuh kepada piawaian rundingan kolektif.

1 Löwisch (1996), hlm. 816.

2 Cf. Lesch (2006).

Idea rundingan kolektif bebas ini tertera dalam Collective Agreements Decree 1918. Dekri ini adalah yang pertama meletakkan sistem persetujuan kolektif secara perundangan. Walaupun begitu, beberapa tahun kemudian, kerajaan memperoleh kuasa yang amat besar, dengan syarat diwajibkan penimbangtaraan. Keadaan ini berubah selepas Perang Dunia Kedua. Kebebasan berpersatuan telah dikurniakan perlindungan khusus di bawah undang-undang perlembagaan dan membataskan kerajaan daripada campur tangan terhadap rundingan kolektif bebas. Di mana, apabila berlaku campur tangan kerajaan, kerajaan dibataskan dengan mengisytiharkan persetujuan kolektif yang terikat secara universal (atas permintaan rakan-rakan kongsi rundingan). Namun, secara keseluruhan, instrumen untuk perlindungan universal telah digunakan dengan berhati-hati³, walaupun di zaman kegemilangan perlindungan universal, iaitu pada tahun 1980-an dan 1990-an – perlindungan universal yang diguna hanya lebih sedikit daripada satu peratus daripada keseluruhan persetujuan kolektif yang disahkan terikat secara universal. Persekutuan majikan cuba untuk menjauhkan diri daripada instrumen ini pada tahun 1990-an.⁴ Pengamalan tersebut adalah seratus peratus berbeza daripada semasa zaman Republik Weimar. Menjelang penghujung 1928, 1,829 daripada jumlah keseluruhan 8,925 persetujuan kolektif telah diikat secara universal, iaitu lebih daripada 20 peratus. Keseluruhannya, hanya separuh daripada keseluruhan pekerja yang dilindungi oleh persetujuan kolektif yang di bawah skop persetujuan kolektif yang terikat secara universal. Dengan itu, ia tidak mengejutkan bahawa sebelum enakmen TVG tersebut, pertimbangan diberi kepada pengisytiharan persetujuan kolektif terikat secara universal, walaupun bercanggahan dengan hasrat rakan-rakan kongsi rundingan.⁵ Idea ini tidak terangkum dalam TVG pada masa itu, tetapi kemudiannya berlaku pembaharuan dalam kerangka AentG. Kerana Akta ini (sejak pindaannya pada 1999) telah membenarkan pengesahan perlindungan universal persetujuan kolektif gaji minima – melalui instrumen berkanun yang dilaksanakan oleh Menteri Pekerjaan – walaupun terdapat majoriti bagi usaha ini dalam Jawatankuasa Rundingan Kolektif, yang diwakili dengan seimbang oleh kesatuan sekerja dan majikan-majikan.

Walaupun dalam hal pertikaian industri, kerajaan telah gagal untuk campurtangan dengan teratur sepanjang 60 tahun lepas. Ini sebahagian

3 Lesch (2003), hlm. 5 *et seq.*; Bispinck *et al.* (2003), hlm. 134 *et seq.*)

4 Bispinck/Schäfer (2005), hlm. 29.

5 Lesch (2003), hlm. 6.

besar adalah kerana pengalaman negatif daripada penimbangan kerajaan yang wajib semasa zaman Republik Weimar. Ini akibat daripada rakan-rakan kongsi rundingan, dalam tempoh peralihan kepada demokrasi selepas Perang Dunia Pertama, telah gagal untuk mencapai persetujuan penimbangan dengan sendiri, ataupun tiada penyelesaian yang dapat diperoleh daripada prosedur-prosedur penimbangan rakan kongsi rundingan yang tidak dicuba. Dengan itu, kerajaan telah memutuskan untuk memperkenalkan penimbangan kerajaan yang wajib. Dekri Penimbangan tersebut – yang dibuat pada tahun 1923 – memberikan hak kepada pemain pasaran pekerjaan untuk menghasilkan penyelesaian tanpa pengaruh daripada kerajaan. Namun, dalam kes-kes pertikaian yang signifikan ekonomi makro, kerajaan berhak untuk campur tangan dan berhak untuk membuat keputusan penimbangan terikat, walaupun bertentangan dengan hasrat pihak berkontrak. Peruntukan ini bertujuan untuk menstabilkan sistem persetujuan kolektif, tetapi pada masa yang sama kerajaan juga memastikan ia mempunyai impak yang besar kepada perundingan gaji.⁶

Pengantara-pengantara mogok pada awalnya berperanan membantu pada masa yang perlu, supaya dapat menjadi timbang tara dalam pertikaian antara pekerja-pekerja dan majikan-majikan, tetapi pengaruh kerajaan menjadi semakin kuat selepas 1924, hingga akhirnya, selepas teretusnya krisis ekonomi dunia 1929/30 bersama dengan pengisytiharan darurat (pemberhentian gaji), menyebabkan penangguhan serta merta rundingan kolektif bebas. Pada asasnya ini terjadi akibat perkembangan daripada kedua-dua pihak rundingan menyokong akan persetujuan rundingan kolektif yang bebas kerajaan.⁷ Sejak daripada itu kerajaan telah diabaikan dalam pertikaian ini.

3. KERANGKA INSTITUSI UNTUK RUNDINGAN KOLEKTIF BEBAS

3.1. Para pemain: Kesatuan Sekerja dan Persekutuan Majikan
Kongres pengasas DGB – Konfederasi Kesatuan Sekerja Jerman (*Deutscher Gewerkschaftsbund, DGB*) diadakan pada Oktober 1949. Organisasi penaung yang baru ini adalah yang organisasi pertama yang mewakili kesatuan sekerja dalam tiga zon barat. Zon yang dijajah Soviet mempunyai Persekutuan Kesatuan Sekerja Bebas Jerman, yang

⁶ Bähr (1989), hlm. 21 *et seq.*, Huck (1993), hlm. 127.

⁷ Zachert (2009), hlm. 179.

diasaskan tiga tahun lebih awal, dan dibubarkan pada tahun 1990 sejenak sebelum penyatuan semula Jerman, kerana kesatuan-kesatuan sekerjanya menyertai rakan-rakan sejawat Jerman Barat mereka dalam DGB pada tahun 1991. DGB pada asalnya terdiri daripada 16 kesatuan sekerja dan kini terdiri daripada lapan kesatuan sekerja, hasil daripada penggabungan-penggabungan.⁸ DGB dilihat sebagai satu kesatuan sekerja yang seragam, maka ia mewakili semua trend-trend yang kecil-kecil, trend-trend politik dan ideologi. Namun begitu, konsep ini dilanggar dengan tertubuhnya semula Persekutuan Kesatuan Sekerja Kristian Jerman (untuk: *Christlicher Gewerkschaftsbund, CGB*) pada tahun 1955 (asalnya dikenali sebagai Gerakan Kesatuan Sekerja Kristian Jerman, tetapi dinamakan semula pada tahun 1959). Tambah lagi, pada tahun 1949, Persatuan Penjawat Awam Jerman ditubuhkan semula, iaitu organisasi yang ditubuhkan terutamanya untuk pegawai-pegawai dalam perkhidmatan awam.

Kesatuan sekerja menyelaras kepentingan-kepentingan para pekerja lalu dapat mengecilkkan kekurangan (rasa rendah diri) pekerja kepada majikan yang terdapat dalam struktur. Petikan yang menyebut kesatuan sekerja dapat menjadikan “Penggajian Orang Miskin” di saat permulaan industialisasi kepada pekerja hari ini yang bertanggungjawab dan bermaruah, mempunyai hak yang sama, seperti mana yang disifatkan oleh Götz Briefs. Organisasi-organisasi para pekerja membantu untuk memberikan darjat sebagai pekerja kepada individu-individu. Walaubagaimapun, Briefs menekankan bahawa kesatuan sekerja adalah dibentuk sebagai “badan-badan luar dalam kapitalisme laissez-faire”.⁹ Namun hari ini, kesatuan sekerja adalah mewakili pemain penting dalam rundingan kolektif bebas, dan – dari perspektif persekutuan majikan – telah menjadi “satu tiang pendukung Ekonomi Pasaran Sosial”.¹⁰ Walaupun begitu, kesatuan sekerja adalah sangat kontroversi pada hari ini. Dalam kajian perwakilan yang dijalankan oleh *Infratest dimap* dan diterbitkan dalam *ARD Deutschland Trend* pada Mei 2008, 55 peratus responden bersetuju dengan pernyataan “secara keseluruhan di Jerman, kesatuan sekerja mendatangkan kebaikan”, tetapi baki 41 peratus yang lain tidak bersetuju.¹¹

⁸ Keller (2001), hlm. 93.

⁹ Briefs (1965), hlm. 549.

¹⁰ Cf. *Bundesvereinigung Deutscher Arbeitgeberverbände* (2010).

¹¹ <http://www.infratest-dimap.de/umfragen-analysen/bundesweit/ard-deutschland-trend/2008/mai/>

Persekutuan majikan ditubuhkan asalnya sebagai respon kepada pertubuhan pekerja yang membentuk kesatuan sekerja.¹² Walaupun pada awalnya ia berkenaan membina satu barisan pertahanan yang tidak banyak krenah melawan kesatuan sekerja, tetapi ia kemudiannya mencetuskan kerja-kerja berkenaan rundingan kolektif dan pelobian-pelobian politik. Peranan asalnya adalah untuk kesatuan sekerja membuat tuntutan dan persekutuan majikan bertindak balas.¹³ Peranan sebegini berterusan sehingga selepas Perang Dunia Kedua. Dalam keadaan pertumbuhan berasaskan eksport, persekutuan-persekutuan majikan ini dapat dibangunkan menjadi “pemain dasar gaji dinamik”.¹⁴ Dengan adanya globalisasi – yang bermula pada tahun 80-an – keadaan umum ekonomi semakin berubah-ubah. Persaingan semakin tajam dan kebanyakan peniaga mengkritik persetujuan kolektif seluruh industri dan dasar rundingan kolektif pertubuhan mereka. Ia semakin sukar untuk persekutuan-persekutuan majikan untuk mengekalkan kesetiaan ahli-ahlinya dengan bantuan persetujuan kolektif seluruh industri akibat dipengaruhi oleh globalisasi dengan berbagai cara. Syarikat-syarikat eksport, yang terdedah sepenuhnya dengan tekanan daripada persaingan antarabangsa, terpaksa menghadapi syarikat-syarikat yang relatifnya dilindungi oleh penjualan-penjualan pasaran tempatan. Pembekal-pembekal berproduk stabil, adalah pengeluar yang pengeluaran mereka hampir menjejaskan pengeluar-pengeluar besar dan syarikat-syarikat besar yang menentukan aturan dalam bidang pengeluaran, yang terpaksa untuk menghadapi perniagaan-perniagaan kecil yang (harus) kekal di Jerman. Dengan meningkatnya kemajmukan kepentingan, ruangan antara syarikat untuk mengendali persekutuan majikan makin berkurangan, justeru mereka terpaksa untuk berperanan lebih banyak dalam dasar rundingan kolektif.

3.2. Persetujuan Kolektif

Persetujuan kolektif boleh dimeterai secara berpusat, mengikut sektor-sektor, atau mengikut peringkat loji perniagaan tersebut. Dalam perundingan berpusat, rakan kongsi rundingan mengadakan rundingan persetujuan ke seluruh negara merentasi semua sektor. Dalam rundingan-rundingan sektor, persetujuan seluruh sektor dimeterai. Desentralisasi rundingan-rundingan di peringkat loji perniagaan

12 Schroeder/Silvia (2003), hlm. 256.

13 Schroeder (1996), hlm. 601.

14 Schroeder/Silvia (2003), hlm. 253.

dikecualikan di Jerman dengan adanya Works Council Constitution Act (untuk: *Betriebsverfassungsgesetz*, *BetrVG*) dan TVG. Artikel 77(3) daripada *BetrVG* mengandungi satu peruntukan yang menyatakan bahawa gaji dan syarat-syarat lain berkaitan pekerjaan, harus dibentuk sebagai persetujuan pekerjaan, melainkan ia memang dibenarkan melalui persetujuan kolektif. Prinsip penerimaan (*favorability principle*) (untuk: *Günstigkeitsprinzip*) dimuatkan dalam Artikel 4(3) TVG. Menurutnya, penyimpangan daripada persetujuan kolektif seluruh industri hanya boleh dibenarkan hanya sekiranya ia mengandungi perubahan sokongan daripada majikan, ataupun hanya sekiranya ia dibenarkan melalui persetujuan kolektif tersebut sendiri. Dengan itu, peruntukan operasi perniagaan, yang “memintasi” persetujuan kolektif, adalah dikecualikan, melainkan pihak-pihak yang berunding dengan jelas membenarkannya. Persetujuan gaji adalah ditentukan oleh syarikat-syarikat.

Dengan adanya rundingan kolektif bebas – seperti mana yang tertera dalam asas undang-undang perlembagaan – dan larangan terhadap rundingan-rundingan berasaskan loji perniagaan, satu struktur yang spesifik telah dibuat untuk perhubungan yang berfungsi di Jerman, supaya kesatuan sekerja dan persekutuan majikan dapat memeterai persetujuan kolektif berpandukan sektor, yang kadangkala dimeterai di seluruh kawasan, dan kadangkala agak berbeza mengikut kawasan. Kesemua ini adalah persetujuan kolektif seluruh industri yang ditetapkan. Walaupun kini kesatuan sekerja yang ada hanya sekitar satu daripada lima pekerja sahaja, suasana pekerjaan yang dirunding secara kolektif mencecah dua pertiga daripada keseluruhan jumlah pekerja. Baki satu pertiga rundingan adalah dirunding sendiri dengan majikan, tetapi kebiasaannya akan berpandukan persetujuan gaji yang sedia ada. Di bawah peruntukan kolektif, persetujuan kolektif seluruh industri adalah lebih utama berbanding persetujuan-persetujuan gaji oleh syarikat: Di bahagian barat Jerman, 90 peratus pekerja di bawah persetujuan kolektif adalah dibayar dengan persetujuan kolektif seluruh industri, manakala di bahagian timur Jerman pula adalah sebanyak 77 peratus.

Dominasi persetujuan kolektif seluruh industri ini juga berkait dengan kepentingan rakan kongsi rundingan dalam persetujuan kolektif seluruh sektor. Majikan dapat berjimat dalam kos transaksi kerana mereka tidak perlu untuk berunding kontrak-kontrak pekerjaan dengan banyak. Mereka juga menerima manfaat daripada fungsi pentadbirannya: terutamanya persetujuan kolektif jangka panjang yang mewujudkan

kebolehpercayaan perancangan, dan kepatuhan tanpa mogok yang seragam dalam sektor tersebut – melangkaui syarat persetujuan kolektif seluruh industri – yang secara umum menstabilkan ekonomi yang saling berkait. Disebabkan pertikaian gaji menular ke seluruh industri dan menyebabkannya selalu dikecualikan dalam loji perniagaan, fungsi yang dipersetujui juga diturunkan kepada persetujuan kolektif seluruh industri. Kerana syarikat-syarikat yang tidak terikat dengan persetujuan kolektif akan memperoleh kelebihan dalam persaingan daripada pemetongan gaji dan akan memberi impak yang menjejaskan. Kesatuan sekerja mempunyai kepentingan dalam persetujuan kolektif seluruh industri kerana ia menyelia struktur kuasa para majikan dan menjamin keterlibatan para pekerja dalam progres ekonomi.¹⁵ Tambah lagi, mustahak bagi kesatuan sekerja yang berasaskan sektor untuk mengejar matlamat “gaji yang setara dengan kerja”. Ini terutamanya dipermudahkan oleh dasar gaji rentas industri. Ianya sama bagi objektif dasar gaji berasaskan solidariti, yang tidak hanya sekadar mensasarkan penyamaan gaji antara kelompok-kelompok profesional yang berbagai dengan kelayakan mereka, tetapi juga bercita-cita untuk mencapai keharmonian antara sektor-sektor. Ini jelas menunjukkan bahawa peningkatan gaji tertumpu pada sektor-sektor yang mempunyai pulangan berproduktiviti tinggi, maka terutamanya pada bahagian-bahagian eksport bermodal intensif, dan juga pada bahagian ekonomi makro yang mempunyai pertumbuhan produktif, berbanding peningkatan gaji pada bahagian-bahagian yang mempunyai kerja intensif tetapi dengan pulangan berproduktiviti rendah, yang termasuk perkhidmatan awam dan perniagaan.

4. PERUBAHAN STRUKTUR

4.1. Kesatuan Sekerja dan Persekutuan Majikan

Hairannya, kesatuan-kesatuan sekerja Jerman yang berorganisasi kekal stabil secara keseluruhan hingga sejenak selepas penyatuan semula Jerman. Pada tahun 1950, darjah keorganisasian di kalangan pekerja (darjah bersih keorganisasian) adalah 34 peratus. Sehingga tahun 1993, darjah bersih keorganisasian tersebut berubah-ubah dalam julat antara 32 dan 36 peratus. Ia kemudiannya jatuh dengan teruknya. Akhirnya, pada tahun 2007, ia hanya tinggal 18 peratus, iaitu hanya tinggal lebih kurang separuh sahaja. Analisis yang lebih mendalam mendedahkan

15 Traxler (1997), hlm. 102.

bahawa domain kesatuan sekerja yang stabil hanya wujud dalam loji-loji perniagaan yang besar iaitu yang mempunyai 4,000 atau lebih pekerja.¹⁶ Khususnya sektor perkhidmatan, iaitu penurunan dalam keorganisasian mengakibatkan kejatuhan kapasiti untuk perlaksanaan dan penyusunan.

Selain itu, terdapat juga perubahan-perubahan struktur terhadap “pasaran kesatuan sekerja”. Kesatuan sekerja DGB telah menghadapi peningkatan persaingan daripada kesatuan sekerja Kristian dan kesatuan sekerja berbahagi, yang mewakili kelompok-kelompok profesional yang khusus, seperti Cockpit Association (para juruterbang), Marburg Federation (para doktor) atau kesatuan sekerja pemandu-pemandu lokomotif GDL (staf-staf sektor pengangkutan). Sementara persaingan daripada kesatuan sekerja Kristian memaksa kesatuan sekerja DGB untuk menawarkan kepada konsesi gaji yang lebih besar pada para majikan, kesatuan sekerja berbahagi pula memaksa kesatuan sekerja yang besar itu untuk melaksanakan rundingan gaji yang lebih agresif dan mempersoalkan dasar gaji berdasarkan solidariti yang usang, yang mengecualikan peningkatan gaji terhadap kelompok-kelompok profesional dan menyalurkan kelebihan tersebut kepada kelompok-kelompok yang lebih lemah.¹⁷

Trend yang sama boleh diperhatikan pada pihak majikan. Selari dengan asas DGB, sebuah konsortium majikan telah pun dibentuk di zon barat pada tahun 1947, yang mana munculnya Konfederasi Pertubuhan Majikan Jerman (*Bundesvereinigung der Deutschen Arbeitgeberverbände, BDA*) pada tahun 1950, sebagai organisasi penaung kepada pelbagai disiplin persekutuan/pertubuhan kebangsaan dan wilayah, bersama-sama kesemua pertubuhan-pertubuhan pakar kebangsaan. Berbanding dengan kesatuan sekerja, trend keahlian kebanyakan persekutuan majikan adalah kurang telus. Persekutuan majikan Jerman yang paling besar, persekutuan majikan kerja logam (Metalwork Employers Federation), mempamerkan kejatuhan di Jerman Barat antara tahun 1970 dan 2008, daripada 9,594 kepada hanya 3,803 perniagaan. Kejatuhan teruk ini bermula sejak tahun 1980-an, tetapi meningkat pada tahun 1990-an. Indikator besar kepada kejatuhan perniagaan (peniaga) untuk berorganisasi kepada persekutuan majikan adalah kerana perlindungan rundingan kolektif terhadap perniagaan. Ia telah mengalami kejatuhan sejak pertengahan 1990-an (lihat bab 3.2.). Secara strukturnya, kebanyakan persekutuan majikan bertindak balas terhadap kejatuhan dalam keahlian dengan

16 Cf. Biebeler/Lesch (2007)

17 Cf. Lesch (2008), Schroeder/Graefe (2008).

membentuk apa yang dikenali sebagai persekutuan “OT” (*ohne Tarifbindung*) (persekutuan yang tidak dilindungi rundingan kolektif). Dalam industri logam dan elektrik sahaja, hampir 2,500 perniagaan menyertai persekutuan OT pada tahun 2008. Kesemua perkhidmatan disediakan dalam persekutuan ini (nasihat guaman, pelobian politik dan kepakaran profesional), tetapi tidak satu pun persetujuan kolektif yang dirunding oleh persekutuan majikan harus dilaksana. Ini menjamin untuk persekutuan majikan mempunyai kestabilan kewangan, tetapi tidak dapat menangani penurunan dalam perlindungan rundingan kolektif. Di mana, tiada kesediaan untuk melaksanakan persetujuan kolektif dalam perniagaan-perniagaan dan kurangnya kesatuan sekerja yang mendesak, yang akhirnya akan menyebabkan tiada lagi persetujuan kolektif yang dimeterai. Di mana rundingan kolektif bebas tidak lagi berkesan, ribut yang mungkin datang daripada campurtangan kerajaan makin hampir. Antara contohnya adalah perbincangan untuk gaji minima yang telah diadakan beberapa tahun ini.

Terdapat juga perubahan lain yang boleh diperhatikan dalam persekutuan majikan: Tahun-tahun akhir ini, pertubuhan rundingan kolektif yang telah berdekad lamanya wujud, telah terabai atau dibubarkan sepenuhnya. Contoh pembubaran penuh pertubuhan rundingan kolektif boleh dilihat dalam perniagaan kenderaan, di mana pertubuhan kerajaan persekutuan mula membubarkan persekutuan majikan pada tahun 2007. Dengan itu, kesatuan logam dan besi, *IG Metall*, yang bertanggungjawab terhadap sektor ini, menghadapi masalah kerana tiada lagi sebarang rakan kongsi rundingan kolektif. Contoh tamatnya pertubuhan rundingan kolektif boleh dilihat dalam perkhidmatan awam, di mana kerajaan persekutuan telah mengadakan rundingan persetujuan kolektif tanpa kerajaan persekutuan dan perbandaran sejak 2005, iaitu persekutuan majikan industri perbankan Jerman, *Volksbank* dan *Raiffeisen Bank* menamatkan pertubuhan rundingan kolektif dengan bank-bank awam dan swasta pada tahun 2006, atau Industri Pembinaan Jerman Timur, yang menubuhkan organisasi penaung majikan yang baru (*Association of East German Building Federation*) pada tahun 2002.

4.2. Perlindungan Di bawah Rundingan Kolektif

Perubahan-perubahan struktur pemain-pemain yang terlibat dalam dasar rundingan gaji juga digambarkan dalam pembangunan perlindungan oleh rundingan kolektif. Walaupun masih lagi dua pertiga jumlah pekerja

yang dilindungi oleh persetujuan kolektif, namun, situasi di mana hanya segelintir sahaja syarikat yang masih dilindungi oleh persetujuan kolektif ini tidak boleh diambil ringan. Menurut panel pertubuhan IAB (*LAB Betriebspanel*), 63 peratus daripada kesemua syarikat di Zon Barat dan 75 peratus di Zon Timur tidak diikat dengan persetujuan kolektif. Walaupun sebahagian berjumlah 40 peratus syarikat-syarikat ini tidak dilindungi persetujuan kolektif adalah kerana dengan relanya dipandu oleh persetujuan kolektif. Namun, pemerhatian jangka panjang perkembangan perlindungan oleh rundingan kolektif ini menampakkan penurunannya. Sementara bahagian yang mengandungi syarikat-syarikat berpersetujuan gaji kebanyakannya kelihatan stabil di peringkat rendah, bahagian yang mengandungi syarikat-syarikat berpersetujuan kolektif seluruh industri telah jatuh semenjak pertengahan 1990-an, daripada 53 kepada 35 peratus di zon barat, dan 28 kepada 21 peratus di Timur. Seajar dengan itu, bahagian yang mengandungi majikan berperindungan rundingan kolektif seluruh industri jatuh daripada 72 kepada 55 peratus di zon barat dan daripada 56 kepada 40 peratus di timur. Perlindungan rundingan kolektif bergantung kepada saiz perniagaan, sektor dan wilayah tersebut. Loji perniagaan yang lebih kecil lebih jarang untuk terikat dengan persetujuan kolektif daripada loji perniagaan yang lebih besar; dalam industri, perbankan atau perkhidmatan awam, perlindungan rundingan kolektif lebih tinggi daripada syarikat-syarikat atau perkhidmatan-perkhidmatan persendirian; di Jerman Timur, perlindungan rundingan kolektif secara umumnya lebih rendah berbanding di zon barat.

Namun, selain “hakisan luar” perlindungan rundingan kolektif ini, terdapat juga “hakisan dalam”.¹⁸ Ini ditunjukkan daripada syarikat-syarikat boleh untuk mengelakkan daripada piawai rundingan kolektif dengan menggunakan klausa pembuka (untuk: *Öffnungsklauseln*) ke atas rundingan kolektif. Klausa pembuka terhadap rundingan kolektif ini adalah instrumen yang membenarkan rakan-rakan kongsi perniagaan, dalam kes-kes tertentu – kebanyakannya untuk menjamin pekerjaan–, untuk melakukan penyimpangan mengikut masa tentang jam pekerjaan atau gaji daripada persetujuan kolektif. Transaksi ini boleh dilaksanakan antara badan pekerja dan pihak pentadbiran, melalui persetujuan perniagaan, atau antara badan pekerja, kesatuan sekerja dan pihak pentadbiran, melalui persetujuan kolektif tambahan. Antara syarikat-syarikat yang sedar akan kegunaan klausa pembuka ini, lebih kurang satu

18 Bahn Müller (2002), Streeck/Rehder (2005).

daripada dua syarikat yang menggunakan instrumen ini pada tahun 2005.¹⁹ Namun, selain itu, terdapat juga pintasan haram piawaian rundingan kolektif, yang dibuat tanpa persetujuan rakan kongsi rundingan. Berdasarkan anggaran badan-badan pekerja, pemintasan haram yang telah berlaku baru-baru ini adalah sekitar 15 peratus daripada kesemua pertubuhan syarikat.²⁰

4.3. Persaingan Kesatuan Sekerja dan Keseragaman Tarif

Baru-baru ini beberapa kesatuan sekerja kelihatan muncul dalam Persekutuan Kesatuan Sekerja Kristian Jerman, yang mana telah memetarai persetujuan kolektif yang independen.²¹ Kesatuan sekerja DGB telah mengkritik bahawa kesatuan sekerja CGB bersaing dengan mengambil jalan pintas maka hanya dipilih sebagai rakan kongsi rundingan oleh majikan oleh para majikan kerana mereka telah membuat konsesi yang lebih besar berbanding kesatuan sekerja DGB.²² Para majikan melihat perkembangan ini sebagai sesuatu yang sememangnya positif kerana kesatuan sekerja CGB mengambil tempat kesatuan sekerja DGB dalam sektor-sektor yang lebih tidak tersusun, seperti perniagaan-perniagaan kecil, maka dengan itu tidak menjejaskan keseragaman tarif (pada dasarnya hanya satu persetujuan kolektif yang boleh dilaksanakan ke atas satu loji perniagaan).

Namun, terdapat juga satu persaingan untuk yang teratas yang sedang berlaku. Sejak 2001, beberapa pertubuhan profesional dalam sektor pengangkutan dan kesihatan telah membatalkan persetujuan rundingan kolektif yang ada antara mereka dengan kesatuan-kesatuan sekerja sektor tersebut, yang mana selepas itu mereka telah memaksa untuk persetujuan kolektif mereka sendiri.²³ Melalui kesan-kesan berautonomi dasar rundingan kolektif, gaji dan suasana kerja yang lebih baik harus dirunding

19 Cf. Kohaut/Schnabel (2007).

20 Bispinck/Schulten (2003), Massa-Wirth (2007), hlm. 99 *et seq.*

21 Bispinck/Dribbusch (2008), hlm. 157.

22 *Ibid.*, hlm. 160, Schroeder (2008), hlm. 3.

23 Cf. Bispinck/Dribbusch /2008), Lesch (2008). Pertubuhan juruterbang tersebut *Cockpit* mula melaksanakan proses ini sejak 2001. Kemudian, ia diikuti oleh kelompok-kelompok profesional yang lain, seperti para doktor, para penjaga trafik udara, pekerja-pekerja kabin dan pemandu-pemandu lokomotif. Pemandu-pemandu lokomotif telah diwakilkan dengan kesatuan sekerja mereka sendiri, yang mana, namun, membentuk pertubuhan rundingan kolektif bersama-sama dengan kesatuan-kesatuan sekerja perkhidmatan kereta api. Kelompok-kelompok profesional yang lain memperoleh status kesatuan sekerja untuk organisasi mereka dan menamatkan kerjasama dasar rundingan kolektif dengan Pertubuhan Perkhidmatan Bersatu (untuk: “*Vereinte Dienstleistungsgewerkschaft ver. dŕ*”).

untuk kelompok-kelompok profesional yang diwakili berbanding kes-kes yang terjadi dalam kerangka dasar rundingan kolektif antara profesion oleh kesatuan sekerja berasaskan sektor. Bagi perniagaan-perniagaan yang terpengaruh sama, ini bermakna keseragaman tarif yang sudah berdekad lamanya digantikan dengan pluraliti dalam rundingan kolektif, yang mempunyai pelbagai pertindihan persetujuan kolektif dalam skop penggunaannya. Di Lufthansa, Jerman, dua kesatuan sekerja bersaing untuk pekerja kabin, dan mereka berunding untuk persetujuan kolektif independen. Situasi ini mirip dengan di kebanyakan hospital dan di *Deutsche Bahn* (iaitu perkhidmatan keretapi Jerman).

Akibat daripada tawaran yang lebih bukan sahaja dirasai oleh organisasi-organisasi majikan dalam bentuk perpindahan-perpindahan ahli dan tekanan yang makin kuat untuk menuju semula kepada kesepakatan untuk dasar rundingan kolektif. Majikan juga terkesan. Di satu sudut, mereka perlu untuk berunding dengan lebih kerap, sementara di sudut lain, mereka perlu berhadapan dengan peningkatan permintaan gaji daripada kesatuan-kesatuan sekerja yang bersaing. Kedua-duanya mengakibatkan percanggahan dalam perbincangan rundingan kolektif. Pada syarikat-syarikat pengangkutan awam yang sebelumnya, pertikaian industri telah berlaku di Lufthansa dan perkhidmatan keretapi Jerman, begitu juga dengan hospital-hospital. Risiko peningkatan permintaan gaji ini seharusnya diambil serius. Kerana sekiranya kelompok-kelompok profesional yang mendesak, yang mampu untuk mengerah, yang mampu untuk mencapai suasana pekerjaan yang lebih baik berbanding bahagian-bahagian kesatuan sekerja organisasi mereka sendiri, terdapat ancaman tambahan daripada kesatuan sekerja berbahagi dibentuk dan mewujudkan perbalahan dalam sistem rundingan kolektif. Bagi mencegah ini, bahagian kesatuan sekerja tersebut harus bertindak. Di satu sudut, mereka mungkin membuat cubaan maksima untuk memperbaiki perbincangan rundingan kolektif bagi kesemua kelompok profesional. Ini menandakan penyimpangan umum daripada haluan sekatan gaji, yang didapati sejak pertengahan 1990-an. Di sudut yang lain, mereka harus mengorbankan dasar gaji berasaskan solidariti, yang mana kelompok-kelompok profesional yang dikecualikan tidak menyalahguna ruang potensi mereka untuk mengendali dalam hal dasar gaji, untuk kepentingan kelompok-kelompok profesional yang lain. Pertubuhan Perkhidmatan Bersatu (United Service Union) sudahpun menggunakan strategi sebegini. Dalam musim panas 2009 ia telah melaksanakan jadual gaji tersendiri

yang diperbaharui dalam sistem pendidikan untuk pekerja-pekerja pra-sekolah dan pusat penjagaan kanak-kanak lalu mewakili, dalam cara yang sememangnya disasarkan, kepentingan kelompok-kelompok profesional yang teratur (dan berkemungkinan mendatangkan hasil-hasil sampingan).

BDA (2008) menganggap teras rundingan kolektif bebas telah terjejas sekiranya – walaupun wujudnya persetujuan kolektif dalam loji perniagaan – wujudnya sebuah ancaman pertikaian rundingan kolektif dan kewajipan untuk menghindari tindakan industri yang mengakibatkan penurunan nilai. Dalam hal kesatuan sekerja yang bersaing, sebuah syarikat tidak lagi boleh untuk bergantung untuk tidak terdedah kepada tindakan industri daripada syarat-syarat yang dimeterai dalam persetujuan kolektif. Bagi mengelakkan sebuah majikan daripada berunding dengan kesatuan sekerja yang berbeza-beza pada masa yang berlainan, para penggubal dasar harus menjamin keseragaman tarif dikekalkan sebagai unsur utama undang-undang rundingan kolektif. Ini berhasrat untuk mencegah mogok yang berkelompok yang mungkin terjadi akibat “peraturan-peraturan baru” tersebut. Persetujuan pertubuhan rundingan kolektif, prosedur-prosedur penimbangtaraan wajib atau fasa-fasa penyejuk adalah digalakkan selepas terjatuhnya perbincangan rundingan kolektif.²⁴

4.4. Persetujuan Kolektif Seluruh Industri

Pengkajian semula tersebut jelas menunjukkan bahawa sistem rundingan kolektif Jerman kini dalam fasa pergolakan. Persetujuan kolektif seluruh industri kini menghadapi tekanan daripada dua pihak. Di satu pihak, sistem rundingan kolektif sedang dinyahstabilkan oleh pengurangan perlindungan rundingan kolektif, dan di pihak lagi satu, persaingan kesatuan sekerja yang semakin meningkat dan perpecahan yang terhasil akibat daripada sistem rundingan kolektif. Kedua-dua perkembangan ini akan menjurus kepada penggubalan undang-undang. Sedangkan kesatuan sekerja menuntut had gaji minima berkanun, majikan pula menuntut komitmen jelas daripada penggubal undang-undang untuk keseragaman tarif. Sebagai faktor negatif, dengan itu, kedua-dua rakan kongsi rundingan mengiktiraf bahawa mereka tidak lagi mampu untuk menyempurnakan rundingan kolektif bebas tanpa bantuan penggubal undang-undang. Sebagai faktor positif, rakan kongsi sosial menuntut

24 Cf. *Bundesvereinigung deutscher Arbeitgeberverbände* (2008).

untuk penggubal undang-undang mengubahsuai kerangka pengawalan kepada perubahan keadaan umum yang mana rundingan kolektif bebas tidak diperkotak-katikkan. Tidak kira ianya dipandang negatif atau positif: Seruan kepada keterlibatan penggubal undang-undang ini terbukti bersejarah panjang.

Sehingga tahun 1960-an, rundingan kolektif bebas dilaksanakan di Jerman atas asas pertumbuhan ekonomi yang mampan. Kemajuan yang bertambah-tambah ini membenarkan kesatuan sekerja bukan sahaja kebiasaannya mencapai peningkatan gaji, malah juga penyesuaian lima hari seminggu dengan gaji penuh atau bayaran gaji berterusan walaupun jatuh sakit.²⁵ Walaupun berlaku dua kejutan harga minyak 1973/74 dan 1979/80, Republik Bonn kembali kepada pertumbuhan ekonomi yang munasabah. Namun, rakan kongsi rundingan pada ketika itu berunding untuk menentang pengangguran yang meningkat drastik. Bagi memperbaiki pengagihan semula kerja-kerja yang ada, kesatuan-kesatuan sekerja tersebut bergantung untuk mengurangkan jam bekerja. Kesatuan-kesatuan sekerja tukang logam dan tukang cetak mogok pada tahun 1984 akibat daripada pengenalan 35 jam seminggu, dengan perubahan penuh terhadap gaji. Selepas penyatuan semula, keadaan ekonomi secara umumnya merosot dengan berterusan. Dengan kemelesetan 1992/93, terdapat krisis transformasi di Zon Timur Republik tersebut, sementara akibat globalisasi menjadi semakin ketara di Zon Barat dan persetujuan kolektif seluruh industri, iaitu sistem rundingan kolektif Jerman yang tersendiri, mengalami satu krisis.

Rundingan kolektif bebas telah kuat dikritik sejak tahun 1980-an lagi dan hinggakan dipersoal oleh *Kronberger Kreis* (1986) dan kemudiannya turut dipersoal oleh Suruhanjaya Pembatalan Kawal Selia (Deregulation Commission) (1991) dan Suruhanjaya Monopoli (Monopolies Commission) (1994). Kerajaan persekutuan mengiktiraf rundingan kolektif bebas berdasarkan ulasannya dalam laporan utama Suruhanjaya Monopoli dan berpandangan bahawa kedua-dua pihak harusnya menyelesaikan masalah mereka dengan sendiri.²⁶ Kedua-dua pihak rundingan kemudiannya bertindak balas terhadap krisis tersebut pada tahun 1994 dengan apa yang dikenali sebagai persetujuan kolektif jaminan pekerjaan. Ini memberi peluang kepada beberapa syarikat untuk mengurangkan jam bekerja tanpa meningkatkan pampasan gaji (penuh), hanya sekiranya syarikat-syarikat yang melaksanakan ini tidak

25 Untuk perincian rujuk Bispinck (2009).

26 Rujuk Bundestag paper 13/1594, 1 Jun 1995.

memberhentikan kerja dengan sementara atas sebab-sebab operasi. Walaubagaimanapun, selepas tamatnya kemelesetan, ia kini jelas bahawa tekanan daripada globalisasi menjadikan ia perlu untuk keanjalan yang lebih dalam dan pembezaan terhadap persetujuan kolektif. Asalnya majoriti daripada kesatuan-kesatuan ini cuba untuk mencegah daripada tidak memilih seboleh mungkin. Kesatuan-kesatuan Perlombongan, Tenaga dan Kimia (untuk: *IG Bergbau/Energie/Chemie*) adalah terkecuali, kerana rundingan kolektif sektor ini menggunakan klausa pembuka yang berbeza untuk jam bekerja dan gaji sejak tahun “90-an”.²⁷ Dengan “pembukaan” persetujuan kolektif gaji ini, pekerjaan seharusnya terjamin (Perikatan Perniagaan untuk Pekerjaan). Walaupun industri-industri lain mengikuti jejak langkah yang sama, pembangunan secara keseluruhannya masih lambat. Keanjalan yang lebih baik diseru dalam debat-debat dasar ekonomi.²⁸ Ini akhirnya mula timbul apabila Canselor pada ketika itu, Gerhard Schröder, yang mana dalam ucapan terkenal “Agenda 2010” beliau mengancam pihak-pihak rundingan kolektif dengan klausa pembuka berdasarkan undang-undang.²⁹

Pada dasarnya, perdebatan ini adalah berkenaan pembaharuan kepada prinsip penerimaan yang tertera di dalam TVG (lihat Bahagian 3.2.). Kerana TVG tidak menjelaskan dengan lanjut apa yang dimaksudkan dalam peraturan tersebut sebagai yang boleh diterima oleh pekerja. Dengan itu, diputuskan satu perkembangan yang disebut sebagai *Sachgruppenvergleich* (iaitu perbandingan pengelasan).³⁰ Menurut ini, hanya peraturan-peraturan yang mempunyai perkaitan nyata sesama lain boleh dibandingkan. Hasil daripada itu, Perikatan Perniagaan untuk Pekerjaan tidak dapat untuk menampung akibat daripada cabaran “penerimaan” itu.

27 *Sachverständigenrat zur Begutachtung der gesamtwirtschaftlichen Entwicklung* (1998), hlm. 125 et seq.

28 E.g. *Sachverständigenrat zur Begutachtung der gesamtwirtschaftlichen Entwicklung* (1995), hlm. 226 et seq., *idem* (1998), hlm. 123 et seq., *Wissenschaftlicher Beirat beim Bundesministerium für Wirtschaft und Arbeit* (2004).

29 Kenyataan kerajaan tersebut, kata demi kata: “Peruntukan yang bersesuaian akan mewujudkan kerangka anjal yang bersesuaian dalam persetujuan kolektif. Ini mengandungi cabaran dan tanggungjawab untuk para rakan kongsi rundingan. Artikel 9 daripada Asas Undang-Undang Perlembagaan memberikan status berpelembagaan terhadap rundingan kolektif. Tetapi ini bukan sahaja mengandungi hak, tetapi juga kewajipan [...]. Dengan itu saya jangkakan para rakan kongsi rundingan, dalam situasi sekarang, - tetapi ke tahap yang lebih besar -, untuk bersetuju kepada perikatan perniagaan, sepertimana yang berlaku dalam kebanyakan bahagian. Sekiranya ini tidak berlaku, para penggubal undang-undang mesti bertindak.” Rujuk Federal Government bulletin no. 21-1, 14 Mac 2003.

30 *Cf. Bundesarbeitsgericht* (2000).

Dalam perikatan sebegini, majikan dan pekerja saling bertukar konsesi-konsesi gaji bagi perlindungan lanjutan daripada pertindihan; dengan itu, walaupun hal-hal peraturan ini sememangnya ekonomikal, tetapi dalam pengertian yang sempit tidak bersangkut-paut secara perundangan antara satu sama lain.³¹ Perbincangan pengesahan perundangan prinsip penerimaan ini menyebabkan terhasilnya pelbagai inisiatif penggubalan undang-undang daripada Parti Demokrat Bebas (FDP) dan CDU/CSU (Kesatuan Demokrat Kristian/Kesatuan Sosial Kristian), yang walaubagaimanapun tidak dapat untuk mendapat meraih sokongan majoriti dalam Bundestag Jerman. Inisiatif FDP tersebut direka untuk merangkumi jaminan pekerjaan mengikut perbandingan penerimaan lalu untuk mendukung penerimaan kepada satu barter (pemotongan gaji melawan jaminan yang lebih melawan pertindihan) sekiranya sekurang-kurangnya tiga perempat daripada para pekerja bersetuju dengan satu barter yang tersisih daripada persetujuan kolektif.³² Rang undang-undang oleh kelompok ahli parlimen CDU/CSU juga mempertimbangkan prospek pekerjaan dalam perbandingan penerimaan. Di sini, juga, penilaian apa yang “boleh diterima” harusnya sejajar dengan darjah penerimaan oleh para tenaga kerja. Sebuah barter itu dianggap sebagai boleh diterima sekiranya terdapat dua pertiga yang bersetuju dengannya. Namun, sebuah penyisihan daripada persetujuan kolektif seharusnya tidak melangkaui syarat-syarat persetujuan kolektif asalnya.³³

Daripada perspektif ekonomi, rang undang-undang ini asasnya harus disambut baik.³⁴ Walaubagaimanapun, perkara ini telah hilang kerelevanannya sejak akhir-akhir ini. Berikutan ancaman daripada Canselor Jerman untuk memperkenalkan klausa pembuka dengan undang-undang, pihak-pihak yang berunding telah mengganjalkan kedudukan mereka. Dalam sektor terbesar Jerman, iaitu industri logam dan elektrik, *Perjanjian Pforzheimer* telah dimeterai pada tahun 2004, yang tidak hanya sekadar menyekat penyisihan daripada persetujuan kolektif seluruh industri kepada penyesuaian untuk krisis-krisis semasa, tetapi juga membenarkan kepada usaha pencegahan. Dalam masa yang sama, dalam hampir kesemua sektor terbesar, wujud klausa pembuka berkaitan

31 Lesch (2006), hlm. 31 *et seq.*

32 Rujuk “*Entwurf eines Gesetzes zur Sicherung betrieblicher Bündnisse für Arbeit*”, Bundestags-Drucksache 14/6548, 4 Julai 2001.

33 Rujuk “*Entwurf eines Gesetzes zur Modernisierung des Arbeitsrechts*”, Bundestags-Drucksache 15/1182, 18 Jun 2003.

34 Lesch (2006), hlm. 32 *et seq.*

jam bekerja dan gaji. Maka, syarat-syarat berkanun untuk tindakan menjadi kurang disegerakan menurut perspektif kesatuan majikan. CDU/CSU juga telah mengabaikan perkara ini daripada agenda mereka, dan hanya FDP sahaja yang masih lagi memasukkan cadangan ini dalam manifestonya dalam pilihanraya lalu.

4.5. Gaji Minima Berkanun

Satu lagi perkara telah menjadi fokus dalam diskusi berkenaan undang-undang rundingan kolektif. Penghakisan kepada persetujuan kolektif seluruh industri, dan juga peningkatan dalam bahagian pekerja berpendapatan rendah, telah menyebabkan kesatuan sekerja menuntut untuk gaji minima berkanun sejak beberapa tahun ini. Walaupun pada asalnya wujud perselisihan antara kesatuan-kesatuan sekerja dalam DGB berkenaan isu ini, DGB berjaya untuk mengemudi ahli-ahli kesatuannya ke arah yang sama dalam Kongres Persekutuan biasa mereka yang ke-18 dalam Mei 2006. Secara konkrit, Kongres DGB menyeru para penggubal undang-undang untuk memperkenalkan sebuah undang-undang berkenaan gaji minima pada kadar 7.50 Euro sejam. Ini diputuskan sebagai kadar permulaan, supaya pekerja-pekerja sepenuh masa dapat memperoleh pendapatan gaji untuk hidup dalam pasaran melalui kerja mereka. Walaupun dengan aspek ini, kesatuan sekerja tersebut dengan agresifnya menuntut kepada pengembangan AEntG, supaya dapat untuk dikembangkan rundingan kolektif gaji minima kepada perniagaan-perniagaan yang tidak terikat dengan persetujuan-persetujuan kolektif. AEntG diperkenalkan kepada industri pembinaan pada tahun 1996, supaya dapat melindungi industri pembinaan Jerman daripada pelambakan gaji (*wage dumping*) oleh syarikat-syarikat pembinaan asing. Sebelum ini pada tahun 1997, gaji minima pada sektor-sektor yang khusus telah diperkenalkan dalam perusahaan pembinaan utama dan telah diisytiharkan sebagai terikat secara universal. Ia menjadi ikutan dalam beberapa sektor perusahaan pembinaan sampingan. Seraya Kerajaan Schroeder mempertimbangkan, tetapi belum memutuskan, untuk mengembangkan Akta tersebut kepada semua sektor pada tahun 2005, bilangan cabang-cabang ekonomi dikembangkan atas beberapa sebab oleh Pakatan Agung (Grand Coalition). Selaing industri pembinaan, kini, skopnya termasuk pembersihan pembangunan, perkhidmatan-perkhidmatan pos, perkhidmatan-perkhidmatan keselamatan, kerja-kerja pakar perlombongan, dan juga sektor-sektor penyelenggaraan. Dengan

pengembangan ini, kerajaan boleh mengembangkan gaji minima yang khusus sektor ini sehingga kepada sektor yang mencecah empat juta pekerja.

Kemasukan dalam AEntG menganggap bahawa sekurang-kurangnya 50 peratus daripada pekerja-pekerja dalam sektor ini adalah terikat dengan persetujuan kolektif. Bagi membenarkan penetapan had gaji minima yang lebih rendah dalam sektor-sektor yang berperindungan rundingan kolektif yang lebih rendah, MiArbG, yang digubal pada tahun 1952 tetapi tidak pernah diguna, telah dipinda. Akta ini kini memperuntukkan kepada satu jawatankuasa penaja, yang berperanan untuk mengenalpasti sama ada wujudnya kekacauan sosial dalam cabang-cabang ekonomi tersebut dan sama ada perlunya diisytihar, dipinda atau dibubarkan gaji minima ini. Sekiranya jawatankuasa penaja ini mendapati wujud kekacauan, Kementerian Persekutuan Pekerjaan dan Hal Ehwal Sosial harus membentuk jawatankuasa pakar, untuk memikirkan gaji minima untuk cabang-cabang yang terpengaruh, yang seterusnya boleh dicapai melalui kuasa perundangan melalui sebuah instrumen berkanun.

Pakatan Agung tidak mampu untuk mencapai kata sepakat untuk memperkenalkan sebuah gaji minima umum yang berkanun. Dengan penukaran kepada pakatan Kristian Demokrat-Liberal, harapan untuk ini adalah lebih tipis kerana FDP menolak sebarang gaji minima berkanun dalam manifesto pilihanraya mereka. Di zaman legislatif seterusnya, tidak akan ada harapan untuk kerajaan, melampaui tahap sekarang, berperanan sebagai rakan kongsi rundingan dan menguatkuasakan persetujuan kolektif apabila para majikan dan kesatuan sekerja tidak lagi rela atau mampun untuk menjadinya. Begitu juga dengan pengembangan terhadap AEntG dan MiArbG.

5. MASA DEPAN RUNDINGAN KOLEKTIF BEBAS

Dalam lima belas tahun lepas, tiga “titik putus” telah dikenalpasti dalam tiang pendukung rundingan kolektif bebas: Sekiranya pembaharuan prinsip penerimaan dapat dilaksanakan dan jaminan pekerjaan-pekerjaan yang terutama dalam konteks perikatan perniagaan, isunya kini terutamanya untuk mencegah gaji rendah melalui gaji minima dan jaminan kepada keseragaman tarif melalui persaingan penubuhan kesatuan sekerja. Contohnya prinsip penerimaan menyerlahkan beberapa perkara: Ancaman jelas daripada pengaruh campurtangan kerajaan mengakibatkan terutamanya dalam anjakan kedudukan kesatuan-kesatuan sekerja, dan

persetujuan kolektif sejak itu menjadi anjal sehingga kini tiada syarat-syarat berkanun untuk dilaksanakan terhadap pihak sebelah majikan. Rundingan kolektif bebas dengan itu telah meninggalkan satu titik putus.

Isu keseragaman tarif juga boleh dijelaskan dengan cara yang sama. Hanya ancaman daripada penggubal undang-undang untuk memaksa persaingan kesatuan sekerja untuk membentuk pertubuhan rundingan kolektif, untuk dimasukkan ke dalam rundingan gaji dengan tuntutan gaji yang dipersetujui, akan menghasilkan perubahan perlakuan. Ia dikenalpasti bahawa kesatuan sekerja sektor tersebut (mengikut kepentingan sendiri) mencuba untuk strategi dasar rundingan kolektif yang baru, untuk mencegah keluaran sampingan daripada kesatuan-kesatuan sekerja berbahagi. Salah satu strategi yang munasabah adalah untuk bersetuju terhadap jadual penggajian bagi kelompok-kelompok professional tertentu, dan untuk membuat pembezaan yang lebih besar dalam peningkatan gaji. Seheinggakan kestabilan kesatuan sekerja sektor dapat berjaya, (di bawah syarat-syarat yang lebih kurang sama) barulah struktur-struktur rundingan kolektif yang bersejarah dan keseragaman tarif dapat dikekalkan. Sebelum penggubal undang-undang membuat campurtangan kebiasaan terhadap persaingan kesatuan sekerja, pemain-pemain seharusnya terlebih dahulu diberi peluang untuk mencuba penyelesaian mereka sendiri. Para penggubal undang-undang hanya diseru sekiranya terdapat kelompok-kelompok profesional dengan kemampuan untuk mogok bercampur kepentingan mereka dalam kesatuan-kesatuan sekerja berbahagi, maka sistem rundingan kolektif pada saat itu telah menjadi serpihan-serpihan.

Sebelum gaji minima yang wajib diperkenalkan, ia juga berbaloi untuk mempertimbangkan sama ada wujudnya mekanisme perangsang yang mampu untuk memaksa kesatuan-kesatuan dan pentadbiran untuk melaksanakan kadar gaji tanpa campur tangan legislatif. Ia secara teori, boleh untuk diperkenalkan keahlian yang wajib, seperti yang wujud untuk majikan-majikan di Austria, dan wujud untuk majikan-majikan di negara-negara Anglo-Saxon sehingga penghujung 1980-an (sistem tertutup). Keahlian yang wajib akan menguatkan perikatan-perikatan tersebut, tetapi akan melanggar apa yang disebut sebagai kebebasan berpersatuan. Menurut undang-undang Jerman, mereka akan mewakili campur tangan yang lebih kuat dalam autonomi gaji berbanding gaji minima yang wajib secara undang-undang. Terdapat kemungkinan “lain”; klausa pembezaan yang berkaitan gaji – yang memperuntukkan peraturan untuk

bonus bagi ahli-ahli kesatuan sekerja – disahkan secara undang-undang, supaya dapat mengadakan insentif yang selektif untuk menyertai sebuah kesatuan sekerja.

Mahkamah Pekerjaan Persekutuan Jerman (untuk: *Bundesarbeitsgericht*) mengisytiharkan klausa pembezaan secara prinsipnya adalah dibenarkan dalam penghakiman 2009, maka meletak ke tepi objektifnya yang sedia ada.³⁵ Namun, klausa pembezaan seharusnya tidak mendarang sebarang impak terhadap kuasa sesebuah majikan – menurut hak individu – untuk memperuntukkan bonus yang munasabah kepada pekerja-pekerja yang tidak menyertai kesatuan sekerja. Sebuah “klausa pembezaan yang ringkas”, yang mempertimbangkan faktor ini, berkemungkinan bersesuaian menurut Mahkamah Pekerjaan Persekutuan, dengan kebebasan negatif berpersatuan kerana ia tidak memberi apa-apa tekanan untuk menyertai sebuah kesatuan sekerja bagi sesiapa yang tidak menyertai mana-mana kesatuan sekerja. Dan, persoalan tentang saiz bonus juga boleh diabaikan dalam hal-hal yang kekal terbuka, kerana kesatuan-kesatuan sekerja mempunyai instrumen baru yang boleh didapati bagi kempen keahlian. Maka, organisasi-organisasi pekerja mempunyai pilihan untuk mengembangkan organisasinya dengan sebegitu di mana sekali lagi mereka akan menjadi lebih mendesak dalam zon-zon yang bukan rundingan kolektif.

Tanpa perubahan dalam perlakuan terhadap majikan-majikan, rakan kongsi rundingan akan tidak mampu untuk mematuhi peranan kawal selia mereka. Persekutuan majikan menjamin kewangan mereka dengan membentuk apa yang dikenali sebagai pertubuhan-pertubuhan OT, tetapi ia tidak dapat untuk mengatasi penghakisan gaji yang menular. Bagi menguatkan perlindungan rundingan kolektif, pertubuhan-pertubuhan rundingan kolektif harus memikat ahli-ahli OT dengan cara yang disasarkan. Hinggakan perniagaan yang baru sahaja tertubuh harus dipikat dengan cara yang disasarkan, kerana mereka kebiasaannya kurang terikat dengan persetujuan kolektif. Dalam perniagaan-perniagaan yang tahap keorganisasiannya dalam kesatuan sekerja adalah rendah, ia mungkin kurang berjaya kerana tiada sebab untuk membimbangi kemungkinan kesatuan sekerja, yang mana perlu, akan mencapai perlindungan rundingan kolektif melalui pertikaian industri. Ini menunjukkan kecenderungan untuk membatalkan perlindungan rundingan kolektif adalah disenangi oleh kesatuan-kesatuan sekerja

35 Rujuk kenyataan media no. 27/09 berkenaan keputusan Senat yang ke-4 pada 18 Mac 2009 terhadap legitimasi “peruntukan pembezaan yang ringkas”.

yang lemah. Namun, dengan semua pertimbangan, ia seharusnya tidak dilupakan bahawa kebebasan berpersatuan yang negatif juga membentuk sebahagian rundingan kolektif bebas. Akhirnya setiap pekerja adalah bebas untuk menyertai mana-mana organisasi. “Persaingan luar” inilah yang memberi rundingan kepada disiplin rakan-rakan kongsi rundingan.³⁶ Kerana ia memberi peluang kepada kedua-dua pekerja dan majikan untuk membela diri mereka daripada praktis persetujuan kolektif yang bercanggahan dengan kepentingan mereka.

Namun, persoalan yang timbul adalah sejauh mana “persaingan luar” daripada perniagaan-perniagaan yang tidak terikat dengan persetujuan kolektif ini boleh pergi. Sejauh mana pihak-pihak rundingan harus menahan diri dan sejauh mana peruntukan untuk suasana pekerjaan harus diserahkan kepada kontrak bertahap individu? Rundingan kolektif bebas ini sememangnya satu kebebasan hak dan bukanlah kebebasan tanggungjawab.³⁷ Walaupun begitu, penolakan yang berlebihan terhadap kegunaan hak kebebasan oleh pihak-pihak persetujuan kolektif akan mengakibatkan kerajaan dipanggil – atas peranan-peranan perlindungan dan pengawalseliaan yang munasabah di bawah asas undang-undang perlembagaan – untuk mengadakan suasana pekerjaan minima yang munasabah.³⁸

Dengan pengembangan AEntG, kerajaan boleh campurtangan dengan kerap dalam struktur suasana pekerjaan atas permintaan rakan-rakan kongsi rundingan kolektif. Ia berbeza dengan kes gaji minima berkanun yang universal kerana kerajaan tidak menetapkan gaji. Situasi sebegini akan terjadi sekiranya rundingan kolektif gaji minima dikembangkan, melalui instrumen berkanun, kepada semua pekerja dalam sektor-sektor yang relevan. Namun begitu, rundingan kolektif bebas kini menghadapi krisis yang teruk. Kerana, di satu sudut, kerajaan harus menjamin persetujuan kolektif diperuntukkan dengan satu skop kegunaan yang munasabah. Dan di mana tiadanya persetujuan kolektif, versi MiArbG yang dipinda membenarkan kerajaan untuk menetapkan gaji minima. Setakat ini masih belum ada lagi bantuan kerajaan sebegini sejak 60 tahun Ekonomi Pasaran Sosial. Kemungkinannya masih ada untuk kedua-dua rakan-rakan kongsi sosial untuk menyedarkan semula diri mereka dan sekali lagi mampu untuk memperbaiki dan menguruskan hak kebebasan dan suasana pekerjaan mereka secara kolektif. Sekiranya

36 Cf. Lesch (2003).

37 Rieble (2004), hlm. 423 *et seq.*

38 *Ibid.*, hlm. 426.

mereka gagal untuk menggunakan peluang ini, kerajaan akan terus berperanan sebagai pengganti rakan kongsi rundingan kolektif. Atau ia akan mewujudkan perpecahan dalam sistem rundingan kolektif, kepada rundingan kolektif terkawal dan zon-zon kawalan individu, sementara membenarkan peningkatan lanjut dalam “persaingan luar”. Kedua-dua ini menyebabkan rundingan kolektif menjurus kepada krisis legitimasi yang dalam dan akan meretakkan salah satu tiang Ekonomi Pasaran Sosial yang penting.

RUJUKAN

- Bähr, Hohannes (1989): *Staatliche Schlichtung in der Weimarer Republik. Tarifpolitik, Korporatismus und industrieller Konflikt zwischen Inflation und Deflation 1919-1932* – Berlin.
- Bahn Müller, Reinhard (2002): *Diesseits und jenseits des Flächentarifvertrags: Entgeltfindung und Entgeltstrukturen in tarifgebundenen und nicht tarifgebundenen Unternehmen*, dalam: *Industrielle Beziehungen*, vol. 9(4), hlm. 402-424.
- Biebeler, Hendrik/Lesch, Hagen (2007): *Zwischen Mitgliedererosion und Ansehensverlust. Die deutschen Gewerkschaften im Umbruch*, dalam: *Industrielle Beziehungen*, vol. 14(2), hlm. 133-153.
- Bispinck, Reinhard et al. (2003): *Mindeststandards für Arbeits- und Einkommensbedingungen und Tarifsysteem. Gutachten* – Düsseldorf, (http://www.boeckler.de/projektlist_projekte_wsi_29596.html).
- Bispinck, Reinhard/Schulten, Thorsten (2003): *Verbetrieblischung der Tarifpolitik? Aktuelle Tendenzen und Einschätzungen aus der Sicht von Betriebs- und Personalräten*, dalam: *WSI-Mitteilungen*, vol. 56(3), hlm. 157-166.
- Bispinck, Reinhard/Schäfer, Klaus (2005): *Niedriglöhne? Mindestlöhne! Verbreitung von Niedriglöhnen und Möglichkeiten ihrer Bekämpfung*, dalam: *Sozialer Fortschritt*, vol. 54(1-2), hlm. 20-31.
- Bispinck, Reinhard/Dribbusch, Heiner (2008): *Tarifkonkurrenz der Gewerkschaften zwischen Über- und Unterbietung*, dalam: *Sozialer Fortschritt*, vol. 57(6), hlm. 153-163.
- Bispinck, Reinhard (2009): *60 Jahre Tarifvertragsgesetz. Stationen der Tarifpolitik von 1949 bis 2009*, dalam: *WSI-Tarifhandbuch* disunting oleh *Wirtschafts- und Sozialwissenschaftliches Institut* – Bonn, hlm. 57-71.
- Briefs, Götz (1965): *Gewerkschaften (I) Theorie*, dalam: *Handwörterbuch der Sozialwissenschaften*, disunting oleh Erwin von Beckerath et al., vol. 4 – Stuttgart et al., hlm. 545-561.
- Bundesarbeitsgericht (2000): *Unterlassungsanspruch einer Gewerkschaft. Beschluss des 1. Senats vom 20.4.1999 – 1 ABR 72/98*, dalam: *BAGE*, vol. 64, hlm. 16-24
(rujuk juga: <http://www.lexrex.de/rechtsprechung/entscheidungen/searchresults/1038.html>).
- *Bundesvereinigung Deutscher Arbeitgeberverbände* (2008): *Zerfaserung der Tariflandschaft bedroht Tarifautonomie* (Presse-Information Nr. 069/2008) – Berlin.
- *Bundesvereinigung Deutscher Arbeitgeberverbände* (2010): *Tarifautonomie – Säule der sozialen Marktwirtschaft*, BDA-Arguments – Berlin.

- Huck, Norbert (1993): *Wirtschaftspolitik zwischen Weltkrieg und Weltwirtschaftskrise*, dalam: *Geschichte der Wirtschaftspolitik. Vom Merkantilismus zur sozialen Marktwirtschaft*, disunting oleh Richard H. Tilly – München, hlm. 104-147.
- Keller, Berndt (2001): *Ver.di – was kommt nach der Overtüre?*, dalam: *Wirtschaftsdienst*, vol. 81(2), hlm. 92-101.
- Kohaut, Susanne / Schnabel, Claus (2007): *Tarifliche Öffnungsklauseln: Verbreitung, Inanspruchnahme und Bedeutung*, dalam: *Sozialer Fortschritt*, vol. 56(2), hlm. 33-40.
- Lesch, Hagen (2003): *Mindeststandards für Arbeits- und Einkommensbedingungen und Tarifsystem. Gutachten für das Ministerium für Wirtschaft und Arbeit des Landes Nordrhein-Westfalen – Düsseldorf*.
- Lesch, Hagen (2006): *Ökonomik des Tarifrechts* (IW-Analysen No. 19) – Köln.
- Lesch, Hagen (2008): *Spartengewerkschaften. Droht eine Destabilisierung des Flächentarifvertrags?*, dalam: *Sozialer Fortschritt*, vol. 57(6), hlm. 144-153.
- Löwisch, Manfred (1996): *Neuabgrenzung von Tarifvertragsystem und Betriebsverfassung*, dalam: *Juristen Zeitung*, vol. 51(17), hlm. 812-821.
- Rieble, Volker, (2004), *Öffnungsklausel und Tarifverantwortung*, dalam: *Zeitschrift für Arbeitsrecht*, vol. 35(3), hlm. 405-429.
- *Sachverständigenrat zur Begutachtung der gesamtwirtschaftlichen Entwicklung* (German Council of Economic Experts) (1995): *Im Standortwettbewerb. Jahresgutachten 1995/1996* – Stuttgart.
- *Sachverständigenrat zur Begutachtung der gesamtwirtschaftlichen Entwicklung* (German Council of Economic Experts) (1998): *Vor weitreichenden Entscheidungen. Jahresgutachten 1998/1999* – Stuttgart.
- Schroeder, Wolfgang (1996): *Gewerkschaften und Arbeitgeberverbände*, dalam: *Gewerkschaftliche Monatshefte*, vol. 47, hlm. 601-615 (<http://library.fes.de/gmh/main/pdf-files/gmh/1996/1996-10-a-601.pdf>).
- Schroeder, Wolfgang / Silvia, Stephen J. (2003): *Gewerkschaften und Arbeitgeberverbände*, dalam: *Die Gewerkschaften in Politik und Gesellschaft der Bundesrepublik Deutschland. Ein Handbuch*, disunting oleh Wolfgang Schroeder / Bernhard Wessels – Wiesbaden, hlm.244-270.
- Schroeder, Wolfgang (2008): *Gewerkschaftskonkurrenz: Gefahr und Chance zugleich*, dalam: *Orientierungen zur Wirtschafts- und Gesellschaftspolitik*, vol. 115, hlm. 2-6 (<http://www.ludwig-erhard-stiftung.de/files/orientierungen115.pdf>).
- Schroeder, Wolfgang/Greef, Samuel (2008): *Industrie- und Spartengewerkschaften im Konflikt. Organisatorische Voraussetzungen und realisierte Gelegenheitsstrukturen*, dalam: *Industrielle Beziehungen*, vol. 15(4), hlm. 329-355.

- Streeck, Wolfgang/Rehder, Britta (2005): *Institutionen im Wandel. Hat die Tarifautonomie eine Zukunft?*, dalam: *Tarifpolitik im Umbruch*, disunting oleh Hans W. Busch et al. – Köln, hlm. 49-82.
- Traxler, Franz (1997): *Der Flächentarifvertrag in der OECD. Entwicklung, Bestandsbedingungen und Effekte*, dalam: *Industrielle Beziehungen*, vol. 4(2), hlm. 101-124.
- *Wissenschaftlicher Beirat beim Bundesministerium für Wirtschaft und Arbeit* (Advisory Council on Economics and Labour) (2004): *Tarifautonomie auf dem Prüfstand*, disunting oleh *Bundesministerium für Wirtschaft und Arbeit* (Dokumentation 531) – Berlin, (<http://www.bmwi.de/BMWi/Redaktion/PDF/Publikationen/Dokumentationen/tarifaunonomie-auf-dem-pruefstand-dokumentation-531,property=pdf,bereich=bmwi,sprache=de,rwb=true.pdf>)
- Zachert, Ulrich, 2009: *60 Jahre Tarifvertragsgesetz. Eine rechtspolitische Bilanz*, dalam: *WSI-Mitteilungen*, vol. 62(4), hlm. 179-183.

SISTEM KESELAMATAN SOSIAL DI DALAM EKONOMI PASARAN SOSIAL

Antara Kekuatan Dasar Sosial dan Kuasa Pasaran. Suatu Analisis Terhadap Insurans Kesihatan Berkanun Di Jerman Dalam Konteks Prinsip Asasi Ekonomi Pasaran Sosial.

Christine Wolfgram | Ines Lanfer

1. PENDAHULUAN

Di dalam makalah ini kami mempersembahkan prinsip Ekonomi Pasaran Sosial dan menganalisis peranannya terhadap pembentukan sistem keselamatan sosial. Potensi besar Ekonomi Pasaran Sosial terletak pada peruntukan serentak dalam penempatan sumber yang cekap, iaitu, pengagihan semula yang tepat dalam sistem pindahan cukai. Hasil yang diperolehi daripada kecekapan berikut akan menyumbang kepada kebajikan masyarakat.

Kelebihan Ekonomi Pasaran Sosial semakin kurang dihargai masyarakat Jerman. Selain berpunca daripada kemelut kewangan dan ekonomi yang tidak menentu, peningkatan permintaan untuk caruman yang lebih kepada sistem keselamatan sosial yang berlaku serentak dengan liputan yang kian mengecil mendorong kepada kejatuhan reputasi Ekonomi Pasaran Sosial.

Kepercayaan terhadap mekanisme pasaran masih lagi kurang, terutamanya dalam sistem insurans kesihatan berkanun Jerman. Kesihatan diumpamakan sebagai 'barangan istimewa' yang sepatutnya tidak boleh dibekalkan kuasa pasaran yang tidak diketahui. Walaupun – akibat daripada – banyak campur tangan awam yang diusahakan dalam sektor penjagaan kesihatan, bentuk insurans kesihatan berkanun masih lagi kelihatan sebagai sesuatu yang tidak adil. Oleh itu, lebih banyak tindakan awam tidak bermakna akan dapat menegakkan lebih banyak keadilan sosial.

Kami akan menunjukkan di dalam makalah ini bahawa pengabaian pelaksanaan prinsip-prinsip asas Ekonomi Pasaran Sosial adalah penyumbang kepada masalah-masalah semasa di dalam sistem keselamatan

sosial tersebut. Oleh kerana keselamatan sosial dilihat sebagai satu tunjang asas kepada Ekonomi Pasaran Sosial, penciptaannya yang tidak sistematik membawa kepada hakisan kepercayaan terhadap sistem ekonomi itu sendiri.

Kepercayaan ini hanya dapat dibina semula melalui pelaksanaan sistematik prinsip-prinsip asas Ekonomi Pasaran Sosial. Dalam hal ini, Ekonomi Pasaran Sosial boleh bertindak sebagai contoh dan pencetus kepada debat-debat keteraturan ekonomi yang berbeza.

2. PRINSIP-PRINSIP EKONOMI PASARAN SOSIAL

Sementara ahli-ahli politik Jerman memuji Ekonomi Pasaran Sosial sebagai satu cara untuk mengatasi krisis ekonomi antarabangsa¹, kepercayaan rakyatnya terhadap sistem ekonomi tersebut kian hilang. Walaupun sebelum terjadinya krisis ekonomi, wujud kesangsian akan Ekonomi Pasaran Sosial ini sama ada ia betul-betul merupakan sebuah sistem ekonomi sosial atau tidak, kerana rakyat Jerman merasakan jumlah kegagalan sistem ini semakin meningkat.² Namun, makalah ini mempersoal, adakah rakyat-rakyat ini betul-betul mengkritik sistem ini secara keseluruhan atau hanya sekadar penciptaannya yang tidak sempurna. Oleh itu, kami akan membentangkan pandangan kami akan prinsip-prinsip asas Ekonomi Pasaran Sosial.³ Selepas teori-teori asas ini, kami akan menganalisa sama ada prinsip-prinsip ini dipatuhi atau tidak di dalam sistem penjagaan kesihatan Jerman sebelum mengemukakan cadangan reformasi yang menggabungkan persaingan dalam sektor kesihatan dan langkah keselamatan sosial untuk membantu mereka yang memerlukan.

2.1 Kebebasan Individu

Asas normatif ekonomi pasaran adalah kebebasan individu, iaitu usaha untuk mengesepi kehendak dan gaya hidup mereka. Oleh itu, kesediaan pertukaran secara individu boleh ditakrifkan sebagai kebaikan untuk kedua-dua dan peningkatan dalam kebajikan sosial.⁴ Mekanisme harga

1 Canselor Merkel dalam: *Die Welt*, 31 Januari 2009 (dalam web).

2 Kenyataan media Bertelsmann Stiftung, 16 Jun 2008 (dalam web).

3 Pastinya ini tidak memperihalkan keseluruhan prinsip-prinsip Ekonomi Pasaran Sosial. Kami hanya akan menyentuh sifat-sifat yang paling penting, yang akan berfungsi sebagai panduan kepada analisis sistem keselamatan sosial.

4 Schlecht (1990), hlm. 35 *et seq.*, Roth (2002), hlm. 58. Harus ditekankan bahawa konsep kebajikan sosial ini tidak bersesuaian dengan matlamat untuk memaksimumkan fungsi kebajikan sosial yang agregat. Tetapi, teori kemungkinan untuk persetujuan kepada aturan sosial diambil sebagai satu tanda aras. Untuk analisis yang lebih terperinci, rujuk Vanberg

menyelaras kepentingan dan matlamat individu: Harga menggambarkan penghargaan subjektif individu terhadap produk dan perkhidmatan lalu menyelaraskan kepentingan pengguna dan pembekal yang berbeza-beza.⁵

Kebebasan individu (hak kebebasan yang negatif) hanya boleh dijamin sekiranya individu terbabit tidak bertindak untuk mengancam orang lain.⁶ Perlindungan kepada individu daripada akibat-akibat negatif tindakan orang lain adalah ciri kepada kerajaan berperlembagaan undang-undang, yang mana mendirikan sebuah masyarakat yang bebas. Melalui kerangka perlembagaan ini, individu dapat menentukan hak dan kebebasan mereka. Kebebasan mereka hanya akan terbatas jika mereka bertindak untuk mengancam hak dan kebebasan orang lain. Bertentangan dengan masyarakat sosialis, Ekonomi Pasaran Sosial tidak bermatlamat untuk mendidik masyarakat atau mengubah-ubah nilai mereka, yakni, ia langsung tidak bermatlamat untuk membentuk “rakyat yang baik”.⁷ Peraturannya memang ditetapkan untuk satu sistem yang teguh walaupun rakyatnya berperlakuan dengan penuh ego. Keutamaan terhadap keegoan rakyat yang berpotensi boleh dianggap sebagai langkah pencegahan, set peraturan yang berasaskan kes paling teruk. Tanggapan kelakuan egoistik ini adalah satu tanggapan “sosial-teknik”⁸ yang perlu untuk melindungi masyarakat daripada eksploitasi rakyat yang tidak bertindak altruistik.

Orientasi akan perlakuan individu yang egoistik tidak bermakna perlakuan moral⁹ tidak diharapkan atau mustahil dalam ekonomi pasaran. “Moral” ini disepadukan dalam peraturan-peraturan ekonomi pasaran. Oleh itu, perlakuan moral tidak perlu dianggap sebagai pencapaian luar biasa individu, tetapi terikat antara semua individu melalui keinstitusiannya dalam aturan-aturan pasaran. Kesepaduan sistematik unsur-unsur moral dalam aturan ekonomi pasaran menggabungkan kelebihan untuk persaingan dan nilai-nilai sosial etikal. Dengan aturan sebegini, perlakuan

(2008), hlm. 23-48.

5 Contohnye Zeppernick (1987), hlm. 9.

6 Schlect (1990), hlm. 42 et seq, hlm. 198.

7 Schlecht (1990), hlm. 188 et seq.

8 Watrin (1980), hlm. 491.

9 Kami tidak akan membincangkan konsep moral di sini. Menurut Homann, perlakuan moral dianggap sebagai orientasi berasaskan nilai-nilai yang baik seperti perlindungan persekitaran, keprihatinan terhadap orang lain dan lain-lain. Namun, perlakuan moral boleh mendorong kepada kos yang merugikan dalam persaingan sekiranya nilai ini tidak diikat secara umum dengan peserta-peserta pasaran (Homann (1994), hlm. 16-17).

moral yang asalnya berasaskan kebaikan menjadi perlakuan yang egoistik, lalu ia lebih memungkinkan. Maka, perlakuan yang menggugat persekitaran akan dihukum dan akan mengakibatkan kekurangan keuntungan untuk syarikat, sementara perlakuan “bermoral baik” yang melindungi persekitaran akan memaksimumkan keuntungan.¹⁰

2.2 Persaingan Atas Merit

Dalam dunia dengan sumber yang tidak pernah cukup, realisasi matlamat individu dan koordinasi tindakan individu hanya boleh dicapai melalui persaingan pasaran. Peruntukan sumber melalui perancangan pusat tidak sejajar dengan kebebasan individu, kerana ianya mustahil untuk memenuhi kehendak semua individu dalam masa yang sama, dan membentuk suatu hierarki keperluan juga adalah mustahil walaupun bagi perancang yang paling baik. Oleh itu, perancangan pusat akan sentiasa melanggar kepentingan sesetengah individu, lalu akan menggunakan paksaan. Sebaliknya, matlamat individu dapat dicapai melalui persaingan pasaran disebabkan pertimbangan ke atas sumber yang berkurangan: mekanisme harga dapat mendedahkan kekurangan tersebut dan juga keperluan-keperluan individu, dan seterusnya dapat memastikan penyelarasan antara permintaan dan pembekalan. Pembekal kuasa persaingan akan memenuhi permintaan pada kos paling rendah yang termampu dan sekaligus mencegah sebarang pembaziran dalam sumber yang tidak pernah cukup.¹¹

Dalam ekonomi pasaran, ganjaran menggambarkan penghargaan individu yang lain. Dengan itu, persaingan memaksa individu untuk bertindak ke dalam sektor-sektor yang paling mustahak untuk masyarakat sekeliling. Prinsip persaingan atas merit yang mengagungkan para pengguna inilah yang ditawarkan oleh Sekolah Freiburg.¹² Kesemua tindakan adalah bermatlamat untuk memenuhi permintaan pengguna. Kesannya, proses penghasilan berorientasikan kepentingan pengguna dapat menjamin aturan sosial yang bebas daripada sebarang kepentingan, iaitu, konsensus (aturan sosial) yang mampu tercapai daripada selubung ketidakpastian.¹³ Keagungan pengguna ini akan menjadi penghalang kepada

10 *Cf.* Homann (1994).

11 Contohnya Schlect (1990), hlm. 62 *et seq.*, Vanberg (2008), hlm 61 *et seq.* Roth (2002), hlm. 118 *et seq.*

12 Vanberg (2008), hlm. 36 *et seq.*

13 Ia mengambil masa yang panjang untuk menganalisis secara mendalam idea keinstitutional ekonomi di sini. Rujuk e.g.: Vanberg (2008), hlm. 24 *et seq.*

aturan bebas yang berkepentingan kerana kebiasaannya pengeluar-pengeluar yang berkepentingan akan bertindak menggunakan langkah-langkah perlindungan.¹⁴

Bentuk persaingan yang ideal ini jarang sekali dicapai dari segi praktis. Namun, ianya penting untuk berpegang dengan ideal ini sebagai rujukan untuk analisis dan debat isu-isu sosial dan ekonomi semasa.

2.3 Tiada Persaingan Tanpa Undang-undang

Bagusnya persaingan yang dibincangkan di atas bergantung kepada betapa bagusnya peraturan yang mengawal operasinya. Ini menunjukkan bahawa struktur monopolistik dan kartel adalah tidak bersesuaian dengan persaingan atas merit dan adalah bertentangan bertentangan dengan keagungan pengguna: Di bawah struktur kartelistik dan monopolistik, ganjaran tidak dapat menggambarkan penghargaan pengguna, di mana para monopolis bebas menentukan harga dan menghalang pesaing-pesaing lain untuk masuk ke pasaran.¹⁵ Walaupun keuntungan daripada aturan sosial dapat diterima secara umum, tetapi ia akan menghadapi risiko berterusan, kerana pelanggaran peraturan dan memiliki kekuasaan adalah strategi yang menarik bagi sesetengah kelompok.¹⁶ Tanpa kedaulatan undang-undang yang menyelia tindakan individu, perlakuan-perlakuan individu yang tidak rasional mampu untuk memudaratkan masyarakat (kegagalan pasaran). Teori 'Prisoner's Dilemma'¹⁷ yang terkenal jelas menggambarkan percanggahan antara matlamat individu dan hasil akhir yang terhasil dengan ketiadaan peraturan umum.¹⁸

Namun, hanya dengan pasaran yang gagal sahaja tidak cukup untuk membolehkan campur tangan awam dalam pasaran, kerana wujud juga risiko akan kegagalan kerajaan: Dalam kes yang kedua, tindakan awam bukan sekadar tidak menguntungkan kebajikan awam, malah merugikan kebajikan awam.¹⁹ Oleh itu, keperluan dan kelebihan untuk campur tangan awam seharusnya dianalisis secara mendalam.

Sekiranya mekanisme pasaran diterima sebagai langkah yang efisien untuk menyelaras perlakuan individu dan perlakuan bebas, hanya per-

14 *Ibid.*, hlm. 38.

15 Eucken (2004), hlm. 30 *et seq.*

16 Vanberg (2008), hlm. 57 *et seq.*

17 Teori Prisoner's Dilemma adalah permasalahan asas dalam 'teori permainan' yang menunjukkan mengapa dua pihak kemungkinan tidak akan bekerjasama walaupun ianya berkepentingan kepada kedua-dua pihak.

18 Kirchgässner (1991), hlm. 49 *et seq.*

19 Watrin (1985), hlm. 138 *et seq.*

aturan persaingan yang boleh dinilai bukannya hasil daripadanya.²⁰ Jika masyarakat sedia untuk menerima persaingan sihat maka hasil daripadanya boleh dilihat adil melalui perspektif keadilan berdasarkan pencapaian (untuk: *Leistungsgerechtigkeit*). Walaupun begitu, hasil ini tidak semestinya menunjukkan bahawa mekanisme pasaran menjamin suasana kehidupan yang baik kepada semua khalayak masyarakat. Inilah sebabnya pasaran harus dilengkapi dengan dasar langkah-langkah sosial di luar pasaran.

2.4 Dasar Sosial Tanpa Campur tangan Dalam Pasaran

Disebabkan ganjaran adalah ditentukan oleh kesediaan individu lain untuk membayar, ini menunjukkan bahawa tanpa kesediaan tersebut, hinggan keperluan asas manusia tidak diambil kira dalam pasaran. Oleh itu, individu hanya mampu untuk mencapai taraf kehidupan yang baik sekiranya individu lain mempunyai kesediaan yang cukup untuk membayar untuk pencapaiannya. Tambah lagi, bukannya darjat ataupun status sosial yang akan menentukan kadar ganjaran yang akan diberikan.²¹

Terdapat konsensus sosial secara umum bahawa setiap individu seharusnya ditawarkan paling kurang taraf kehidupan baik. Tanpa jaminan terhadap pendapatan minima, aturan pasaran yang kompetitif kemungkinan kurang diterima oleh masyarakat. Sekiranya individu tidak boleh mencapai sesuatu yang cukup untuk memenuhi keperluan asas, perlunya ada solidariti untuk membantunya untuk hidup dalam keadaan yang selesa. Ini tidak bermaksud bahawa wujudnya syarat untuk mengekalkan sesetengah status sosial. Risiko yang timbul daripada persaingan yang boleh menghilangkan darjat sosial seseorang seharusnya tidak boleh menjadi pampasan oleh masyarakat, kerana ini akan menguntungkan sesetengah individu dengan mengorbankan beberapa yang lain. Apa yang boleh dijamin oleh masyarakat adalah pendapatan yang minimum, yang jumlahnya ditakrifkan melalui proses politik. Maka, jumlahnya adalah sesuatu yang tidak tentu dari segi teori, yang penting adalah jaminan untuk setiap rakyat yang memerlukan, di mana mereka tidak akan terpaksa untuk hidup dalam kehidupan dibawah taraf yang baik. Namun, peruntukan had minimum ini bukanlah kontrak perikatan yang dibuat sebelah pihak sahaja: Sesungguhnya mereka yang memerlukan juga harus membantu diri semampu mungkin, justeru mengelakkan bebanan berlebihan kepada masyarakat.²²

20 Watrin (1980), hlm. 486 *et seq.*

21 Hayek (1969), hlm. 118 *et seq.*

22 Roth (2007), hlm. 53.

Langkah-langkah perlindungan, seperti harga maksima atau gaji minima harus dielakkan. Harga akan kehilangan fungsi isyaratnya apabila ia secara serentak harus berkhidmat untuk tujuan-tujuan pengagihan. Pembatasan fungsi isyarat ini hanya akan memdatangkan kerugian kepada sumber-sumber sosial. Sebaliknya, pemeliharaan sumber-sumber terkekang akan menguntungkan terutamanya kepada mereka yang memerlukan kerana ia meningkatkan margin pengagihan. Sama juga, campur tangan terhadap harga tidak akan mengambil kira darjat sosial. Campur tangan harga akan mempengaruhi setiap rakyat tidak kira pendapatan atau kekayaan dengan pengecualian terhadap mereka yang sangat memerlukan: Tanpa sebarang pendapatan pasaran, mereka tidak akan mampu untuk menyertai pasaran, lalu tidak akan menerima keuntungan daripada harga-harga “sosial”. Dan sebaliknya, bayaran kepada mereka yang betul-betul dikenalpasti sebagai memerlukan ‘means-tested’ adalah satu penumpuan dan kaedah yang melindungi sumber-sumber bagi mencapai keselamatan sosial di luar pasaran.²³

2.5 Peraturan dan Prosedur yang Adil, Bukannya Perlindungan Hak Mereka yang Berkepentingan

Gambaran keseluruhan prinsip-prinsip asas Ekonomi Pasaran Sosial telah menunjukkan bahawa aturan liberal tidak menghalang solidariti, iaitu, bantuan kepada mereka yang memerlukan. Sebaliknya: Menjamin pendapatan minimum adalah penting untuk masyarakat liberal yang berfungsi. Bagaimanapun, aturan liberal tidak menjamin keselamatan yang mutlak. Kebebasan untuk memilih sesuatu aktiviti dan menikmati ganjaran daripada sesuatu usaha sentiasa seiringan dengan risiko untuk gagal. Masyarakat tidak mampu untuk mengelak daripada semua risiko individu: Kerugian individu seharusnya ditanggung individu dan bukan ditanggung masyarakat. Kalau tidak, tidak ada sebarang insentif kepada individu untuk bertindak secara bertanggungjawab.

Jaminan status sosial untuk beberapa individu akan memudaratkan yang lain. Contohnya, sekiranya pekerjaan-pekerjaan tertentu harus dibiayai oleh subsidi, maka subsidi pula harus dibiayai oleh cukai. Lalu, bayaran cukai rakyat terpaksa digunakan demi mengekalkan syarikat untuk produknya, yang mana rakyat tidak rela untuk bayar daripada awal lagi. Begitu juga, bebanan cukai akan membawa kepada pemecatan kerja dalam syarikat-syarikat dan/atau menghalang daripada pertambahan kerja-kerja baru.

23 Cf. Hayek (2003).

Keadilan hanya boleh dinikmati dalam peraturan dan prosedur yang adil sekiranya semua individu dilayan sama rata dan sekiranya kebebasan mereka dihormati. Sekiranya peraturan-peraturan umum ini diterima pakai, tindakan yang paling penting adalah untuk menjamin taraf kehidupan yang minimum kepada mereka yang memerlukan. Taraf kehidupan minimum ini dibiayai oleh cukai, yang dibayar menurut kemampuan individu-individu tersebut untuk membayar semula. Pengagihan semula yang lanjut akan mendatangkan keuntungan kepada sesetengah kelompok masyarakat dengan memudaratkan yang lain tanpa justifikasi.

Seperti mana yang dibincangkan di dalam bab-bab berikut, terdapat juga sebab-sebab baik untuk bukan sahaja membekalkan bantuan sara hidup kepada mereka yang memerlukan, tetapi juga bantuan perubatan. Kedua-duanya harus dibiayai oleh masyarakat. Walaubagaimanapun, penting untuk kita ingat bahawa ini hanya bermaksud peluang sama rata untuk menikmati kelebihan kesihatan minima yang tertakrif oleh masyarakat. Kerana persamaan terhadap kesemua status kesihatan adalah tidak mungkin dan juga tidak dikehendaki dalam mana-mana dunia ber-sumber terkekang.²⁴

Solidariti bersama yang memerlukan seharusnya tidak bermaksud campur tangan kerajaan dalam sektor penjagaan kesihatan yang memudaratkan kuasa pasaran. Sebaliknya, kebergantungan terhadap kuasa pasaran dengan menghasilkan kemajuan dalam kecekapan dapat lebih menegakkan keadilan dalam sektor kesihatan.

3. PERLAKSANAAN EKONOMI PASARAN SOSIAL: INSURANS KESIHATAN BERKANUN

Hakikatnya, banyak prinsip-prinsip ekonomi pasaran yang dilanggar, dan pelanggaran ini bukan sahaja dalam sektor kesihatan. Pelanggaran prinsip-prinsip asas ini menjana kepada ketidakadilan. Oleh itu, ramai rakyat yang hilang kepercayaan terhadap aturan ekonomi ini. Persoalannya, adakah bangkangan ini dituju kepada bentuk ideal Ekonomi Pasaran Sosial atau kepada perlaksanaanya yang tidak sempurna. Terutamanya dalam zaman penuh emosi terhadap keselamatan sosial, pelaksanaan prinsip-prinsip Ekonomi Pasaran Sosial yang tidak sistematik menyebabkan pengagihan semula yang tidak terjelas yang kemudiannya mendatangkan masalah terhadap penerimaan aturan ekonomi ini secara keseluruhan.

²⁴ Gäfgen (1989), hlm. 14 *et seq.* Menyamakan status kesihatan dengan total – walaupun ianya mungkin – bermaksud menghabiskan banyak sumber dan akibatnya mengurangkan untuk yang lain, iaitu tujuan yang lebih bermanfaat.

Jerman mempunyai tradisi lama Sistem Keselamatan Sosial Bismarckian yang mana lama-kelamaan, semakin banyak risiko dipindahkan daripada lingkungan tanggungjawab individu kepada lingkungan tanggungjawab masyarakat.²⁵ Kesediaan untuk individu bertanggungjawab terhadap risiko sendiri berkurangan dengan banyak sepanjang dekad lalu akibat kerajaan mendatangkan semakin banyak risiko dengan memaksa rakyatnya kepada insurans awam terhadap pengangguran, penyakit dan sebagainya. Dengan insurans berkanun, kebebasan untuk memilih dikurangkan untuk keselamatan yang diperkatakan, tanpa menjamin 'keadilan sosial' dalam sistem insurans ini. Ini membawa kepada penghakisan kepercayaan dalam bahagian sosial dalam ekonomi pasaran.

Percanggahan yang timbul antara kebebasan dan keselamatan - ataupun antara kebebasan dan keadilan sosial - adalah sebab yang diperkatakan mengapa "barangan istimewa" tidak boleh didagangkan dalam pasaran tetapi harus dibekalkan melalui campur tangan kerajaan atau melalui harga 'sosial'. Perkhidmatan kesihatan dianggap sebagai istimewa kerana ramai tidak mempercayai kuasa pasaran yang tidak dikenali sebagai pembekal. Namun, jika perkhidmatan kesihatan adalah istimewa, ia penting – disebabkan sumber yang terkekang – untuk menghasilkan 'produk' dengan cara yang cekap, iaitu, dengan menggunakan kuasa pasaran seboleh mungkin.²⁶

Seperti mana yang ditunjukkan dalam bahagian sebelumnya, masalah aturan institusi dalam bidang penjagaan kesihatan boleh dianalisis dengan rujukan kepada prinsip-prinsip ekonomi pasaran sosial. Dalam kerangka ini, pendekatan untuk perlaksanaan efisien dan sistematik terhadap sistem keselamatan sosial boleh ditemukan, yang mengambil kira interaksi antara keselamatan sosial dan mekanisme pasaran.²⁷

3.1 Insurans Wajib

Berdasarkan prinsip keutamaan pengguna, rakyat seharusnya bebas untuk memilih risiko mana yang mahu ditanggung dan dengan cara apa untuk ditanggung. Walaubagaimanapun, kita boleh menemui sebab untuk insurans wajib dalam sektor penjagaan kesihatan. Insurans wajib adalah suatu kaedah untuk menghalang penggunaan keuntungan minimum

25 Cf. Milbradt (2005).

26 Maitland (2002), hlm. 453.

27 Pendekatan ini mengikut model Insurans "Rakyat Swasta", yang telah dibangunkan oleh Institute of Economic Policy dan Otto-Wolff-Institute. Penerangan yang lebih terperinci boleh didapati dalam Eekhoff et al. (2008).

yang tidak berjustifikasi. Kalau tidak, rakyat boleh mempunyai insentif untuk tidak membantu dalam penyakit, walaupun dengan kewangan yang mencukupi untuk insurans. Mereka akan bergantung harap kepada bantuan daripada masyarakat sekiranya dalam saat kecemasan.²⁸

Insurans wajib dalam bentuk insurans berkanun tidak memerlukan campur tangan kerajaan. Pilihan untuk memilih insurans diberikan kepada rakyat. Tindakan kerajaan hanya diperlukan untuk mentakrifkan keperluan kesihatan minima yang harus berinsurans bagi mengelakkan insurans terkurang. Rakyat yang tidak mampu untuk membayar premium insurans akan menerima bantuan kewangan.²⁹ **Dengan itu, mereka mampu untuk bertindak bebas dalam pasaran.** Maka, pemilihan untuk melepaskan salah satu antara kebebasan individu atau penyelesaian pasaran sama sekali tidak diperlukan. Dalam aturan ini, rakyat masih boleh memilih insurans yang paling bersesuaian dengan kehendak mereka.

Ini bukanlah apa yang kini terjadi dalam insurans kesihatan awam Jerman. Ia melaksanakan insurans berkanun untuk sebahagian besar populasi; hanya 10 peratus rakyat yang boleh memilih untuk perlindungan penuh dalam insurans peribadi. Melalui insurans berkanun, kerajaan mengurangkan dengan banyak kebebasan rakyat untuk memilih tanpa sebab yang munasabah. Tiada kegagalan pasaran serius dalam sektor penjagaan kesihatan yang menghalang pembekalan insurans daripada pembekal-pembekal swasta.³⁰

Namun begitu, skim penjagaan kesihatan awam terkini seharusnya diwajibkan sebahagian besar masyarakat kerana ianya disusun sebagai sistem bayar sekali jalan yang memerlukan penyumbang yang mencukupi untuk menanggung perbelanjaan orang-orang tua.

3.2 Persaingan Dalam Pasaran Insurans Kesihatan³¹

Merit terhadap aturan kompetitif harus digunakan sebagai kelebihan kerana sumber yang tidak pernah cukup, terutamanya dalam sektor penjagaan kesihatan. Sebab inilah keteraturan harus dicapai untuk membenarkan persaingan untuk peruntukan penjagaan kesihatan yang cekap.

Prinsip kebijakan aktuari adalah asasi kepada insurans (kesihatan): Syarikat insurans membekalkan individu dengan insurans kepada keru-

28 Eekhoff *et al.* (2008), hlm. 75, Oberender/Zerth (2004), hlm. 114.

29 Zimmermann (2007), hlm. 158.

30 Contohnya maklumat yang tidak simetri dan isu mudarat moral yang terhasil boleh dihadkan dengan pemetongan.

31 Bahagian umumnya bersandarkan Eekhoff *et al.* (2008), hlm. 80 *et seq.* dan hlm. 105 *et seq.*

gian kewangan disebabkan penyakit dan sebaliknya menuntut premium untuk menyamakan kedua-duanya.

Persaingan hanya boleh dicapai dengan berpegang kepada prinsip ini. Sekiranya syarikat insurans tidak boleh menuntut premium yang sama risikonya, mereka mempunyai insentif untuk memasuki persaingan untuk risiko yang bagus, iaitu dengan, jangkaan nilai premium terkini individu melebihi jangkaan nilai terkini perbelanjaan.

Premium sama-risiko bersangkutan dengan purata risiko kohort apabila diinsurans sejak lahir kerana perbezaan risiko tidak diketahui pada ketika ini (ujian genetik dicegah). Dengan peruntukan berdasarkan umur dan pengindividualisasinya dengan mengadaptasi kepada umur dan penyakit penerima insurans, premium akan lancar sepanjang hayat dan peningkatan (sebenar) premium dapat dicegah. Dengan premium yang diberi, penerima insurans yang berpenyakit atau berisiko lebih tinggi harus dibekalkan dengan peruntukan berdasarkan umur yang lebih tinggi daripada individu yang sihat. Oleh yang demikian, tiada insentif syarikat insurans untuk memilih hanya yang muda dan sihat sahaja dan menolak mereka yang lebih tua atau yang berpenyakit. Oleh itu, pengiraan sama-risiko tidak mengenakan premium yang lebih tinggi untuk mereka yang berpenyakit dan yang tua.

Penukaran syarikat insurans adalah tidak mustahil dengan pemindahan peruntukan berdasarkan umur individu.³² Peruntukan berdasarkan umur akan memastikan bahawa mereka yang berpenyakit boleh mengubah syarikat insurans tanpa mengalami kerugian kerana peruntukan berdasarkan umur berfungsi untuk menyamakan risiko kos untuk insurans yang baru. Kebarangkalian untuk menukar syarikat insurans membawa kepada persaingan atas merit dan kecekapan, kerana ia membentuk insentif kepada syarikat untuk membekalkan kepada semua penerima dengan peruntukan penjagaan kesihatan yang terbaik.

Di dalam skim keselamatan sosial terkini, persaingan kebanyakannya terkekang akibat kelebihan matlamat pengagihan, supaya “prinsip kebijakan aktuari digadaikan demi memberi laluan kepada prinsip solidariti³³ [...]”. Pelanggaran terhadap prinsip kebijakan aktuari membawa ke-

32 Tanpa kemajuan dalam teknologi perubatan dan tanpa perubahan dalam harga relatif, syarikat insurans akan membuat pengiraan dengan premium yang tetap sepanjang hayat. Ketika muda, premium adalah lebih tinggi daripada perbelanjaan untuk penerima insurans. Maka, peruntukan berdasarkan umur dikumpulkan bagi membiayai perbelanjaan yang lebih tinggi ketika penerima insurans meningkat tua.

33 Solidariti adalah penerimaan bersama terhadap tanggungjawab kepada masyarakat (Thuy (1999), hlm. 29. Diterjemah oleh penulis sendiri).

pada sistem yang sangat tidak cekap. Ketidakecekapan ini diterima umum kerana khalayak umum berpendapat bahawa insurans kesihatan seharusnya dibiayai dengan “cara solidariti”. Dalam insurans berkanun Jerman, kaedah kewangan bermatlamat ini akan dinaikkan mengikut kemampuan untuk membayar insuransnya. Kebolehan untuk membayar ini dikira melalui pendapatan gaji (pengagihan berdasarkan pendapatan).

Pengagihan berdasarkan pendapatan menghalang persaingan yang efisien dalam sektor insurans kesihatan. Caruman berdasarkan pendapatan gaji hanya secara kebetulan bersamaan dengan risiko penerima insurans dan seterusnya mengakibatkan perbelanjaan sebegitu. Tanpa persamaan antara premium/caruman dan keuntungan insurans, insurans dianggap bernilai rendah, maka memberi risiko yang tinggi kepada individu. Oleh itu, penerima mempunyai insentif untuk menarik penerima yang jangkaan premium mereka melebihi jangkaan perbelanjaan. Perkara ini menjurus kepada kerugian sumber yang besar kerana syarikat insurans tidak berusaha untuk membekalkan insurans dengan efisien tetapi untuk mencari mekanisme untuk mengelakkan individu-individu berisiko tinggi. Kehilangan isyarat harga juga menghalang persaingan yang cekap.

Kerajaan cuba untuk mengatasi masalah penipuan dan ketiadaan persaingan ini dengan mewajibkan kontrak untuk syarikat insurans dan skim penyesuaian-risiko (berorientasikan morbiditi). Ini meletakkan syarikat insurans dengan sejumlah bayaran total (*lump-sum*) dan surcay atau penguangan yang bergantung kepada morbiditi, umur, jantina dan juga kecacatan penerima insurans. Selain daripada kos pentadbiran, skim penyesuaian-risiko ini mendatangkan insentif kepada syarikat insurans untuk mengisytihar status kesihatan penerima insurans lebih teruk daripada yang sebenarnya supaya boleh mendapatkan surcay yang lebih tinggi.³⁴ Syarikat insurans juga boleh mengelakkan kewajipan kepada kontrak tersebut dengan menumpukan aktiviti pemasaran mereka kepada golongan muda atau dengan melengahkan permohonan keahlian insurans kesihatan daripada mereka yang tua.³⁵

Ini menunjukkan masalah asas yang dihadapi oleh “pasaran” yang ditadbir. Sejurus fungsi isyarat harga dilemahkan atau dihapuskan oleh harga “solidariti”, akan wujud reaksi elak-mengelak daripada pembekal dan permintaan. Syarikat insurans akan cuba untuk menarik mereka yang mampu bayar, sementara penerima insurans akan cuba untuk menerima sebanyak mungkin faedah daripada sistem tersebut. Kedua-dua reaksi ini

34 Jankowski/Zimmermann (2003), hlm. 11, Eekhoff *et al.* (2008), hlm. 43.

35 Eekhoff *et al.* (2008) hlm. 36.

membawa kepada peruntukan yang salah dan pembaziran sumber. Margin pengagihan semula mengecut, akibat peruntukan yang tidak efisien kepada sektor kesihatan yang sepatutnya boleh digunakan untuk tujuan lain.

3.3 Pasaran Insurans dan Dasar Sosial

Kelebihan persaingan juga boleh diperoleh daripada sektor penjagaan kesihatan tanpa menggadaikan pengagihan semula kepada mereka yang memerlukan yang diterima umum. Pengagihan semula dilaksanakan di luar pasaran dengan memberi bantuan kewangan kepada mereka yang tidak mampu untuk menanggung premium insurans mereka.

Pengagihan semula adalah berdasarkan kemampuan untuk membayar, yang mana adalah langkah yang paling efektif di dalam sistem cukai pindahan. Sistem cukai pindahan merangkumi semua sumber pendapatan berdasarkan cukai tanpa penilaian had penyumbangan tertinggi.³⁶

Pengagihan semula dalam insurans kesihatan berkanun di Jerman bukan hanya penghalang kepada persaingan. Disebabkan caruman yang diperoleh daripada perlaksanaan cukai ke atas gaji, pengagihan semula yang terhasil adalah tidak sistematik dan tidak berdasarkan keperluan yang sepatutnya. Pendokong caruman daripada cukai ke atas gaji ini yakin bahawa ia menggambarkan solidariti mereka yang kaya bersama yang miskin. Mungkin ini benar pada satu ketika dulu: Dengan pengenalan insurans kesihatan berkanun pada abad ke-19, pendapatan gaji adalah penunjuk yang sesuai untuk kemampuan untuk membayar rakyat. Tetapi kini, kemampuan untuk membayar tidak sekadar tertakrif dengan pendapatan gaji kerana wujud sumber kekayaan yang lain, seperti pendapatan pemodal yang terabai. Disebabkan ini mereka yang mempunyai pendapatan yang rendah daripada gaji, tetapi kaya dengan aset boleh dianggap sebagai rakyat yang memerlukan dalam insurans kesihatan berkanun Jerman. Dengan itu, secara automatik, caruman mereka adalah lebih sedikit daripada mereka yang bergaji tinggi tetapi tiada aset, walau-

36 Pendokong skim insurans kesihatan untuk semua rakyat juga menyokong kemasukan semua sumber pendapatan sebagai asas caruman. Insurans kesihatan untuk semua rakyat adalah insurans berkanun untuk semua populasi, caruman diperoleh melalui cukai kepada semua sumber pendapatan. Selain kesukaran yang timbul untuk melibatkan sewa (rumah) (pendapatan negatif yang mungkin), kos pentadbiran juga harus diambil kira: Proses untuk mengenalpasti kemampuan untuk membayar dan ujian-ujian perlu dijalankan dalam kedua-dua insurans kesihatan dan sistem cukai pindahan untuk semua rakyat (rujuk Eekhoff et al. (2008), hlm. 68 *et seq.*).

pun kedua-duanya mungkin mempunyai jumlah pendapatan yang sama.³⁷ Tambahan pula, terdapat penilaian had caruman tertinggi, iaitu, caruman yang hanya diperoleh pada cukai yang dikenakan pada pendapatan berjumlah tertentu. Oleh yang demikian, individu boleh memilih untuk sistem insurans kesihatan berkanun (termasuk insurans penjagaan jangka panjang) apabila memperoleh lebih daripada jumlah yang ditakrifkan setahun. Jumlah ini ditetapkan oleh kerajaan Jerman mengikut tahun dan menetapkan sebanyak 49,950 Euro pada tahun 2010.³⁸ Akibatnya, sebahagian daripada masyarakat dapat mengelakkan solidariti, dan mereka yang sangat memerlukan dikecualikan daripada mekanisme pengagihan semula dalam insurans kesihatan berkanun: caruman ini hakikatnya dibayar oleh pembayar cukai.³⁹

Dengan bentuk ciptaan terkini insurans kesihatan berkanun, persaingan yang mampu terhasil daripada mekanisme pasaran ditekan bagi memberi laluan kepada aspek sosial yang diperkatakan. Seperti yang ditunjukkan dalam bahagian sebelumnya, pengagihan semula yang tidak berjustifikasi diterima walaupun dengan kerugian yang serius yang terhasil daripada perancangan pasaran yang dirigis.⁴⁰ Tambahan pula, sistem yang sedia ada mudah dipengaruhi oleh perubahan demografi dan mudah untuk mengalami peningkatan kos disebabkan daripada perkembangan dan kemajuan teknologi perubatan. Peningkatan kos ini adalah tidak kritikal secara ekonominya sekiranya diubah sedikit insurans dan kesediaan untuk membayar masing-masing. Masalah timbul apabila peningkatan kos dikesan daripada sistem insurans kesihatan yang tidak sistematik dan tidak bersesuaian.

37 Knappe/Arnold (2002), hlm. 11.

38 http://www.bundesregierung.de/nn_1272/Content/DE/Artikel/2009/10/2009-10-07-neue-rechengroesse-in-der-sozialversicherung-fuer-2010.html. Nilai ambang untuk tidak memilih adalah lebih tinggi daripada had caruman tertinggi, yang ditetapkan sebanyak 45,000 Euro daripada pendapatan tahunan bagi tahun 2010. Sekiranya seseorang berkeputusan untuk tidak memilih, ia agak mustahil untuk individu ini kembali kepada sistem berkanun.

39 Eekhoff *et al.* (2008), hlm. 45 *et seq.*

40 Selain pengagihan semula hasil, langkah pengagihan lanjut dilaksanakan dalam insurans kesihatan, seperti insurans kanak-kanak dan pasangan tanpa caruman. Langkah ini juga dilaksanakan atas sebab solidariti yang diperkatakan. Namun, layanan yang tidak sama terhadap mereka yang bujang atau berkahwin atau mereka yang bekerja di sektor lain dalam satu keluarga adalah langsung tidak solidari, lagi-lagi kerana mereka yang betul-betul memerlukan terabai daripada "solidariti" ini. Sila rujuk Zimmermann (2007) untuk siasatan mendalam terhadap pengagihan semula yang tidak sistematik.

Ia mustahak untuk mula mengenalpasti semua potensi rasionalisasi dalam sektor penjagaan kesihatan, bukan hanya untuk sebab-sebab ekonomi tetapi juga untuk sebab-sebab etika. Sebab inilah kuasa pasaran harus diperkuatkan. Ia penting untuk menekankan bahawa perkara ini tidak menghalang pengagihan semula yang diterima ramai secara am.

4. PENUTUP

Ekonomi Pasaran Sosial memerlukan sistem keselamatan sosial yang bersesuaian. Dalam langkah pertama, kami telah membentangkan prinsip-prinsip Ekonomi Pasaran Sosial yang relevan untuk menunjukkan pendekatan yang bersesuaian untuk sistem insurans kesihatan. Pemerolehan hasil melalui kelebihan daripada persaingan di dalam sektor penjagaan kesihatan tidak bermaksud mengecualikan mereka yang memerlukan dalam insurans kesihatan. Kritik kami terhadap Insurans Kesihatan Berkanun di Jerman bukan sekadar bersandarkan pengagihan semula, tetapi kepada penyepaduan yang tidak sistematik di dalam sistem penjagaan kesihatan, sekaligus melemahkan persaingan yang efisien.

Skim penyesuaian-risiko berorientasikan morbiditi cuba untuk menggabungkan persaingan dan pengagihan semula. Namun, matlamat untuk membekalkan setiap rakyat dengan penjagaan kesihatan yang efisien tidak mampu tercapai. Tetapi, ia lebih menghasilkan insentif kepada syarikat insurans untuk mendapat keuntungan yang tidak dapat terhasil melalui peruntukan penjagaan kesihatan yang efisien.

Insurans kesihatan yang direka secara sistematik mampu untuk menawarkan kedua-dua “barangan”, keselamatan dan kesihatan, tanpa membazirkan sumber terkekang. Kelompok memerlukan yang tidak mampu untuk membeli “keselamatan” ini dalam pasaran akan dibantu oleh masyarakat di luar sistem insurans kesihatan.

Ini bermakna tindakan kerajaan harus bersikap saling melengkapi kepada sistem pasaran. Prinsip asas ekonomi pasaran tidak hanya memisahkan tindakan kerajaan daripada ruang pasaran, iaitu pasaran untuk insurans kesihatan, tetapi ia dengan serentak mengabsahkan bantuan pembekalan awam dan sokongan yang tepat kepada mereka yang memerlukan.

Tuntutan untuk keselamatan meningkat semasa krisis. Walaupun begitu, dengan isi-isi yang diberikan, keselamatan ini hanya boleh dijamin pada khalayak awam dengan menggadaikan kebebasan rakyat. Peraturan

dan prosedur yang adil tidak dapat menjamin keselamatan ekonomi yang komprehensif, tetapi dapat menjamin layanan secara sama rata dan mampu untuk bertindak dalam bukan dalam keadaan arbitrari.

Kami menjangkakan penerimaan terhadap Ekonomi Pasaran Sosial untuk meningkat apabila prinsip-prinsip asas ini tidak hanya dipatuhi dalam wacana teoritikal, tetapi dilaksana dalam proses politik harian.

Penulis berterima kasih kepada Oliver Arentz dan Vera Bünnagel untuk komentar-komentar yang berharga.

RUJUKAN

- Eekhoff, Johann et al. (2008): *Bürgerprivatversicherung – Tübingen.*
- Eucken, Walter (2004): *Grundsätze der Wirtschaftspolitik, disunting oleh Edith Eucken/K. Paul Hensel (UTB 1572) – Tübingen.*
- Gäfgen, Gérard (1989): *Gesundheit, Gerechtigkeit und Gleichheit. Distributive Aspekte der Gesundheitsforschung, dalam: Verteilungsziele und Verteilungswirkungen in Gesundheitswesen, disunting oleh Gérard Gäfgen/Peter Oberender (Gesundheitsökonomische Beiträge, vol. 6) – Baden-Baden, blm. 11-46.*
 - Hayek, Friedrich A. von (1969): *Freiburger Studien (Wirtschaftswissenschaftliche und wirtschaftsrechtliche Untersuchungen, vol. 5) – Tübingen.*
 - Hayek, Friedrich A. von (2003): *Sicherheit und Freiheit, dalam: Hayek, Friedrich A. von: Der Weg zur Knechtschaft – München, blm. 156-172.*
 - Jankowski, Markus/Zimmermann, Anne (2003): *Wettbewerb ohne Risikoselektion auf dem deutschen Krankenversicherungsmarkt (Otto-Wolff-Institut Discussion Paper 3/2003) – Köln (http://www.otto-wolff-institut.de/Publikationen/DiskussionPapers/OWIWO-Disc_3-2003.pdf).*
 - Kirchgässner, Gebhard (1991): *Homo oeconomicus. Das ökonomische Modell individuellen Verhaltens und seine Anwendung in den Wirtschafts- und Sozialwissenschaften (Die Einheit der Gesellschaftswissenschaften, vol. 74) – Tübingen.*
 - Knappe, Eckhard / Arnold, Robert (2002): *Pauschalprämien in der Krankenversicherung. Ein Weg zu mehr Effizienz und mehr Gerechtigkeit, disunting oleh Vereinigung der Bayerischen Wirtschaft e. V. (<http://www.uni-trier.de/fileadmin/jb4/proff/VWL/SAM/veroeffentl/Pauschalpraemie-Knappe-Arnold.pdf>)*
 - Maitland, Ian (2002): *Priceless Goods. How Should Life-Saving Drugs Be Priced?, dalam: Business Ethics Quarterly, vol. 12(4), blm. 451-480.*
 - Milbradt, Georg (2005): *Erfordernisse und Grenzen staatlicher Risikoübernahme in der Marktwirtschaft, dalam: Perspektiven der Wirtschaftspolitik, vol.6(4), blm. 433-448.*
 - Oberender, Peter/Zerth, Jürgen (2004): *Ordnungsökonomische Konsequenzen einer flächendeckenden Versorgung im liberalisierten Gesundheitswesen. Notwendigkeit einer Regulierung?, dalam: Wettbewerb und Regulierung im Gesundheitswesen, disunting oleh Dieter Cassel (Gesundheitsökonomische Beiträge, vol. 44) – Baden-Baden, blm. 111-138.*
 - Roth, Steffen J. (2002): *Beschäftigungsorientierte Sozialpolitik. Gemeinnützige Beschäftigung als Brücke zwischen Sozialsystem und Arbeitsmarkt (Untersuchungen zur Wirtschaftspolitik, vol. 125) – Köln.*
 - Roth, Steffen J. (2007): *Würde, Einkommen und Arbeit in der Sozialen Marktwirtschaft (Position / Roman-Herzog-Institut, vol. 4) – München.*
 - Schlecht, Otto (1990): *Grundlagen und Perspektiven der Sozialen Marktwirtschaft (Wirtschaftswissenschaftliche und wirtschaftsrechtliche Untersuchungen, vol. 27) – Tübingen.*
 - Schulenburg, Matthias von der (1989): *Demografischer Wandel der Umverteilung via Gesetzliche Krankenversicherung, dalam: Verteilungsziele und Verteilungswirkungen im Gesundheitswesen, disunting oleh Gérard Gäfgen / Peter Oberender (Gesundheitsökonomische*

Beiträge, vol. 6) – Baden-Baden, blm. 73-92.

▪ *Thuy, Peter (1999): Sozialstaatsprinzip und Marktwirtschaft. Eine ordnungspolitische Analyse unter besonderer Berücksichtigung des grundgesetzlichen Sozialstaatspostulats und der sozialen Marktwirtschaft (Beiträge zur Wirtschaftspolitik, vol. 71) – Stuttgart et al.*

▪ *Vanberg, Viktor J. (2008): Wettbewerb und Regelordnung (Untersuchungen zur Ordnungstheorie und Ordnungspolitik, vol. 55) – Tübingen.*

▪ *Watrin, Christian (1985): Staatsaufgaben – die ökonomische sicht, dalam: Zeitschrift für Wirtschaftspolitik, vol. 34, blm. 131-159.*

▪ *Watrin, Christian (1980): Zur sozialen Dimension marktwirtschaftlicher Ordnungen, dalam: Zur Theorie marktwirtschaftlicher Ordnungen, disunting oleh Erich Streißler / Christian Watrin – Tübingen, blm. 476-501.*

▪ *Zeppernick, Ralf (1987): Zur Rolle des Staates in der Sozialen Marktwirtschaft – Tübingen, 1987.*

▪ *Zimmermann, Anne (2007): Umverteilung in der Gesetzlichen Krankenversicherung. Status quo und Perspektiven der Ausgestaltung (Untersuchungen zur Wirtschaftspolitik, vol. 132) – Köln.*

WAIN LAMA DALAM BOTOL BARU?¹

Cabaran-Cabaran Dasar Ekonomi Terhadap Ekonomi Pasaran Sosial Dalam Dunia Global

Bodo Herzog

1. ABSTRAK

Interaksi yang semakin bertambah antara ekonomi sebenar dan ekonomi kewangan – salah satu ciri utama globalisasi perdagangan dan kewangan – semakin membimbangkan semenjak akibat krisis kewangan pada tahun 2007 dan 2008. Makalah ini menganalisis pengajaran-pengajaran dan cabaran-cabaran model unik Jerman: iaitu “Ekonomi Pasaran Sosial”. Semakin banyak negara yang menyedari bahawa Jerman memiliki satu alternatif ekonomi yang menarik dengan jelas mengimbangi antara idea pasaran yang bebas dan kompetitif, dengan sistem sosial dan keadilan. Potensi kelebihan-kelebihan ini digambarkan melalui pertumbuhan pencapaian bersejarah selepas Perang Dunia Kedua dan dasar pekerjaan semasa yang bebas dari kadar peningkatan pengangguran walaupun mengalami kemelesetan. Untuk mencapai matlamat utama dalam Ekonomi Pasaran Sosial, ia memerlukan kerajaan yang kuat dan kerangka ekonomi yang jelas termasuk skim hak pemilikan. Walaubagaimanapun, globalisasi menyekat keberkesanan domestik dasar nasional ini dan oleh itu kesan-kesan positif daripada keputusan kerajaan dalam Ekonomi Pasaran Sosial ini tidak dapat dijayakan. Di samping itu, wujud lebih banyak persaingan dalam dunia global, walaupun antara sistem ekonomi yang berbeza. Bagi mengurangkan jurang antara model lama Jerman dan cabaran-cabaran daripada globalisasi, kami telah membina beberapa tambahan yang perlu. Secara khusus, kami mempertimbangkan model disebut sebagai model kemapanan tiga elemen, merangkumi ekonomi, ekologi dan demografi. Tiga serangkai ini merangkumi sepenuhnya idea bersejarah Ekonomi Pasaran Sosial dan bersesuaian dengan keperluan

¹ ‘Old Wine in New Skins?’ merujuk kepada kata ibarat - wain baru ke dalam botol lama (New Wine in Old Wineskins) dalam Perjanjian Baharu.

globalisasi. Akhirnya, makalah ini menganalisis kawasan konflik semasa, dan membina garis panduan untuk cabaran-cabaran yang mendatang daripada dunia globalisasi.

2. PENGENALAN

Akhir-akhir ini dan sejak tercetusnya krisis kewangan, kebimbangan mengenai aspek negatif globalisasi meningkat khususnya berkenaan globalisasi kewangan. Kepercayaan bahawa perdagangan bebas dan pasaran bebas hanya menguntungkan negara-negara dan mereka-mereka yang kaya adalah diperbincangkan di serata dunia. Krisis semasa ini menunjukkan bagaimana pasaran modal yang tidak terjangka dan pasaran antara bank yang beku menjejaskan prestasi pertumbuhan ekonomi negara dan juga kesejahteraan rakyat. Gerakan ‘anti-globalisasi’ menyerlahkan kos krisis sosial, kehilangan kawalan tempatan terhadap instrumen dasar ekonomi dan pembangunan, dan kehilangan pekerjaan-pekerjaan. Mereka juga mengkritik kerajaan kerana bergerak terlalu lembap dalam menangani isu ini. Dengan krisis kewangan semasa ini, kemungkinan kita akan berpendapat bahawa sebahagian daripadanya adalah benar.²

Walaupun bagaimanapun, dalam tahun-tahun akhir ini, kedua-dua pihak mula menyedari bahawa perdebatan sepatutnya berpusat pada bagaimana cara terbaik untuk menguruskan proses globalisasi – di peringkat kebangsaan dan antarabangsa – supaya manfaatnya dapat dikongsi luas dan memastikan kosnya kekal minima. Tiada penafian untuk cabaran mendatang ini, dan usaha penyepaduan dan penyelarasan ekonomi dunia yang lebih besar diperlukan. Lebih-lebih lagi, tawaran masa depan yang lebih cerah untuk semua, yang berkemungkinan menyediakan haluan yang pasti menuju kepada keselamatan global dan keamanan dunia yang lebih baik. Pemahaman ini harus meraih sokongan bagi kerja yang diperlukan untuk menghadapi saki-baki cabaran globalisasi yang ada, memandangkan ia diperlukan untuk pembangunan akan datang dan penyebaran Ekonomi Pasaran Sosial.

Teori ekonomi rapi yang diwakili oleh model perdagangan Heckscher-Ohlin atau Stolper-Samuelson menyarankan bahawa persepaduan menyeluruh ekonomi dunia dapat menawarkan skop terbesar untuk memaksimumkan kebajikan manusia. Namun, kenyataan ini adalah didasarkan pada satu andaian yang kuat. Dalam dunia nyata, kita semua

² Herzog (2009a).

tahu bahawa masih terdapat banyak tembok penghalang dan kelemahan pasaran. Perkembangan terkini iaitu peningkatan ketidakseaman dan ketaktentuan menunjukkan bahawa kesan-kesan model ini hanyalah berada di sebelah muka syiling sahaja. Oleh kerana itu, rakyat menjadi terlalu skeptik dan kritikal terhadap proses globalisasi. Selain itu, rakyat juga bersikap sama terhadap Ekonomi Pasaran Sosial Jerman.

Dalam dekad yang lalu, terdapat satu penolakan dramatik terhadap Ekonomi Pasaran Sosial, walaupun dengan kejayaan bersejarah terdahulu dan kejayaan yang terkini: Proses pembangunan semula selepas Perang Dunia kedua dan pendekatan yang unik untuk jam kerja jangka pendek dalam kemelesetan baru-baru ini.

Makalah ini seterusnya disusun mengikut turutan berikut. Bahagian seterusnya membandingkan proses sejarah dan proses terkini globalisasi perdagangan dan proses untuk mengenal pasti kekuatan yang mendorongnya. Bahagian 3, menganalisis impak daripada globalisasi kewangan dan cabaran-cabaran kestabilan pasaran kewangan, iaitu kelemahan dalam krisis kewangan semasa ini. Dalam bahagian 4, kami membuat kesimpulan dasar untuk mengatasi masalah yang sangat besar – khususnya – globalisasi kewangan. Namun, cabaran dan masalah masa kini timbul daripada hakikat bahawa ketaksamaan hasil pendapatan dan kestabilan kewangan adalah isu-isu dasar yang lebih antarabangsa berbanding hanya isu domestik. Justeru, kami berpendapat untuk melanjutkan model Ekonomi Pasaran Sosial menjadi model yang berdimensi antarabangsa. Bahagian yang terakhir, iaitu bahagian 5, menyimpulkan isi-isu utama makalah ini.

3. PENGALAMAN GLOBALISASI DARI PERSPEKTIF SEJARAH

Banyak maklumat yang boleh diperolehi dengan memulakan dan membandingkan zaman globalisasi pasca 1950-an dengan globalisasi kuat yang berlaku sebelum ini pada akhir abad ke-19 hingga awal abad ke-20, kerana kedua-duanya adalah zaman di mana menghasilkan output pertumbuhan terkuat yang bertahan dalam sejarah dunia. Perjalanan abad tersebut juga menunjukkan pertumbuhan drastik khususnya dalam perdagangan dunia. Sumbangan eksport dalam output dunia mencapai kemuncaknya pada tahun 1913 yang tidak berjaya diatasi pada tahun 1970. Pertumbuhan dalam perdagangan sebahagiannya berlaku kerana penurunan kadar tarif, tetapi yang lebih penting adalah kerana kejatuhan

mendadak transaksi, kos pengangkutan dan proses teknologi dalam tempoh ini (Jadual 1).

Jadual 1: Perbandingan Kos Pengangkutan/Komunikasi, 1920-1990 dan 1960-2000.

Tahun	Pengangkutan Laut	Kos telefon selama 3 minit di AS \$ (New York ke London)
1920	100,00	
1930	65,00	
1940	67,00	
1950	38,00	
1960	28,00	60,42
1970	29,00	41,61
1980	25,00	6,32
1990	30,00	4,37
2000		0,40

Sumber: Baldwin dan Martin (1999)

Dalam 50 tahun sebelum Perang Dunia Pertama, terdapat aliran modal yang besar daripada Eropah Barat kepada negara-negara yang sedang pesat membangun. Di kemuncaknya, aliran modal dari Britain mencecah sembilan peratus daripada KNK, dan hampir sama tinggi dengan Perancis, Jerman, dan Belanda. Negara-negara pengimport modal, seperti Kanada, mempunyai defisit akaun yang mencecah 10 peratus daripada KDNK. Tahap aliran modal bersih ini lebih disenangi kerana dunia adalah pada Piawai Emas (Gold Standard) yang memastikan kebolehtukaran dan kadar pertukaran yang stabil. Selain itu, penghijrahan juga amat besar ketika ini dan setara hingga lima ke tujuh peratus daripada populasi beberapa negara Eropah menghasilkan emigran, empat hingga ke sembilan peratus ke Amerika Syarikat, dan jumlah peratusan yang lebih tinggi untuk negara-negara “dunia baru” yang menerima pendatang.³

³ Cf. Baldwin / Martin (1999).

Di penghujung abad ke-19 hingga awal abad ke-20 zaman globalisasi berakhir segera dengan tercetusnya Perang Dunia Pertama. Kemudian, usaha yang gagal untuk menghidupkan Piawai Emas, dan permulaan kepada kemelesetan agong hampir menghentikan globalisasi. Kerajaan-kerajaan menyalah anggap bahawa mereka mungkin boleh melindungi rakyat sendiri daripada ekonomi merudum negara lain dengan meningkatkan tarif dan menyekat import. Malangnya, ini hanya menambah buruk kemelesetan global dan mendorong kepada penurunan dramatik dalam perdagangan, output yang menjunam, dan pengangguran yang meluas. Selepas tahun globalisasi dan kemakmuran 1950-an, khususnya, negara-negara yang hancur seperti Jerman adalah akibat daripada merendahkan tembok penghalang perdagangan dan arus modal yang didirikan pada tahun 1930-an, serta penurunan berterusan dalam kos pengangkutan dan, terutamanya baru-baru ini, kos komunikasi akibat daripada revolusi Teknologi Maklumat.

Globalisasi masa kini kurang disebut-sebut dalam beberapa hal berbanding globalisasi zaman sebelum Perang Dunia Pertama; dengan mengecualikan lonjakan dan ledakan kewangan tahun-tahun sebelum ini. Sementara sifat semulajadi inovasi teknologi yang membentuk zaman ini (seperti komputer, internet dan komunikasi bergerak) tidak diragukan keunikannya, zaman yang lebih awal juga dibentuk dengan penemuan-penemuan utama (kapal wap, keretapi, dan telefon) yang mengurangkan kos komunikasi dan pengangkutan. Di ketika itupun perubahan teknologi merupakan pengaruh kuat yang meningkatkan saling kebergantungan antara negara-negara, lalu menjadi pemangkin kepada globalisasi.⁴ Sebaliknya, globalisasi, dalam bentuk penyebaran maklumat serata dunia, telah membenarkan sejumlah orang yang jauh lebih ramai untuk turut berkongsi manfaat daripada inovasi-inovasi berikut.

Jelasnya, pertumbuhan sebenar Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) antara tahun 1950 dan 1970 mewujudkan keperluan untuk berkongsi manfaat globalisasi bersama rakyat: Hanya dengan pertumbuhan ini mereka yang miskin mampu untuk menjauhkan diri daripada kemiskinan. Bukti rentas negara menunjukkan bahawa hasil pendapatan 20 peratus daripada mereka yang termiskin meningkat secara kasar selari dengan purata hasil pendapatan per kapita: Pertumbuhan adalah baik untuk pekerjaan dan masyarakat miskin.⁵ Ia terbukti kukuh bahawa keterbukaan dalam perdagangan barangan antarabangsa adalah

4 Cf. Imbs (2006).

5 Cf. Dollar / Kraay (2001), Matusz / Tarr (1999).

kunci utama untuk pertumbuhan yang lebih drastik dan kekayaan dunia.⁶ Namun, ia merupakan tanggapan salah yang besar untuk mempercayai bahawa keterbukaan dalam perdagangan kewangan dan pasaran kewangan yang bebas – dengan kata lain ialah globalisasi kewangan – mempunyai kesan-kesan positif yang sama seperti globalisasi perdagangan.⁷ Tidak menghairankan, kajian ekonomi yang terbaru dan pengalaman terbaru daripada gelembung kewangan dan krisis kewangan mengajar kita yang sebaliknya.

4. GLOBALISASI KEWANGAN DAN KESTABILAN KEWANGAN

Globalisasi kewangan hanyalah salah satu dimensi daripada proses globalisasi yang rumit. Tidak diragui, proses ini telah mengubah lanskap ekonomi dunia dalam beberapa dekad akhir ini. Dan bukan hanya lanskap ekonomi, perubahan utama yang dibawa oleh globalisasi kewangan adalah trend menjurus kepada aliran kewangan dan pembayaran rentas sempadan yang intensif, menjurus kepada risiko bersama yang lebih besar dalam aktiviti rentas sempadan melalui aturan instrumen kewangan yang lebih luas, menjurus kepada peningkatan sumbangan daripada aset syarikat-syarikat rentas sempadan dan peningkatan profil antarabangsa pasaran kewangan, pemain pasaran dan institusi-institusi.⁸ Perkembangan dalam sistem kewangan global ini adalah, hingga satu ketika, punca kepada krisis semasa kerana kurangnya peraturan dan seliaan. Dalam hal ini, kita sekarang akan ditimpa “gelombang kedua” globalisasi kewangan - mudah-mudahan cabaran ini dapat dihadapi dengan keadaan yang lebih kukuh dan dengan kerangka yang tersemat dalam Ekonomi Pasaran Sosial.

Penyebab utama proses ini yang diketahui luas adalah kemajuan teknologi dalam penghantaran maklumat, penurunan kos komunikasi dan pergerakan inovasi kewangan yang bertambah laju – yang dinamakan sebagai ABS CDO, MBS CDO, CDS dan sebagainya.⁹ Perkembangan ini menyebabkan perubahan secara beransur-ansur daripada sistem yang didominasi kerajaan kepada sistem yang didominasi pasaran. Pembiayaan berasaskan pasaran telah menjadi peralatan piawai dan lalu perniagaan

6 Cf. Srinivasan/ Bhagwati (1999), Lindert / Williamson (2001).

7 Cf. Rogoff et al. (2006).

8 Cf. Lane / Milesi-Ferretti (2001).

9 Cf. Gordon (2008) dan Herzog (2008).

perbankan yang utama telah memaksa mereka untuk mencari peluang lain tidak kira di tempat sendiri dan negara lain.¹⁰

Tidak dinafikan terdapat juga beberapa kesan positif. Misalnya, Pelaburan Langsung Asing (FDI) menerima manfaat yang jelas untuk negara-negara tuan rumah kerana sering dikaitkan dengan pemindahan teknologi serta pembiayaan, dan ia cenderung untuk lebih stabil daripada aliran negara-negara lain. Krisis baru-baru ini telah menunjukkan keperluan untuk memberikan insentif bersesuaian kepada modal untuk tinggal di suatu negara dan tidak lari apabila timbul tanda awal permasalahan. Umumnya negara-negara dengan akaun modal terbuka cenderung untuk tumbuh dengan lebih cepat. Pada tahun 1980-an dan 1990-an beberapa makalah¹¹ mendapati bahawa keterbukaan kewangan - iaitu bukan pasaran kewangan tanpa peraturan yang sesuai dan pengawasan terhadap institusi dan pasaran kewangan – memberi signifikansi lebih terhadap kestabilan, keberkesanan, persaingan dan memperbaiki kepelbagaian risiko domestik dan merendahkan mudarat moral.¹² Walaupun dengan beberapa kesan positif ini, krisis semasa sekarang masih lagi menggambarkan sesuatu negatif yang besar.

Keseimbangan kos dan risiko tidak disertai dengan pengawasan atau peraturan yang kerap. Oleh kerana itu, keseimbangan itu menjadi tidak seimbang dan meningkatkan risiko untuk ketidakstabilan kewangan. Terdapat kekurangan muktamad dalam pembangunan institusi, kekurangan kawalan dan tiada peraturan bersesuaian untuk beberapa inovasi kewangan. Ketidakstabilan kewangan menunjukkan bahawa akibat daripada beberapa kejutan, pasaran kewangan tidak dapat untuk benar-benar berfungsi mengikut piawaian, iaitu perantara yang berkesan antara pemiutang dan penghutang, penyebaran risiko dan peruntukan sumber yang cekap dari masa ke masa.

4.1. Tindak balas dasar: Bagaimana untuk mengekalkan kestabilan kewangan?

Permasalahan utama untuk mengatasi impak globalisasi kewangan terhadap kestabilan kewangan yang tidak dapat berkembang dengan baik dalam beberapa dekad terakhir ini adalah:

10 Cf. Sachverständigenrat zur Begutachtung der gesamtwirtschaftlichen Entwicklung (2007/2008).

11 Cf. WEO (2001).

12 Cf. Litan et al. (2001), Mishkin (2001).

- (A) Perubahan daripada regim kadar pertukaran ditambah tradisi Bretton Woods kepada nilai pertukaran yang anjal;
- (B) Masalah ketidakseimbangan global dan pembangunan besar-besaran mata wang rizab khususnya di negara-negara Asia;
- (C) Pelaksanaan sistem peraturan dan pengawalan meluas yang cermat serta satu badan pengawalan kewangan produk;
- (D) Turutan liberalisasi dan pembangunan institusi yang bersesuaian, satu isu yang penting bagi semua ahli-ahli ekonomi sebagaimana yang ditunjukkan oleh krisis semasa ini.

Setiap pendekatan ini mempunyai meritnya yang tersendiri, tetapi setiap satu juga punyai kelemahan tersendiri. Sumbangan-sumbangan ia kepada pemeliharaan kestabilan kewangan telah terbukti hanya separuh benar dan, dengan itu, pencarian untuk penyelesaian lanjut sememangnya tidak terelak. Dalam hal ini, satu isu seharusnya diperbincangkan: Patutkah dasar monetari juga menumpukan untuk kestabilan kewangan?

Matlamat akhir kestabilan harga dan kestabilan kewangan pada prinsip adalah untuk saling menguatkan. Data menunjukkan bahawa bank-bank pusat dan dasar-dasar monetarinya telah cukup berjaya dalam menghadapi inflasi dalam beberapa dekad ini. Persekitaran berinflasi rendah telah berjaya dipelihara dalam kebanyakan ekonomi nasional, termasuk ekonomi-ekonomi yang sedang mengalami peralihan dan pasaran-pasaran yang sedang membangun. Namun, kekerapan terjadinya ketidakseimbangan kewangan, aset dan gelembung harga rumah dan kewangan terbuka, krisis perbankan dan matawang telah membuktikan bahawa inflasi rendah tidak dapat menjamin kestabilan kewangan. Malah, beberapa krisis kewangan dan gelembung harga aset telah berkembang dalam persekitaran berinflasi rendah dan stabil. Contoh terbaik adalah ekonomi AS sendiri.

Perdebatan yang sedang berlangsung tentang apa peranan ketidakseimbangan kewangan dan aset harga yang harus dimainkan dalam penggubalan dasar monetari boleh dikategorikan kepada dua pendekatan yang bercanggahan. Berdasarkan pendekatan pertama, bank-bank pusat harus mempertimbangkan maklumat akaun daripada pergerakan aset harga dan ketidakseimbangan kewangan sekiranya selagi mana ia memberi impak kepada angka inflasi dan matlamat dasar monetari. Tetapi tampaknya ini menjadi subjek untuk sedikit pertikaian.

Pendekatan yang lain mencadangkan bahawa bank pusat harus bertindak balas kepada ketidakseimbangan kerana ia membina, walaupun pandangan-pandangan (jangka pendek) terhadap inflasi dan pertumbuhan tampaknya tidak terpengaruh dan kekal disenangi. Hujahnya adalah pertambahan ketidakseimbangan akan mendatangkan akibat buruk jika terus dibiarkan. Ini boleh menjadi kenyataan apabila semua ketidakseimbangan ini menyimpang terlalu jauh dan terbukti tidak selaras dengan asas-asas kita. Ubat kepada ketidakseimbangan ini mungkin agak tinggi kosnya untuk ekonomi sebenar sebagaimana yang ditunjukkan oleh krisis semasa ini.

Maka, banyak institusi-institusi ekonomi antarabangsa dan badan-badan penasihat terutamanya “German Council of Economic Expert” (untuk: *Sachverständigenrat zur Begutachtung der gesamtwirtschaftlichen Entwicklung*), sebuah institusi yang mendokong idea-idea Ekonomi Pasaran Sosial, menyarankan pelaksanaan sasaran kestabilan kewangan ke dalam “Strategi Dua Tiang” oleh Bank Pusat Eropah. Pendekatan yang disebut sebagai pendekatan dahuluan atau proaktif harus digunakan bukan sahaja untuk mengurangkan akibat daripada ketidakseimbangan kewangan, ia harus digunakan untuk mengurangkan ex-ante kebarangkalian ketidakseimbangan tersebut dan mengurangkan magnitud potensinya yang mempunyai kesan negatif. Walaupun terdapat beberapa percanggahan pendapat antara pakar-pakar, tetapi hinggakan Kumpulan Wang Antarabangsa (IMF) dan Bank of International Settlements (BIS) masih membincangkan idea ini sekarang.

Mengenai isu yang disenaraikan dari (A) ke (D) di atas, kita masih berbincang di peringkat nasional, peringkat Eropah dan peringkat antarabangsa - misalnya semasa perjumpaan G20 lepas. Krisis semasa dan krisis lepas menggambarkan perlunya institusi-institusi antarabangsa yang baru dalam bidang pasaran kewangan. Setiap pasaran memerlukan kerangka institusi yang sesuai – yang merupakan salah satu mesej utama Ekonomi Pasaran Sosial. Kerangka pengawalan dan institusi nasional dan antarabangsa kini adalah satu kelemahan struktur mutlak bagi dunia.

Menurut model Ekonomi Pasaran Sosial, setiap pasaran bebas dan kompetitif memerlukan peraturan-peraturan tertentu yang berfungsi selaras dengan prinsip-prinsipnya.¹³ Namun, disebabkan aspek antarabangsa pasaran kewangan kesemua penyelesaian dasar domestik adalah tidak mungkin dan dalam kebanyakan kes tidak sesuai. Model

13 Cf. Abelshauser (2009).

Jerman ini tidak menawarkan apa-apa jawapan kepada dinamik kewangan yang lepas. Soalan pokok kepada Ekonomi Pasaran Sosial versi lanjutan adalah: Siapa yang mengawal pasaran kewangan antarabangsa?

Pelaksanaan Ekonomi Pasaran Sosial pada peringkat antarabangsa akan dapat menyediakan alatan analisa yang mencukupi untuk mengesan kelemahan-kelemahan tersebut bersama-sama dengan penyelesaian munasabah yang bertepatan dengan saatnya. Oleh kerana itu, sebelum liberalisasi pasaran (kewangan) kita perlukan dasar makroekonomi yang sihat, penyeliaan yang berkesan dan institusi-institusi peraturan baru seperti pejabat kartel Jerman pada tahun 1950-an. Ini adalah pengajaran penting bagi para penggubal dasar tidak kira dalam negara ataupun negara lain.

Selain itu, liberalisasi sistem kewangan kelihatan “secara dasarnya *procyclic*” sebagaimana ditunjukkan oleh Borio¹⁴. Penyebaran kredit, harga aset, kadar dalaman bank dan peruntukan kerugian daripada pinjaman semuanya adalah *procyclic*. Dengan ini, peraturan-peraturan yang diterapkan juga terbukti *procyclic* secara semulajadi, yang menambah buruk perkembangan kitaran dalam ekonomi individu.¹⁵ Bagi memperbetulkan ini, tindak balas yang lebih sistematik untuk fasa pengembangan dan pengecutan daripada kitaran perniagaan telah dicari dalam merancang instrumen-instrumen peraturan cermat. Kemelut kewangan semasa ini menunjukkan kepentingan dan keperluan kerangka peraturan yang secara makro yang lebih menitikberatkan sistem kewangan secara keseluruhan, berbanding daripada lebih menitikberatkan keadaan institusi-institusi yang tertentu, sebagaimana yang berlaku sebelum ini.

Untuk membezakan penemuan ini dengan model Ekonomi Pasaran Sosial, kita dapati bahawa model Ekonomi Pasaran Sosial yang lama adalah tidak bersesuaian untuk sekarang. Dengan itu, kami berpendapat, bahawa kita perlukan satu lanjutan daripada Ekonomi Pasaran Sosial dalam dunia global ini. Kami mengenalpasti dua dimensi: Kekukuhan dan aspek-aspek antarabangsa. Dalam bahagian yang seterusnya, kami membangunkan Ekonomi Pasaran Sosial versi moden yang bersedia untuk mengatasi cabaran-cabaran globalisasi.

14 Cf. Borio et al. (2001).

15 Cf. Rochet (2004), Kahn/Santos (2005), Mitchell (2000), Boot/Greenbaum (1993).

5. CABARAN-CABARAN DASAR EKONOMI PASARAN SOSIAL DALAM MENDAMPINGI GLOBALISASI

Sementara globalisasi umumnya mendatangkan kebaikan, ia juga dikaitkan dengan masalah yang sememangnya telah menimbulkan kebimbangan.¹⁶ Selain isu-isu budaya, persekitaran, dan politik, yang tidak diperbincangkan di sini, dua bidang utama yang diberi perhatian adalah kedua-dua bidang penting dalam konsep Ekonomi Pasaran Sosial: Pertama, ketaksamaan baik di dalam negara mahupun luar negara dan yang kedua, kestabilan dan ketaktentuan dalam pasaran ekonomi dan kewangan. Terutamanya, setakat ini belum wujud ketaksamaan pengurangan hasil pendapatan global dalam beberapa tahun akhir ini. Ini terbukti dengan sejumlah perdebatan di Jerman, Amerika dan banyak negara-negara di seluruh dunia. Lagi-lagi, ketaktentuan telah meningkat secara dramatik baru-baru ini iaitu sejumlah besar krisis kewangan dan keruntuhan pasaran saham berlaku. Dalam kedua-dua bidang ini, terdapat banyak ruang untuk memperbaiki dasar kerajaan dan operasi institusi-institusi antarabangsa supaya dapat memperluaskan akses dan penerimaan terhadap globalisasi, dan khususnya penerimaan terhadap konsep Ekonomi Pasaran Sosial.


5.1. Ketaksamaan

Perdagangan dunia telah berkembang lima kali ganda dalam erti sebenar sejak tahun 1980, dan sumbangannya dalam Keluaran Dunia Kasar telah meningkat dari 36 peratus menjadi 55 peratus sepanjang tempoh ini (Rajah 1).

Penyepaduan perdagangan melonjak pada tahun 1990-an, seperti negara-negara Timur sebelum ini yang disepadukan ke dalam sistem perdagangan dunia dan sebagaimana negara-negara Asia membangun - salah satu rantau tertutup untuk perdagangan pada tahun 1980 - semakin progresif untuk membuka ruang dagangan. Namun, ianya luar biasa bahawa semua kumpulan pasaran yang baru muncul dan negara-negara membangun, apabila dikumpulkan mengikut kumpulan hasil pendapatan atau mengikut wilayah, dapat mengejar atau memecut negara-negara berpendapatan tinggi dalam keterbukaan perdagangan mereka, yang mencerminkan pertumpuan meluas sistem perdagangan negara-negara berpendapatan rendah dan pertengahan dengan menuju rejim perdagangan tradisional yang lebih terbuka daripada ekonomi-ekonomi maju.

16 Cf. Matthes *et al.* (2008).

Rajah 1: Globalisasi Perdagangan.



Sumber: WEO (2007)

Globalisasi kewangan juga telah berjalan lancar selama dua dekad sebelum ini. Jumlah aset kewangan rentas-sempadan telah berkembang lebih dua kali, daripada 58 peratus daripada Keluaran Dunia Kasar pada tahun 1990 kepada 131 peratus pada tahun 2004. Ekonomi-ekonomi maju terus menjadi kewangan paling bersepadu, tetapi wilayah-wilayah lain dunia telah menaikkan dengan progresif kedudukan aset rentas-sempadan dan liabiliti mereka (Rajah 2).

Namun, saiz *de jure* (menurut undang-undang) akaun modal keterbukaan menunjukkan gambaran yang agak berbeza, dengan ekonomi Asia yang baru berindustri (NIEs) dan ekonomi-ekonomi membangun menunjukkan bukti yang sedikit akan pertumpuan kepada pentadbiran akaun modal yang lebih terbuka dalam ekonomi-ekonomi maju, yang sekarang terus diliberalisasi. Bahagian FDI dalam jumlah liabiliti telah meningkat dengan ketara dalam semua pasaran negara-negara membangun - daripada 17 peratus jumlah liabiliti mereka pada


tahun 1990 menjadi 38 peratus pada tahun 2004 - dan jauh melangkaui sumbangan dalam portfolio liabiliti ekuiti, yang meningkat daripada dua peratus menjadi 11 peratus daripada jumlah keseluruhan liabiliti pada masa sama. Keperluan kerajaan meminjam yang berkurang juga adalah punca perubahan struktur liabiliti, dengan sumbangan hutang dalam jumlah liabiliti yang jatuh di semua pasaran yang sedang menaik dan wilayah-wilayah negara membangun. Tidak menghairankan, sumbangan rizab antarabangsa dalam aset rentas-sempadan juga telah meningkat, yang mencerminkan pengumpulan rizab di kalangan banyak pasaran sedang menaik dan negara-negara membangun pada tahun-tahun akhir ini.

Berdasarkan gerakan yang diperhatikan pekali Gini/koeffisien Gini (sukatan teringkas ketaksamaan yang paling kerap digunakan), ketaksamaan telah meningkat di semua kawasan kecuali kumpulan negara-negara berpendapatan rendah sepanjang dua dekad terdahulu, walaupun terdapat perbezaan-perbezaan penting wilayah dan negara (Rajah 3).

Saluran di mana globalisasi mempengaruhi ketaksamaan adalah kompleks. Tautan prinsip analisis antara liberalisasi perdagangan dan ketaksamaan hasil pendapatan dijelaskan oleh teori ekonomi yang diperoleh daripada teorem Stolper-Samuelson: Ia menunjukkan bahawa dalam dua negara berkerangka dua faktor, meningkatkan keterbukaan perdagangan dalam negara membangun di mana pekerja yang kurang mahir amat berlebihan lalu mengakibatkan peningkatan gaji pekerja yang kurang mahir dan pengurangan pampasan kepada pekerja mahir, yang akan mejurus kepada pengurangan ketaksamaan hasil pendapatan.¹⁷ Selepas tarif import dikurangkan, harga produk intensif berkemahiran tinggi (yang boleh diimport) menurun dan begitu juga pampasan pekerja-pekerja mahir yang terkekang, manakala harga barangan intensif kurang kemahiran (yang boleh dieksport) yang mana negara itu mengalami peningkatan relatif faktor-faktor yang berlebihan dan demikian juga pampasan untuk pekerja-pekerja kurang mahir. Bagi ekonomi maju yang mana faktor kemahiran tinggi yang relatifnya berlebihan, keadaan yang akan berlaku adalah sebaliknya, dengan peningkatan keterbukaan yang membawa kepada ketaksamaan yang lebih tinggi.


17 Stolper/Samuelson (1941).

Rajah 2: Globalisasi Kewangan



Sumber: WEO, 2007

Rajah 3: Ketaksamaan



Lanjutan yang penting untuk model asas ini yang melemahkan dikotomi antara ekonomi maju dan ekonomi membangun dalam kesan-kesan pengagihan adalah yang turut melibatkan barang dagangan yang “tidak bersaing”, iaitu barangan yang tidak dihasilkan dalam negara dan diimport hanya untuk hasilnya, misalnya, perbezaan yang sangat besar dalam pembiayaan seluruh negara. Pengurangan tarif akan mengurangkan harga barangan-barangan ini - justeru meningkatkan pendapatan isi rumah sebenar - tanpa mempengaruhi gaji dan harga-harga barangan perdagangan lain. Sekiranya barangan tidak bersaing ini adalah sebahagian besar daripada kumpulan pengambilan makanan bagi segmen masyarakat yang lebih miskin, penurunan tarif pada barangan tidak bersaing akan mengecilkkan ketaksamaan di negara itu. Secara umum, dalam kedua-dua ekonomi maju dan ekonomi membangun, jika tarif dikurangkan untuk barangan tidak bersaing yang tidak dihasilkan dalam negara tetapi kerap diambil khususnya oleh golongan miskin, ia akan menyebabkan ketaksamaan yang lebih rendah kepada kedua-dua ekonomi maju dan membangun. Implikasi dari teorem Stolper-Samuelson, khususnya kesan-kesan pembaikan liberalisasi perdagangan terhadap ketaksamaan hasil pendapatan di negara-negara membangun, umumnya belum lagi disahkan oleh kajian-kajian ekonomi seluruh dunia.

Satu cabaran yang khusus telah diperhatikan untuk menjelaskan peningkatan premium kemahiran antara pekerja mahir dan pekerja kurang mahir dalam kebanyakan negara-negara membangun. Ini mendorong kepada kepelbagaian dalam pendekatan alternatif, termasuk pengenalan (1) beberapa negara di mana negara-negara miskin boleh mengimport barangan intensif kurang mahir daripada negara miskin yang lain dan negara-negara kaya sama juga boleh mengimport barangan intensif mahir daripada negara-negara kaya yang lain; (2) sebuah kontinuum barangan, menandakan intensif kurang mahir bagaimana dalam ekonomi maju yang akan menjadi relatif kepada intensif mahir di negara-negara kurang membangun¹⁸; dan (3) perantara barangan import yang digunakan untuk produk intensif mahir. Namun, lanjutan ini telah membentangkan cabaran-cabaran tambahan untuk ujian empirik, dan tidak satupun antaranya yang telah dikembangkan secara konsisten.

Ini membawa kepada penjelasan kenaikan premium kemahiran berdasarkan kepada idea bahawa perubahan teknologi sememangnya adalah kemahiran yang berat sebelah, menyebabkan kepada pemerhatian

18 Cf. Feenstra / Hanson (1996).

peningkatan dalam ketaksamaan (termasuk di negara maju) menjadi kejutan teknologi yang eksogen (dari luar). Dengan itu, selain pembolehkan berkaitan perdagangan yang piawai, mana-mana anggaran empirik kesan keseluruhan globalisasi memerlukan penjelasan yang jelas terhadap perubahan teknologi di negara-negara. Satu lagi kelayakan tambahan yang penting terhadap implikasi yang diperoleh daripada teorem Stolper-Samuelson adalah tanggapannya bahawa tenaga kerja dan modal adalah bergerak (mobile) dalam negara tetapi tidak dalam antarabangsa. Sekiranya modal boleh bergerak-gerak merentasi sempadan, implikasi teorem ini menjadi lemah dengan mendadak. Saluran ini kelihatannya adalah bukti paling jelas untuk FDI, yang sering menuju kepada sektor-sektor berkemahiran tinggi dalam ekonomi tuan rumah. Tambah lagi, apa yang kelihatan seperti kemasukan FDI berkemahiran tinggi intensif untuk negara kurang membangun berkemungkinan kelihatan seperti keluaran FDI kurang berkemahiran intensif bagi ekonomi yang maju. Maka, peningkatan FDI daripada ekonomi maju kepada ekonomi membangun dapat meningkatkan permintaan relatif untuk tenaga pekerja mahir di kedua-dua negara, meningkatkan ketaksamaan baik kepada ekonomi maju mahupun ekonomi membangun.

Bukti empirik saluran-saluran ini telah mendatangkan sokongan yang berbeza-beza untuk pandangan ini, dengan impak FDI yang dilihat sebagai sama ada negatif, sekurang-kurangnya dalam jangka pendek, atau tidak konklusif. Selain FDI, terdapat juga saluran-saluran penting yang lain, yang mana aliran modal yang merentas sempadan, termasuk pinjaman bank rentas sempadan, hutang berportfolio, dan aliran ekuiti. Dalam konteks yang lebih luas ini, ada yang berpendapat bahawa liberalisasi akaun modal yang lebih besar akan dapat menambah akses sumber-sumber kewangan untuk masyarakat miskin, manakala yang lain pula mencadangkan bahawa dengan meningkatkan kebarangkalian untuk berlaku krisis kewangan, keterbukaan kewangan yang lebih besar mungkin akan melukakan golongan miskin dengan tidak adil. Beberapa kajian terbaru telah mendapati bahawa kekuatan institusi-institusi memainkan peranan penting: Dalam konteks institusi yang kuat, globalisasi kewangan dapat membenarkan pengambilan yang lebih baik dan ketaktentuan yang lebih rendah untuk masyarakat miskin, tetapi apabila institusi-institusi ini lemah, akses kewangan menjadi berat sebelah kepada mereka yang berpendapatan dan mempunyai aset lebih tinggi dan peningkatan kewangan yang berpunca daripada cungkulan

global daripada hanya simpanan domestik yang akan lebih menambah burukkan ketaksamaan.¹⁹

Dengan itu, komposisi aliran kewangan mungkin signifikan, dan impak bersihnya mungkin juga boleh dipengaruhi oleh faktor-faktor lain, seperti kualiti institusi-institusi sektor kewangan. Ringkasnya, pertimbangan analitis mencadangkan bahawa mana-mana analisis empirik terhadap akibat pengagihan daripada globalisasi harus mengambil kira kedua-dua perdagangan dan pelbagai saluran yang mengendali globalisasi kewangan, dan juga mengambil kira impak berasingan perubahan teknologi.

5.2. Ketaktentuan

Masalah yang kedua terbesar dalam pasaran kewangan adalah berkenaan ketaktentuan keterbukaan yang kelihatannya dibawa oleh pasaran modal global, dan lebih umumnya ketaktentuan aktiviti ekonomi. Sejak tahun 1970, kita telah menyaksikan beberapa siri krisis kewangan yang mempengaruhi negara-negara, wilayah-wilayah tertentu, hinggan pasaran kewangan global itu sendiri. Krisis kewangan antarabangsa baru-baru ini tampaknya adalah akibat berkaitan kelemahan yang dibina sendiri yang mudah terdedah kepada kelemahan sektor kewangan, kadar pertukaran yang dinilai lebih, defisit akaun semasa yang tinggi, dan keadaan fiskal yang tidak kukuh. Kesemuanya yang mana sering disertai dengan sentimen ketaktentuan pasaran dan kesan-kesan jangkitan daripada negara-negara lain. Tetapi pengalaman daripada krisis-krisis ini adalah ia menyebabkan pergerakan dramatik dalam pasaran saham, kadar pertukaran dan baki-baki akaun semasa yang jauh melebihi mana-mana ketidakseimbangan awal, dan dikaitkan dengan kemerosotan ekonomi yang teruk. Kerana itu, kita perlu menyedari bahawa sepanjang tempoh ini sistem ekonomi adalah lebih tidak seimbang daripada seimbang yang tidak digambarkan dengan baik dalam model “Dynamic Stochastic General Equilibrium” (DSGE).

Aspek yang lain oleh globalisasi ialah revolusi penyebaran teknologi maklumat (IT) telah memperkukuhkan hubungan dan kewangan sebenar antara negara-negara.²⁰ Harga barangan IT telah melalui perubahan besar dalam beberapa tahun-tahun akhir ini, dan hasilnya sejumlah negara Asia dan lain-lain telah terdedah kepada ketaktentuan yang tinggi dalam pendapatan eksport mereka. Tambah lagi, kitaran-kitaran perniagaan, aliran FDI, dan indeks harga saham menjadi lebih selaras

19 Cf. Prasad (2007), Claessens/Perotti (2008).

20 Cf. WEO (2001).

hasil daripada peningkatan kepentingan barangan IT untuk kebanyakan negara.²¹ Ketaktentuan yang terhasil daripada pendedahan pasaran global kepada barangan IT, digabungkan dengan ketidakpastian berkenaan pertumbuhan produktiviti yang tersembunyi, menyeru untuk kebijakan yang lebih dalam menentukan dasar makroekonomi.

5.3. Tindak Balas Dasar Baru

Kerajaan-kerajaan, dengan bantuan daripada institusi-institusi antarabangsa, harus mengatasi kedua-dua masalah secara berani dan cepat. Namun, kredibiliti politik untuk mengubah kedua-dua bidang masalah adalah sama penting kerana tiada siapapun dengan mudah dapat mengubah masalah-masalah ini bersendirian. Selain itu, ia memerlukan waktu yang lebih panjang dan pendekatan yang berkekalan.

Kedegilan kemiskinan ini memerlukan jaring keselamatan sosial yang mencukupi untuk mengurangkan kesan-kesan negatif kepada mereka yang paling tidak beruntung, begitu juga perbelanjaan kerajaan dalam pendidikan, kesihatan, keselamatan masyarakat yang membantu untuk menyamakan peluang-peluang. Bagaimanapun, persaingan cukai dan perkembangan tahap hutang membatasi skop kerajaan untuk meningkatkan hasil pendapatan. Oleh kerana itu, penyelarasan antarabangsa diperlukan bukan sahaja untuk mengatasi krisis kewangan semasa, ia juga diperlukan untuk menyelesaikan masalah-masalah besar dalam dunia global. Dasar-dasar yang bermatlamat untuk mengekalkan kestabilan makroekonomi dapat membantu menyederhanakan pengangguran dan kerugian gaji yang berkaitan dengan pengecutan ekonomi, serta kesan-kesan inflasi yang tidak diingini, yang mendatangkan impak-impak yang tidak adil kepada golongan miskin.

Langkah penting yang lain adalah pembukaan lanjut oleh negara-negara yang kaya dengan pasaran mereka untuk mengeksport daripada negara-negara membangun dengan menurunkan tarif dan tembok-tembok halangan tidak bertarif dan subsidi domestik supaya negara-negara kurang membangun boleh mendapat manfaat penuh dari sistem perdagangan global. Seruan di negara-negara kaya dengan persekitaran dan pekerja yang standard dalam negara-negara membangun adalah sering dikemukakan sebagai dimotivasikan oleh kebimbangan untuk menyekat impak buruk globalisasi terhadap negara-negara miskin. Malah, kesan-kesan ini akan mendatangkan halangan kepada pertumbuhan yang

21 Cf. Bordo / Helbling (2003).

membina perdagangan yang membolehkan negara-negara miskin untuk mengurangkan jurang dengan negara-negara kaya.

Kini, usaha-usaha memperbaiki dalam rangka kewangan antarabangsa merupakan keutamaan tertinggi. Matlamat terakhirnya adalah untuk mengurangkan kemungkinan berlakunya krisis-krisis dan pengurangan kosnya. Kita memerlukan institusi-institusi peraturan yang sesuai untuk pasaran kewangan (sekurang-kurangnya pada peringkat Eropah), untuk menambah baik sistem amaran awal dan memperbaiki skim kedudukan, ketelusan, dan skim insuran ekuiti yang sesuai khususnya institusi-institusi sistemik.²² Dalam satu tinjauan awam pada tahun 2008, *Institut für Demoskopie Allensbach* meminta rakyat Jerman untuk membuat penilaian persepsi terhadap Ekonomi Pasaran Sosial dan untuk menilai konsep penyelesaian untuk mengatasi kemelut kewangan semasa ini selari dengan Ekonomi Pasaran Sosial (Rajah 4).


Agak mengejutkan, lebih daripada 40 peratus menyokong institusi-institusi Eropah (atau antarabangsa) mengenai pasaran kewangan. Namun, pada masa yang sama, sekitar 30 peratus menyokong Ekonomi Pasaran Sosial dan mempunyai pandangan positif tentang Eropah. Tambah lagi, orang-orang tua yang lebih berpengalaman sejarah memberi sokongan yang lebih tinggi terhadap institusi-institusi Eropah. Tidak diragui lagi, rakyat Jerman melihat keperluan untuk melanjutkan Ekonomi Pasaran Sosial yang lama untuk dunia global ini. Sudah tiba masanya untuk politik menyokong pertimbangan positif ini dan menukar Ekonomi Pasaran Sosial menuju globalisasi.

Pertama, selain mencari penyelesaian untuk permasalahan-permasalahan yang disebutkan di atas, kita perlu mencari cara untuk melaksanakan semua penyelesaian ini secara efektif. Ini bermakna dengan tidak mengabaikan bahawa isu-isu yang dahulunya dilihat sebagai isu nasional – termasuk pasaran kewangan, persekitaran, standard pekerja, dan kebertanggungjawaban ekonomi – yang kini dianggap memiliki aspek-aspek antarabangsa. Kesan-kesan riak daripada tindakan yang diambil di satu negara kelihatan semakin besar dan semakin cepat daripada sebelum-sebelum ini. Pendekatan yang sepenuhnya pendekatan nasional untuk menyelesaikan beberapa risiko masalah hanya sekadar mengalihkannya ke luar sempadan tanpa menyediakan penyelesaian yang bertahan walaupun di peringkat nasional. Kedua, kita perlu memastikan langkah-langkah diambil untuk memenuhi sasaran

22 Cf. Herzog, (2009a), Herzog (2009b).

kelas yang disepakati seluruh dunia. Kegagalan untuk mencapai sasaran pasti akan mempunyai kesan langsung terhadap politik. Ketiga, kita perlu mempertimbangkan semula institusi-institusi pentadbiran global, bagi menubuhkan mekanisme untuk melaksanakan penyelesaian yang berkekalan kepada masalah-masalah global, dan juga untuk memastikan bahawa kerajaan-kerajaan menjadi lebih bertanggungjawab dan boleh diharapkan. Ini kerana, negara-negara biasanya akan menyertai sistem pelbagai pihak yang terbuka dan kooperatif apabila timbul isu-isu ekonomi tergambar daripada keahlian universal yang maya seperti Tabung Kewangan Antarabangsa, Bank Dunia dan G-20. Pengajaran-pengajaran ini menyimpulkan bahawa perlunya agenda yang besar dan serius bagi masyarakat antarabangsa dan Eropah. Globalisasi membawa janji untuk manfaat yang besar bagi seluruh warga dunia. Bagaimanapun, untuk menjadikan janji ini kenyataan, kita harus mencari jalan untuk menguruskan proses ini dengan lebih cermat. Perhatian lebih perlu diberikan untuk mengurangkan kesan-kesan negatif dan memastikan bahawa manfaat ini dapat tersebar dengan cukup luas dan adil. Model Ekonomi Pasaran Sosial Jerman yang dihidupkan semula dan dilanjutkan adalah alternatif terbaik untuk menyahut cabaran-cabaran universal masa depan bahkan hingga ke peringkat antarabangsa kerana struktur boleh ramal dan nilai-nilai universal serta kejayaan sepanjang dua tempoh globalisasi.

Rajah 4: Pendapat awam di Jerman tentang dimensi antarabangsa.



Sumber: *Institute für Demoskopie in Allensbach (2008)*

6. KESIMPULAN

Ringkasnya, langkah pertama adalah untuk mengukuhkan kestabilan makroekonomi dan kestabilan kewangan dengan cara yang mampan. Sememangnya, globalisasi yang dikendalikan dengan betul memiliki manfaat meluas dan selaras dengan Ekonomi Pasaran Sosial. Namun, ahli-ahli politik harus sedar akan perubahan dramatik global – penyepaduan kewangan yang besar tanpa sebarang kerangka peraturan dan pengawasan di peringkat antarabangsa. Maka, kita harus menyertakan dimensi global yang baru ke dalam konsep Ekonomi Pasaran Sosial. Cara terbaik untuk mengenggam pembaharuan model Ekonomi Pasaran Sosial yang lama adalah sangat jelas dan mudah: (A) Ekonomi, ekologi, dan demografi yang mampan dan (B) keantarabangsaan lebih tinggi berhubung dengan konsep-konsep penyelesaian.²³ Dasar-dasar baru yang diperkenalkan ini, boleh dimanfaatkan untuk mengurangkan aspek-aspek negatif globalisasi dalam masa yang sama mengawalselia pasaran kewangan. Tambah lagi, ia mengukuhkan kredibiliti “Ekonomi Pasaran Sosial Antarabangsa yang mampan” dengan bertanggungjawab. Alternatif yang tidak mengandungi apa-apa usaha dan memelihara model Ekonomi Pasaran Sosial yang lama tidak akan menyelesaikan masalah-masalah dan cabaran-cabaran kebangsaan dan juga antarabangsa yang semasa. Dan ia berkemungkinan mengurangkan lebih kemakmuran dan kestabilan dengan kesan-kesan yang tidak diinginkan pada kedua-dua yang kaya dan miskin.

23 Cf. Herzog (2008).

RUJUKAN

- Baldwin, Richard E./Martin, Philipe. (1999): Two Waves of Globalisation. Superficial Similarities, Fundamental Differences (NBER Working Paper, No 6904), dalam: Globalisation and Labour, disunting oleh Horst Siebert – Tübingen, hlm. 3-58.
- Bank for International Settlements (2006): Financial Globalisation, 5th BIS Annual Research Conference, 19-20 Jun 2006 (BIS Papers No 32; dan juga BIS Working Papers, No 219 hingga 222) (<http://www.bis.org/publ/bp-pdf/bispap32.pdf>).
- Boot, Arnoud W./Greenbaum, Stuart I. (1993): Bank Regulation, Reputation, and Rents. Theory and Policy Implications, dalam: Capital Markets and Financial Intermediation, disunting oleh Colin Mayer/Xavier Vives – Cambridge / New York, hlm. 262-291.
- Bordo, Michael D./Helbling, Thomas. (2003): Have National Business Cycles Become More Synchronized? (NBER Working Paper, No 10130).
- Bordo, Michael D et al. (2003): Globalization in Historical Perspective, NBER Conference 3-6 Mei 2001, disunting oleh Michael D. Bordo et al. (National Bureau of Economic Research conference report) – Chicago / London.
- Borio, Claudio et al. (2001): Procyclically of the Financial System and Financial Stability. Issues and Policy Options (BIS Paper No 1(1)) (<http://www.bis.org/publ/bppdf/bispap01a.pdf>).
- Claessens, Steijn/Perotti, Enrico C. (2007): Finance and Inequality. Channels and Evidence, dalam: Journal of Comparative Economics, vol. 35(4), hlm. 748-773.
- Feenstra, Robert C./Hanson, Gordon H. (1996): Globalization, Outsourcing, and Wage Inequality (NBER Working Paper, No 5424), dalam: The American Economic Review, vol. 86(2), hlm. 240-245.
- Gorton, Gary B. (2008): The Panic of 2007 (NBER Working Paper, No 14358), (<http://www.kc.frb.org/publicat/sympos/2008/gorton.08.04.08.pdf> or <http://www.nber.org/papers/w14358>). Herzog, Bodo (2008): *60 Jahre Soziale Marktwirtschaft. Damals, Heute und der Weg in die Zukunft (Zukunftsforum Politik)* – Berlin.
- Herzog, Bodo (2009a): *Die Finanzmarktkrise. Ursachen, Lehren und Lösungsansätze (Wirtschaft – Materialien für den Unterricht)* – Berlin.
- Herzog, Bodo (2009b): Magnitude of Financial Regulation. A Modeling Approach (Working-Paper ESB Business School).
- Imbs, Jean M. (2006): The Real Effects of Financial Integration, dalam:

Journal of International Economics, vol. 68(2), hlm. 296-324.

- International Monetary Fund (2007): Financial Globalization. The Impact on Trade, Policy, Labor, and Capital Flows (Finance & Development) – Washington, D.C.
- International Monetary Fund (1997): World Economic Outlook. Financial Crises, Causes and Indicators – Washington, D.C.
- International Monetary Fund (2001): World Economic Outlook. Fiscal Policy and Macroeconomic Stability – Washington, D.C.
- International Monetary Fund (2007): World Economic Outlook. Spillovers and Cycles in the Global Economy – Washington, D.C.
- Kahn, Charles M./Santos, João A. C. (2005): Allocation Bank Regulatory Powers. Lender of Last Resort, Deposit Insurance and Supervision, dalam: European Economic Review, vol. 49(8), hlm. 2107-2136.
- Lane, Philip R./Milesi-Ferretti, Gian M. (2001): The External Wealth of Nations. Measures of Foreign Assets and Liabilities for Industrial and Developing Nations, dalam: Journal of International Economics, vol. 55, hlm. 263-294.
- Lindert, Peter H./Williamson, Jeffrey G. (2001): Does Globalization Make the World More Unequal? (NBER Working Paper, No 8228).
- Litan, Robert E. et al. (2001): Open Doors. Foreign Participation in Financial Systems in Developing Countries – Washington, D.C. Matthes, Jürgen et al. (2008): *Deutschland in der Globalisierung. Auswirkungen und Handlungsansätze für eine bessere Balance zwischen Gewinnern und Verlierern (Zukunftsforum Politik*, vol. 89) – Berlin.
- Matusz, Steven J./Tarr, David G. (1999): Adjusting to Trade Policy Reform (World Bank Policy Research Working Paper, No 2142).
- Mishkin, Frederic S. (2001): Financial Policies and the Prevention of Financial Crises in Emerging Market Countries (NBER Working Paper, No 8087).
- Mitchell, Janet (2000): Bad Debts and the Clearing of Banks' Balance Sheets. An Application to Transition Economies, dalam: Journal of Financial Intermediation, vol. 10(1), hlm. 1-27.
- Prasad, Eswar et al. (2007): Financial Globalization, Growth and Volatility in Developing Countries, dalam: Globalization and Poverty, disunting oleh Ann Harrison – Cambridge, hlm. 457-516.
- Rochet, Jean-Charles (2004): Rebalancing the Three Pillars of Basel 2, dalam: Economic Policy Review, vol. 10(2).
- Rogoff, Keneth et al. (2006): Financial Globalization. A Reappraisal (IMF

Working Paper, WP/06/189) (<http://www.imf.org/external/pubs/ft/wp/2006/wp06189.pdf>).

- *Sachverständigenrat zur Begutachtung der gesamtwirtschaftlichen Entwicklung* (German Council of Economic Experts) (2007/08): *Das Erreichte nicht verspielen. Jahresgutachten 2007/08* – Wiesbaden.
- Srinivasan, T. N./Bhagwati, Jagdish (1999): *Outward-Orientation and Development. Are the Revisionists Right?* (Yale University Economic Growth Center: Discussion Paper, No 806) – New Haven.
- Stolper, Wolfgang F./Samuelson, Paul A. (1941): *Protection and Real Wages*, dalam: *The Review of Economic Studies*, vol. 9(1), hlm. 58-73.

MENANGANI MASALAH PEMASARAN EKONOMI PASARAN SOSIAL

Marcus Marktanner

1. ABSTRAK

Walaupun model Ekonomi Pasaran Sosial semakin mendapat perhatian daripada negara-negara lain, namun model ini mempunyai masalah pemasaran. Pertama, istilah sosial begitu mudah sekali dikelirukan dengan sosialis. Kedua, maksud aturan, yang sangat penting kepada ahli ekonomi Jerman yang membesar dalam tradisi persekolahan Jerman, tidak akan pernah berjaya dipopularkan di kalangan kawan-kawan mereka yang terdidik dengan tradisi ekonomi Anglo-Saxon. Ketiga, idea bahawa kombinasi kecekapan pasar adalah mungkin dengan pembangunan sosial yang adil, yang mendefinisikan idea Ekonomi Pasaran sosial, belum pernah secara serius dikaji dari perspektif empirikal. Keempat, tidak ada usaha-usaha untuk mengkonsepsikan Ekonomi Pasaran Sosial dalam kaedah formal, yang boleh membantu untuk mendapatkan perhatian akademik daripada ahli ekonomi dalam tradisi Anglo-Saxon. Objektif penelitian ini adalah untuk meneroka jalan untuk memperbaiki masalah pemasaran.

2. PENGENALAN

Ekonomi Pasaran Sosial mempunyai masalah pemasaran. Kata sifat sosial disandarkannya terlalu mudah dikelirukan dengan sosialis. Maksud ordoliberalisme tidak akan pernah pernah berjaya untuk diletakkan dalam ekonomi arus perdana. Kajian empirikal telah diabaikan. Tidak ada percubaan untuk menformalkan Ekonomi Pasaran Sosial telah menyebabkannya terpinggir. Penerbitan Inggeris terlalu sedikit. Ekonomi Pasaran Sosial bahkan tidak mempunyai klasifikasi Jurnal Penulisan Ekonomi yang berasingan. Tidak ada buku teks utama untuk Ekonomi Pasaran Sosial, bahkan di Jerman. Juga tidak ada persidangan Ekonomi Pasaran Sosial antarabangsa yang utama atau jurnal akademik.

Krisis makanan, krisis bahan bakar, krisis kewangan, dan krisis ekonomi, yang bermula pada tahun 2007, telah menyebabkan sebuah krisis ideologi juga. Beberapa pihak mengeluh tentang hegemoni pasaran bebas liberalisme, campur tangan kerajaan seperti subsidi untuk pertanian dan biofuel, atau kurangnya kesetaraan peluang ekonomi, atau mengambil jalan Keynesianisme yang hiperaktif. Sekali lagi pertanyaan ini ditanyakan: Apakah peranan negara dan pasaran? Itu adalah soalan yang mana ahli Ekonomi Pasaran Sosial telah memposisikan diri mereka bermula pada 1930an, tetapi gagal untuk membuatkan pandangan mereka jelas didengar, meskipun posisi awal adalah tepat pada masa itu seperti mana pada hari ini. Oleh kerana kerana itu sekarang ini merupakan waktu yang baik untuk Ekonomi Pasaran Sosial untuk mengatasi masalah pemasaran, menjelaskan beberapa salah faham lagi, kembali menyorot beberapa konsep-konsep penting, mencari jalan baru untuk penyelidikan, dan melancarkan usaha untuk membuatkan Ekonomi Pasaran Sosial didengar dalam dunia akademik dan politik. Dalam kempen pemasaran ini, lima aspek ini layak untuk mendapat perhatian khusus:

- Ekonomi Pasaran Sosial—Sosial, Bukan Sosialis!
- Ordoliberalisme—Undang-undang dan Aturan untuk Kebebasan Ekonomi dan Pembangunan Sosial yang saksama.
- Ekonomi Sosial Pasaran—Asas Mikroekonomi dan Hadnya
- Ekonomi Sosial Pasaran—Simpati Makroekonomi dan Hadnya
- Ekonomi Sosial Pasaran—Adakah Sebarang Bukti Empirikal?

3. EKONOMI PASARAN SOSIAL — SOSIAL, BUKAN SOSIALIS!

Ekonomi Pasaran Sosial dikembangkan sebagai jalan ketiga (*third way*)¹ kepada sosialisme dan liberalisme pasaran bebas di Jerman. Persoalan sosial tentang industrialisasi, bangkitnya sosialisme, dan kartelisasi di waktu Republik Weimar telah menyebabkan para intelektual pengasas Ekonomi Pasaran Sosial mencari jalan ketiga. Ekonomi Pasaran Sosial bertujuan untuk menempatkan Jerman pasca Perang Dunia II di jalan yang mengelakkan perangkap kedua-dua alternatif. Ekonomi Pasaran Sosial itu bukan kombinasi keduanya.

¹ Idea tentang “Jalan Ketiga” antara liberalisme klasik dan sosialisme telah pun muncul pada awal abad ke-20. Kemungkinannya, Ludwig Erhard pada tahun 1964 yang mempopularkan istilah “Ekonomi Pasaran Sosial” sebagai jalan ketiga (Goldschmidt/Wohlgemuth (2008), hlm. 266). Istilah “Ekonomi Pasaran Sosial diperkenalkan oleh Müller-Armack (1947).

Apa perbedaannya? Sosialisme adalah teori normatif pengagihan yang tidak dapat dihubungkan dengan teori positif peruntukan efisien sementara liberalisme pasaran tanpa sekatan merupakan teori positif peruntukan efisien yang tidak dapat dihubungkan dengan teori normatif pengagihan. Ekonomi Pasaran Sosial adalah teori positif peruntukan yang tergabung dalam teori normatif pengagihan.

Müller-Armack (1956) mentakrifkan Ekonomi Pasaran Sosial sebagai kombinasi daripada kecekapan pasaran dengan pembangunan sosial yang adil. Bagaimana untuk mencapai pembangunan sosial yang adil adalah soalan normatif. Sosialis percaya modal tertumpu di tangan beberapa pengusaha yang dalam proses pengeluaran membuang nilai tambah yang dicipta oleh pekerja. Dalam kata-kata Marx: “Modal adalah buruh mati, yang seperti vampire, hidup hanya dengan menghisap darah buruh hidup, dan lebih lama hidupnya, lebih ramai buruh yang dihisap”.² Diandaikan bahawa kecenderungan alami bagi kapitalisme adalah untuk mencipta masyarakat yang tidak sama rata dan hanya boleh dihentikan dengan nasionalisasi alat-alat pengeluaran dan perancangan pusat. Atau, dalam kata-kata Marx dan Engels: “Teori komunisme boleh diringkaskan dalam satu kalimat: penghapusan hak milik peribadi”.³ Ahli ekonomi pasaran klasik, di sisi lain, jauh lebih optimis. Peluang tak terbatas untuk pembahagian kerja dan pertukaran pasaran akan memperkasakan semua orang.


“Itu adalah penggandaan besar bagi pengeluaran jenis-jenis seni yang berbeza, sebagai hasil daripada pembahagian kerja, yang berlaku, dalam suatu masyarakat ditadbir dengan baik, bahawa kemewahan sejagat yang meluaskan dirinya kepada tahap terendah rakyat”.⁴ Ekonomi Pasaran Sosial menolak idea sosialis bahawa negara dapat menggantikan pasaran dan juga ramalan liberal pasaran bahawa pasar akan memperkasakan semua orang. Selaras dengan Smith, ahli Ekonomi Pasaran Sosial mencatat dengan senang penekanannya untuk sebuah “masyarakat yang ditadbir dengan baik (*well-governed society*),” walaupun Ekonomi Pasaran Sosial mungkin menggemari istilah masyarakat yang tertata dengan baik (*well-ordered society*). Rajah 1 memposisikan kedudukan Ekonomi Pasaran Sosial yang relatif terhadap sosialisme dan liberalisme dalam rangka dasar-dasar teoritis dan orientasi normatif.

2 Marx (1887), online. Untuk gambaran tentang kelemahan ekonomi Marxist sila lihat Blaug (1996), Bab 7.

3 Marx/Engels (1848), hlm. 14.

4 Smith (1776), hlm. 25.

Rajah 1: Ekonomi Pasaran Sosial—Dasar Teoritikal dan Orientasi Normatif



Menurut Ekonomi Pasaran Sosial, baik negara mahupun pasaran tak terbatas tidak dapat menyelesaikan masalah kekurangan (*scarcity*). Ekonomi sosialis gagal sepenuhnya kerana tidak dapat menetapkan pada sumber yang kurang satu petunjuk kekurangan (*scarcity indicator*).⁵ Ekonomi pasaran gagal sebahagian, kerana pasaran individu boleh gagal. Ekonomi Pasaran Sosial adalah tentang menyekat kegagalan pasaran tanpa mengganggu fungsi mekanisme harga. Untuk mencapai hal ini, tujuan Ekonomi Pasaran Sosial telah mengambil prinsip-prinsip tertentu dasar ekonomi, yang sebahagian besarnya kembali kepada karya-karya Eucken (1952).⁶

Ekonomi Pasaran Sosial tidak bersetuju dengan andaian normatif yang mendasari agihan pendapatan. Dalam sosialisme, kesetaraan konsumsi dianggap adil, dan dalam liberalisme pasaran itu murni tidak kira apa pun yang pasar edarkan. Untuk ahli Ekonomi Pasaran Sosial, sosialisme mengarahkan kepada konsumsi yang sama rata dengan pengeluaran yang berkurangan, dengan baik sekali dianalisis oleh Buchanan (1993), sedangkan liberalisme tanpa peluang yang sama mengarah kepada pengeluaran yang lebih banyak dengan persaingan yang kurang, seperti yang implisit pada teori Schumpeter (1942) tentang kemusnahan kreatif (*creative destruction*). Dalam Ekonomi Pasaran Sosial, hanya apa sahaja pun yang diedar pasaran, asalkan peluang yang sama rata bertahan.

5 Mises (1951), hlm. 113-122.

6 Untuk ringkasan dalam bahasa Inggeris bagi tulisan Eucken dan legasinya daripada perspektif antarabangsa lihat Meijer (1987) dan Meijer (1994), kertas kerja yang disebutkan itu bukan sahaja mempersempahkan analisis-analisis yang bagus tentang bab penting pemikiran ekonomi Jerman tetapi juga membincangkan masalah pemasaran yang dihadapinya.

Keadilan peluang yang sama, bertentangan dengan keadilan distributif sosialis dan keadilan efisien neoliberal, mencerminkan prinsip-prinsip individualiti, perpaduan, dan subsidiariti, yang sebaliknya memiliki akar yang kuat dalam ajaran etika sosial Gereja Katolik.⁷ Kebebasan ekonomi individu berada di jantung Ekonomi Pasaran Sosial (prinsip individualiti). Namun, sebagai individu mungkin tidak mempunyai akses terhadap peluang ekonomi akibat kehadiran yang negatif atau tidak adanya kesan luaran yang positif, masyarakat akan membantu individu dalam mendapatkan akses kepada peluang yang sama melalui penyediaan barang awam (prinsip perpaduan). Atas sebab kecekapan, akauntabiliti, pemilikan, dan pembangunan kapasiti, seperti barang awam perlu disediakan oleh warga yang langsung terkena akibat daripada kesan luaran (asas subsidiariti). Sosial dalam Ekonomi Pasaran Sosial kerana itu adalah kombinasi sebuah model ekonomi untuk menyelesaikan masalah kekurangan dengan model politik yang memberikan individu peluang yang sama, dengan diyakini bahawa lebih banyak kesempatan sama rata wujud, semakin baik masalah kekurangan akan teratasi.

4. ORDOLIBERALISME – UNDANG-UNDANG DAN ATURAN UNTUK KEBEBASAN EKONOMI DAN PEMBANGUNAN SOSIAL YANG ADIL

Ordoliberalisme menggambarkan prinsip-prinsip dasar negara dan pasaran serta prinsip-prinsip polisi ekonomi memberikan pasaran undang-undang dan aturan yang diperlukan untuk kebebasan ekonomi dan pembangunan sosial yang adil. Urutan berikut digambarkan dengan menjawab lima soalan berikut:


1. Apakah sistem nilai normatif Ekonomi Pasaran Sosial?
2. Apakah prinsip-prinsip dasar negara?
3. Apakah prinsip-prinsip asas pasaran yang tidak boleh dicampur oleh negara?
4. Bila seharusnya negara ikut campur?
5. Jika negara perlu untuk masuk campur, bagaimana seharusnya berlaku?

Sistem nilai Ekonomi Pasaran Sosial ini didasarkan pada kecekapan pasaran yang bersandar pada peluang yang sama. Dalam soal mengatur urusan awam, prinsip subsidiari dan pemisahan politik daripada kumpulan

⁷ E.g. Tietmeyer (2001).

berkepentingan khusus (*special interest group*) merupakan prinsip-prinsip utama negara. Pelaku pasar harus beroperasi dengan harga yang bebas, kontrak bebas, perdagangan bebas, hak milik peribadi, liabiliti peribadi, kestabilan harga, dan kebolehamalan polisi ekonomi (prinsip-prinsip utama pasar). Negara seharusnya campur tangan, namun, ketika kekuatan pasaran muncul, kos sosial daripada ketidaksetaraan muncul, bekalan tenaga kerja berperilaku tidak normal, dan kesan luaran negatif teknologi berlaku atau kesan luaran positif kurang ditawarkan (prinsip kawal-selia). Jika kerajaan campur tangan, maka harus mengelakkan campur tangan sektoral, melakukan dasar sosial yang suai-pasaran, dengan menggunakan dasar stabilisasi dengan sederhana, dan mengutamakan asas peraturan berbanding dasar budi bicara. Rajah 2 meringkaskan aturan Ekonomi Pasaran Sosial secara grafik.

Rajah 2: Aturan Ekonomi Pasaran Sosial



Rasional di sebalik prinsip-prinsip ini diterbitkan daripada pengalaman sejarah dan teori ekonomi. Ekonomi Pasaran Sosial merupakan produk daripada mazhab Jerman yang bersejarah, sedangkan liberalisme pasaran moden dan sosialisme adalah hasil daripada rekaan makmal ekonomi yang telah terpisah daripada ekonomi dunia nyata. Aturan Ekonomi Pasaran Sosial jauh melampaui sifat alami sebuah pelan tindakan seperti Konsensus Washington. Itu adalah teori politik dan ekonomi organisasi sosial.

5. EKONOMI PASARAN SOSIAL – ASAS MIKROEKONOMI DAN HADNYA

Ekonomi Pasaran Sosial mempunyai asas mikro ekonomi yang kuat dalam prinsip-prinsip asas pasaran. Terlalu sedikit, bagaimanapun, dibincangkan tentang utiliti sosial dalam pembangunan sosial yang adil. Ini sangat mengejutkan kerana ada kecenderungan alami dalam andaian piawai teori mikro-ekonomi yang menunjukkan bahawa pembangunan sosial yang adil mempunyai nilai sosial.

Pertama sekali, diandaikan fungsi pengeluaran tipikal seorang individu i , yang mengeluarkan output per kapita y dengan modal k seperti berikut:

$$y_i = k^3 \text{ dengan } 0 < a < 1, \text{ maka } y' > 0 \text{ dan } y'' < 0$$

output agregat, $\sum y_i$, dapat dimaksimakan sekiranya modal diagihkan dengan sama rata.

Kedua, masyarakat boleh memperoleh utiliti daripada fungsi seperti

$$U(c_i) = \frac{c_i^{1-e} - 1}{1-e}$$

Di mana nilai e yang tinggi menunjukkan kecenderungan terhadap pengagihan sama rata (jika $e = 1$, $U(c_i) = \ln c_i$) dan c mewakili perbelanjaan per kapita.

Dengan menganggap masyarakat terdiri daripada dua orang penduduk, jumlah saham modal $\sum k_i$, di mana penduduk memiliki saham k dan $(1-k)$, masyarakat memaksimumkan utiliti agregat dengan menyelesaikan syarat tertib pertama

$$Welfare = U_1 + U_2 = \frac{(k^a)^{1-e} + ((1-k)^a)^{1-e} - 2}{1-e}$$

yang mana menghasilkan syarat tertib pertama

$$(k^a)^{-e} = ((1-k)^a)^{-e}$$

Menunjukkan itu selagi mana masyarakat tidak egalitarian sepenuhnya ($e=0$), di mana keadaan aturan pertama akan hasilkan tidak kira tentang agihan kesamarataan peluang ($1=1$), kesamarataan peluang selalu memaksimumkan kebajikan ($k=1-k$).

Egalitarianisme lengkap yang membawa ke arah agihan peluang adalah sangat tidak mungkin. Aplikasi teori permainan seperti permainan ultimatum menunjukkan bahawa orang memiliki kecenderungan terhadap ketaksamarataan sempurna. Dalam sebuah rencana ulasan permainan ultimatum, Bearden⁸ meringkaskan penemuan mereka sebagai: "orang tidak suka ketidakadilan." Kerana itu adalah sukar untuk

8 Bearden (2001), hlm.6.

memahami mengapa kajian dasar suai-pasaran terhadap penciptaan lebih banyak peluang tidak mendapat perhatian yang lebih. Dalam hal ini, harus ada banyak peluang untuk menguji keutamaan bagi idea-idea Ekonomi Pasaran Sosial dalam tatacara teori permainan.

Walaupun asas mikroekonomi yang kuat untuk memotivasi kajian tentang pentingnya kombinasi kecekapan pasaran dengan pembangunan ekonomi yang adil, penggunaan analisis ekonomi mikro juga mempunyai keterbatasan dalam Ekonomi Pasaran Sosial. Ini kerana Ekonomi Pasaran Sosial pada dasarnya adalah sebuah teori yang dinamik dan bersifat institusi sementara ekonomi moden kebanyakannya statik. Kekuatan Ekonomi Pasaran Sosial tidak untuk menjelaskan peruntukan efisien, tapi untuk menunjukkan relevansinya dalam memahami ekonomi dunia nyata dan untuk menyokong polisi ekonomi.

6. EKONOMI PASARAN SOSIAL – SIMPATI MAKROEKONOMI DAN HADNYA

Kenyataan bahawa Ekonomi Pasaran Sosial menyeru untuk sebuah negara proaktif, yang sering dibandingkan dengan pengadil dalam pertandingan bola sepak, membuatnya selari secara intuitifnya dengan ekonomi Keynesian. Bagaimanapun, terdapat perbezaan mendasar yang perlu ditangani. Hal ini sangat penting kerana ada kecenderungan kembali kepada Keynesianisme pasca Kemelesetan Agung (*Great Depression*) yang para ordoliberalis dan ahli Ekonomi Pasaran Sosial perlu tegas menolak. Bahayanya adalah bahawa hiperaktiviti fiskal mendapatkan legitimasi sebagai dasar jalan terakhir sebaliknya bukan untuk mengatur pasaran yang membuat aktiviti fiskal menjadi lapuk. Jaminan *bailout* saat ini dan campur tangan sektoral adalah kesalahan ordoliberal. Mereka menentang sistem nilai Ekonomi Pasaran Sosial berkenaan peluang yang sama, melanggar prinsip subsidiariti, merosakkan hampir semua prinsip-prinsip asas pasaran, tidak dapat dijustifikasi dengan prinsip kawal-selia, dan membuatkan prinsip tambahan menjadi suatu yang mengarut. Tentu saja, permulaan krisis ini disebabkan oleh penolakan terhadap prinsip ordoliberal. Kita menemukan diri kita dalam kitaran melawan dosa ordoliberal dengan dosa ordoliberal. Kitaran ini harus dihapuskan.

Sebuah amaran agar hati-hati pada keabsahan dalam menggambarkan persamaan antara krisis hari ini dan Kemelesetan Agung mungkin sesuai. Penting untuk dicatat bahawa Kemelesetan Agung pada tahun 1929 disebabkan oleh merosotnya prinsip asas pasaran, iaitu meningkatnya kadar deflasi. Kerana tahun 1920-an keluaran ekonomi tumbuh lebih

cepat daripada jumlah wang beredar, deflasi melemahkan permintaan agregat. Masalahnya adalah Piawai Emas (Gold Standard), yang menghalang bekalan wang untuk selaras dengan pertumbuhan sektor benar (*real sector*). Sandaran emas tidak boleh dikumpulkan secepat yang diperlukan untuk membekalkan ekonomi dengan wang stabil. Selama tiga tahun sebelum Kemelesetan Agung (1926-1928) harga turun sebanyak 1.1, 2.3, dan 1.2 peratus, mengikut urutan tahun (Biro Statistik Tenaga Kerja Amerika Syarikat). Pembentukan Kemelesetan berlaku dengan melonjaknya pasaran saham dan keyakinan pelabur hanyalah serbuk peluru sedangkan deflasi adalah sumbernya. Masih adanya mentaliti Piawai Emas (Gold Standard)⁹ merupakan alasan utama yang menukar kejatuhan pasaran saham kepada sebuah kemelesetan.

Walaupun telah menjadi popular untuk membandingkan krisis semasa ini dengan Kemelesetan Besar, persamaan keduanya sebenarnya sangat sedikit. Perbandingan dengan kesesakan lalu lintas boleh dijadikan ilustratif. Kedua-dua krisis menyerupai situasi di mana lalu lintas semuanya berhenti. Namun, selama Kemelesetan Agung, kereta-kereta kehabisan petrol tetapi sebaliknya masih utuh. Pada masa krisis saat ini, kereta kemalangan kerana kerajaan menghapuskan peraturan lalu lintas dan membiarkan kereta berada di jalanan. Selama Kemelesetan Agung, kerajaan memberikan bantuan di jalan dan menghidupkan kereta-kereta tersebut. Krisis saat ini, Kerajaan membaiki kereta dengan menggunakan wang pembayar cukai dan menghantar mereka kembali di jalan-jalan bukan sebaliknya membuang mereka dan merampas lesen mereka.


Lebih khusus, semasa Kemelesetan Agung permintaan agregat jatuh berbanding penawaran agregat, jadi dengan bermulanya Kemelesetan Agung stok modal faktor yang mampan adalah di bawah penggunaan. Dasar penstabilan fiskal adalah masuk akal. Dalam krisis saat ini, bagaimanapun, permintaan agregat didorong menjadi tidak kekal mampan melebihi penawaran agregat sehingga penawaran agregat juga menjadi tidak kekal mampan, sehinggakan modal faktor menjadi semakin terlebih guna. Campur tangan sektoral yang semberono dalam pasaran perumahan AS, yang tarikh asalnya kembali ke tahun 1994 tatkala masa pemerintahan Clinton membuat peluasan pada pemilikan rumah sebagai keutamaan polisi, yang kemudian disempurnakan dengan deregulasi kewangan pasar pada tahun 1999 yang menamatkan pemisahan tradisional perbankan komersial dan pelaburan dan membawa

9 Eichengreen / Tenim (2000), hlm. 183.7. Kesimpulan

kepada pemisahan antara kewangan daripada sektor benar, terutama sejak tahun 2001. Ini diilustrasikan pada Rajah 3. Rajah itu menunjukkan jumlah tanpa kiraan derivatif *over-the-counter* (OTC) (garis biru) daripada sektor benar seperti mana ditunjukkan oleh KDNK AS (garis merah muda). Kerana sebahagian modal itu tidak benar dan permintaan agregat meningkat, dasar stabilisasi fiskal tidak masuk akal.

Ini adalah perbezaan apakah dasar stabilisasi padan dengan parameter yang berterusan atau dua yang tidak kekal mapan.

Rajah 3: Pemisahan antara Pasaran Derivatif Kewangan (Jumlah tanpa kiraan derivatif *over-the-counter* (OTC), Garis Biru) daripada Sektor Benar (KDNK AS Dolar AS semasa, garis pink, Indeks, 01/06/99 = 100)



Sumber: Bank for International Settlement dan Biro Analisis Ekonomi AS.

Sebelum pelaksanaan dasar stabilisasi, sejarah yang tepat tentang krisis ini harus diketahui. Prinsip-prinsip tambahan Ekonomi Pasaran Sosial tidak secara *per se* menentang dasar stabilisasi Keynesian, tetapi mereka memberi amaran kepada penggunaan yang berlebihan dasar tersebut. Dasar stabilisasi yang berlebihan lebih mungkin berlaku selepas

interaksi pasaran yang berlebihan. Interaksi yang berlaku dalam pasaran yang diatur sesuai dengan prinsip-prinsip Ekonomi Pasaran Sosial cenderung untuk tidak memerlukan dasar stabilisasi berlebihan. Krisis semasa ini telah menunjukkan cabaran bukan pada perlu lebih kebebasan pasaran. Juga bukan pada perlunya lebih peranan negara. Tetapi kepada keperluan lebih aturan.

7. EKONOMI PASARAN SOSIAL – ADAKAH ADA BUKTI YANG EMPIRIKAL?

Penulisan Ekonomi Pasaran Sosial didominasi oleh bentuk kualitatif. Juga mempunyai fokus yang lebih pada Jerman dan Eropah. Banyak negara, bagaimanapun, adalah komited untuk kombinasi kecekapan pasaran dengan pembangunan sosial yang adil, terutama negara-negara membangun. Pengalaman Asia Timur akan menjadi kes perbincangan. Negara-negara membangun yang lain menyatakan minat yang besar terhadap konsep Ekonomi Pasaran Sosial. Syria, misalnya, telah secara rasmi mengambil Ekonomi Pasaran Sosial sebagai model ekonomi-politik. Untuk lebih menyokong Ekonomi Pasaran Sosial, bukti empirikal yang menyokong falsafahnya adalah jelas dialu-alukan. Tapi bagaimana kita boleh menguji secara empirikal konsep kombinasi kecekapan pasaran dengan pembangunan sosial yang adil?

Idealnya adalah indeks Ekonomi Pasaran Sosial, yang mengambil kira semua aspek aturan Ekonomi Pasaran Sosial. Ini kemudian dapat dikaitkan dengan penunjuk prestasi seperti kecekapan pasaran dan kesetaraan peluang. Namun, jumlah kajian yang diperlukan untuk membina indeks Ekonomi Pasaran Sosial adalah di luar liputan tulisan ini. Namun, apa yang boleh dilakukan di sini adalah untuk bekerja dengan pembolehkan yang sangat sedikit yang sentiasa tersedia dan boleh menunjuk ke arah indeks prestasi Pasaran Sosial, yang melihat pada kecekapan pasaran digabungkan dengan pembangunan sosial yang adil.

Berikut ini adalah hanya sebuah cadangan sederhana untuk sebuah indeks prestasi Pasaran Sosial. Mungkin dengan mudah dapat diperluas atau diubah. Ketika konsep kecekapan pasaran harus melibatkan suatu penunjuk yang menunjukkan kemampuan suatu negara untuk lulus seleksi pasaran, syer eksport perkilangan dan perkhidmatan suatu negara dapat berfungsi sebagai petunjuk untuk kecekapan pasaran. Komponen ketaksamaan boleh ditambah dengan membahagikan syer eksport pembuatan dan perkhidmatan dengan penunjuk ketaksamaan. Oleh

kerana itu, sebuah syer eksport pembuatan dan perkhidmatan yang diberikan adalah lebih suai pasaran ketika tahap ketaksamarataan rendah. Indeks Petunjuk Prestasi Pasaran Sosial secara formal ditulis sebagai:


$$\text{Indeks Prestasi Pasaran Sosial} = \frac{\text{Syer Eksport Pembuatan dan Perkhidmatan}}{\text{Ketaksamarataan}}$$

Bagaimana Indeks Prestasi Pasaran Sosial ini berkerja? Dalam rangka untuk menguji indeks ini, data Syer Eksport Pembuatan dan Perkhidmatan dikira daripada penunjuk Pengkalan Data Pembangunan Bank Dunia untuk tempoh purata 1960-1990. Untuk tempoh yang sama, ketaksamarataan purata dikira dengan menggunakan data daripada Projek Data Ketaksamarataan Pendapatan Universiti Texas. Jangka masa itu dipilih sebagai usaha untuk memiliki sebuah contoh negara yang meliputi ekonomi berorientasikan sosialis dan pasaran. Set data ini diringkaskan dalam jadual lampiran 1. Umumnya, indeks ini meletakkan ekonomi Asia Timur dan negara-negara Eropah pada kedudukan tinggi, Amerika Latin, Arab, dan negara-negara Afrika subsahara Sahara pada kedudukan rendah.


Negara yang berada pada kedudukan kuat dalam kecekapan pasaran (sebagaimana diukur dengan orientasi pembuatan dan perkhidmatan luar) dan mempunyai nilai rendah ketaksamarataan juga negara-negara yang mempunyai kadar pertumbuhan tertinggi rata-ratanya. Rajah 4 menunjukkan tiga plot selarak. Plot selarak 4a, 4b, dan 4c menunjukkan hubungan purata pertumbuhan pendapatan per kapita (paksi y) dengan syer eksport pembuatan dan perkhidmatan, ketaksamarataan, dan Indeks Prestasi Pasaran, mengikut urutan.

Rajah 4: Pendekatan Kombinasi Efisiensi Pasar dengan Pembangunan Sosial Samarata


Gambar. 4a: Pertumbuhan vs. Syer Eksport Pembuatan dan Perkhidmatan



Rajah 4b: Pertumbuhan vs. Pembuatan dan Syer Eksport Perkhidmatan



Rajah 4c: Pertumbuhan vs. Indeks Prestasi Ekonomi Pasaran Sosial



Hipotesis bahawa kecekapan pasaran dan kesetaraan pembangunan sosial yang adil berinteraksi baik dengan pertumbuhan ekonomi dapat lebih dikuatkan dengan menggunakan analisis regresi sederhana. Untuk ini, persamaan berikut ini diuji:

Pertumbuhan hasil per kapita

$$\begin{aligned}
 &= \beta_0 + \beta_1 \text{Syer Eksport Pembuatan dan Perkhidmatan}_i \\
 &+ \beta_2 \text{Ketaksamarataan}_i + \beta_3 \text{Indeks Prestasi Ekonomi Pasaran Sosial}_i \\
 &+ \beta_4 \text{Hasil per Kapita}_i + \varepsilon_i
 \end{aligned}$$

Jadual 1: Keputusan Regresi

	Model I	Model II	Model III	Model IV	Model V
Pintasan	-0.30 (0.42)	79.6*** (4.2)***	9.7** (4.5)	1.0*** (0.23)	0.76 (0.93)
Syer Eksport Pembuatan dan Perkhidmatan (ln)	1.1*** (0.19)		0.9*** (0.2)		
Ketaksamarataan (ln)		-4.8*** (1.1)	-2.6** (1.1)		
Indeks Prestasi Pasaran Sosial				4.2*** (0.7)	4.0*** (0.7)
Hasil per Kapita (ln)					0.04 (0.7)
Dampingan (Adj.) R2	0.23	0.13	0.25	0.23	0.23

Di dalam kurungan adalah ralat piawai, *** Signifikan kepada 1%, ** Signifikan kepada 5%.

Jadual 1 menunjukkan petunjuk kecekapan pasaran “Syer eksport pembuatan dan perkhidmatan” serta proksi pembangunan sosial adil “Ketaksamarataan” mempunyai kepentingan statistik yang cukup besar dan daya penjas berkaitan dengan pertumbuhan pendapatan sebenar per kapita, dan begitu juga interaksi mereka sebagai Indeks Prestasi Pasaran Sosial.” Indeks Prestasi Pasaran Sosial juga kuat dalam mengawal, misalnya, pendapatan per kapita.

7. KESIMPULAN

Tujuan kertas ini adalah untuk mencipta kesedaran akan berbagai masalah yang dihadapi seseorang ketika bekerja sebagai seorang ahli Ekonomi Pasaran Sosial. Pada intinya, Ekonomi Pasaran Sosial mempunyai masalah pemasaran.

Masalah pemasaran ini bermula dengan istilah sosial, yang masih terlalu mudah disalahfaham dengan sosialis. Istilah Ekonomi Pasaran

Sosial perlu difahami sebagai “Ekonomi Pasaran Peluang Sama.” Istilah ini memiliki sebuah orientasi normatif dalam hal pemberdayaan individu untuk mendapatkan akses kepada peluang pasaran. Tidak seperti sosialisme, individu dalam Ekonomi Pasaran Sosial tidak seharusnya menundukkan dirinya pada negara, namun negara yang tunduk kepada individu. Walaupun Ekonomi Pasaran Sosial berkaitan rapat dengan ekonomi liberal klasik, tetapi tidak terhenti pada soalan kecekapan pasaran. Sedangkan ekonomi liberal klasik adalah secara eksklusifnya ilmu positif, Ekonomi Pasaran Sosial menanam ilmu positif daripada ekonomi ke dalam kerangka normatif. Ini mungkin dikritik dari perspektif ilmiah yang murni, tetapi adalah harus daripada perspektif praktikal. Akhirnya, pengabaian nilai-nilai normatif dalam bidang ekonomi telah menyebabkan runtuhnya sosialisme dan penentangan terhadap program-program liberalisasi ekonomi di banyak negara-negara membangun.

Ciri-ciri unik Ekonomi Pasaran Sosial adalah pemikiran dalam hal aturan, yang mencerminkan saling pergantungan nilai normatif, garis panduan berkaitan negara, dan prinsip-prinsip dasar ekonomi. Ekonomi Pasaran Sosial adalah lebih dari sekadar ilmu ekonomi. Ia juga merupakan ilmu politik, kajian sejarah, dan sosiologi.

Sifat antara-disiplin Ekonomi Pasaran Sosial merupakan satu rahmat dan juga kutukan. Rahmatnya adalah Ekonomi Pasaran Sosial memiliki daya tarik intelektual yang melampaui ekonomi arus perdana. Sifat antara-disiplin adalah kutukan walaupun dalam erti bahawa ia melemahkan Ekonomi Pasaran Sosial, yang menghalangnya daripada menjadi mampan dalam ekonomi arus perdana. Namun, untuk masalah ini Ekonomi Pasaran Sosial yang harus disalahkan, bukan ekonomi arus perdana. Teori mikroekonomi piawai memberikan banyak jalan untuk pemikiran Ekonomi Pasaran Sosial untuk membina dirinya dalam kaedah formal, yang masih belum diteroka. Kecekapan pasaran dan kesetaraan peluang bukanlah konsep yang eksklusif dalam andaian piawai teori mikroekonomi, tetapi melengkapinya.

Ekonomi Pasaran sosial mempunyai hubungan yang lebih mesra dengan ekonomi klasik berbanding makroekonomi, walaupun Ekonomi Pasaran Sosial tidak sepenuhnya bertentangan dengan semangat polisi stabilisasi Keynesian. Pada prinsipnya, apakah polisi stabilisasi dibenarkan atau tidak bergantung kepada keadaan kapasiti berlebihan yang mana permintaan agregat mengurang. Adakah kapasiti berlebihan hasil daripada peristiwa bukan budi bicara (*non-discretionary*) seperti penurunan

jumlah edaran wang atau bencana alam, atau adakah itu hasil daripada manipulasi budi bicara pasaran seperti gelembung perumahan? Jika berlaku, hanya peristiwa bukan budi bicara yang mengarah kepada lebih bekalan memenuhi syarat untuk polisi stabilisasi.

Sebagai penutup, Ekonomi Pasaran Sosial mempunyai masalah pemasaran, kerana hipotesis yang implisit dengan teorinya hampir tidak mengalami kajian empirikal. Mirip dengan fakta bahawa Ekonomi Pasaran Sosial harus disalahkan kerana tidak membuka dirinya pada analisis mikroekonomi, Ekonomi Pasaran Sosial perlu disalahkan kerana tidak mengambil faedah daripada analisis empirikal, walaupun mempunyai peluang.

Tentu saja, tabiat lama sukar diubah. Hal ini terutama sekali berlaku untuk Ekonomi Pasaran Sosial, yang telah dibentuk untuk mempunyai daya tahan yang sangat kuat pada pasaran itu sendiri dengan lebih agresif. Setelah enam puluh tahun Ekonomi Pasaran Sosial merayakan ulang tahunnya yang sebahagian besar dalam pinggiran akademik. Jika tidak diselesaikan masalah pemasarannya, boleh jadi akan dilupakan pada ulang tahun kelahirannya yang ke-100.

RUJUKAN

- Bank for International Settlements: *Statistics, Derivatives* (<http://www.bis.org/statistics/derstats.htm>) (diakses: 15 Januari, 2010).
- Bearden, Joseph N. (2001): *Ultimatum Bargaining Experiments. The State of the Art* (http://papers.ssrn.com/sol3/papers.cfm?abstract_id=626183) (diakses: 5 Januari, 2010).
- Blaug, Mark (1997), *Economic Theory in Retrospect* – Cambridge / New York.
- Buchanan, James M. (1993): *Konsum ohne Produktion: Die unmögliche Idylle des Sozialismus = Consumption without Production. The Impossible Idyll of Socialism, ger./engl.* (Friedrich-A.-von-Hayek-Vorlesung, 1992) – Freiburg im Breisgau.
- Eichengreen, Barry / Temim, Peter (2000): *The Gold Standard and the Great Depression*, dalam: *Contemporary European History, vol. 9(2)*, hlm. 183-207 (juga: NBER Working Paper, No 6060).
- Eucken, Walter (1952): *Grundsätze der Wirtschaftspolitik* – Bern/ Tübingen.
- Goldschmidt, Nils/Wohlgemuth, Michael (2008): *Social Market Economy. Origins, Meanings and Interpretations*, dalam: *Constitutional Political Economy, vol. 19*, hlm. 261–276.
- Marx, Karl (1887): *Capital. A Critique of Political Economy*, (<http://www.marxists.org/archive/marx/works/1867-c1/ch10.htm#4>) (diakses: 15 Januari, 2010).
- Marx, Karl/Engels, Friedrich (1848): *Manifesto of the Communist Party*, (<http://www.marxists.org/archive/marx/works/download/manifest.pdf>) (diakses: 15 Januari, 2010).
- Meijer, Gerrit (1987): *The History of Neo-Liberalism. Affinity to Some Developments in Economics in Germany*, dalam: *International Journal of Social Economics, vol. 14(7-9)*, hlm. 142-155.
- Meijer, Gerrit (1994): *Walter Eucken's Contribution to Economics in an International Perspective*, dalam: *Journal of Economic Studies, vol. 21(4)*, hlm. 25-37.
- Mises, Ludwig von (1951): *Socialism. An Economic and Sociological Analysis*, (<http://mises.org/books/socialism.pdf>) (diakses: 15 Januari, 2010).
- Müller-Armack, Alfred (1956): *Soziale Marktwirtschaft, in: Handwörterbuch der Sozialwissenschaft, vol. 9*, Stuttgart, oleh Erwin von

Beckerath, 1956, hlm. 390-392 (Diterbitkan semula dalam: Müller-Armack (1966): *Wirtschaftsordnung und Wirtschaftspolitik. Studien und Konzepte zur Sozialen Marktwirtschaft und zur Europäischen Integration* – Freiburg im Breisgau).

- Müller-Armack, Alfred (1947): *Wirtschaftslenkung und Marktwirtschaft* – Hamburg.
- Schumpeter, Joseph A. (1942): *Socialism, Capitalism, and Democracy*– New York / London.
- Smith, Adam (1776): *The Wealth of Nations (An Inquiry into the Nature and Causes of the Wealth of Nations)*, ElecBook Classics (<http://www.diesel-ebooks.com/cgi-bin/item/1843270404/The-Wealth-of-Nations-eBook.html>).
- Tietmeyer, Hans (2001): *Besinnung auf die soziale Marktwirtschaft* (Kirche und Gesellschaft, vol. 285) – Köln.
- U.S. Department of Commerce, *Bureau of Economic Analysis, GDP Series* (<http://www.bea.gov/national/index.htm#gdp>) (diakses: 15 Januari, 2010).
- U.S. Department of Labor, *Bureau of Labor Statistics, Consumer Price Index, All Urban Consumers* (<ftp://ftp.bls.gov/pub/special.requests/cpi/cpiiai.txt>) (diakses: 15 Januari, 2010).
- University of Texas Inequality Projekt, *Estimated Household Income Inequality Indicator* (<http://utip.gov.utexas.edu/>) (diakses: 15 Januari, 2010).
- *World Bank Development Indicator Database 2008*, CD Rom.

EKONOMI PASARAN SOSIAL DI EROPAH TIMUR – SATU PILIHAN YANG DIPANDANG RENDAH?

Marc Stegber

1. ABSTRAK

Setelah runtuhnya tembok Berlin, menurut Presiden Czech sekarang, Václav Klaus, negara-negara Eropah Timur bekas komunis tidak melaksanakan Ekonomi Pasaran Sosial menurut model Jerman yang berjaya, tetapi mengamalkan satu konsep “tanpa sebarang sifat”. Sebagai pemenang Perang Dingin, Amerika Syarikat dan model ekonomi pasaran tanpa kawalan dipandang sebagai contoh unggul bagi para penguasa baru di Eropah Tengah dan Timur, dan juga di bekas Yugoslavia. Kerana alasan ideologi, Rusia tidak dapat mengakui AS sebagai model. Namun Rusia bergerak ke arah ekonomi pasaran bebas yang luas dengan batasan yang cukup dengan peraturan yang ditempatkan terhadap strata sosial yang kecil yang disebut oligarki, sedangkan strata tengah ditinggalkan dengan tangan kosong. Di satu sisi negara sosial yang berlebihan yang dipengaruhi oleh Jerman adalah penghalang. Pada satu sisi yang lain, masalah-masalah sosial sistem ekonomi tanpa kawalan menjadi semakin jelas, terutama ketika krisis kewangan ini. Satu-satunya jalan keluar adalah melalui refleksi pada sifat sebenarnya dari Ekonomi Pasaran Sosial. Ini adalah agenda di Jerman saat ini.

2. PENGENALAN

Pengkritik Ekonomi Pasaran Sosial, baik di negara mereka sendiri atau di negara-negara Eropah Timur, melihat ini sebagai model yang ketinggalan zaman. Selepas kejatuhan komunisme dan berakhirnya perdebatan sistem, bukan ordoliberalisme Jerman yang berjaya, tetapi “liberalisme tanpa imbuhan” dan “ekonomi pasaran tanpa kata sifat”, seperti mana presiden Republik Czech sekarang, Václav Klaus, menyebutnya. Kerana Klaus telah begitu sungguh-sungguh berjuang melawan kediktatoran

komunis Czech, setiap campur tangan negara dalam hal-hal yang menurut pendapatnya harus mengawal-selia dirinya sendiri adalah sesuatu yang diragui. Ini pasti diterapkan pada ekonomi. Dalam hal ini bukanlah tidak signifikan bahawa Klaus, seorang radikal pasaran bebas, menyelesaikan pendidikan ekonominya di Universiti Chicago; dari sudut pandang Eropah merupakan Mekah untuk ekonomi konservatif, pasaran bebas. Kerana pengalamannya di bawah kediktatoran komunis--yang memberi gambaran jaminan sosial dan kesamarataan dengan mengumpulkan hutang negara yang besar--dan pendidikannya di bidang ekonomi, baginya cara berfikir Ekonomi Pasaran Sosial yang menjadi asas ekonomi Jerman, Austria, dan juga Perancis sangat dicurigai, dan dia bekerja dengan segenap kekuatan melawan perluasan kuasa EU yang “gila dengan pelbagai peraturan”, seperti mana yang dilihatnya.

Kegagalan Ekonomi Pasaran Sosial dalam sejarah Eropah Timur muncul sebagai bukti bahawa Klaus benar. Selepas kejatuhan rejim komunis di Eropah Timur, Jerman dan ahli politik Perancis mengharapkan Ekonomi Pasaran Sosial untuk menguasai Eropah Timur, tetapi sayangnya terbukti sebagai salah bacaan. Jacques Attali, penasihat Mitterand dan Presiden Bank Eropah untuk Rekonstruksi dan Pembangunan, melihat pengeksportan nilai-nilai Eropah Tua kepada Eropah Timur sebagai tugas banknya. Dia adalah seorang musuh ketat terhadap reformasi radikal, seperti yang dicuba di Rusia pada suatu masa dan popular di tempat lain juga. Ketika Attali melawat Prague pada awal 1990-an dan bertemu dengan ketua-ketua kerajaan, dia menemukan sikap pro-amerika kerajaan yang masa itu masih Czechoslovakia dalam urusan ekonomi adalah biadap dan atas semua hal, salah. Presiden Perancis, Jacques Chirac mempunyai fikiran yang sama dan mengeluh tentang sokongan Eropah Timur terhadap Perang Iraq yang dipimpin Amerika.

Jerman dan Perancis memang memandang rendah reputasi yang dipunyai Amerika Syarikat secara politik dan ekonomi di negara-negara peralihan di Eropah Tengah dan Timur. Pada fasa akhir Kesatuan Soviet, reformis Rusia seperti Yegor Gaidar atau Anatoly Chubais begitu tertarik pada ekonomi klasik Amerika kerana mereka percaya bahawa rahsia kejayaan lawan ideologi mereka dapat ditemui di situ. Momen itu adalah penting jika seseorang ingin memahami mengapa hampir semua negara-negara komunis memilih ekonomi pasaran murni. Pada awal tahun 1990, Presiden Czech sekarang, kemudian Menteri Kewangan, Václav Klaus meramalkan bahawa majoriti negara-negara Eropah

Timur akan menolak Ekonomi Pasaran Sosial gaya Jerman dan sebagai gantinya memilih ekonomi pasaran murni. Namun perlu dicatat bahawa intelektual sayap kiri di Republik Czech dan juga di negara-negara Eropah Timur berfikir sebegini. Václav Havel, Presiden sebelum Klaus di Republik Czech dan tentu bukan seorang pemikir radikal pasaran bebas, menulis pada tahun 1992 bahawa “Walaupun hati saya mungkin kiri-tengah, saya sentiasa tahu bahawa satu-satunya sistem ekonomi yang berjaya ialah ekonomi pasaran ... itu adalah satu-satunya yang mengarah kepada kemakmuran, kerana itu adalah satu-satunya yang mencerminkan sifat hidup itu sendiri.” Walaupun itu adalah komitmen ahli politik sayap kiri kepada ekonomi pasaran, tetapi itu bukan komitmen untuk suatu pasaran yang mutlak bebas, seperti mana Wolfgang Münchau menulis dalam bukunya, *Das Ende der sozialen Marktwirtschaft*.¹ Itu adalah komitmen untuk menamatkan perlindungan keterlaluan yang menyebabkan kebangkrapan baik ekonomi dan masyarakat dan kesan yang masih belum diatasi hari ini, seperti Ondřej Matějka dari rangkaian Prague, nota “Anti-Komplex”--masalah utama daripada negara-negara pasca komunis adalah masyarakat yang masih belum mengadakan dialog yang nyata dengan mereka yang berkuasa. Jika parti-parti di Poland seperti parti “Undang-undang dan Keadilan” Kaczyński bersaudara yang digambarkan sebagai pembekal universal, sementara pada masa yang para demokrat yang pernah berkuasa sebelum mereka dilihat sebagai rasuah, maka mereka hanya contoh dunia dahulu yang tidak demokratik: para komunis itu jahat, tapi sekurang-kurangnya mereka boleh memberi khidmat kepada kita. Bukan dengan mentaliti peruntukan, Havel menaruh harapannya pada kemerdekaan individu, tanpa melupakan kepentingan masyarakat. Klaus mengambil langkah maju yang besar dan meninggalkannya ke kelengkapannya sendiri. Fakta bahawa sesuatu yang asasi diabaikan dikritik tidak hanya oleh Matějka. Czech tidak menerima sebarang tanggung jawab untuk kebaikan bersama. Promosi pendidikan misalnya tidak dipandang sebagai isu awam. Masyarakat tampaknya terpecah-pecah, dan individu ditinggalkan dengan kemampuannya sendiri. Berdasarkan kesimpulan Matějka, “Materialisme Marxis hanyalah dipindahkan kepada materialisme Kapitalis.”²

Setelah dua orang ahli politik Czech itu mengisytihar menyokong ekonomi pasaran, mereka mempunyai contoh dari model tandingan ekonomi terancang sebagai pencegah, itulah sebabnya mengapa Klaus

1 Cf. Münchau (2006).

2 Cf. Spielmann (2009).

melabelkan Ekonomi Pasaran Sosial sebagai “sosialisme halus”. Kurang dirigisme (kawalan negara), nisbah perbelanjaan awam yang lebih rendah, kelemahan yang membawa Ekonomi Pasaran Sosial Eropah Timur kepada keaiban, pasti akan meningkatkan dinamisme pasaran, mengingatkan Münchau. Tetapi di luar lingkaran ekonomi Eropah Timur yang berjaya ada keraguan jelas bahawa pasaran bebas adalah penyelesaian untuk segala sesuatu, seperti yang dijelaskan oleh Matějka. Di Rusia, juga, “radikal pasaran” menang, membahagikan pasaran bahan mentah di antara mereka dengan restu dari Kremlin, dan membawa pergi tanggung jawab masyarakat. Mereka menjadi pengkritik kepada “Pembaratan” dan pengambilalihan tidak kritis masyarakat terbuka Barat dan model ekonomi. Kritik yang sama dari Matějka pada peralihan daripada Marxis kepada materialisme Kapitalis dirumuskan oleh wakil-wakil dari gereja-gereja ortodoks kebangsaan. Yang menghairankan, mereka merujuk pada pelindung Ekonomi Pasaran Sosial, Alfred Müller-Armack, yang menganggap totalitarianisme Nazi menjadi pengganti agama pada saat penurunan keyakinan agama. Rusia hari ini dan biskop ortodoks Serbia dan ahli teologi mensyaki neoliberalisme dan kapitalisme yang tak terbatas adalah agama ganti untuk hari ini. Dengan bantuan Müller-Armack, seorang boleh menafsirkan tentang perubahan radikal dirigisme mutlak daripada negara ekonomi-terancang kepada liberalisme pasaran. Müller-Armack mempelajari kesan daripada konsep budaya terhadap ekonomi bersama banyak orang lain. Menurut pendapatnya, warisan agama terbukti telah meninggalkan kesan yang mendalam pada budaya yang juga boleh mempengaruhi sebahagian besar masyarakat sekular pada nilai-nilai fundamental dan pandangan dunia.³ Seseorang mungkin bertanya Müller-Armack apakah itu suatu kebetulan⁴ bahawa sempadan budaya yang berada antara negara-negara Ortodoks di satu sisi dan negara-negara Protestan dan Katolik di sisi lain hampir identik dengan sempadan EU timur hari ini.⁵ Itu juga menandakan garis pemisah antara kumpulan yang berjaya dan sebahagian besar kumpulan lain kurang berjaya terdiri daripada negara-negara peralihan sampai sekarang. Melihat ekonomi, tetapi juga politik negara-negara Ortodoks,

³ Cf. Zweynert (2006).

⁴ Cf. Müller-Armack (1941), *et al.*

⁵ Untuk membuat perbandingan ini agak problematik kerana dalam soal ini hanya Ukraine, kerana Ukraine Barat yang mendapat titik mulanya daripada “Revolusi Oren” itu adalah Katolik-Greek dan oleh sebab itu tergolong dalam daerah kebudayaan Latin.

ini adalah saat yang menentukan untuk holisme.⁶ Ciri organik bersepadu daripada pandangan Ortodoks terhadap dunia ini tidak diketahui oleh dunia Barat Katolik, sampai umur industrialisasi. Saling pergantungan organik ekonomi dan masyarakat dijadikan tujuan.⁷ Sementara model sekular memperoleh penerimaan di seluruh Eropah Barat, Rusia bahkan mempertahankan hubungan dekat tidak hanya antara gereja dan masyarakat, tetapi juga dalam semua bidang masyarakat yang memegang kepentingan bersama. Ini dilakukan selepas revolusi 1917. Komunisme menggunakan kecondongan tradisional ke arah holisme untuk mengelakkan ekonomi bekerja secara bebas (dan bukan hanya ini). Sehingga tidak begitu menghairankan yang pendulum berayun ke arah berlawanan selepas kejatuhan kediktatoran di Rusia. Ekonomi Pasaran Bebas yang “tak terduga”, seperti mana kritik melabel itu, adalah, holistik, keseluruhan, model tertutup, sedangkan Ekonomi Pasaran Sosial menyajikan kompromi, sebuah “Sosialisme halus”, untuk meminjam istilah berlebihan Václav Klaus ‘. Kompromi ini, yang berusaha untuk menjaga intepretasi ekonomi oleh masyarakat, seperti halnya emansipasi masyarakat itu sendiri, dekat dengan ajaran sosial Katolik dan juga diterima oleh Ortodoksi. Menurut Müller-Armack, pencetus trend Ekonomi Pasaran Sosial adalah “untuk bergabung dengan prinsip kebebasan pasaran dengan prinsip keseimbangan sosial”.⁸ Kenyataan oleh Patriark Kirill daripada Moskow dan seluruh Rusia hasil tentang liberalisme pasaran di negara itu boleh jatuh di bawah formula kompromi, dengan sedikit garam. Juga pendahulunya Alexij II, yang ketika ditanya pada tahun 1991, Apakah pemikiran utama ekonomi pasaran berkata, “Ekonomi pasaran tidak begitu baru bagi kami. Tetapi ketika kita kembali ke suasana pasaran, kita harus memastikan bahawa jiwa dan nasib tidak diratakan. Kami akan bekerja untuk perlindungan sosial yang lebih, tapi itu juga masih menuntut cukai yang lebih daripada kita.”

6 Holisme adalah model falsafah, di mana semua bentuk kewujudan di dalam alam semesta ini (fizikal, biologikal dan juga kebudayaannya) digabungkan untuk mewujudkan keseluruhan yang bersepadu. Holisme memperlakukan bentuk-kewujudan yang ada sebagai suatu yang penuh, dan bukan sebagai bahagian-bahagian daripada keseluruhan yang digubah. Teologi Ortodoks menanggapi realiti dengan cara yang bersepadu, koheren dan meluas.

7 Hujah teologi tentang “Filioque” adalah latar belakang kepada hal ini. Tatkala tiga tonggak Trinitas adalah sama dalam Kristian Barat, dalam bentuknya yang Ortodoks, Ruhul Qudus hanya datang daripada Tuhan. Doktrin ini membawa implikasi politik, menentang hak sama rata, tetapi juga menyokong penguasaan sesuatu bidang dalam masyarakat, seperti ekonomi misalnya ke atas yang lain.

8 Müller-Armack (1956).

3. **RUSIA DAN EKONOMI PASARAN**

Di sebalik ini adalah pengalaman reformis Perestroika yang terkenal seperti Gaidar atau Chubais, yang menganut model radikal liberal Amerika. Harga bebas, perdagangan luar negeri bebas, hak milik terjamin dan keseimbangan kewangan--lainnya diurus oleh pasaran. Agihan pendapatan atau dasar untuk perniagaan bersaiz pertengahan bukan merupakan sebahagian model ini. Situasi perniagaan bersaiz pertengahan di Russia adalah contoh klasik daripada liberalisasi pasaran Rusia, yang hanya dikongsi oleh super dan mega kaya yang sangat sedikit, orang-orang yang secara politiknya boleh dipercayai tentang kehendak kerajaan. Masalah yang harus ditempuh oleh perusahaan yang kecil dan saiz menengah tidak langsung berubah dalam beberapa tahun terakhir ini. Pada tahun 2006 kerajaan Rusia benar-benar menyatakan bahawa mereka ingin mempromosikan perniagaan saiz pertengahan dan untuk meningkatkan syer perniagaan mereka, dan mereka menawarkan beberapa bantuan dalam bentuk pinjaman berfaedah rendah, mikro kredit dan modal pelaburan. Pengkritik percaya, bagaimanapun, bahawa ini tidak akan mengubah masalah terbesar, iaitu birokrasi, rasuah dan penyalahgunaan kuasa. Perniagaan Rusia bersaiz sederhana masih jauh daripada berada di kedudukan yang kuat. Pertumbuhan dan inovasi hanya terlihat pada syarikat besar. Syarikat-syarikat besar seperti Gazprom, Lukoil, Rusal, Sual, Evraz Holding dan Severstal mendominasi ekonomi Rusia. Politik Rusia, yang menyamakan kepelbagaian dengan kurangnya kawalan, secara sedar semakin condong ke arah syarikat besar atau konglomerat industri, terutama di sektor-sektor strategik dan penting seperti pembinaan kapal terbang atau dalam bidang kejuruteraan⁹--yang jelas secara fundamentalnya bertentangan dengan dasar Ekonomi Pasaran Sosial.

Hal ini dan kekurangan yang sejenis telah memprovokasi tidak hanya kritik agama dan budaya, tetapi juga mendapat kritik daripada ahli ekonomi, bahkan ketika mereka awalnya muncul sebagai juara ekonomi pasaran bebas. Suara para pengkritik menjadi lebih kuat selepas Klaus kehilangan majoriti parlimen di Republik Czech. "Crash Model" yang radikal untuk peralihan daripada yang ekonomi terancang kepada ekonomi

⁹ Perkembangan ini dapat dilihat dalam angka-angka tersebut. Perusahaan kecil dan sederhana hanya menyumbangkan sebanyak 16 peratus daripada keluaran ekonomi Rusia pada tahun 2006. Yang lain menunjukkan 11 peratus daripada bahagiannya dalam Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Hanya 14 peratus pekerja yang berkerja di perusahaan kecil dan sederhana berbanding 70 peratus dan 40 peratus kadar pusing ganti di Jerman

pasaran dengan cepat telah menyebabkan pengangguran dan mencipta masalah sosial. Di Rusia, liberalisasi harga dan penswastaan perusahaan yang dikelola negara memang menghasilkan bakat keusahawanan yang mampu menyokong ekonomi pasaran, walaupun ramai yang mempunyai keraguan yang kuat tentang hal ini. Tertumpunya kekuatan pasaran, yang tidak Yeltsin mahupun Putin, penggantinya promosikan, memburukkan masalah sosial. Namun tidak ada sebarang bantahan politik. Menurut pengulas, apa yang terjadi adalah fakta bahawa penyertaan awam dan perkongsian sosial adalah hal-hal yang setelah puluhan tahun komunisme masih belum diterima. Sesuatu yang tidak mudah dalam lanskap politik yang sering dicap sebagai “Demokrasi Terkawal”. Hanya pada kemudian waktu konsep Ekonomi Pasaran Sosial Rusia akan mendapat peluang. Seperti dinyatakan sebelum ini, pada akhir Kesatuan Soviet, Rusia bersekutu dengan saingan utamanya dalam ekonomi dan politik, bukan dengan Jerman jirannya yang kecil, dan dengan aturan sosial dan ekonomi. Ekonomi Pasaran Sosial Amerika Syarikat dan negara-negara Anglo-Saxon secara umumnya dianggap suatu konsep ekonomi dan politik yang serius, jauh lebih serius daripada situasi pasca-perang Jerman.

Sebagai akibatnya, negara-negara pengganti Kesatuan Soviet--sejenis ironi sejarah--tidak mengambil model kompromi Ekonomi Pasaran Sosial Eropah Barat, tetapi model pasaran bebas daripada pihak lawan ideologi mereka yang telah memenangi Perang Dingin, telah difitnah selama puluhan tahun, dan yang tidak sama sekali bebas dari sebarang masalah. Skizofrenia ini, yang bahkan lebih khusus ketika seseorang melihat kegagalan patriot Rusia dibandingkan dengan struktur sosial Barat yang merosot mempunyai pengkritiknya, tidak hanya di Rusia. Serbia merasa tergabung ke dalam Rusia melalui sejarah dan budayanya dan sudah menjadi lebih dekat dengan Rusia secara ekonomi melalui perjanjian kerjasama. Uskup Ortodoks Serbia Irinej (Dobrijević), yang dibesarkan di Amerika, memberikan pidato selama seminar tentang “Etika Ortodoks dan Semangat Kapitalisme” pada bulan April 2009. Suatu yang tidak akan dijangka daripada seorang uskup Barat. Dia mengatakan bahawa Kristian Ortodoks tidak boleh menerima suatu sistem ekonomi yang memberi ganjaran untuk kemalasan dan memberi sedekah menggunakan wang negara kepada orang miskin untuk hidup, dan bahawa pekerjaan produktif merupakan bahagian penting daripada kehidupan manusia. Sementara Ortodoksi mengutuk sistem Kapitalis (*laissez-faire*), yang tak terkawal dan yang terbuka, mereka menyetujui

sebuah “Sistem Ekonomi Pasaran Bebas Bertanggung Jawab Sosial.”¹⁰ Ini boleh dilihat sebagai kritikan kepada negara sosial yang berlebihan yang dipengaruhi Barat, dan kepada liberalisme pasaran bebas yang sudah masuk Eropah Timur.

Namun perbincangan di Serbia juga menunjukkan bahawa situasi ini lebih dekat dengan versi yang “dicairkan” hari ini, berbanding dengan model pasaran sosial Müller-Armack dan Erhard. Ahli Ekonomi Serbia, Miroslav Prokopijević kritis terhadap Ekonomi Pasaran Sosial di Jerman. Bagaimanapun tidak begitu pada permulaannya pada tahun 1950-an dan 1960-an ketika konsep itu masih seimbang dan keperluan syarikat-syarikat serta pekerja dipenuhi, berbanding fasa kemudiannya. Perubahan pada tahun 1980-an dan 1990-an mencairkan konsep itu dan mengubah jaminan sosial menjadi beban bagi perekonomian. Dalam konteks penduduk yang terus berubah dan semakin banyak pengangguran, batas-batas yang jelas ditetapkan oleh Ekonomi Pasaran Sosial. Perbelanjaan sosial perlu diatur menggunakan sumber kewangan yang ada, menurut saintis politik Serbia, Zoran Stojiljković.¹¹ Penerimaan Ekonomi Pasaran Sosial tidak hanya akan menghalang defisit struktur, tetapi juga mentaliti sosialis, yang tidak ingin menolak sistem lama secara langsung, atau yang bertindak balas kepada setiap kecondongan ke arah campur tangan negara, “sosialisme” popular-lihat Václav Klaus atau Yegor Gaidar. Manakala defisit struktur, negara-negara perubahan daripada Eropah Timur berada dalam situasi yang secara asasnya berbeza dengan Jerman pada tahun 1945. Rusia telah berada lebih dari 70 tahun ekonomi berpusatkan negara, tanpa pemilikan peribadi atau pasaran bebas, mahupun ciri-ciri masyarakat madani. Di Jerman pada akhir perang, meskipun terdapat kegagalan kerana perang, tetapi masih ada sebuah struktur ekonomi pasaran.

Dalam tempoh dua belas tahun di bawah kediktatoran Hitler, ekonomi dikendalikan melalui kartel-kartel yang ditetapkan, tetapi syarikat tidak dinasionalisasi. Jadi satu-satunya hal yang tidak ada adalah reformasi kewangan dan persetujuan harga pada tahun 1948 adalah untuk membawa petani, tukang roti, penjual daging, pengeluar barangan dan ahli perniagaan untuk kembali pada keadaan yang sepatutnya. Sebaliknya, di negara-negara perubahan Eropah Timur, dan khususnya di Rusia, tidak ada syarikat yang masih berjalan. Pertama sekali pihak berkuasa perancangan pusat harus dipecahkan dan dibuat entiti ekonomi bebas melalui penswastaan. Pada Zaman pasca-perang

10 Cf. Laki éević (2009).

11 Cf. Stojiljković (2009).

Jerman, sekutu memastikan bahawa kelas penguasa yang lama ditindas. Di sisi lain di Rusia dan negara-negara perubahan Eropah Timur, struktur monopoli lama masih memerintah dan menghalang pendatang baru ekonomi pasaran. Sebagai daerah ekonomi, Rusia bukanlah kain putih yang boleh dihiasi oleh para pemilik dengan hak pemilikan yang dijanjikan *à la* Chicago di bawah motto, "Pasaran akan mengawal dirinya sendiri!" seperti mana seorang pengulas di akhbar kewangan Russia "Kommersant" menulis. Kompleks tentera-industri semakin melemah, tapi bagaimanapun semua monopoli bahan mentah masih berada pada kedudukannya dan pengaruh ke atas politik sehingga inovasi ekonomi pasaran secara praktikal tertutup. Dalam keadaan seperti itu, Ekonomi Pasaran Sosial itu hampir tak terfikirkan.

Penswastaan "skala-besar" yang bermula pada 1 Oktober 1992 secara tegas mengecualikan industri-industri sumber alam, penjana tenaga elektrik, aeroangkasa dan tenaga nuklear. Jadi ini adalah sumber alam yang kemudian membentuk dasar kepada monopoli bahan mentah untuk "sistem oligarki". Perusahaan milik-negara diubah menjadi syarikat-syarikat saham dengan keputusan presiden. Setiap warga Rusia menerima sijil saham percuma untuk harta negara sehingga nilai 10.000 ruble. Rakyat seharusnya mempunyai kemungkinan untuk membeli pemilikan negara yang diswastakan seperti saham, tempat tinggal atau bidang tanah. Sijil saham boleh dijual, dipertukarkan, diberikan atau didagang dalam pasaran saham. Sijil saham juga boleh diambil alih oleh dana pelaburan. Dasar kepada reformasi ekonomi Rusia adalah mengapungnya harga barang pengguna dan modal sejak 1 Januari 1992. Keputusan oleh kerajaan Rusia di bawah Gaidar itu adalah berani tetapi juga berisiko. Kerana tidak ada julat barangan yang sesuai saat ini, para reformis harus menganggarkan bahawa harga akan melonjak dan inflasi akan meningkat. Antara tarikh 1 Julai 1992 dan 30 November 1994 nilai tukar ruble/dolar pada mata wang Moscow naik dari 125 ruble/dolar untuk 3,200 ruble/dolar. Gaidar dikeluarkan daripada kerajaan seawal Disember 1992, sebagai kambing hitam untuk peningkatan harga.

Beliau digantikan dengan Viktor Chernomyrdin. Namun demikian, liberalisasi harga itu perlu. Tanpa ini tidak akan ada kesempatan untuk meningkatkan tawaran barang-barang pelanggan melalui import dari Barat. Selain itu, keputusan ini memberikan kredibiliti kepada proses reformasi di Barat dan membuatnya sukar untuk Rusia berpatah balik. Di samping liberalisasi harga, penswastaan yang laju adalah inti daripada cara Rusia dari ekonomi terancang kepada ekonomi pasaran.

4. CROATIA DAN PERUBAHAN KE ARAH EKONOMI PASARAN

Setelah berakhirnya sosialisme keadaan untuk masuk ke dalam Ekonomi Pasaran Sosial lebih memberi peluang bagi negara-negara peralihan Eropah Tenggara berbanding Rusia. Walaupun Yugoslavia adalah pemerintahan pusat, ia adalah sebuah negara berkecuali (*non-align*), yang telah membebaskan diri daripada Comintern (Komunis Antarabangsa) dan ia mempunyai unsur-unsur kerajaan sendiri, terutama dalam bidang ekonomi. Selepas kemerdekaan, Croatia memperkenalkan model ekonomi yang diakui oleh Kesatuan Eropah ketika dalam proses diterima masuk. Transformasi sistem ekonomi di Croatia daripada “sosiisme nyata” kepada Ekonomi Pasaran Sosial dengan struktur peribadi yang relatifnya berhasil. Sebelum ini ada pergolakan yang besar. Presiden pertama Croatia selepas kemerdekaan Franjo Tujdman, yang masih berfikir dalam kategori usang nasional dan ekonomi nasional. Waktunya dalam kerajaan terganggu oleh klientisme dan berkurangnya kebebasan berpendapat dan akhbar.

Dia meningkatkan saham negara dalam syarikat, yang bererti bahawa kerajaan yang baru ini di bawah Perdana Menteri, Ivo Sanader dipaksa untuk melaksanakan penswastan saham syarikat nasional yang pada ketika itu adalah 40 peratus. Reformasi struktur seperti penambahbaikan pentadbiran kewangan, pemantauan bank, pembangunan pasaran kewangan dan pengurangan beban cukai. Cukai pendapatan yang ditetapkan sebanyak 15 peratus dan cukai ke atas keuntungan sebanyak 20 peratus. Dengan reformasi pemerolehan Kroatia, kerajaan menyukarkan ekonomi gelap, dengan cuba untuk menyekat “*kontrak awam tidak terkawal*”. Berkat dasar kredit, kewangan dan pendapatan yang terhad, mentaliti inflasi yang meluas selama bertahun-tahun telah berjaya dihancurkan, yang boleh dilihat melalui kestabilan mata wang Croatia, Kuna, yang kadar inflasinya pada tahun 1990an adalah antara 4-6 peratus. Namun, dasar reformasi kurang berjaya pada peringkat mikro-ekonomi, terutama dalam mengukuhkan sektor swasta. Perjuangan politik bererti bahawa tidak ada garis tetap yang diikuti. Proses transformasi pemilikan tidak telus, lebih memihak kepada orang dalam dan menghalang kemasukan modal asing. Syarikat-syarikat jarang ditekan untuk menjadi moden, ini yang merosakkan daya saing ekonomi eksport Croatia dan menyebabkan defisit imbalan dagangan berkembang. Namun kerajaan Croatia di bawah Perdana Menteri Ivo Sanader berjaya membawa negara

ini menuju kestabilan pada tahun-tahun berikutnya, dengan usaha untuk menyertai Kesatuan Eropah dalam minda mereka, yang tidak akan berlaku sehinggalah sepas kemerosotan akibat krisis kewangan berakhir. Ekonomi Croatia merudum sebanyak 6.7 peratus dalam suku pertama 2009. Bank Pusat Kroatia menganggarkan penurunan Keluaran Dalam Negara Kasar sebanyak empat peratus sepanjang tahun. Sebagai akibatnya ada demonstrasi massa dan beberapa seruan untuk penglibatan negara yang lebih dalam melawan pelaku pasar yang pentingkan diri dan egotistik. Perdana Menteri Sanader mengundurkan diri secara rasmi atas alasan peribadi dan Jadranka Kosor (seperti Sanader ahli Kesatuan Demokratik Croatia--hDz) mengambil alih jawatan itu dengan janji untuk menghapuskan jurang sosial di Croatia, yang telah menjadi lebih jelas semasa krisis. Di Serbia, juga, ada banyak korban peralihan, pergantian cepat kepada ekonomi pasaran dan juga disebabkan krisis kewangan.¹² Presiden Boris Tadic serta Perdana Menteri yang baru, Mirko Cvetković mengatakan bahawa kepentingan masing-masing peserta tidak boleh diutamakan daripada masyarakat secara keseluruhannya.

5. SLOVENIA SEBAGAI MODEL CONTOH

Tidak seperti Republik Czech dan Hungary dan seperti Croatia, Slovenia tidak memilih “terapi kejutan” untuk menukar sistem terpusat menjadi ekonomi pasaran. Slovenia terbukti menjadi juara polisi gradualisme,¹³ yang terutamanya jelas dalam penswastan syarikat-syarikat milik negara. Konsep penswastan dikongsi di antara pekerja dan pengurusan, yang bagaimanapun tertutup daripada pemegang saham luar negeri. Slovenia demikian membuktikan bahawa walaupun penswastan bank dan infrastruktur masih berlangsung hari ini, adalah satu-satunya anggota baru EU yang masih mempunyai saham kerajaan yang menakjubkan tinggi daripada KDNK, melalui saham langsung dan tidak langsung yang negara pegang sekitar 40 peratus daripada syarikat-syarikat di negara ini. setelah usaha untuk penswastan bank kedua terbesar di Slovenia “Nova Kreditna Banka Maribor (NKBM)”, dengan kegagalan pemegang saham asing, 49 peratus saham itu diapungkan di Bursa Saham pada tahun 2007.

12 Ahli perniagaan, pedagang dan petani melihat mata pencarian mereka dimusnahkan dan mereka sering mencari penyelesaian yang muktamad. Serbia yang kecil dengan populasi rendah berada di tangga ke 12 dalam kes bunuh diri di negara-negara Eropah. (*Cf.* Lopušina).

13 *Cf.* Vidović (2008).

Ketika Slovenia mencapai kemerdekaannya pada tahun 1991, soalan yang sering ditanya adakah sebuah negara kecil dengan hanya dua juta orang dapat bertahan dari aspek ekonomi--ketakutan yang kemudian terbukti tidak berasas. Slovenia saat ini adalah negara yang paling berjaya ekonominya di antara negara-negara Eropah Tengah dan Timur yang bergabung dengan Kesatuan Eropah (EU) pada tahun 2004 dan 2007. Jika anda lihat KDNK per kapita, negara itu telah mencapai tahap ekonomi yang lebih tinggi daripada Greece dan Portugal. Pengangguran sekitar lima peratus di bawah kadar purata EU dan jumlah defisit kurang dari satu peratus daripada KDNK. Pada awal tahun 2007 Slovenia telah menjadi negara pertama untuk ahli baru EU bergabung dalam Eurozone. Slovenia dibantu oleh posisi permulaanya yang menguntungkan yang membezakannya daripada negara-negara peralihan yang lain. Di satu sisi, ekonomi secara signifikannya lebih tinggi dan di sisi lain Slovenia sudah mempunyai hubungan perniagaan yang berkembang di Eropah Barat. Sementara ia masih sebahagian daripada bekas Yugoslavia, Slovenia mendapat manfaat dari perjanjian perdagangan dan kerjasama dengan Masyarakat Eropah (EC) yang mulai berlaku pada tahun 1980. Satu hal yang signifikan untuk sebuah kekuatan ekonomi republik konstituen yang kecil itu adalah pada tahun 1990, dengan hanya lapan peratus daripada seluruh penduduk Yugoslavia, hampir 30 peratus eksport Yugoslavia berasal dari Slovenia. Bagi pelabur asing itu adalah mungkin untuk melabur awal di negara bekas Yugoslavia itu. Republik konstituen Slovenia, yang mengkhusus dalam industri perkilangan dan mempunyai struktur industri yang serupa dengan konstituen lain di Eropah Barat, mempunyai jaringan hubungan rapat dengan republik-republik konstituen yang lain. Setelah runtuhnya Yugoslavia hubungan perdagangan sebahagian besar pecah. Banyak syarikat-syarikat besar yang sebelumnya merupakan pemimpin pasaran Yugoslavia menjadi muflis. Runtuhnya Kesatuan Soviet, salah satu rakan kongsi perdagangan luar negeri yang paling penting membawa kepada perubahan serius.

Transformasi sistem telah membawa bersama sebuah perubahan mendasar dari industri, yang telah mendominasi pada tahun 1990an, kepada sektor perkhidmatan yang terdiri daripada dua pertiga nilai tambah kasar. Pertanian juga digalakkan kembali. Ia menyusut menjadi sekitar dua peratus, sedangkan sebelum itu memainkan peranan penting dengan sekitar sembilan peratus. Dengan jumlah kerja yang sekitar 55 peratus, sektor perkhidmatan, khususnya di bidang perkhidmatan

perbankan dan kewangan dan perundingan cukai, berada jauh di bawah tahap Eropah Barat iaitu 73 peratus. Kemasukan pelaburan asing langsung rendah berbanding dengan negara-negara anggota baru EU yang lain, kerana seperti telah disebutkan, model penswastaan Slovenia dahulu hampir seluruhnya tertutup dari pelaburan asing. Kedua, proses transformasi yang panjang tidak menggalakkan syarikat swasta untuk mencari rakan kongsi strategik di luar negeri. Dan Ketiga, pihak berkuasa Slovenia sangat ragu-ragu dalam penswastaan perkhidmatan kewangan dan infrastruktur syarikat-syarikat.¹⁴ Totalnya hanya sekitar sepertiga daripada sektor perbankan Slovenia berada di tangan asing, sementara di negara anggota baru EU yang lain sektor perbankan majoritinya dikendalikan oleh bank asing. Di negara jiran Kroatia ini sebanyak 90 peratus. Sehingga akhir tahun 2006, portfolio pelaburan asing langsung berjumlah 6.8 bilion euro, di mana syarikat dengan saham dalam industri eksport memainkan peranan penting. Meskipun hanya lima peratus daripada keseluruhan perusahaan termasuk dalam kategori ini. Jumlahnya lebih dari satu pertiga daripada jumlah eksport. Sehingga akhir tahun 2006, syarikat-syarikat di Slovenia melabur sekitar 3.5 bilion euro di luar negeri, terutamanya di Serbia dan Kroatia, yang mewakili hampir setengah dari seluruh pelaburan asing Slovenia.

Perbezaan lebih lanjut antara Slovenia dan negara-negara peralihan yang lain adalah kestabilan politik. Sehingga pilihan raya 2004, ketika Sosial Demokrat Janez Janša berkuasa, Parti Liberal Demokrat (LDS) adalah yang parti yang mendapat undi paling tinggi sepanjang perjalanan politik, dalam kerajaan campuran (dengan Parti Rakyat Kristian, Parti Rakyat Slovenia dan Parti Pesara). Dari awal tempoh perundangan, ada usaha-usaha besar untuk reformasi, seperti pengenalan cukai rata, penswastaan infrastruktur syarikat, bank dan insurans yang pantas, serta pengurangan faedah sosial. Namun masyarakat Slovenia menolak sebahagian besar perubahan itu. Selepas laporan tentang cukai rata menunjukkan keburukan lebih dari kebaikan, idea itu dihentikan dan kumpulan cukai dikurangkan daripada lima menjadi tiga. Orang Ketidagembiraan rakyat Slovenia dengan konsep-konsep sosial dan ekonomi kerajaan liberal ditunjukkan dengan jelas dengan pemilihan

¹⁴ Pelaburan antarabangsa di Slovenia berjumlah kurang lebih 500 juta Euro setiap tahun. Pada tahun 2002, ketika lebih daripada satu billion Euro dibelanjakan adalah satu pengecualian. Pada masa itu syarikat farmasi Swiss, Novartis mengambil alih pasaran Slovenia daripada Lek dan KBC Group dari Belgium menguasai 34 peratus saham bank terbesar di Slovenia, "Nova Ljubljanska Banka".

Presiden baru yang bukan calon parti kerajaan, bekas Perdana Menteri dan kemudian ahli parlimen Eropah, Lojze Peterle, tetapi ahli politik sayap kiri Danilo Türk. Banyak pembahasan mengenai orientasi dasar ekonomi dan sosial yang memisahkan Slovenia dapat dilihat tidak hanya pada fakta bahawa parti liberal bekas memerintah telah kini berpecah menjadi parti-parti serpihan, tetapi juga fakta bahawa beberapa ahli terkemuka, termasuk bekas Perdana Menteri, Anton Rophave sekarang pindah ke Parti Demokrat Sosial.

6. POLAND DAN EKONOMI PASARAN SOSIAL

Di Poland, perbincangan polisi kawal-selia tentang arah tuju ekonomi politik yang benar menarik ramai peserta yang secara konsisten mengambil kedudukan sentral antara sikap yang sangat pelbagai, di satu sisi, pengkritik yang berorientasi sosial dalam pendekatan transformasi dan pendukung liberal pada satu sisi lain.¹⁵ Ahli ekonomi nasional yang terkenal dan Presiden Persatuan Ekonomi Poland selama bertahun-tahun, Zdzisław Sadowski, menganggap transformasi itu sukses kerana negara berjaya memperkenalkan Ekonomi Pasaran Sosial yang berfungsi dan secara bersamaan membina demokrasi. Namun, defisit sosial wujud bersamanya, kerana itu dia percaya bahawa penyelesaian untuk masalah ekonomi yang ada terletak dalam perbincangan akademik dan dalam implementasi idea Ekonomi Pasaran Sosial yang menurut perlembagaan. Tambahan pula, dia percaya bahawa negara, di samping kegiatan regulasi, harus bekerja untuk mencipta konsep pembangunan jangka panjang dan konsisten untuk negara, yang akan menangani masalah ekonomi, sosial, demografi dan ekologi Poland. Dalam pelbagai artikel Sadowski dan ahli ekonomi nasional yang lain daripada “jalan tengah” menyokong pendapat bahawa pembangunan masa depan Poland tidak boleh dibiarkan dengan prinsip *laissez-faire* semata-mata. Pasaran memerlukan pembedahan daripada polisi kawal-selia negara serta strategi pembangunan dilaksanakan untuk jangka panjang. Pendapat Jerzy Hausner adalah juga menarik dalam konteks ini: Tanpa sebenarnya berbicara tentang ordoliberalisme dan Ekonomi Pasaran Sosial, dia menyuarakan sokongan untuk tindakan ekonomi pasaran yang tunduk pada aturan ketat yang akan berlaku untuk setiap agen ekonomi. Di garis depan dia menempatkan organisasi peraturan institusi ekonomi.

Permintaan untuk transformasi model perlembagaan Ekonomi Pasaran Sosial, sehingga sering diulang oleh peserta yang paling penting

15 Cf. Pysz (2008).

dalam perbincangan dasar kawal-selia, menjadi bahkan lebih penting ketika kenyataan bahawa peralihan Poland yang bersifat agak asimetris diambil kira. Kepentingan utama para aktor politik yang bertanggung jawab adalah, pertama dan terutamanya, pertumbuhan ekonomi dan stabilisasi makro ekonomi yang mendorong ke depan kepada polisi kawal selia untuk jangka masa panjang yang berdasarkan pada sintesis matlamat ekonomi, sosial dan ekologi di dalam kegiatan ekonomi. Sama juga, menurut perbincangan akademik, dasar sosio-anthropologik ekonomi pasaran harus dimasukkan ke dalam refleksi dasar kawal-selia. Teori ekonomi mengandaikan bahawa dalam proses kegiatan ekonomi orang akan menggunakan ruang lingkup kegiatan mereka secara bertanggung jawab, namun hal ini tidak selalu berlaku di dunia nyata. Oleh kerana itu agen ekonomi boleh dan harus belajar dan mengamalkan penggunaan kebebasan yang bertanggung jawab, yang merupakan suatu yang dasar kawal-selia pasti boleh promosikan.

7. MASA DEPAN KONSEP INI DI EROPAH TIMUR

Dengan melihat kos transformasi dan krisis kewangan, ahli ekonomi terkemuka dunia, telah menguatkan pandangan mereka bahawa di era pensejagatan dan globalisasi proses ekonomi pasaran memerlukan suatu kerangka peraturan yang memenuhi keperluan pasaran. Kalimat pemenang Hadiah Nobel, Paul A. Samuelson, telah menjadi klasik: pasaran tidak memiliki hati, pasaran tidak punya otak, pasaran melakukan apa yang dilakukannya, itulah sebabnya mengapa pasaran memerlukan peraturan dan sistem undang-undang yang cekap. Bukan hanya di Poland, di mana realisasi Ekonomi Pasaran Sosial yang ditetapkan dalam pasal 20 daripada perlembagaan, tetapi juga di Republik Czech, di Kroatia atau di Serbia, di mana transformasi telah menyebabkan distorsi sosial yang cukup besar, bahawa ada tumbuh sokongan untuk dasar peraturan diberi kepentingan yang lebih besar. Sintesis dari konsep Ekonomi Pasaran Sosial Erhard dan *Wettbewerbsordnung* (aturan ekonomi berdasarkan persaingan) Walter Eucken, boleh digunakan sebagai asas untuk suatu dasar kawal-selia. Prinsip-prinsip peraturan persaingan (untuk: *Wettbewerbsordnung*) tidak hanya mencipta kerangka peraturan yang terbaik untuk semua peserta pasar, tetapi juga konsep Ekonomi Pasaran Sosial bertujuan, di atas segalanya, menguatkan dan menstabilkan asas sosio-anthropologis ekonomi pasaran yang terlalu sering diabaikan. Dengan *Wettbewerbsordnung* ekonomi pasaran berada dalam rangka kerja yang

tepat untuk itu, dan di mana semua warga negara dapat dengan bebas dan bertanggung jawab melakukan kegiatan ekonomi untuk keuntungan mereka sendiri dan untuk kebaikan masyarakat. Tapi adalah sukar untuk membincangkan suatu model ekonomi yang berusaha untuk menyatukan pertumbuhan dan kesetaraan sosial di negara-negara Eropah Tengah dan Tenggara setelah jatuhnya tirai besi, kerana kepentingan utama negara-negara peralihan adalah reorientasi cepat daripada model ekonomi terancang kepada sistem ekonomi pasaran bebas.

Membuka kepada pembangunan di negara-negara anggota Kesatuan Eropah seharusnya dijamin oleh pertumbuhan ekonomi yang kuat, sedangkan orientasi sebelah pihak, di satu sisi, membawa kecenderungan liberalisasi sangat kuat dengannya dan, di sisi lain, rencana penswastaan yang sebahagian hanya diimplimentasi dalam keadaan yang tidak memuaskan. Di banyak negara di kawasan-kawasan tersebut peranan negara dalam proses ekonomi terus menjadi tidak jelas. Pada masa yang sama, sebahagian besar negara di Eropah Tengah dan Tenggara yang bergelut dengan kesulitan sosial dan perbezaan pendapatan yang luas. Bahaya bahawa kecenderungan populis dalam politik menerima sokongan yang semakin luas, dan di Hungary, misalnya, ini telah menyebabkan kepercayaan terhadap negara menurun ke tahap berbahaya. Selepas fasa transformasi hampir 20 tahun banyak hal tampaknya telah berubah: minat terhadap model alternatif yang mungkin, seperti Ekonomi Pasaran Sosial, berkembang. Kesediaan untuk terlibat dalam dialog dasar kawal-selia berlaku, sekarang gelaran “sosial” mulai kehilangan reputasi buruk yang didapatnya melalui salah gunanya oleh sistem komunis.

Apakah gagasan Ekonomi Pasaran Sosial dapat memenuhi keinginan untuk cara ketiga yang manusiawi antara radikalisme pasaran dan sosialisme yang merosakkan untuk Eropah Timur, tidak sedikit bergantung pada bagaimana kita memperlakukan peninggalan Ludwig Erhard. Akankah kita berhasil memelihara kerjasama sosial, perpaduan, ketenangan batin mengikut kesesuaian pasaran dan tanpa menjadi sebahagian daripada sebuah negara kesejahteraan di masa mendatang di mana persaingan semakin sengit? Kecekapan ekonomi tidak harus menjadi tujuan akhir, melainkan juga harus diingat kepentingan umum. Itu dapat menjadi model untuk Eropah Timur dan Kesatuan Eropah yang diperbesar ke Timur, untuk mengelakkan keretakan sosial dan untuk menjaga kesejahteraan awam. Fakta bahawa konsep Ekonomi Pasaran Sosial di Eropah Timur tidak (belum) mencapai skala yang dikehendaki

dikaitkan dengan politik dan, sebagaimana disebutkan, juga dengan keadaan budaya. Keadaan politik, mudahnya adalah kerana Amerika Syarikat dipandang sebagai pelopor dan akhirnya sebagai pemenang dalam perjuangan untuk kebebasan, sementara Eropah Barat lebih sering dilihat sebagai pengikut yang ragu-ragu.

RUJUKAN

- Lakičević, Mijat (2009): *Pravoslavna etika i dub kapitalizma*, dalam: *Blic*, 18 April, 2009 (<http://www.blic.rs/ekonomija.php?id=88728>).
- Lopošina, Marco (2009): *Smrt kao cena lažnog života*, bertarikh 25 Oktober, 2009 (<http://serbianna.com/srpski/?p=153>).
- Müller-Armack, Alfred (1941): *Genealogie der Wirtschaftsstile. Die geistesgeschichtlichen Ursprünge der Staats- und Wirtschaftsformen bis zum Ausgang des 18. Jahrhunderts* – Stuttgart.
- Müller-Armack, Alfred (1956): *Soziale Marktwirtschaft*, in: *Handwörterbuch der Sozialwissenschaft*, vol. 9, Stuttgart, oleh Erwin von Beckerath, 1956, hlm. 390-392 (Diterbitkan semula di: Müller-Armack (1966): *Wirtschaftsordnung und Wirtschaftspolitik. Studien und Konzepte zur Sozialen Marktwirtschaft und zur Europäischen Integration* – Freiburg im Breisgau).
- Müller-Armack, Alfred (1945): *Zur Religionssoziologie des europäischen Ostens*, dalam: *Weltwirtschaftliches Archiv*, vol. 61, hlm. 163-192.
- Münchau, Wolfgang (2006): *Das Ende der Sozialen Marktwirtschaft* – München.
- Pysz, Piotr (2008): *Die aktuelle ordnungspolitische Diskussion in Polen*, dalam: *Orientierungen zur Wirtschafts- und Gesellschaftspolitik*, vol. 116, hlm. 69-71.
- Spielmann, Renzo (2009): *Die schwierige Freiheit nach dem Sozialismus*, dalam: *Die Tagespost*, 27 Oktober, 2009, hlm. 9.
- Stojiljković, Zoran (2008): *Socijalno-tržišna privreda u Srbiji?*, dalam: *EMportal*, 5 Jun, 2008 (<http://www.emportal.rs/vesti/srbija/52475.html>).
- Vidović, Hermine (2009): *Slowenien – eine Erfolgsgeschichte?*, dalam: *Orientierungen zur Wirtschafts- und Gesellschaftspolitik*, vol. 116, hlm. 64-68.
- Zweynert, Joachim (2006): *Wirtschaftskultur und Transformation* (HWWA-Forum – Wirtschaftsdienst 2006 No 12).

KEPENTINGAN KERAJAAN UNTUK MENYEDIAKAN PERLINDUNGAN IKLIM DALAM EKONOMI PASARAN SOSIAL

Janina Jänsch | Christian Vossler

1. ABSTRAK

Ekonomi Pasaran Sosial berpusat kepada kebebasan individu-individu dalam masyarakat. Matlamat-matlamat individu ini dapat direalisasikan melalui keteraturan kompetitif yang wujud dalam Ekonomi Pasaran Sosial kerana pasaran membolehkan kegiatan perdagangan secara sukarela. Ini menyumbang kepada kemajuan kebajikan masyarakat. Selain itu, Ekonomi Pasaran Sosial bersifat menyediakan sistem keselamatan sosial yang minimum, yang membantu sesiapa yang tidak dapat memperoleh pendapatan yang mencukupi dalam pasaran. Walaubagaimanapun, perlu ada pembezaan ketara antara persaingan di satu sisi dan keselamatan sosial yang di sisi lain. Perbezaan ini dapat memberi kesan kebajikan yang maksimum. Kerajaan pula tidak boleh untuk campurtangan dalam situasi yang melibatkan persaingan kecekapan. Tetapi, kerajaan boleh untuk campurtangan dalam kegagalan pasaran selagi campurtangan tersebut dapat memberi manfaat kepada masyarakat. Ingatlah, kerugian teruk bukan hanya akibat campurtangan yang salah tetapi juga campurtangan yang berlebihan.

Penulis akan menunjukkan peranan Ekonomi Pasaran Sosial dan kesan campurtangan kerajaan yang berlebihan dengan menggunakan contoh dasar iklim. Pengesahan untuk mana-mana campurtangan kerajaan dapat dibuat atas gangguan-gangguan luar yang negatif; tetapi, kebanyakan langkah-langkah yang dilaksanakan adalah tidak efisien. Ini dapat digambarkan melalui kemajuan terhadap sumber-sumber tenaga boleh baharu. Tanggungjawab kerajaan untuk tahun-tahun yang mendatang adalah untuk mencipta satu rangka penyeliaan antarabangsa untuk mencapai perlindungan iklim. Dalam penciptaan ini,

prinsip-prinsip Ekonomi Pasaran Sosial harus turut disematkan, supaya pemisahan antara pasaran yang berbentuk dagangan keluaran global dan pengalihan sosial kepada negara-negara sedang membangun akan menyumbang kearah dasar-dasar perlindungan iklim yang lebih efisien. Kepentingan bayaran-bayaran pampasan akan dijelaskan berasingan.

2. IDEA YANG MENUNJANGI EKONOMI PASARAN SOSIAL

Pusat alamiah bagi kesemua kewujudan sosial bersama adalah peribadi rakyat itu sendiri. Mana-mana keteraturan sosial mestilah beriltizam untuk menjamin kebebasan individu untuk setiap individu dalam masyarakat dan pada masa yang sama dapat membenarkan kewujudan sosial bersama yang akan memanfaatkan masyarakat secara keseluruhan. Keadaan ini bagaikan cerun yang licin, kerana setiap kali satu individu itu patuh kepada peraturan sosial, sebahagian daripada kebebasan individunya harus dilepaskan. Tetapi Thomas Hobbes mengemukakan bahawa, ia suatu keputusan yang waras bagi rakyat untuk melepaskan sedikit kebebasan individunya, supaya dapat memberi manfaat kepada kewujudan sosial bersama. Kerana akibat yang berbentuk ketakutan berterusan untuk hidup dalam negara anarki adalah lebih teruk daripada kehilangan sedikit kebebasan yang praktikal.¹ Sebaliknya, manfaat yang diperoleh daripada kehilangan kecil hasil kepatuhan terhadap peraturan sosial adalah kurang daripada manfaat tambahan yang diperoleh daripada kewujudan bersama yang aman. Umumnya, sebuah kerajaan hanya sah apabila rakyatnya secara sukarela mengamanahkan hak-hak mereka kepada kerajaan demi keuntungan rakyat akan manfaat daripadanya (iaitu kesediaan rakyat untuk pertukaran). Namun, hakikatnya sukar untuk mencari sempadan pemisah antara tanggungjawab kerajaan dan kebebasan individu rakyat.

Pertimbangan untuk konsep pentadbiran kerajaan sebegini yang membawa kepada Ekonomi Pasaran Sosial sebagai keteraturan sosial yang paling sesuai, kerana idea yang menunjangi Ekonomi Pasaran Sosial menjamin kebebasan peribadi setiap rakyat sementara melindungi mereka daripada salah laku kerajaan.

Wujud langsung daripada kepentingan utama kebebasan individu dalam Ekonomi Pasaran Sosial adalah sebuah sistem persaingan yang berorientasikan pasaran, yang dicirikan oleh kesediaan untuk pertukaran

¹ Rujuk Hobbes (1980).

apabila melibatkan pemain-pemain pasaran. Maka, persaingan bukanlah matlamatnya tetapi suatu wahana untuk mencapai peningkatan kebajikan untuk masyarakat.² Kesediaan untuk pertukaran adalah kepentingan paling atas dalam hal ini. Ia hanya berpatutan apabila, kedua-dua pihak merelakan pertukaran ini hanya apabila sekurang-kurangnya satu pihak mendapat baik tanpa memberi keburukan kepada pihak lagi satu selepas pertukaran (*Pareto criterion*).³ Pemerhatian dahulukala ini dikuatkan lagi bahawa setiap kesediaan untuk pertukaran membawa kepada peningkatan kebajikan masyarakat. Sementara itu, keagungan pengguna juga diambil kira, kerana struktur pengeluaran memenuhi kehendak rakyat itu sendiri. Oleh kerana syarikat-syarikat juga tidak terbatas dalam tawaran produk-produk mereka, adalah menjadi kepentingan mereka untuk memenuhi permintaan pengguna, yang menjadi suatu keperluan untuk mendapatkan keuntungan.⁴

Khalayak umum berpegang bahawa rakyat bertindak secara waras terhadap pasaran, iaitu menurut kehendak mereka dan juga maklumat yang diterima.⁵ Dengan itu, barangan pengeluar akan kehabisan apabila mereka bertindak mengikut kehendak sendiri iaitu dengan mengenakan bayaran paling rendah, sedangkan pengeluar akan cuba untuk mengenakan bayaran semahal mungkin untuk meningkatkan keuntungan mereka.⁶ Hasilnya adalah harga, seterusnya nisbah harga dalam pasaran yang memperlihatkan syarat-syarat subjektif rakyat terhadap perdagangan melalui kehendak mereka. Maka, harga adalah isyarat paling jelas dalam jaminan pasaran, di mana sumber-sumber yang ada diperuntukkan secara optimum dalam ekonomi. Dalam pasaran yang berfungsi, pengetahuan

2 Rujuk ORDO (1948).

3 Namun, kesalahan tidak boleh diabaikan, kerana keputusan untuk terlibat dalam kesediaan untuk pertukaran hanya bergantung bulat-bulat kepada maklumat pada ketika itu. Dengan maklumat terbaru, mungkin keputusan itu akan kelihatan sebagai satu kesilapan; tetapi ini tidak bermakna ia adalah penipuan yang disengajakan.

4 Ludwig von Mises menganggap prinsip ini sebagai demokrasi ekonomi: akhirnya, pengguna yang akan memilih produk-produk yang akan dikeluarkan oleh para usahawan. [Keuntungan] “adalah instrumen untuk menjadikan massa sebagai pemerintah.”

5 Jika ia tidak sebegini, maka tindakan ekonomi adalah sesuatu yang mustahil, kerana kesemuanya akan menjadi arbitrari dan mustahil untuk diramal. Kebiasaannya, terdapat contoh di mana individu-individu yang jelas-jelas terlibat dengan tindakan pasaran yang tidak rasional. Seterusnya, adalah mustahil untuk kita meramal perilaku satu individu manusia, dan saranan dasar ekonomi biasanya didapati daripada perilaku terjangka oleh beberapa individu.

6 Ini adalah strategi yang dominan walaupun bagi rakyat atau usahawan yang altruistik, kerana ia membolehkan penjimatan dan keuntungan maksimum untuk digunakan bagi tujuan-tujuan yang altruistik.

meluas tentang masyarakat digunakan secara efisien.⁷ Ini bersesuaian dengan “tangan ghaib” oleh pasaran yang dijelaskan oleh Adam Smith⁸ dan bertentangan dengan “tangan nyata” oleh ekonomi terancang.

Walaupun begitu, Ekonomi Pasaran Sosial bukan sekadar mengandungi ekonomi pasaran bebas. Ia juga menekankan kepentingan tanggungjawab kerajaan yang jelas, yang menempatkan Ekonomi Pasaran Sosial di tengah-tengah keterlaluan *laissez-faire* dan ekonomi terancang.⁹ Suasana persaingan yang berfungsi memerlukan bekalan dan pelaksanaan rangka penyeliaan daripada kerajaan. Kriteria paling penting sekali adalah bekalan sistem harga pasaran yang berkesan sebagai asas kepada prinsip legislatif ekonomi.¹⁰ Dasar ekonomi yang positif dapat melahirkan keteraturan yang kompetitif.¹¹ Ini termasuk satu dasar monetari yang bermatlamat untuk kestabilan matawang, kerana kedua-dua inflasi dan deflasi boleh mengganggu isyarat harga. Persekitaran yang kompetitif adalah berdasarkan kewujudan pasaran terbuka, yang menjamin kedinamikan insentif yang berterusan hasil daripada daya persaingan dan dapat membenarkan peruntukan sumber-sumber yang efisien ke seluruh ekonomi. Sebagai tambahan, harta pemilikan persendirian mencipta satu insentif yang dinamik untuk aktiviti ekonomi yang cekap, kerana usaha-usaha yang terhasil daripada penjaan pendapatan dan potensi untuk memiliki harta. Sebaliknya, pencapaian yang teruk akan menyebabkan kehilangan pendapatan yang sedia ada.¹² Maka, keutamaan juga diletak ke atas prinsip liabiliti di dalam keteraturan kompetitif tersebut, yang akan memastikan akibat ketara daripada keputusan yang lemah pada peringkat individu dan menyebabkan setiap keputusan dibuat dengan penuh tanggungjawab. Untuk membolehkan kesediaan untuk pertukaran, kebebasan berkontrak harus diberikan dan hanya boleh disekat sekiranya digunakan untuk menamatkan kontrak-kontrak tersebut dengan mengorbankan pihak ketiga. Bagi memastikan kebolehpercayaan perancangan untuk pelabur, ketakalan dalam dasar ekonomi adalah kuncinya. Akhirnya, kesemua prinsip-prinsip yang membentuk ini hanya dapat mendatangkan kesan positif sekiranya kesemua prinsip ini diselia dengan serentak.

7 Rujuk Hayek (1968).

8 Rujuk Smith (1976).

9 Rujuk Ordo (1948).

10 Rujuk Eucken (2004).

11 Rujuk Eucken (2004).

12 Kecenderungan antisosial yang disebabkan harta benda persendirian hanya akan timbul dalam persekitaran pasaran yang tidak sempurna, kerana ini membolehkan pemilik harta untuk menyalahgunakan kuasa mereka.

Dalam erti yang lebih luas, ciptaan dasar ekonomi yang aktif ini mungkin sudah boleh diambil kira sebagai penyeliaan kerajaan. Sebagai tambahan untuk menubuhkan rangka penyeliaan, langkah seterusnya daripada kerajaan mungkin munasabah kerana ianya salah satu ciri Ekonomi Pasaran Sosial. Ini dengan sendirinya membentuk campurtangan kerajaan terhadap kontrak kebebasan individu rakyat dan boleh ditakrifkan sebagai satu bentuk peraturan, ataupun lebih jelas sebagai satu peraturan khas.¹³ Pertimbangan normatif terhadap teori peraturan dapat membantu sehingga menjadikan campurtangan kerajaan secara langsung dalam pasaran meningkatkan kecekapan dan seterusnya menambahkan kebajikan masyarakat. Hasil kepada pertimbangan ini, pengawasan pesaing akan dilihat sebagai unsur konstitutif Ekonomi Pasaran Sosial. Ia menawarkan kepastian untuk asas campurtangan langsung sekiranya perlakuan yang tidak memihak pada pasaran, seperti penyelewangan kuasa pasaran. Selanjutnya, campurtangan kerajaan secara langsung boleh juga dijustifikasikan oleh kegagalan pasaran. Kegagalan pasaran akan terjadi sekiranya perilaku waras individu-individu tidak mendatangkan hasil kolektif yang waras. Ini biasanya berlaku apabila barangan awam, kesan-kesan luar, pengagihan maklumat tidak bersimetri dan monopoli-monopoli semulajadi terlibat. Hakikatnya, ia masih kurang jelas sama ada wujud atau tidak kegagalan sebegitu dan akibatnya terhadap aplikasi dasar ekonomi. Dalam kebanyakan kes, ekonomi kebajikan klasik digunakan sebagai kerangka untuk menentukan kegagalan pasaran. Namun, ini melibatkan risiko pengesahan kegagalan pasaran yang berkekalan, kerana pasaran ideal, yang digunakan sebagai rujukan standard dalam kebajikan ekonomi, hakikatnya tidak mungkin wujud.¹⁴ Ini menghalang kesimpulan bahawa kerajaan seharusnya campur tangan dalam kes-kes tertentu di mana kegagalan pasaran yang sudah ditentukan sebegitu, kerana masalahnya kegagalan pasaran diikuti dengan bahaya akan kegagalan kerajaan. Maka, syarat-syarat yang memenuhi kegagalan pasaran harusnya wujud, syarat-syarat keperluan untuk manfaat yang lebih daripada kos berkaitan akibat campurtangan kerajaan juga harus dicapai. Kalau tidak, ia semudah itu akan mengakibatkan kegagalan kerajaan, kerana campurtangan kerajaan yang mengurangkan kebajikan sosial. Andaiannya adalah kerajaan tidak maklum secara sistematik berbanding pasaran. Namun begitu, ini

13 Rujuk Weizsäcker (1982) sebagai contoh.

14 Menurut Demsetz (1969), perbandingan sebegini dipanggil sebagai pendekatan Nirvana.

diperlukan untuk mengawal lebih baik peruntukan bagi sumber-sumber. Kegagalan kedua-dua kerajaan dan pasaran menunjukkan had potensi kepada struktur koordinasi pasaran di satu sisi dan struktur kerajaan atau struktur politik di sisi lain.¹⁵ Akhirnya, persoalan tentang sama ada perlu atau tidak dan bagaimana perlunya campur tangan kerajaan perlu dipertimbangkan. Menurut idea yang menunjangi Ekonomi Pasaran Sosial, keuntungan oleh persekitaran kompetitif seharusnya dipengaruhi selagi mana struktur kompetitif mungkin terjadi. Oleh sebab itu, persoalan sejauh mana kerajaan harus campur tangan dalam kehidupan ekonomi juga soal tahap kebebasan sesebuah masyarakat.¹⁶ Dengan itu, kebebasan anugerah sistem Ekonomi Pasaran Sosial yang mewujudkan tindakan perilaku bertanggungjawab dan melalui insentif yang disebut awal tadi, dapat membawa ke arah kebajikan masyarakat yang sebaik mungkin.

Untuk tambahan bagaimana untuk menghuraikan kegagalan kebajikan ekonomi pasaran, kegagalan pasaran boleh ditakrifkan secara keseluruhan sebagai satu *terminus technicus* terhadap situasi di mana pasaran tidak sesuai untuk menyelesaikan masalah ekonomi ataupun di mana terdapat penyelesaian yang lebih baik untuk memperbaiki situasi rakyat. Contohnya, kegagalan pasaran mungkin ditentukan setelah mempertimbangkan dasar pengagihan kekayaan di dalam keteraturan sosial. Pasaran hanya membalas usaha daripada pemain-pemain pasaran sahaja. Dalam situasi di mana segelintir usaha rakyat tidak mencukupi, ia menjadi kemunasabahan ekonomi untuk menjamin keselamatan di tahap minimum untuk rakyat-rakyat ini.¹⁷ Kerana matlamat utama keteraturan sosial adalah untuk membantu rakyat, maka Ekonomi Pasaran Sosial, yang membolehkan partisipasi sosial di tahap minimum, dicirikan dengan tawaran keselamatan yang minimum kepada semua rakyat yang memerlukan, tidak kira samada keperluan itu datang akibat diri mereka sendiri ataupun tidak.

Namun, walaupun dengan kewujudan tahap keselamatan minimum, ekonomi dan dasar-dasar sosial harus dipisahkan, maksudnya langkah utama keuntungan kompetitif harus dipengaruhi supaya dapat meningkatkan kebajikan masyarakat sebanyak mungkin. Di sudut lain, kerajaan juga boleh melaksanakan pengagihan semula melalui sistem

15 Rujuk Watrin (1999).

16 Rujuk Ibid.

17 Rujuk Buchanan/Tullock (1962), dan Brannan (1973).

cukai dan sistem pemindahan. Dengan itu, keseluruhan kebajikan yang terbanyak dapat diperolehi.¹⁸

Ringkasnya, keuntungan-keuntungan daripada Ekonomi Pasaran Sosial bergantung kepada keutamaan pertamanya iaitu perlindungan terhadap kebebasan-kebebasan awan dan manfaat yang terhasil daripada perilaku-perilaku bebas rakyatnya dalam suasana kompetitif yang mempengaruhi masyarakat secara keseluruhan. Apa yang penting dalam pasaran adalah pencapaian individu, tidak kira kaum, jantina ataupun status peribadi. Ini menjamin layanan sama rata, kerana semua rakyat adalah sama dalam kacamata undang-undang dan tidak seorang pun dinafikan hak-hak mereka untuk institusi-institusi awam seperti sekolah dan mana-mana agensi.¹⁹

3. PERLAKSANAAN PRAKTIKAL EKONOMI PASARAN SOSIAL

Perlaksanaan praktikal dalam idea yang menunjangi Ekonomi Pasaran Sosial jelas menunjukkan kelemahan kepada campurtangan kerajaan. Hakikatnya, persoalan sama ada perlu atau tidak dan sejauh mana campurtangan yang diperlukan harus dipertimbangkan dengan berhati-hati. Ini membawa kepada banyak permasalahan, yang terbukti oleh sebab terlalu banyak peraturan-peraturan yang wujud. Contohnya, nisbah perbelanjaan awam²⁰ telah meningkat lebih kurang 50 peratus, yang sebahagiannya kerana campurtangan besar-besaran kerajaan semasa krisis ekonomi.²¹

Persekitaran kompetitif sememangnya tidak popular di kalangan pemain-pemain pasaran, kerana tekanan daripada daya persaingan yang memaksa mereka untuk terus menghasilkan produk-produk dan perkhidmatan-perkhidmatan baru. Selesa dengan pencapaian lepas adalah tidak mungkin sekali dalam persekitaran begini. Sebab itu, ramai peserta-peserta pasaran cuba untuk menentang peraturan khas atas asas “faktor-faktor khusus,” kebiasaannya kerana sebab-sebab “jelas” kegagalan pasaran, ketidakbergantungan nasional, keselamatan keluaran, penciptaan pekerjaan atau kepentingan sosial industri mereka. Sebenarnya, kelompok

18 Pertimbangan ini adalah hasil daripada prinsip pertama dan kedua teori kebajikan ekonomi.

19 Rujuk Arentz et al. (2008).

20 Nisbah perbelanjaan awam dikira melalui peratus jumlah perbelanjaan kerajaan dalam Keluaran Negara Kasar.

21 Rujuk Handelsblatt (2009).

berkepentingan tersebut cuba untuk mencapai pengagihan semula sewa ekonomi mengikut kehendak mereka dan kebiasaannya dengan mengorbankan pihak-pihak ketiga. Analisis positif daripada peraturan menunjukkan perlakuan sebegini selalu dicapai melalui minoriti kecil yang disusun rapi. Lebihan tersebut kemudiannya diagihkan daripada majoriti kepada minoriti.²² Berdasarkan prinsip, pengagihan lebihantersebut bukanlah masalah ekonomi, kerana isu ke mana lebihan sosial terakru sememangnya tidak relevan untuk kebajikan sosial. Namun, peraturan-peraturan kerajaan sehari-harian masih membawa kepada kerugian teruk kepada masyarakat, justeru menghalang pertimbangan normatif berkenaan peranan campurtangan kerajaan dalam ekonomi. Kerugian teruk ini mengakibatkan kesan pada orang lain kerana usaha-usaha melobi kelompok berkepentingan ini membazirkan sumber-sumber yang tidak perlu.²³ Tambah lagi, campurtangan mendatangkan kos sosial berbentuk penyekatan berlebihan terhadap kebebasan.

4. PERANAN KERAJAAN DALAM DASAR PERLINDUNGAN IKLIM

Dasar perlindungan iklim boleh digunakan untuk menganalisa peranan kerajaan dan Ekonomi Pasaran Sosial, dalam kedua-dua teori dan praktis, dalam mengatasi kegagalan pasaran.

Dalam teori ekonomi, permasalahan dengan perlindungan iklim bergantung kepada kesan-kesan luar (yang negatif). Penjanaan tenaga daripada bahan bakar fosil tidak boleh lari daripada pengeluaran gas-gas rumah hijau. Peningkatan jumlah antropogen gas-gas rumah hijau²⁴ ke dalam atmosfera membawa kepada peningkatan purata suhu global. Kesan-kesan negatif kepada manusia, seperti penggurunan atau peningkatan paras laut, memang diketahui ramai.²⁵ Kesemua perniagaan tidak perlu untuk mengambil kira kos kerosakan iklim akibat pengeluaran gas rumah hijau di dalam pengiraan perbelanjaan mereka, kerana penggunaan “udara bersih” tidak datang dengan tanda harga.²⁶ Dalam kata lain, kos marginal persendirian pengeluaran tenaga yang disebabkan

22 Rujuk Stigler (1971).

23 Rujuk Tullock (1967).

24 Gas rumah hijau merujuk kepada unsur-unsur gas yang menyumbang kepada Kesan Rumah Hijau. Gas rumah hijau yang paling diketahui ramai adalah gas-gas Kyoto, iaitu gas-gas yang dirangkumkan dalam Kyoto Protocol. Ini termasuk karbon dioksida (CO₂), metana (CH₄), nitrus oksida atau gas ketawa (N₂O), fluorokarbon dan sulfur hexaflorida (SF₆). Cf. United Nations (1998).

25 Rujuk Stern (2006).

26 “Udara bersih” ialah hak sumber-sumber bersama (common pool resource), iaitu setiap manusia tidak boleh dinafikan penggunaannya. Rujuk Donges (2004).

oleh pemilik-pemilik perniagaan adalah lebih rendah daripada kos marginal sosial yang disalahkan oleh masyarakat. Peniaga mampu untuk menawarkan produk mereka dengan kadar harga yang lebih rendah, yang menyebabkan terjadinya penggunaan berlebihan produk-produk ini. Akibat daripada kesan-kesan luar yang negatif, nisbah harga antara produk yang bahaya pada iklim dan produk yang neutral menjadi kucar-kacir, yang mencetuskan gangguan terhadap fungsi isyarat harga. Lalu, ini boleh dikira sebagai tanggungjawab kerajaan untuk membetulkan nisbah harga dengan mendalami kesan-kesan luar yang negatif tersebut, yang akan membenarkan sumber-sumber diperuntukkan sekali lagi kepada kegunaan yang paling cekap dalam persekitaran yang kompetitif, lalu dapat menghindari daripada pembaziran. Ini hanya dapat dilakukan apabila langkah kerajaan menggunakan sumber lebih sedikit daripada yang dipelihara melalui campurtangan kerajaan. Oleh sebab tiada data yang boleh dipercayai tentang jumlah eksternaliti yang wujud, campurtangan kerajaan hanya mampu mencapai nisbah harga yang betul dengan tidak sengaja, sekiranya dapat. Maka, campurtangan kerajaan hanya mampu menghasilkan penyelesaian yang kedua terbaik.

5. TANGGUNGJAWAB KERAJAAN UNTUK MENYEDIAKAN RANGKA TINDAKAN

Penyelesaian kompetitif adalah dengan pelaksanaan denda ke atas pelepasan gas rumah hijau. Ini akan memaksa peniaga-peniaga untuk mempertimbangkan perbelanjaan sebegini dan dapat mewujudkan penumpuan kos swasta dan kos sosial. Pada prinsipnya, ini dapat dicapai melalui pencukaian atau perakuan perusahaan.²⁷ Dalam penyelesaian berbentuk cukai, setiap unit gas rumah hijau dikenakan cukai, dengan ini ia mempunyai harga. Kesemua perniagaan sekarang terpaksa untuk mempertimbangkan kos gas rumah hijau ini dalam kos pengeluaran. Peranan kerajaan dalam perakuan perusahaan pula mengandungi penjanaan hak-hak pemilikan²⁸ untuk setiap unit pelepasan gas rumah hijau. Bilangan hak pelepasan (gas rumah hijau) adalah terhad, menyebabkan pelepasan seunit gas rumah hijau menjadi

27 Kedua-dua penyelesaian cukai dan perakuan perusahaan tidak boleh dianggap sebagai penyelesaian terbaik, kerana kadar cukai ideal dan jumlah hak-hak ideal yang sedia ada belum diketahui lalu hanya dapat dianggarkan.

28 Idea tentang hak harta berpunca daripada Ronald Coase, yang menentukan bahawa apabila hak harta benda dapat ditakrifkan dengan jelas dan mampu dipasarkan, akan terhasil kecekapan dalam pasaran tanpa perlu campurtangan lanjut oleh kerajaan. Rujuk Coase (1960).

hak yang sukar diperolehi. Kerana hak-hak ini boleh dipasarkan, maka harga untuk hak pelepasan muncul di dalam pasaran. Senario sebegini juga menyeru peniaga-peniaga yang melepaskan (gas rumah hijau) membayar harga setiap unit gas rumah hijau, yang memaksa untuk mereka turut mempertimbangkan kos ini dalam proses pengeluaran. Peniaga-peniaga terpaksa mempertimbangkan sama ada untuk membeli perakuan untuk pelepasan seunit gas rumah hijau atau lebih elok untuk mengelakkan pelepasan gas tersebut. Selagi mana penghindaran ini lebih murah daripada membeli hak pelepasan, peniaga-peniaga akan memilih jalan penghindaran. Justeru, isyarat harga digunakan untuk mewujudkan peruntukan efisien untuk hak pencemaran, iaitu hanya mereka yang memperoleh keuntungan terbanyak daripada pelepasan gas tersebut akan mengeluarkannya. Pada mulanya mungkin ini seolah-olah bercanggahan; namun, kita tidak boleh lupa bahawa (misalnya) masyarakat mendapat keuntungan besar daripada pengeluaran tenaga. Berikut adalah campurtangan yang mengubah rangka tindakan untuk masyarakat. Dalam kerangka ini, persaingan boleh terus kekal tanpa perlu peraturan lagi.

6. TIADA JUSTIFIKASI BAGI PENSUBSIDIAN TERHADAP SUMBER TENAGA BOLEH BAHARU

Dagangan emisi gas sesuai dengan prinsip dasar Ekonomi Pasaran Sosial, kerana daya-daya pasaran masih digunakan. Perlindungan iklim dapat dicapai dengan efisien. Tindakan lanjut mungkin tidak perlu lagi dan harus dielakkan. Kesatuan Eropah harus mengambil langkah pertama di sini dan menyumbang kepada tujuan utama perlindungan iklim.

Meskipun Kesatuan Eropah tidak melaksanakan langkah-langkah perlindungan iklim yang lain. Namun, cita-cita 20-20-20, iaitu pengurangan pelepasan CO₂ sebanyak 20 peratus, peningkatan kecekapan tenaga sebanyak 20 peratus dan peningkatan perkongsian tenaga boleh baharu kepada 20 peratus sebelum 2020²⁹ hanya membawa kepada kerugian dalam kecekapan. Ini harus dijelaskan berdasarkan asa pemberian subsidi tenaga boleh baharu. Selain subsidi langsung kepada lain-lain teknologi, juga terdapat langkah-langkah utama seperti Renewable Energy Sources Act (untuk: *Gesetz für den Vorrang Erneuerbarer Energien*, ringkasnya: *Erneuerbare-Energien-Gesetz*, EEG) dan Combined Heat and Power Act (untuk: *Gesetz für die Erhaltung, die Modernisierung und den Ausbau der*

29 Rujuk European Parliament (2008).

Kraft-Wärme-Kopplung, ringkasnya: *Kraft-Wärme-Kopplungsge-setz*, KWKG).³⁰ Renewable Energy Sources Act memerlukan pembekal untuk memberi setiap tenaga yang ada daripada sumber tenaga boleh diperbaharui ke dalam rangkaian mereka dan untuk mengimbangnya kepada tahap yang ditentukan oleh kerajaan. Kerana pengeluaran tenaga daripada sumber tenaga boleh diperbaharui adalah lebih mahal daripada pengeluaran dari sumber tenaga fosil, kadar pampasan melebihi harga elektrik daripada bahan api fosil.³¹ Kos-kos tambahan ini diperuntukkan kepada harga elektrik oleh syarikat elektrik. Combined Heat and Power Act mewakili langkah-langkah bersesuaian untuk membekalkan tenaga dari gabungan haba dan loji penjanaan tenaga. Berbeza dengan subsidi langsung, yang juga tersedia luas untuk tenaga-tenaga boleh diperbaharui, kos unit EEG dan KWKG dibayar terus oleh pengguna dan kerana itu ia tidak muncul dalam pembentangan bajet perumahan daripada kerajaan persekutuan.

Kos tinggi yang terhasil oleh subsidi ini mempunyai kesan serius terhadap ekonomi. Akibat daripada kenaikan cukai yang disebabkan oleh subsidi dan peningkatan kos tenaga disebabkan peruntukan untuk EEG, kedua-dua isi rumah dan juga perniagaan mengalami kerugian. Disebabkan kos tinggi ini, peniaga tidak boleh melabur dengan banyak (sekiranya mampu), dan mungkin juga terpaksa untuk menfailkan kemuffisan sekiranya bernasib malang. Akibatnya, banyak rakyat akan hilang pekerjaan.

Subsidi juga menyebabkan banyak sumber tenaga disalah agih. Sebagai contoh, pekerja-pekerja yang hanya diupah bekerja dalam bidang fotovolta kerana subsidi yang diberikan,³² sedangkan para pekerja ini boleh dikerah dengan lebih produktif dalam perniagaan atau sektor yang berlainan. Gaji seorang pekerja mencerminkan kos peluangnya, iaitu jumlah yang pekerja ini mampu untuk perolehi di tempat lain dalam ekonomi. Dengan itu, sumber-sumber bernilai ini sedang dibazirkan.

Selain itu, inisiatif komersial swasta dalam membangunkan teknologi untuk menghilangkan pelepasan gas rumah hijau adalah terhalang dengan serius, kerana projek-projek yang dibiayai sepenuhnya oleh sektor swasta kelihatan sia-sia untuk bersaing dengan teknologi yang mendapat subsidi tinggi.

30 Rujuk Federal Ministry of Economics and Technology online (2009).

31 Ini boleh merujuk kepada Renewable Energy Sources Act. Di sini, fotovolta, tenaga boleh baharu yang termahal mempunyai kadar pampasan tertinggi, iaitu pada kadar maksimum 43.09 Eurocents per kilowatt jam. Rujuk Federal Ministry for the Environment, Nature Conservation and Nuclear Safety (2009).

32 Berdasarkan pengiraan RWI, pemberian subsidi berjumlah 150,000 Euros dibayar untuk setiap posisi dalam sektor ini, Cf. Frondel (2008).

Akhirnya, bahaya besar sekiranya campurtangan kerajaan gagal untuk memajukan teknologi-teknologi yang paling cekap. Suatu pemberian subsidi langsung kepada teknologi tertentu akan bermanfaat sekiranya kerajaan lebih maklum secara sistematik daripada kesemua pemain-pemain dalam pasaran. Namun, ini tak mungkin akan terjadi. Dengan itu, subsidi langsung terhadap teknologi tertentu atau sektor-sektor tertentu hanyalah satu kepura-puraan berpengetahuan³³ oleh kerajaan.

Tambah pula, pemberian subsidi tenaga boleh diperbaharui dalam pasaran elektrik tidak menjejaskan langkah-langkah perlindungan iklim, kerana pengeluaran tenaga sudah sedia terintegrasi dalam perusahaan pelepasan gas rumah hijau. Walaupun subsidi tersebut membantu menghilangkan pelepasan dari pengeluaran elektrik di Jerman, ini hanya bermaksud bahawa syarikat-syarikat bekalan elektrik hanya boleh memiliki hak pelepasan yang lebih sedikit. Keputusannya, permintaan menurun, lalu menyebabkan penurunan harga karbon. Di saat itu, industri-industri lain di Jerman dan negara-negara Eropah yang lain akan tertarik untuk membeli hak-hak pelepasan dan menggunakan ia untuk pengeluaran mereka sendiri. Jumlah keseluruhan hak-hak pelepasan, dan jumlah keseluruhan pelepasan dalam Kesatuan Eropah, tidak dipengaruhi oleh umpan pampasan; ia hanyalah membawa kepada pemberian subsidi pelepasan CO₂ dalam industri-industri lain. Misalnya, satu isi rumah pasti dapat menjimatkan kos tenaga dan kos elektrik dengan membeli sebuah lampu jimat tenaga, tetapi ini tidak bermakna satupun auns CO₂ terselamat dalam Kesatuan Eropah. Namun, ahli politik dan media masih menyarankan kepada pengguna bahawa dengan membeli lampu jimat tenaga atau dengan berjimat tenaga secara umum, mereka dapat menyumbang kepada perlindungan iklim. Maklumat tidak tepat ini seharusnya ditamatkan serta-merta dan digantikan dengan usaha untuk mendidik secara luas dan jelas tentang peluang-peluang dan kos-kos terhadap perlindungan iklim.

Walaupun sektor-sektor yang hingga kini belum termasuk dalam perusahaan pelepasan gas sememangnya didapati mengurangkan pelepasan CO₂ dengan penggunaan sumber tenaga boleh diperbaharui, meskipun begitu, pemberian subsidi masih lagi tidak wajar dalam hal sebegini.³⁴ Satu contoh daripada Renewable Energies Heat Act (*Erneuerbare-Energien-Wärmegesetz, EEWärmeG*), yang mula memberi kesan pada awal

³³ Rujuk Hayek (1975).

³⁴ Di ketika ini, European Emissions Trading Scheme mengesan hanya 40 peratus daripada keseluruhan pelepasan CO₂ di seluruh Kesatuan Eropah. Rujuk eurAktiv (2009).

tahun ini dalam sektor tenaga haba.³⁵ Akta tersebut menghendaki semua pemilik kepada rumah yang baru dibina untuk menjanakan sebahagian daripada haba mereka dengan tenaga boleh diperbaharui. Hasilnya, penggunaan bahan api fosil untuk menjana haba dapat dikurangkan dan pelepasan gas akhirnya mereda; namun, kos tinggi masih lagi berterusan kerana pengurangan tersebut tidak lagi dibuat di kawasan-kawasan yang jimat kos. Mereka yang terpengaruh dengan peraturan-peraturan dibebani dengan kos yang lebih tinggi dari sepatutnya. Penyelesaian yang lebih bermanfaat adalah dengan memperluas perusahaan pelepasan gas kepada industri lain, yang akan membenarkan semua pengguna untuk menggunakan harga pada satu tan CO₂ atau pemanas minyak atau gas yang lebih mahal mengubah permintaan mereka mengikut kehendak peribadi mereka. Ini akan menyebabkan setiap orang untuk membuat keputusan secara individu sama ada mengendahkan kenaikan harga supaya dia dapat membina bilik yang lebih panas atau mengajar diri untuk bertukar daripada tenaga haba kepada sumber tenaga boleh diperbaharui. Pilihan yang kedua lebih menepati ekonomi sekiranya harga minyak pemanas, termasuk kos untuk hak-hak pelepasan gas, lebih tinggi daripada harga untuk sumber tenaga boleh diperbaharui yang paling murah. Jika harganya lebih murah, memandangkan harga karbon berkait dengan kos-kos pengurangan marginal, masih terdapat pilihan yang lebih murah untuk mengurangkan pelepasan gas CO₂. Selepas proses internalisasi menyeluruh terhadap kesan luaran negatif, bantuan daripada kerajaan atau subsidi tidak lagi diperlukan. Dengan itu, subsidi terhadap sumber tenaga boleh diperbaharui mesti dihentikan dengan segera. Matlamat utama dasar perlindungan iklim yang cekap seharusnya adalah untuk mengurangkan pelepasan gas rumah hijau. Peningkatan perkongsian sumber tenaga boleh diperbaharui seharusnya menjadi hasil daripada dasar iklim bukannya matlamat dasar iklim.

7. EKONOMI PASARAN SOSIAL DAN DASAR PERLINDUNGAN IKLIM NASIONAL

Perbincangan sosial berkenaan peningkatan kos tenaga kini sedang berlangsung, yang biasanya sekitar kuasa pasaran oleh pembekal elektrik yang dominan. Namun, masalah yang ini menunjukkan bahawa peningkatan kos tenaga memang dikehendaki dalam ekonomi supaya kerosakan iklim dapat dikira ke dalam kos pengeluaran tenaga

35 Rujuk Federal Ministry for the Environment, Nature Conservation and Nuclear Safety (2008).

dan dijadikan satu insentif untuk menjimatkan tenaga. Kelebihan utama Ekonomi Pasaran Sosial yang tidak boleh dinafikan adalah kemampuannya untuk menampung setiap rakyat dengan satu standard penyertaan sosial yang minimum, termasuk bekalan tenaga yang cukup. Permasalahan timbul dari kecenderungan politik untuk mengganggu sistem harga atas sebab-sebab sosial. Ini menimbulkan pasaran yang sangat tidak efisien dan sering mendatangkan beban kepada kelompok-kelompok yang sepatutnya bebas daripada beban tersebut. Misalnya, terdapat perbincangan serius mengenai pengenalan tarif sosial dalam pasaran tenaga elektrik, yang memang tidak terlaksana pada akhirnya. Namun, di bahagian bantuan kebajikan dan faedah pengangguran ALG II (*Arbeitslosengeld II*), kerajaan melakukan campur tangan langsung atas sebab-sebab sosial dengan menanggung kos-kos tenaga mereka. Ini supaya harga tenaga yang miskin tidak membebani warga miskin. Satu kelebihan bantuan ini adalah, hanya rakyat yang benar-benar memerlukan akan menerima bantuan, kerana bantuan ini terikat dengan satu ujian upaya.³⁶ Namun, bantuan sosial ini masih lagi kurang kecekapannya.

Dari sudut perlindungan iklim, bantuan ini tidak diragui membawa kepada kesilapan insentif yang bahaya, memandangkan ia terus mengukucar-kacirkan nisbah harga ke jalan salah. Penyerapan kos pemanasan bagi rakyat memerlukan hasil yang kurang insentif supaya dapat menjimatkan tenaga mahal ini. Kerana, penurunan harga yang mendadak menyebabkan peningkatan penggunaan tenaga, yang akhirnya menggagalkan usaha perlindungan iklim oleh kerajaan.

Barangan yang perlu untuk keperluan harian dan menunjukkan kurang perbezaan harga dan kos tenaga mengikut kawasan, adalah lebih baik disubsidi dengan kadar sama rata yang standard. Satu pemindahan kepada mereka menggariskan kebebasan individu masyarakat miskin untuk menggunakan cara ini bersesuaian dengan keutamaan mereka dan untuk meningkatkan faedah peribadi mereka. Oleh kerana itu, faedah ini boleh dipertingkatkan jika penyerapan kos hidup dan kos pemanasan (berdasarkan pemindahan) digantikan oleh kenaikan kadar standard sehingga menyebabkan peningkatan kos tenaga (pemindahan secara tunai). Dengan perubahan kepada nisbah harga, kemungkinan besar masyarakat miskin tidak akan menggunakan sepenuhnya kadar standard

³⁶ Ini bukannya perihal langkah-langkah sosial daripada kerajaan. Kebanyakan langkah bukannya berdasarkan ujian sebenar atau hanya berdasarkan indikator-indikator yang tidak cukup, seperti pendapatan bulanan dalam pengagihan semula dalam sistem insurans kesihatan wajib.

yang dinaikkan untuk kos tenaga, tetapi ada juga yang akan menguna gantikan kadar tersebut untuk bahan-bahan lain. Secara keseluruhan, kadar faedah kepada orang miskin dapat dinaikkan.

Dari perspektif dasar iklim, perlindungan berterusan untuk kaum miskin memang bermakna, kerana ini tidak akan menasarkankan nisbah harga dan memperoleh peruntukan optimum dari sumber-sumber yang jarang ditemui tanpa menjejaskan insentif penjimatan tenaga.

8. MASALAH-MASALAH PERUSAHAAN PELEPASAN GAS DI EROPAH

Sewaktu Persidangan Perubahan Iklim PBB ke tiga (COP-3) di Kyoto pada 1997, pengenalan kepada perusahaan pelepasan gas berjaya menubuhkan satu sistem untuk menggunakan kuasa pasaran seperti yang digambarkan. Dalam Kyoto Protocol, Kesatuan Eropah komited kepada pengurangan sebanyak 8 peratus pelepasan gas rumah hijau sebelum 2012, dan telah menubuhkan Sistem Perusahaan Pelepasan Gas Eropah (European Emission Trading System)³⁷ untuk CO₂ pada tahun 2005 bagi menepati matlamat ini.³⁸ Dengan usaha ini, perlindungan iklim berjaya dikemukakan ke persada antarabangsa. Pada tahun 2008, Kesatuan Eropah meningkatkan sasaran ini kepada pengurangan sebanyak 20 peratus (sehingga 2020).³⁹ Namun, peranan utama ini memerlukan kos yang tinggi daripada ekonomi Eropah. Perusahaan Pelepasan gas dianggap sebagai satu sistem cekap dalam teori ekonomi; namun, ia hanya berandaian kepada sistem yang menyeluruh. Lagipun, Sistem Perusahaan Pelepasan Gas Eropah ini mempunyai kawalan mengikut kawasan, yang menimbulkan masalah penting yang berkaitan dengan kecekapan dan pencapaian sasaran. Sebagai permulaan, kawalan kawasan ini menyebabkan kesukaran untuk bersaing kepada peniaga-peniaga Eropah yang bersaing di peringkat antarabangsa. Keperluan untuk memiliki hak pelepasan gas lagi meningkatkan kos pengeluaran kesemua barangan

37 Ini sepatutnya dipanggil “emission rights trading system”, kerana ia tentang perusahaan hak pelepasan gas bukannya pelepasan gas itu sendiri. Istilah “European Emission Trading System” akan dikekalkan kerana ia digunakan dalam sistem Eropah.

38 Konsep “gelembung” yang ditetapkan dalam Kyoto Protocol membolehkan dua atau lebih negara untuk memenuhi tanggungjawab untuk mengurangkan pelepasan secara bersama. Hanya jumlah pelepasan gas keseluruhan sahaja relevan. Rujuk Umweltdatenbank (2009).

39 Persetujuan ini dibuat komuniti antarabangsa dalam satu pasca-Kyoto protocol dalam sistem perakuan perusahaan antarabangsa (international certificate trading system). Rujuk European Parliament (2008).

yang menghasilkan CO₂. Dalam kes produk tempatan, peniaga-peniaga boleh mengelakkan peningkatan kos tersebut dengan mengenakan harga yang tinggi kepada pengguna, yang juga akan membawa kepada reaksi permintaan yang dikehendaki. Ini mungkin berlaku kerana semua peniaga dalam industri ini dibebani dengan kos-kos tambahan, yang bermaksud syarat-syarat persaingan adalah sama bagi semua perniagaan yang menawarkan produk ini. Namun, ini berbeza bagi perniagaan yang berdagang dalam pasaran global. Perniagaan-perniagaan ini bertembung dengan pesaing-pesaing antarabangsa dan bersaing dengan perniagaan di luar Eropah yang pengeluarannya tidak dikenakan kos pencemaran. Meletakkan kos-kos tambahan pada harga kelihatan agak mustahil, kerana ini boleh mengakibatkan perniagaan-perniagaan yang terjebak kehilangan bahagian pasaran sekiranya bertuah atau terus tenggelam dibaham pasaran sekiranya nasib mereka malang. Ini akan menyebabkan bankrap atau penempatan semula perniagaan di luar negara dengan kesan-kesan buruk terhadap pasaran buruh Eropah. Dalam kedua-dua kes ini, permintaan produk berbahaya kepada iklim dapat dipuaskan oleh negara-negara luar Eropah yang tidak terlibat dengan usaha-usaha melindungi iklim. Walaupun pelepasan gas dalam Kesatuan Union dapat dikurangkan melalui pengabaian kepada loji-loji pengeluar, kerana ia bukannya menghasilkan pengurangan permintaan tetapi mengakibatkan pemindahan permintaan dari Kesatuan Eropah ke negara-negara di luar Eropah. Justeru, negara-negara ini mendapat kelebihan persaingan dengan tidak terlibat dengan perlindungan iklim. Maka, Kesatuan Eropah gagal untuk mencapai matlamat asal perlindungan iklim, iaitu menghalang kenaikan purata suhu global. Dari perspektif global, tidak ada perubahan dalam jumlah pelepasan gas rumah hijau. Sebaliknya, kemungkinan pelepasan gas akan meningkat akibat tahap teknologi yang lebih rendah di kebanyakan negara lain, terutamanya di negara-negara industri baru yang akan menghasilkan lebih banyak gas rumah hijau semasa pengeluaran berbanding negara-negara dalam Kesatuan Eropah.

Masalah lain juga wujud dalam pasaran tenaga antarabangsa. Hak perusahaan pelepasan gas menyebabkan kos tenaga naik, yang menghasilkan reaksi permintaan bersekadar dalam Kesatuan Eropah. Pengurangan permintaan sumber fosil dalam Kesatuan Eropah juga menyebabkan pengurangan permintaan dalam skala global. Ini bermakna dengan tersendirinya harga pasaran global untuk sumber tenaga fosil akan turun, yang membolehkan perniagaan-perniagaan lain menggunakan

sumber tenaga fosil dengan harga yang lebih rendah. Pengeluaran global tenaga fosil pula tidak terjejas. Oleh itu, masalah ini hanya dapat diatasi melalui sistem perusahaan pelepasan gas secara global, kerana ini akan menghasilkan kawalan pelepasan gas global tanpa menghiraukan berapa banyak harga pasaran global tenaga fosil yang menurun. Akibat daripada semua ini, peranan utama Kesatuan Eropah mendatangkan beban terhadap ekonomi Eropah dan warga Eropah sendiri. Selagi negara-negara lain tidak menyetujui perundingan antarabangsa, negara-negara bukan Eropah akan terus menikmati persekitaran yang lebih kompetitif dan terus mengaut keuntungan dalam bentuk iklim terpilih (walaupun sedikit).

9. MASALAH-MASALAH PENYELARASAN ANTARABANGSA

Perlindungan iklim hanya munasabah jika ia diusahakan di peringkat antarabangsa. Dengan itu, matlamat sekarang seharusnya untuk mendapatkan persetujuan semua negara dalam usaha perlindungan iklim antarabangsa yang diselaras.⁴⁰ Namun, tanggapan bahawa setiap negara harus memegang amanah untuk mengurangkan pelepasan gas atau negara-negara yang kadar pelepasan gasnya paling tinggi sebagai wajib untuk mengurangkan pelepasan gas harus dielakkan. Tanggapan sebegitu hanya merujuk kepada prinsip-prinsip keadilan yang subjektif, menyebabkan sukarnya untuk mewujudkan perjanjian perlindungan iklim antarabangsa. Langkah-langkah yang adil adalah dengan peruntukan spesifik yang boleh diterima oleh semua negara. Saranan yang terkenal adalah elau per kapita, maksudnya peruntukan jumlah tertentu kepada hak pelepasan gas untuk setiap rakyat negara tersendiri, kerana kemungkinan besar negara-negara yang mencecah kadar perlepasan gas rumah hijau yang tinggi tetapi mempunyai populasi rakyat yang sedikit tidak akan bersetuju. Satu- satunya cara munasabah untuk mencapai kesepakatan ini adalah semua negara bersetuju untuk memberi komitmen kepada pengurangan pelepasan gas berdasarkan kesanggupan mereka untuk membayarnya. Kesanggupan untuk membayar pasti tidak tinggi

40 Satu kesepakatan antarabangsa amat sukar untuk dibuat, kerana perlindungan iklim ini seperti prisoner's dilemma. Kos kepada usaha untuk perlindungan iklim harus dianggar oleh sektor swasta, dan keuntungan harus dipulangkan kepada masyarakat. Dalam kata lain, ia benar-benar masuk akal untuk satu negara menahan diri daripada perlindungan iklim dalam sempadannya sendiri, dan menikmati keuntungan daripada usaha negara lain. Tindakan sebegini akan membawa kepada tahap usaha perlindungan iklim keseluruhan yang tidak mencukupi.

di negara-negara membangun, kerana keutamaan mereka adalah bekalan makanan atau penubuhan sistem perkhidmatan penjagaan kesihatan. Negara-negara ini sangat dipengaruhi oleh kesan awal perubahan iklim seperti kemarau berpanjangan dan penggurunan. Kerana ini, beberapa buah negara membangun menuntut pampasan daripada negara-negara industri akibat kerosakan yang berpunca daripada pelepasan tinggi gas rumah hijau sebelum ini. Persetujuan daripada negara-negara berkaitan hanya boleh diperolehi dengan menjanjikan bayaran pampasan, yang mana mampu dimeterai sekiranya wujud perundingan untuk persekutuan antarabangsa untuk perlindungan iklim. Tugas utama ahli-ahli ekonomi adalah untuk meyakinkan semua negara dengan kelebihan daripada sistem perusahaan pelepasan gas, memandangkan ia menawarkan pilihan kos yang paling efisien untuk pengurangan tersebut dan menghasilkan kos terendah untuk semua negara. Persetujuan dari semua negara terhadap sistem global perusahaan pelepasan gas hanya dapat difikirkan sekiranya semua negara aktif berperanan dalam perusahaan hak pelepasan gas, iaitu negara harus memiliki sumber kewangan untuk membeli hak pelepasan gas bagi membolehkan pertumbuhan ekonomi nasional. Ini juga satu persoalan tentang kesan pengagihan semula yang terhasil daripada hak milik yang ditetapkan. Bayaran pampasan atau pengagihan hak-hak kepada negara-negara tersebut harus memastikan kemungkinan ini. Namun, persoalan tentang bayaran pampasan harus disentuh secara berasingan dengan perusahaan pelepasan gas supaya campur tangan dalam mekanisme pasaran dapat dielakkan. Sumber-sumber hanya dapat diperuntukan secara optimum apabila mekanisme pasaran perusahaan pelepasan gas boleh untuk bekerja secara bebas. Hanya dengan ini langkah tersebut dapat mencapai tahap kecekapan tertinggi. Campur tangan terdahulu mengakibatkan kehilangan kecekapan yang mempengaruhi pengurangan kebajikan, lalu mengurangkan peluang untuk bayaran pampasan. Sekiranya komuniti antarabangsa memutuskan bahawa hasil pasaran tidak menggambarkan hasil pengagihan yang dikehendaki, maka pampasan untuk negara-negara yang memerlukan harus ditentukan secara berasingan. Hubungan langsung antara pendapatan dengan perusahaan pelepasan gas dan bayaran pampasan, seperti yang dibayangkan oleh Kesatuan Eropah baru-baru ini, tidak boleh diperendahkan. Kerana rakyat berhak kepada pendapatan daripada penjualan hak milik, pendapatan ini harusnya disampaikan kepada mereka terlebih dahulu, misalnya dalam bentuk pemotongan cukai atau

pengurangan hutang. Jika pendapatan ini digunakan untuk keperluan lain, keputusan lebih lanjut diperlukan. Bagi rakyat negara-negara industri, ia mungkin munasabah untuk memberikan bantuan kewangan kepada negara-negara membangun bagi memujuk mereka agar menyertai perjanjian perlindungan iklim, dengan syarat kos bayaran pampasan itu lebih rendah daripada kerosakan iklim yang boleh dijangka, tidak kira dalam erti kata umum atau erti kata sebenar.⁴¹

Usaha-usaha untuk perlindungan iklim membelakangkan idea di sebalik Ekonomi Pasaran Sosial. Matlamatnya harus untuk penubuhan suatu kerangka peraturan antarabangsa, di mana sumber “udara bersih” yang sukar untuk dinikmati boleh digunakan di pasaran global secepat yang mungkin dan setiap warga dunia dapat bertindak se bebas yang mungkin. Tanggungjawab kerajaan terletak pada perlindungan kebebasan individu dan dalam menjamin keberkesanan pasaran. Namun, isu-isu sosial negara-negara tersebut tidak boleh diabaikan; supaya, setiap negara mampu untuk berkongsi sumber-sumber. Dan, pemisahan antara peruntukan dan pengagihan harus dititikberatkan, kerana itulah satu-satunya cara untuk memastikan kecekapan dalam perlindungan iklim.

41 Lanjutan daripada kerosakan langsung iklim, kekerapan bencana alam akan membawa kepada kerosakan lanjut, contohnya akibat daripada kekacauan global.

RUJUKAN

- *Arentz, Oliver et al. (2008): Reflexionen zu sechzig Jahren Soziale Marktwirtschaft, dalam: Der Ordnungspolitische Kommentar 12/2008 – Köln (http://www.inp.uni-koeln.de/DE/Publikationen/komment/pdf-Dateien/OK_12_2008%20%282%29.pdf).*
- *Baumol, William J./ Oates, Wallace E. (1971): The Use of Standards and Prices for Protection of the Environment, dalam: The Swedish Journal of Economics, vol. 73(1), hlm. 42-54 (<http://www.econ.umd.edu/research/papers/340/download/189>).*
- *Böhm, Franz / Eucken, Walter (1948): Vorwort. Die Aufgabe des Jahrbuchs, dalam: ORDO, vol. 1, hlm. VII-XI.*
- *Brennan, Geoffrey (1973): Pareto Desirable Redistribution. The Non-Altruistic Dimension, dalam: PublicChoice, vol. 14(1), hlm. 43-67.*
- *Buchanan, James M. / Tullock, Gordon (1962): The Calculus of Consent. Logical Foundations of Constitutional Democracy – Ann Arbor.*
- *Coase, Ronald H. (1960): The Problem of Social Cost, dalam: Journal of Law and Economics, vol. 3(1), hlm. 1-44.*
- *Demsetz, Harold (1969): Information and Efficiency. Another Viewpoint, dalam: Journal of Law and Economics, vol. 12(1), hlm. 1-22.*
- *Donges, Jürgen B. / Freytag, Andreas (2004): Allgemeine Wirtschaftspolitik – Stuttgart.*
- *Eucken, Walter (2004): Grundsätze der Wirtschaftspolitik, disunting oleh Edith Eucken / K. Paul Hensel (UTB 1572) – Tübingen, 2004*
- *EurAktiv (2009): Das Emissionshandelsystem der EU, diterbitkan pada 22 Januari 2007 (dikemaskini 29 Januari 2010) (<http://www.euractiv.com/de/nachhaltige-entwicklung/emissionshandelssystem-eu/article-138429>) (dilayari: 20 Ogos 2009).*
- *European Parliament (2008): 20-20-20 bis 2020. EP debattiert Klimaschutzpaket, press release, diterbitkan pada 23 Januari 2008, (<http://www.europarl.europa.eu/sides/getDoc.do?language=DE&type=IM-PRESS&reference=20080122IPR19355>) (dilayari: 21 Oktober 2009).*
- *Federal Ministry for the Environment, Nature Conservation and Nuclear Safety (2008): Das Erneuerbare-Energien-Wärme-Gesetz im Überblick (http://www.bmu.de/files/pdfs/allgemein/application/pdf/ee_waermegesetz_fragen.pdf) (dilayari: 21 Oktober 2009).*
- *Federal Ministry for the Environment, Nature Conservation and Nuclear Safety (2009): Übersicht über die EEG-Vergütungsregelungen für 2009 gemäß Bundestagsbeschluss (http://www.bmu.de/files/pdfs/allgemein/application/pdf/ee_waermegesetz_fragen/pdf) (dilayari: 6 April 2010).*

- *Federal Ministry of Economics and Technology (2009): Informationsportal der Bundesregierung für Verbraucher (<http://www.energie-verstehen.de/Energieportal/Navigation/strompreise>, did=249760.html) (dilayari: 18 Ogos 2009).*
- *Frondel, Manuel et al. (2008): Photovoltaik. Wo viel Licht ist, ist auch viel Schatten, dalam: List Forum für Wirtschafts- und Finanzpolitik, vol. 34(1), blm. 28-44.*
- *Handelsblatt (2009): Der starke Staat ist wieder schick, dalam: Handelsblatt, 29 Oktober 2009 (<http://www.handelsblatt.com/politik/international/der-starke-staat-ist-wieder-schick;2467122;0>).*
- *Hayek, Friedrich A. von (1968): Der Wettbewerb als Entdeckungsverfahren (Kieler Vorträge, N.F. Vol. 46), dalam: Hayek, Friedrich A. von (1969): Freiburger Studien (Wirtschaftswissenschaftliche und wirtschaftsrechtliche Untersuchungen, vol. 5) – Tübingen, blm. 249-265.*
- *Hayek, Friedrich A. von (1975): Die Anmaßung von Wissen, dalam: ORDO, vol. 26, blm. 12-21.*
- *Hobbes, Thomas (1980): Leviathan, 2 jilid. (Universal-Bibliothek, No. 8348) – Stuttgart.*
- *Mises, Ludwig von (1997): Die Bürokratie (Klassiker der Freiheit, vol. 3) – Sankt Augustin.*
- *Smith, Adam (1976): An Inquiry into the Nature and Causes of the Wealth of Nations, disunting oleh Edwin Cannan – Chicago.*
- *Stern, Nicholas (2006): The Economics of Climate Change. The Stern Review – Cambridge.*
- *Stigler, George J. (1971): The Theory of Economic Regulation, dalam: The Bell Journal of Economics and Management Science, vol. 2(1), blm. 3-21.*
- *Tullock, Gordon (1967): The Welfare Costs of Tariffs, Monopolies and Theft, dalam: Western Economic Journal, vol. 5(3), blm. 224-232.*
- *Umweltdatenbank (2009): Kyoto-Protokoll (<http://www.umweltdatenbank.de/cms/lexikon/lexikon-k/kyoto-protokoll.html>) (dilayari: 8 September 2009).*
- *United Nations (1998): Kyoto Protocol to the United Nations Framework Convention on Climate Change (<http://unfccc.int/resource/docs/convkp/kpeng.pdf>) (dilayari: 8 September 2009).*
- *Watrin, Christian (1999): Ordnungssysteme für innerstaatliche wirtschaftliche Prozesse, dalam: Handbuch der Wirtschaftsethik, vol. 2: Ethik wirtschaftlicher Ordnungen, disunting oleh Wilhelm Korff et al. – Gütersloh.*
- *Weizsäcker, Carl Christian von (1982): Staatliche Regulierung. Positive und Normative Theorie, dalam: Schweiz. Zeitschrift für Volkswirtschaft und Statistik, vol. 3, blm. 325-343.*

SEBAB DAN KESAN KAWALSELIAAN KRISIS PASARAN KEWANGAN

Eckehard A. Köhler dan Andreas Hoffmann

1. PENGENALAN

Dalam laporannya berkenaan asal-usul krisis kewangan, Jawatankuasa Presiden untuk Pasaran Kewangan yang ditugaskan untuk menyiasat krisis kewangan, mendapat kesimpulan bahawa krisis ini mungkin terjadi kerana pengenduran piawai pemberian kredit yang berkaitan dengan hutang sub-prima dan dengan salah mengaitkan dengan proses penilaian dan sekuritisasinya.

Lebih lanjut lagi, kelemahan dalam prosedur pengurusan risiko dalam institusi kewangan dan agensi-agensi pemantauan negara menyumbang pada “hakisan disiplin” yang mempengaruhi penerbitan sekuriti. Namun, ketika penaja jamin, yang wakil-wakilnya termasuk Jabatan Pembendaharaan AS, Rizab Persekutuan, pemerhati bursa saham Suruhanjaya Urusniaga Sekuriti AS (SEC) dan Suruhanjaya Urusniaga Komoditi Hadapan, menuduh bahawa penyebab krisis kewangan adalah kerangka kawal selia yang tidak mencukupi yang mengatur pasaran kewangan, analisis penyebab mereka tidak tepat. Dibentuk daripada kajian Hoffmann dan Schnabl, Goldschmidt dan Köhler¹ makalah ini menggabungkan analisis krisis antarabangsa dari pandangan perlaburan berlebihan (*overinvestment*) dan analisis kerangka perlembagaan untuk menangani masalah yang kita hadapi saat ini.

Ada konsensus luas bahawa dua syarat yang harus dipenuhi dalam pembentukan gelembung spekulatif perlaburan berlebihan: pertama, kecairan perlu sedia untuk menghasilkan spekulasi itu; kedua, pelabur harus boleh untuk mengharapakan suatu pulangan yang tinggi--iaitu tinggi daripada purata-- dalam pasaran tertentu.²

1 Schnabl / Hoffmann (2008), Hoffmann/Schnabl (2009), Goldschmidt/Köhler (2008) dan Köhler (2010).

2 Hayek (1929) dan Minsky (1986) juga mengenalpasti prinsip yang sama yang menjadi permulaan kepada krisis pasaran kewangan. Walaupun kedua-dua pendekatan itu dikat-

Sesuai dengan kriteria ini, bahagian pertama dari artikel ini akan menjelaskan asal-usul krisis kewangan sebagai akibat daripada rangsangan melalui dasar kewangan (kecairan) dan insentif institusi yang menyesatkan (jangkaan positif). Pembangunan dasar kewangan di Amerika Syarikat sejak tahun 2000 dan sumbangannya untuk mencipta gelembung hartanah juga akan dipertimbangkan.

Di bahagian kedua, penukaran antarabangsa untuk dasar kewangan akomodatif dan kesannya dalam pasaran modal akan dianalisis. Seterusnya, peristiwa-peristiwa dari krisis kewangan akan secara singkat diringkaskan. Akhirnya, tanggapan negara terhadap krisis akan dijelaskan dan secara kritis diperiksa berkaitan dengan pengaruh luarnya dan implikasinya terhadap perilaku mudarat moral (*moral hazard*).

Bahagian ketiga membincangkan tentang prinsip alternatif dasar kewangan agar dapat membantu mengawal spekulasi masa depan dengan mengubah strategi dasar kewangan. Selain itu, bahagian lain akan menyemak pengaturaturan semula aturan kewangan dari perspektif perlembagaan. Ringkasan singkat akan diberikan dalam kesimpulan.

2. PENYEBAB GELEMBUNG SPEKULASI DI AMERIKA SYARIKAT

Bahagian pertama ini akan meneliti perkembangan dasar kewangan di Amerika Syarikat sejak abad baru ini. Dalam hubungan ini, perubahan kepada polisi kewangan akomodatif akan dibahas, menelusuri tesis perubahan paradigma dalam wacana ilmiah dalam dasar kewangan. Kesan dari lebih ketersediaan kecairan di pasaran hartanah juga akan kami dijelaskan.

2.1 Polisi Kewangan AS di Abad Baru

Selepas letupan gelembung internet di sekitar 2000/2001, polisi Rizab Persekutuan mensasarkan untuk mengelak kemelesetan yang mengancam ekonomi AS. Untuk mencapai hal ini, Bank Pusat Amerika meningkatkan ketersediaan kecairan melalui penurunan kadar faedah drastik dan mengurangkan tahap dana Rizab Persekutuan kepada satu peratus dalam beberapa bulan. Akibatnya adalah pengembangan kewangan pada tahap 10 peratus setahun (purata) daripada 2001 hingga 2004.³

Menurut “teori kuantiti wang”, perkembangan seperti itu dalam egorikan sebagai teori pelaburan berlebihan kewangan, mereka berbeza dalam soal arah tuju yang akan dibawa oleh krisis itu. Lagi pula, Hayek dan Minsky mencapai kesimpulan yang bertentangan berkaitan dengan implikasi-implikasi polisi, lihat juga Schnyder (2002).

³ Terutama sekali, rizab simpanan kewangan termasuklah agregat kredit bank.

penawaran wang akan sama ada memberi kesan terhadap pertumbuhan KDNK atau pada inflasi harga pengguna, dengan syarat permintaan wang tetap stabil. Namun baik pertumbuhan dan inflasi harga pengguna tetap sederhana sekitar tiga peratus dan dua hingga tiga peratus, masing-masing sehingga permintaan wang meningkat pada tingkat bunga rendah. Peningkatan permintaan wang itu disertai dengan perluasan wang yang tersedia. Oleh kerana tidak ada tekanan inflasi yang dapat dikesan, Rizab menetapkan kadar bunga yang lebih rendah untuk menyokong pertumbuhan dan mengurangkan risiko kemelesetan.

Sesuai dengan konsensus Jackson Hole, para pengurus Bank Pusat AS dan ahli akademik terkemuka⁴ melihat gelembung spekulatif dalam pasaran kewangan sebagai boleh diterima dalam rangka merangsang kegiatan ekonomi. Konsensus Jackson Hole bahawa gelembung tidak boleh dipecahkan kerana adalah sukar untuk mengenalpastinya dan lebih-lebih lagi, gelembung yang pecah boleh membahayakan keseluruhan ekonomi. Ketika sebuah gelembung pecah, Rizab seharusnya campur tangan dan memodalkan perantara kewangan, jika dapat dikenakan.⁵

Dasar kewangan ini memiliki akibat yang luas. Walaupun perkembangan jumlah edaran wang tidak menyebabkan inflasi harga pengguna meningkat, aset seperti saham dan hartanah bertindak balas terhadap peningkatan jumlah edaran wang.⁶ Inilah yang tidak termasuk dalam fungsi reaksi dasar kewangan. Dengan demikian Rizab mempertahankan kadar bunga rendah meskipun jumlah wang beredar meningkat antara 2003 dan 2007. Tidak sampai pertengahan tahun 2004, kesan dasar kewangan pengembangan dirasai pada peningkatan harga pelanggan. Kemudian Rizab menaikkan kadar bunga perlahan-lahan.⁷

Pengembangan kecairan yang berlebihan di AS antara 2001 dan 2005 merupakan keadaan penting yang pertama dalam menciptakan gelembung spekulatif.⁸

4 *Cf.* Blinder/Reis (2005), Mishkin (2007).

5 *Ibid.*, hlm.67.

6 *Cf.* Aladid / Detken (2007), Borio (2008).

7 *Cf.* Hoffmann / Schnabl (2009).

8 *Cf.* Hayek (1929), Minsky (1986).

2.2 Ledakan Pasaran Hartanah AS

2.2.1 Jangkaan Positif Campur Insentif Institusi Mencipta Ledakan

Syarat kedua yang diperlukan dalam penghasilan sebuah gelembung pelaburan berlebihan adalah jangkaan positif.⁹ Selepas kejatuhan gelembung internet, tidak ada harapan positif seperti dalam pasaran saham AS.¹⁰

Namun harga rumah di AS telah meningkat sejak pertengahan 1990-an di tahap yang lebih cepat daripada indeks harga umum (perkembangan harga aset tidak termasuk dalam inflasi harga pengguna). Perkembangan ini dianggap sebagai “baik untuk pertumbuhan” bahkan selepas gelembung internet pecah.¹¹ Harapan di pasaran ini terus meningkat terutama kerana sokongan dasar fiskal dan keadaan pelaburan umum yang menarik dinikmati oleh institusi-institusi. Misalnya, adalah mungkin di AS untuk memohon pengecualian cukai untuk pembiayaan hartanah. Selain itu, akses umum untuk pinjaman rumah yang menarik disubsidi oleh institusi-institusi pembiayaan negara. Ketika pinjaman rumah distruktur dan digolongkan sebagai pinjaman dijamin sekuriti (MBS), yang dijual sebagai produk perbankan pelaburan untuk pihak ketiga--biasanya pelanggan institusi--institusi yang disokong negara juga menjamin risiko mungkir (*default risk*), sehingga lebih daripada separuh MBS yang diterbitkan di AS dijamin oleh negara.¹²

Selanjutnya, keadaan umum institusi, seperti Akta Reinvestasi Komuniti dan pemantauan yang longgar amalan penerbitan sekuriti memberi sumbangan terhadap harapan pulangan yang tinggi dalam pasaran hartanah AS. Jadi dua keadaan untuk mencipta gelembung dalam pasar perumahan telah dipenuhi.

2.2.2 Ledakan dalam Pasaran Rumah AS

Oleh kerana pelbagai keadaan yang menyokongnya, permintaan hartanah dan kredit meningkat secara dramatik. Bank mencari lebih banyak wang dari Bank Pusat. Permintaan untuk wang dipenuhi dengan kadar faedah rendah agar institusi-institusi kewangan mampu menurunkan kadar faedah pada kredit dan pinjaman rumah ke tahap terendah dalam sejarah,

9 Cf. Hayek (1929), Minsky (1986).

10 Cf. Case / Shiller (2003).

11 Cf. McCarthy/Peach (2005).


12 Cf. Jaffee (2008).

enam peratus pada tahun 2005 (graf 2), meskipun permintaan kredit meningkat .

Kerana permintaan hartanah tidak elastik kerana frekuensi peredaran yang rendah, harga meningkat lebih cepat dari sebelumnya. Sebaliknya, kenaikan harga perumahan memberi pengaruh terhadap prosedur pemberian kredit oleh bank. Permintaan tinggi untuk hartanah juga mempromosikan penciptaan kredit oleh bank-bank komersial dan meningkatkan permintaan wang dari Bank Pusat. Bermula pada tahun 2000, harga rumah dua kali ganda dalam tempoh lima tahun.

Apatah lagi, sekuriti yang baru dicipta menyebabkan peningkatan penerbitan kredit dan harga rumah AS (inovasi dalam maksud Minsky). Kredit untuk bangunan perumahan itu dikumpulkan bersama-sama ke dalam pelaburan yang selamat, kedudukan AAA diberikan, dan dijual kembali. Ini memberikan bank kesempatan untuk menghapuskan risiko mungkir untuk operasi pasaran pinjaman rumah mereka dari akaun mereka dan memindahkannya kepada pihak ketiga. Pembeli cepat berbaris untuk sekuriti bertaraf AAA.¹³

Graf 2: Kadar purata faedah terhadap pinjaman rumah di Amerika Syarikat dari 1990 ke 2006.




Sumber: Office of Federal Housing Oversight, kadar faedah dalam tempoh 30 tahun pelunasan.

13 Kredit yang disekuriti risiko pinjaman dinilai oleh entiti persendirian.

Pemindahan tuntutan bayaran yang terbit dari operasi gadai janji dan kredit lebih meluaskan peluang kewangan entiti pembiayaan gadai janji dan bank-bank komersial yang terlibat. Itu mencipta asas untuk pembiayaan operasi kredit baru. Bank membuat jangkaan situasi baru ini dengan meluaskan baris kredit kepada peminjam dengan peringkat kredit yang lebih rendah yang sebelum itu tidak akan dipertimbangkan sebagai peminjam yang layak. Segmen subprima dibuat dengan cara ini sengaja dilayan dan akan direkodkan untuk majoriti kredit baru yang diberikan.¹⁴

Kredit yang diberikan dalam hubungan ini kemudian disebut “pinjaman ninja” (Tidak ada pendapatan, tidak ada pekerjaan atau aset – *No Income, No Job or Assets*) dan nilai mereka sepenuhnya bergantung pada kenaikan pasaran harga rumah. Kadar fleksibel pinjaman tersebut yang terutama sekali disukai. Sering diatur sedemikian rupa sehingga bayaran faedah pada peringkat awal rendah (yang disebut “kadar menggoda”), dan hanya selepas beberapa tahun kemudian kadar itu akan naik mengikut harga pasaran biasa. Selama harga rumah meningkat dan pembayaran faedah yang sederhana, hubungan antara jumlah kredit dan nilai dari hartanah meningkat dalam semua pinjaman rumah.

Graf 3: Indeks Harga Rumah Case-Schiller 1990-2008



Sumber: Standard & Poors 2008, Komposit 10.

14 Cf. Osman (2007).

Arah Indeks Harga Rumah Case-Shiller, yang menunjukkan perkembangan harga rumah di kawasan metropolitan AS yang paling signifikan, jelas menggambarkan lonjakan ekonomi yang dinyatakan di atas (graf 3). Pada masa yang sama, peratusan pemilik rumah meningkat 67-69 peratus antara 2000 dan 2006 (titik tertinggi sepanjang waktu).

Tak lama kemudian, lonjakan dalam pasaran rumah mula mempengaruhi ekonomi secara keseluruhan kerana status aset pemilik rumah juga membaik—selagi kadar faedah tetap rendah dan harga rumah terus meningkat. Ini meningkatkan kapasiti kredit dan konsumsi masyarakat Amerika, yang akhirnya merangsang ekonomi secara umumnya—dan memberikan sumbangan kepada penyalahuntukan dalam ekonomi sebenar dan meningkatkan nisbah hutang dalam belanjawan.

3. PEMERLUASAN KEWANGAN SEDUNIA DAN KESANNYA

Selepas tahun 2001, dasar kewangan yang bertujuan untuk mengelak daripada kemelesetan dan menggalakkan pertumbuhan, tidak hanya dalam ekonomi AS, tetapi di semua negara ekonomi utama. Sebagai hasilnya, peluang pembiayaan semula yang menarik terdapat di pasaran modal antarabangsa, yang mempromosikan pertumbuhan seluruh dunia. Di bawah ini, kita meneliti perkembangan dasar kewangan Asia Timur (China khususnya) dan Eropah setelah tahun 2001. Implikasi daripada dasar-dasar untuk pasaran modal kemudian akan dijelaskan.

3.1 Asia Timur

Pada tahun 1990-an, banyak bank-bank pusat Asia Timur (dari China, khususnya) menstabilkan mata wang mereka terhadap dolar AS. Penambatan kadar tukaran ini tampaknya bermanfaat untuk dua alasan: pertama, AS adalah rakan perdagangan utama Asia Timur. kerana ekonomi Asia Timur tidak memiliki sandaran mata wang antarabangsa, transaksi diproses dalam diri dolar AS. Kedua, nilai tukaran tetap menjamin nilai rizab yang telah terkumpul. Untuk alasan ini, rujukan sering dibuat dengan piawai dolar dunia.¹⁵

Dengan menambat nilai tukaran wang mereka terhadap dolar, ekonomi-ekonomi ini juga mengimport dasar kewangan AS. Di satu sisi, dasar kewangan dan fiskal US yang bersifat ekspansif setelah tahun 2001 meningkatkan konsumsi di AS. Tambahan pula, ia mendedahkan dolar terhadap tekanan devaluasi. Untuk menjaga kestabilan kadar pertukaran,


15 Cf. McKinnon / Schnabl (2004), McKinnon / Schnabl (2009).

bank pusat Asia Timur telah melakukan campur tangan dengan membeli dolar tambahan dan menjual mata wang mereka sendiri di pasaran matawang asing (Graf 4). Asia Timur dengan demikian dapat dikatakan telah menggunakan strategi pengurangan nilai (*undervaluation*) untuk merangsang eksport dan pembangunan.¹⁶

Sejak Asia Timur melaburkan banyak rizab terkumpul dan tabungannya dari eksport AS dalam sekuriti-sekuriti yang disokong oleh kerajaan AS, kecairan tambahan tersedia untuk institusi kewangan, yang menurunkan kadar faedah jangka panjang di US. Proses mencipta wang di AS menerima dorongan tambahan dari kesan kewangan strategi pertumbuhan eksport Asia Timur. Bernanke¹⁷ menganggap ini “tabungan berlebihan” dari Asia Timur sebagai alasan utama di balik ketidakseimbangan global dan gelembung. Modal import dari Asia Timur mempercepat lonjakan di pasaran pinjaman rumah kerana jumlah wang yang awalnya diserap dari Asia Timur sekali lagi terdapat dalam pasaran melalui penjualan surat berharga negara AS. Tanah subur bagi spekulasi tumbuh (faktor pertama dikenal pasti oleh Minsky dan Hayek).

Ketika lonjakan ekonomi, kedua-duanya mendapat keuntungan daripada satu sama lain. AS mendapat keuntungan kerana situasi yang menarik untuk sektor kewangan dan Asia Timur diberi peluang untuk mengeksport produk-produk industri. Graf 5 menggambarkan lonjakan di negara-negara Asia Timur atas dasar perkembangan harga saham di China.

Graf 4: Pertumbuhan Rizab Matawang Asing




Sumber: IW, IFS 2009.

16 Lihat *Bretton Woods II System* dalam Dooley *et al.* (2004).

17 Cf. Bernanke (2005).

Graf 5: Pertumbuhan Harga Saham Antarabangsa



Sumber: IWF, IFS 2009 dan Ecowin 2009.

Strategi pertumbuhan eksport yang diketuai Asia Timur telah memberikan sumbangan untuk penyelarasan dengan dasar kewangan akomodatif dari Sistem Rizab Persekutuan, yang akhirnya meletakkan tanggung jawab pada Bank Pusat Eropah.

3.2 Eropah

Sehingga pada tahun 1999 Bundesbank Jerman menekankan pada pertumbuhan jumlah penawaran wang untuk menjaga kualiti mata wang. Ketika Bank Pusat Eropah mengambil peranan untuk membuat dasar kewangan, jumlah wang beredar kehilangan pentingnya. Sebaliknya, dasar-dasar kewangan adalah bertujuan untuk mencapai matlamat inflasi harga pengguna kurang dari (namun dekat dengan) dua peratus. Dasar Kewangan Eropah menjadi lebih dekat bersekutu dengan dasar kewangan AS, terutama selepas perubahan konsep ECB tetapi tidak pada dasar kewangan pada awal Musim Bunga 2003.¹⁸

Salah satu alasan untuk tidak lagi mengendalikan jumlah penawaran dalam paradigma Friedman adalah pemerhatian empirik bahawa tahap harga pelanggan terus tetap stabil walaupun pertumbuhan pesat penawaran wang selama tahun 1990-an. Atas alasan ini, keraguan dilemparkan pada hubungan kewangan antara pertumbuhan penawaran wang dan perkembangan harga dalam wacana akademik.¹⁹ De Grauwe


¹⁸ Cf. Neumann (2009).

¹⁹ Cf. Estrella / Mishkin (1997).

dan Polan²⁰ memuat pernyataan lebih lanjut dengan mendakwa bahawa pertumbuhan jumlah penawaran wang tidak memberikan sebarang pengaruh pada pertumbuhan harga, kerana permintaan terhadap wang tidak tetap. Ketika permintaan wang semakin meningkat dan/atau kepesatan (*velocity*) wang jatuh, jumlah penawaran wang dapat meningkatkan lebih cepat daripada berdasarkan prinsip Friedman. Kerana jumlah wang beredar tidak lagi dianggap sebagai penunjuk yang baik untuk perkembangan harga di masa depan, perkembangan semasa indeks harga dan KDNK harus diambil sebagai penunjuk perkembangan harga masa depan.²¹

Pada bulan Jun 2001, Bank Pusat Eropah telah menurunkan sektor utama pembiayaan semula kerana kecenderungan deflasi yang dapat dikesan di beberapa bahagian di Eropah. Serupa dengan situasi di AS, kadar faedah sebenar terus menjadi negatif selama tempoh yang berlanjutan (Graf 6). Jumlah penawaran wang di Eurozone juga meningkat antara tahun 2002 dan 2006 sekitar 10 peratus pada setiap tahun. Ini menyiapkan asas untuk gelembung harga aset.

Graf 6: Perkembangan Selari Kadar faedah Sebenar di AS dan Eurozone



Sumber: IWF, IFS 2009.

Di Eropah, kadar faedah rendah dipromosikan telah menambah aliran modal ke pasaran negara-negara membangun dari Eropah Tengah dan Timur, khususnya negara-negara Baltik dan Bulgaria, yang menstabilkan nilai tukaran matawang mereka terhadap Euro dan menawarkan keuntungan tinggi pada pelaburan. Sama dengan situasi di Asia Timur,

20 Cf. De Grauwe / Polan (2005).

21 Cf. Gerlach / Svensson (2002), Stock/Watson (2002).

cadangan mata wang asing meningkat secara dramatik di negara-negara tersebut (grafik 4). Di Eropah Tengah dan Timur juga, saham dan hartanah secara literalnya melonjak ke langit (Graf 5). Kemasukan modal besar tercermin dalam defisit akaun semasa dan pelaburan berlebihan dalam pasaran hartanah.²² Sementara Asia Timur dan Eropah Timur adalah daerah yang paling dinamik, perkembangan serupa dapat diamati di beberapa ekonomi pasaran berkembang. Ini benar khususnya negara-negara yang mengeksport bahan mentah, yang mendapat keuntungan dari naiknya harga bahan mentah (Rusia, Brazil).

3.3 Kesan-kesan Terhadap Pasaran Modal

Bukan hanya negara-negara Asia Timur dan Eropah yang mengejar tujuan menyediakan kecairan yang murah, bahkan Jepun, Rusia dan sebahagian besar negara-negara G20 lain mengikut. Sebagai akibat dari pengembangan kewangan di seluruh dunia, kadar faedah dunia masih berada dekat sifar untuk masa yang lama selepas 2001. Bank-bank komersial menanggapi perkembangan ini dengan memluaskan pelaburan, kredit dan pembiayaan operasi.

Dalam mencari pelaburan yang menarik, bank-bank komersial dan pelaburan Asia dan Eropah mengesan bayaran tuntutan sekuriti yang tertunggak dari para pemilik rumah AS. Rating-AAA menjanjikan pulangan yang tinggi dari purata. Sehingga produk ini tampak berisiko rendah baik dan menguntungkan. Permintaan antarabangsa telah merancakkan lagi sekuritisasi, oleh kerana bank AS mencari cara tidak hanya untuk membuang risiko, tetapi juga untuk dijual kembali dan selanjutnya mengedarkannya, hampir tanpa batas. Ini meningkatkan keuntungan dan kapasiti bank-bank untuk memberikan kredit dan bank kurang bergantung pada kecairan Bank Pusat. Keseimbangan modal asing yang dilaburkan dalam syarikat meningkat secara dramatik. Dalam persekitaran harga aset yang meningkat, syarikat mampu menyerap lebih modal asing sejak sisi aset dari kunci kira-kira mereka menjadi semakin meningkat akibat kenaikan harga aset.

4. KRISIS KEWANGAN DAN LANGKAH-LANGKAH NEGARA DALAM MENANGANINYA

Dalam bahagian ini, kami membincangkan tentang peristiwa krisis dan merebaknya krisis kewangan ke seluruh dunia. Setelah itu, kami menyemak respon dari pemerintah dan bank pusat terhadap krisis dan menganalisis keberkesanan mereka.

22 Cf. Hoffmann/Schnabl (2008).

4.1 Krisis di Amerika Syarikat

Pada bulan Julai 2004, Rizab Persekutuan mulai menaikkan kadar faedah dengan Bank Pusat Eropah mengikutinya pada Disember 2005. Amerika Syarikat, ini menyebabkan perubahan jangkaan dan keuntungan di pasaran hartanah: kadar faedah yang meningkat mengurangkan permintaan terhadap hartanah dan pinjaman. Apalagi, kenaikan kadar itu menyebabkan kegagalan untuk bayaran, kerana banyak peminjam subprima hanya boleh membayar pinjaman rumah mereka selama kadar bunga jatuh dan harga rumah naik.

Kerana gagal membuat pembayaran oleh penghutang subprima, bermula daripada musim panas 2007 badan pembiaya semula, bank pelaburan dan syarikat insurans seperti IndyMacBank, Bear Stearns, AIG dan Lynch Merryl kehilangan berbilion-bilion, dijual atau harus mengajukan permohonan untuk perlindungan pemiutang. Sementara institusi kewangan yang disokong negara, Freddy Mac dan Fannie Mae diselamatkan daripada mufis pada bulan Julai 2008²³ dengan campur tangan kerajaan, kegagalan untuk menyelamatkan Lehmann Brothers pada tahun 2008 Oktober membuatkan cukup untuk menyebabkan ketidakpastian yang mempengaruhi pasaran kewangan. Kepercayaan pada pasaran terkikis dan semua pemberi pinjaman ditolak ke jurang kebangkrapan.

Kerugian bank pelaburan mengakibatkan berkurangnya kesediaan pelabur swasta dan institusi untuk menanggung risiko. Institusi pelaburan itu dengan cepat menarik jumlah yang cukup daripada pasaran modal atau menahan diri daripada membuat pelaburan baru dalam produk berisiko tinggi. Pasaran saham runtuh (Graf 6). Ini mengurangkan ekuiti bank. Selain itu, ketidakpercayaan di antara bank itu merebak luas dan mereka umumnya tidak lagi bersedia untuk saling membantu memberi kredit. Akhirnya, pasaran antara-bank kering seluruhnya sehingga yang mungkin untuk mendapatkan kecairan adalah hanya daripada bank pusat.

Sektor berikutnya yang dilanda krisis adalah ekonomi sebenar AS; kerana masalah bayaran yang dialami oleh pemilik rumah, banyak rumah perlu dilelong, disita, dan pemilik rumah itu tidak lagi mempunyai akses terhadap pendapatan apapun. Sebagai hasilnya, harga hartanah jatuh secara dramatik mulai pertengahan 2007. Dengan jatuhnya nilai sebenar hartanah, Amerika kehilangan sekuriti sokongan kredit pelanggan. Konsumsi pengguna jatuh. Dalam gelombang kedua, ketersediaan kredit berkurang daripada sektor perbankan, yang telah terkesan

23 Cf. Jaffee (2009).

teruk oleh krisis, mengurangkan pelaburan dan penggunaan. Sehingga pengangguran mulai naik. Pada tahun 2009 KDNK Amerika Syarikat menurun secara ketara.

4.2 Penyebaran Krisis itu ke Seluruh Dunia

Ekonomi dunia menjadi perlahan ketika ekonomi Asia Timur, Eropah dan pasaran negara-negara membangun juga terkena kesan krisis. Disebabkan peranan mereka sebagai pembekal utama kredit kepada AS, Asia Timur dan Jerman terpengaruh oleh krisis sejak awal. Institusi-institusi kewangan Eropah seperti Northern Rock, IKB dan German Regional State Bank, serta institusi kewangan Asia Timur kerugian kerana mereka telah membeli kertas sekuriti yang berisiko tinggi. Selain itu, kejatuhan import AS menyebabkan unjuran pertumbuhan untuk ekonomi berasaskan eksport memburuk. KDNK di kedua-dua negara, Jerman dan Jepun mengecil agak mendadak pada akhir 2009. Pengangguran pun mula meningkat.

Ekonomi pasaran negara membangun dipengaruhi terutamanya oleh kemasukan modal yang lebih rendah. Ini mendedahkan mata wang mereka terhadap tekanan devaluasi dan untuk negara-negara yang telah menambat nilai tukar mereka ke Euro atau dolar khususnya akan mendedahkan kepada pengecutan kewangan yang melambatkan pertumbuhan. Sebahagian negara ekonomi besar di dunia mengecut lebih dramatik dari sebelumnya. KDNK negara-negara Baltik menurun sekitar 10 hingga 15 peratus dalam tahun tersebut. Grafik 6 menggambarkan bagaimana nilai aset di Estonia dan Cina (antara lain) jatuh pada tahun 2007.

4.3 Langkah-langkah Negara dalam Menangani Krisis

Segera setelah tercetusnya krisis kewangan, banyak bank-bank pusat terburu-buru mengurangkan kadar dana. Kebebasan untuk operasi dasar kewangan yang terbuka untuk bank pusat itu sangat terhad, namun, kerana tahap faedah sudah relatif rendah ketika permulaan krisis berbanding dengan tempoh ledakan ekonomi dahulu. Oleh kerana tahap minimum penurunan kadar faedah itu dicapai seawal akhir tahun 2008, bank pusat memberikan bank komersial setiap jumlah wang yang mereka pohon. Sejak itu, dasar “pelonggaran kewangan” bermaksud bahawa kecairan terhad tersedia di AS, Eurozone dan UK.

Selain daripada dasar kewangan untuk gerak balas kepada krisis kewangan, kerajaan G20 telah “memulakan apa yang mungkin merupakan campur tangan negara terbesar sejak tahun 1930-an,”²⁴ termasuk pemberian jaminan negara untuk aset buruk dan program stimulasi polisi fiskal dalam lingkup yang belum pernah terjadi sebelumnya. Sementara jaminan negara dan nasionalisasi bank komersial bertujuan untuk mencegah keruntuhan bank meningkat, program ekonomi berusaha menstabilkan sistem ekonomi. Dari awal dasar ini, kerajaan berharap untuk mengurangkan risiko deflasi dan menyurutkan kesan pada ekonomi sebenar. Hasil daripada gerak balas terhadap krisis itu ditandai dengan pembiayaan hutang, hutang negara akan mencapai titik tertinggi sepanjang masa selama beberapa tahun akan datang, terutama di negara-negara membangun.²⁵ Ini akan lebih lanjut lagi mengurangkan ruang gerak bagi tindakan politik untuk masa depan.²⁶

Dasar ini benar-benar dapat mempertahankan pasaran dari keruntuhan bank-bank yang ditakuti lebih meluas pada musim gugur 2008. Bahkan jika belum mungkin sehingga saat ini untuk memulihkan kepercayaan kepada pemain pasaran kewangan dan dengan itu, pasaran antara bank, adalah mungkin bahawa campur tangan dasar boleh mempengaruhi jangkaan pelaku pasar dan dengan demikian memendekkan tempoh krisis. Dalam pengertian ini, campur tangan negara yang cepat dan besar-besaran akan menjadi tindakan yang tepat.

Terdapat keraguan pada keberkesanan jangka panjang dari gerak balas dasar ini, namun: bahkan jika kesan krisis terhadap ekonomi sebenar dapat disederhanakan selama jangka pendek dengan dasar fiskal dan kewangan yang ekspansif, dasar jenis ini akan berfungsi untuk hampir menjamin berlakunya kembali krisis seperti itu.²⁷ Bagaimana mungkin kerajaan dan bank pusat dapat mengisyaratkan dengan jelas bahawa mereka menahan untuk tidak melakukan pembiayaan dan pakej rangsangan semasa krisis berikutnya? Akhirnya, kerajaan meneruskan polisi-polisi yang awalnya menyumbang pada krisis²⁸: Pelaburan yang buruk dan berlebihan diteruskan dan baru dirangsang dengan jaminan dan program ekonomi. Penstrukturan semula ekonomi terhambat

24 Lihat Neue Zürcher Zeitung pada 22 September, 2008, hlm. 9.

25 Cf. IMF (2009).

26 Cf. Hoffmann/Schnabl (2009).

27 Cf. Straubhaar *et al.* (2009), Schnabl/Hoffmann (2008).

28 Cf. Wohlgenuth (2008).

dan perlakuan yang berdasarkan bahaya moral digalakkan.²⁹ Akhirnya, pinjaman besar jangka-panjang ECB dan pengurangan piawaian keselamatan mungkin membahayakan keberkesanan gerak balas ini pada masa hadapan.³⁰

5. IMPLIKASI POLITIK DAN PERLEMBAGAAN DARIPADA KRISIS KEWANGAN

Keraguan kami pada keberkesanan jangka panjang daripada respons negara terhadap krisis juga boleh diertikan sebagai masalah kualitatif, bahawa dasar ini ditujukan pada gejala-gejala krisis kewangan dan tidak pada sebab-sebab politik dan institusi yang merupakan penyebab utamanya. Oleh kerana itu, kami sekarang ingin menganjurkan variasi konsep-konsep utama dasar kewangan dan variasi rejim kewangan untuk menyumbang pada penyelesaian masalah ini. Kami akan cadangkan dua langkah:

Pertama, soalan yang akan ditanya bagaimana rejim monopoli kewangan sekarang ini dapat ditingkatkan dengan mengubah prosedur dalam melakukan dasar kewangan - iaitu, dengan menukar “strategi dasar kewangan” bank pusat – supaya pengulangan senario kelebihan kecairan dapat dielakkan dengan baik. Dalam hubungan ini, kami akan meringkaskan tiga cadangan untuk reformasi dasar kewangan.

Kedua, kita membahas kemungkinan untuk menukar rejim kewangan yang ada dari perspektif ekonomi politik berperlembagaan. Berbeza dengan langkah pertama, kita meneliti kesan daripada pelbagai perlembagaan kewangan yang ada dan menyelidik ke dalam tatacara institusi dan perubahan entiti politik yang dianjurkan untuk memastikan rejim kewangan yang berkesan selama jangka panjang. Dengan pendekatan perlembagaan, usaha ekonomi berperlembagaan untuk memperbaiki ekonomi neoklasik di mana perspektif institusi telah banyak diabaikan.³¹

5.1 Keperluan untuk Mengubahsuai Konsep Dasar Kewangan

Sebagaimana telah digambarkan dalam bahagian 2.1 dan 3.2, anjakan paradigma telah berlaku dalam wacana dasar kewangan selama dua puluh tahun terakhir. Penukaran bank-bank pusat seluruh dunia kepada dasar kewangan akomodatif, yang berkaitan dengan perubahan paradigma di atas, dan sumbangannya terhadap penyebab krisis kewangan, menimbulkan pertanyaan tentang bagaimana strategi dasar kewangan

²⁹ Cf. Hoffmann/Schnabl (2009).

³⁰ Cf. Neumann (2009).

³¹ Cf. Vanberg (1998).

bank pusat perlu diubah untuk mengelakkan krisis di masa depan dan untuk memastikan mata wang yang stabil dalam struktur kewangan monopoli.

Dalam hubungan ini, Borio dan White³² mengesyorkan bahawa bank pusat harus memantau perkembangan harga aset dan kredit di masa depan untuk menyekat keupayaan sektor perbankan dalam mencipta kecairan. Perkembangan penawaran wang harus mendapat perhatian lebih daripada sebelumnya. Integrasi agregat kredit dan aset ke dalam fungsi respon bank pusat jelas bukan kembali kepada peraturan monetaris penawaran wang, yang tersisih daripada menjadi peranan utama dalam wacana ilmiah kerana wawasan baru diperolehi daripada kajian ke dalam mekanisme penghantaran dasar kewangan. Pada masa yang sama, kedua-dua sarjana menolak kesimpulan dominan neo-Keynesian yang diperkenalkan pada bahagian 2.1.

Presiden Bundesbank, Weber³³, juga menyokong pendapat ini dan juga menyeru untuk menamatkan dasar kewangan dan fiskal yang ekspansif pada masa depan yang terjangka, iaitu selepas pasaran stabil. Sesuai dengan kedudukannya, dasar kewangan reformasi harus memastikan bahawa kadar faedah harus disesuaikan sepanjang kitaran perniagaan untuk mengelakkan tingkat kadar faedah rendah untuk jangka panjang. Ini akan membolehkan bank pusat untuk lebih memastikan bahawa kesan dasar kewangan boleh diramal, sekurang-kurangnya selama jangka menengah.

Neumann³⁴ membawa idea-idea ini lebih jauh. Berbeza dengan pandangan Greenspan-Bernanke-Mishkin, dia berpendapat bahawa bank pusat harus dengan sederhana bersandar pada gelembung harga aset dengan mengecutkan bekalan kewangan apabila mereka dipantau.

Kesemua tiga pendekatan ditujukan--sekurang-kurangnya secara tersirat--untuk semakan semula konsensus Jackson Hole, kerana dasar kewangan yang dicadangkan ini bertujuan untuk mencegah pembentukan gelembung spekulasi.

Kerana tujuan mereka, pendekatan-pendekatan baru dapat disyorkan kepada badan-badan pengawalselia untuk pelaksanaan, kerana dengan secara berkesan menggabungkan strategi-strategi dasar kewangan yang baru ini pada tahap institusi adalah setara dengan kembali kepada dasar kewangan yang berorientasikan kestabilan dan dapat dijangka

32 *Cf.* Borio (2008) dan White (2008).

33 *Cf.* Weber (2008).

34 *Cf.* Neumann (2009).

yang dengan cukup menangani isu penawaran wang terutama pada pembentukan gelembung lebih nilaian.

Di luar cadangan untuk mereformasi dasar kewangan, negara juga perlu digalakkan untuk mereformasi bentukan ekonomi itu sendiri kerana ketergantungan pada aturan kewangan dan ekonomi.³⁵ Dalam konteks ini, Wohlgemuth, Straubhaar dan Zweynert³⁶ telah mencatatkan bahawa perhatian juga harus diberikan kepada prinsip liabiliti sebagai pedoman yang ideal untuk reformasi sistem kewangan dan ekonomi.³⁷

Sektor lain yang saling bergantung dalam tatanan ekonomi juga harus tunduk pada tindakan korektif, namun kami tidak dapat menjelaskan hal ini lebih lanjut di sini. Sektor-sektor terutama yang merangkumi insentif institusi untuk merangsang konsumsi dan pelaburan, peraturan-peraturan yang menyekat mudarat moral, serta penting untuk mendisiplin perbelanjaan masyarakat.³⁸

5.2 Mengubah Bentuk Kewangan

Soalan tentang peraturan alternatif yang boleh disyorkan untuk memperbaiki bentukan kewangan merupakan masalah pilihan antara kendala-kendala yang wujud. Tapi bagaimana bentukan ekonomi menilai kualiti peraturan bentukan alternatif?

Variasi perlembagaan kewangan boleh dianggap sebagai menguntungkan bagi masyarakat daripada perspektif politik berpelembagaan, jika bentuk tersebut boleh menerima persetujuan sukarela dan bermaklumat daripada semua individu. Persetujuan itu merupakan keadaan terpenting untuk cadangan perlembagaan kewangan yang sah.

Kriteria kedua untuk menilai sejauh mana peraturan perlembagaan alternatif atau perubahan peraturan tertentu boleh dicadangkan secara sah adalah berkenaan dengan ciri-ciri fungsionalnya terhadap peringkat sub-perlembagaan. Tentu saja, pola tindakan saja (dalam erti “pola ramalan” Hayek³⁹) yang mendasari sistem kewangan alternatif atau peraturan alternatif dalam sistem yang ada dapat diramal di sini. Dari perspektif politik berpelembagaan, pertanyaannya adalah sistem kewangan mana

35 Eucken (1952/2004), hlm. 257.

36 *Cf.* Wohlgemuth *et al.* (2008).

37 Juga Eucken (1952/2004), hlm. 279.

38 Dalam hubungan ini, peraturan perakaunan yang mempunyai kesan prokitaran, kaedah menilai risiko kredit yang disekuritikan, dan juga sistem pemantauan persaingan untuk produk-produk yang distrukturkan perlu antara lainnya disebut.

39 Hayek (1968 / 2003), hlm. 135. Lihat juga Vanberg (2008), hlm. 311.

yang paling memenuhi kepentingan umum perlembagaan yang dimiliki pengguna wang dalam mata wang mereka berbanding dengan cadangan sistem yang telah ada atau sistem kewangan alternatif. Keputusan kemudian dicapai berdasarkan ujian fungsional, dalam hubungannya dengan kriteria legitimasi persetujuan sukarela tentang sejauh mana struktur kewangan tertentu boleh sah dicadangkan.

Oleh kerana perbincangan menyeluruh dari perbincangan tersebut tidak dapat disediakan dalam lingkup artikel ini, kami membatasi diri untuk suatu ringkasan pendek dari hasil penilaian tersebut.

Cadangan rejim kewangan boleh dibahagikan kepada dua kategori, berdasarkan struktur institusi mereka dan jenis perilaku yang boleh dijangka dari keduanya: di satu sisi, sistem yang memerlukan kawalan budi bicara (*discretionary control*) dan di sisi lain, sistem yang mengikut kawalan berdasarkan peraturan. Dari perspektif ekonomi berperlembagaan, rejim kewangan berasaskan peraturan lebih baik daripada rejim budi bicara, dengan mengambil kira sejauh mana dapat secara sah disyorkan.

Susunan institusi yang diperlukan berkisar daripada matawang simpanan komoditi⁴⁰ yang baru saja dibahas oleh bank pusat China,⁴¹ dengan idea struktur bank pusat yang bebas,⁴² melalui model persaingan mata wang.⁴³

Dalam skop kajian terhadap sistem kewangan yang kompetitif, yang telah mendapat perhatian baru sejak pecahnya krisis kewangan, dua jalur pembangunan dapat dikenalpasti yang boleh ditelusuri kembali ke masa ketika piawai emas jatuh: satu yang utama adalah pembangunan Austria yang menyokong pembangunan yang kembali kepada sistem perbankan bebas dengan 100 peratus sandaran minimum disokong oleh emas,⁴⁴ sementara yang lain adalah pembangunan yang lebih heterogen/Anglo-Saxon yang menuntut pelbagai bentuk sistem perbankan--dengan sekurang-kurangnya penyertaan separa bank pusat--dengan berbagai

40 Cf. Eucken (1952), Hayek (1943 / 1976), Buchanan (1962 / 1990).

41 Cf. Zhou (2009). Dalam Bahagian III ucapannya, Zhou menyokong secara eksplisit bahawa wang disandarkan kepada hartanah, bertentangan dengan interpretasi sepintas lalu yang menyimpulkan cadangan Gabenor People's Bank of China (Bank Pusat) itu kepada idea J. M. Keynes yang memperkenalkan "bancor": "Alokasi SDR dapat dialihkan daripada sistem yang berasaskan perkiraan semata-mata kepada sistem yang disandarkan kepada hartanah, seperti himpunan simpanan (*reserve pool*), untuk merangsang lagi keyakinan pasaran terhadap nilainya".

42 Cf. Miksch (1949a), Bernholz (1989), Buchanan (2004).

43 Cf. Miksch 1949b, Hayek (1976), Hayek (1977), Buchanan (1990/1999), Buchanan (2004), Gerding/Starbatty (1980).

44 Cf. Rothbard (1962), Huerta de Soto (2006).

susun atur institusi.⁴⁵ Cadangan oleh Miksch Leonhard juga boleh dikelaskan dalam jalur pembangunan ini; Miksch memperkenalkan apa yang menjadi pelopor kepada sistem perbankan bebas ke dalam wacana sistem kewangan Mazhab Freiburg.⁴⁶

Kedua-dua kem dibahagikan kepada prinsip legitimasi di satu sisi, dan di sisi lain dengan memperhatikan cadangan institusi yang spesifik.

Penyelidikan lebih lanjut diperlukan mengenai struktur institusi sistem tersebut, dan mengenai integrasinya ke dalam sistem ekonomi secara keseluruhan. Ada alasan-alasan yang baik untuk menyokong idea bahawa sistem mata wang yang kompetitif yang merangkumi penyertaan aktif dari bank pusat dan peraturan-peraturan untuk menstandardkan peredaran wang akan menjadi alternatif yang baik kepada struktur kewangan monopoli, berdasarkan kepada hasil yang dijangkakan.⁴⁷ Bagaimanapun, kertas ini bukanlah tempat untuk melakukan pertimbangan yang lebih khusus terhadap idea ini.

6. RINGKASAN

Salah satu penyebab krisis kewangan antara lain dapat dilihat dalam salah urus dasar kewangan sejak tahun 2000. Dasar kewangan yang akomodatif yang diamalkan seluruh dunia mengalihkan insentif pembiayaan semula bank-bank komersial, dan membuatkan pasaran kewangan global menjadi dibanjiri oleh pelaburan. Bank-bank komersial merespon kepada keadaan pembiayaan semula yang menguntungkan yang ditawarkan oleh bank pusat dengan memperluaskan pelaburan, kredit dan operasi pembiayaan, yang sebaliknya meningkatkan kadar hutang. Keadaan umum keadaan institusi tidak hanya menyebabkan sokongan terhadap kredit berstruktur dan produk pinjaman rumah kepada pihak ketiga, tetapi juga mempromosikan pemberian kredit kepada pelanggan dengan kredit yang rendah. Penilaian yang dipersoalkan terhadap risiko-risiko

45 *Cf.* Meulen (1934), Smith (1936), Hayek (1976), Buchanan (1990), White (1983), Yeager (2009).

46 *Cf.* Goldschmidt / Köhler (2010). Leonhard Miksch (1901-1950) adalah pelajar Eucken dan penasihat akademik kepada Ludwig Erhard; dia memainkan peranan penting dalam menjayakan reformasi matawang pada tahun 1948 (lihat Goldschmidt/Köhler (2008)). Tidak lama kemudian dia membangunkan idea “Monopoli Metrik,” yang merupakan konsepsi pertama untuk sebuah sistem kewangan kompetitif dalam ordoliberalisme. Seawal ketika berlakunya hiper-inflasi di Jerman pada tahun 1923, Walter Eucken membangunkan idea tersebut sebagai usaha pemulihan. “kuasa untuk menentukan saiz penawaran wang [hendaklah] ditarik balik daripada negara” (Eucken (1923)).

47 *Cf.* Hayek (1976), Buchanan (1990), Yeager (2009).

ini dan tingginya permintaan untuk produk pelaburan meningkatkan akumulasi risiko kredit sekuriti. Gelembung spekulasi global diciptakan di pasaran perumahan AS. Selepas pecahnya gelembung itu pada musim panas 2007 dan kesan yang berkaitan dengannya merebak ke pasaran dan syarikat yang terlibat, semua negara ekonomi utama yang sudah menderita daripada kesan-kesan buruk perlambatan ekonomi global (melalui saluran perdagangan itu) ditimpa pula oleh krisis kewangan yang kita biasa kenali.

Selepas gelembung itu pecah, gelembung itu diikuti dengan pemotongan kadar faedah secara drastik oleh bank pusat dan campur tangan yang meluas untuk menstabilkan pasaran kewangan. Sehingga saat ini, respon terhadap tindakan ini telah mampu mencegah daripada merebaknya keruntuhan bank-bank lain. Kebaikan jangka panjang daripada respon ini, bagaimanapun, perlu diragukan kerana penyelesaian jangka panjang akan memerlukan penstrukturan semula undang-undang dan lembaga yang mengatur sistem kewangan dan ekonomi.

Satu cara yang mungkin adalah dengan mengintegrasikan perkembangan harga aset ke dalam kriteria bank pusat dalam menetapkan kadar faedah, seperti dibahas dalam bahagian 5.1. Walaupun jalan kembali untuk mengendalikan jumlah penawaran wang tidak digalakkan, tidak ada salahnya untuk mempertimbangkan kembali kritikan Milton Friedman terhadap profesinya sendiri, yang ia cadangkan kepada rakan-rakannya pada kesempatan pertemuan tahunan ke-80 Persatuan Ekonomi Amerika:

“Pelajaran pertama dan paling penting adalah sejarah mengajar tentang apa dasar kewangan dapat dilakukan - dan itu adalah pelajaran yang terpenting mendalam - adalah bahawa dasar kewangan dapat mencegah wang itu sendiri sebagai sumber utama gangguan ekonomi.”²⁴⁸ Atas alasan ini, penyelidikan lebih lanjut yang membahas rejim kewangan alternatif dari perspektif politik berperlembagaan harus menyusul. Susun atur instrumental yang telah dibincangkan dalam wacana ordoliberal pada sistem kewangan--dalam bentuk yang difikirkan dengan baik dan dikemaskini--mungkin menawarkan alternatif paradigmatic dalam wacana seputar perkembangan lebih lanjut tentang Kesatuan Kewangan Europah.

48 Cf. Friedman (1968).

RUJUKAN

- Adalid, Ramón/Detken, Carsten (2007): *Liquidity Shocks and Asset Price Boom/Bust Cycles* (ECB Working Paper Series, No 732), (<http://www.ecb.eu/pub/pdf/scpwps/ecbwp732.pdf>).
- Bernanke, Ben S.: *The Global Savings Glut and the US Current Account Deficit*, in: *BIS Review*, vol. 16, hlm. 1-10 (<http://www.bis.org/review/r050318d.pdf>).
- Bernholz, Peter (1989): *Der deutsche Neoliberalismus. Das Problem einer stabilen Währungsverfassung*, in: *Geldwertstabilität und Währungsordnung (Vorträge und Aufsätze / Walter Eucken Institut, vol. 122)* – Tübingen, hlm. 1-36.
- Blinder, Alan S./Reis, Ricardo: *Understanding the Greenspan Standard* (CEPS Working Paper, No 114) (<http://www.princeton.edu/ceps/workingpapers/114blinderreis.pdf>).
- Borio, Claudio (2008): *The Financial Turmoil of 2007-?: A Preliminary Assessment of Some Policy Recommendations* (BIS Working Paper, No 251) (<http://www.bis.org/publ/work251.pdf?noframes=1>).
- Brenann, H. Geoffrey/Buchanan, James M. (1981): *Monopoly in Money and Inflation. The Case for a Constitution to Discipline Government* – London.
- Buchanan, James M. (2004): *Constitutional Efficiency and the Europe- an Central Bank*, in: *The Cato Journal*, vol. 24(1-2), hlm. 13-19 (<http://www.cato.org/pubs/journal/cj24n1-2/cj24n1-2-2.pdf>).
- Buchanan, James M. (1990): *Europe's Constitutional Opportunity*, in: *Europe's Constitutional Future*, London, 1990, hlm. 1–20 (*The Collected Works of James M. Buchanan, vol. 18: Federalism, Liberty, and the Law*, Liberty Fund – Indianapolis, hlm. 99-117).
- Buchanan, James M. (1962): *Predictability. The Criterion of Monetary Constitutions*, in: *In Search of a Monetary Constitution*, diesit oleh Leland B. Yeager, Cambridge, 1962, hlm. 155-183 (*The Collected Works of James M. Buchanan, vol. 1: The Logical Foundations of Constitutional Liberty* – Indianapolis, hlm. 396-418).
- Case, Karl E. / Shiller, Robert J. (2003): *Is There a Bubble in the Housing Market?*, dalam: *Brookings Papers on Economic Activity*, vol. 2003(2), hlm. 299-342.
- De Grauwe, Paul / Polan, Magdalena (2005): *Is Inflation Always and Everywhere a Monetary Phenomenon?*, dalam: *Scandinavian Journal of Economics*, 107(2), hlm. 239-259 (also: http://www.econ.kuleuven.be/cw/academic/intecon/Degrauwe/PDG-papers/Recently_published_articles/DeGrauwe_Polan_SJE_2005.pdf).
- Dooley, Michael P. et al. (2004): *An Essay on the Revived Bretton Woods-*

- System*, in: *International Journal of Finance and Economics*, vol. 4, hlm. 307-313 (juga: *NBER Working Paper*, No 9971) (www.nber.org/papers/w9971).
- Estrella, Arturo/Mishkin, Frederic S. (1997): *Is There a Role for Monetary Aggregates in Monetary Policy?*, dalam: *Journal of Monetary Economics*, vol. 40, hlm. 279-304 (juga: *NBER Working Paper*, No 5845) (<http://www0.gsb.columbia.edu/faculty/fmishkin/PDFpapers/w5845.pdf>).
 - Eucken, Walter (1923): *Kritische Betrachtungen zum deutschen Geldproblem* – Jena.
 - Eucken, Walter (1952/2004): *Grundsätze der Wirtschaftspolitik*, diedit oleh Edith Eucken/K. Paul Hensel (UTB 1572) – Tübingen.
 - Friedman, M. (1968): *The Role of Monetary Policy*, dalam: *The American Economic Review*, vol. 58(1), hlm. 1-17.
 - Gerding, Rainer / Starbatty, Joachim (1980): *Zur Entnationalisierung des Geldes. Eine Zwischenbilanz (Vorträge und Aufsätze/Walter-Eucken-Institut, vol. 78)* – Tübingen.
 - Gerlach, Stefan / Svensson, Lars E. O. (2000): *Money and Inflation in the Euro Area. A Case for Monetary Indicators?* (*NBER Working Paper*, No 8025).
 - Goldschmidt, Nils/Köhler, Ekkehard (2008): *Die Ursprünge der Sozialen Marktwirtschaft und die Währungsreform von 1948*, dalam: *60 Jahre Währungsreform. Fünf Vorträge (Beiträge zur Hessischen Wirtschaftsgeschichte, vol. 4)* – Darmstadt, hlm. 82-98.
 - Goldschmidt, Nils/Köhler, Ekkehard (2010): *The Metric Monopoly as a Hybrid Between a Competitive and a Monopolistic Monetary Order (Freiburger Diskussionspapiere zur Ordnungsökonomik)*–Freiburg im Breisgau (sedang direbiu).
 - Greiber, Claus / Setzer, Ralph (2007): *Money and Housing. Evidence for the Euro Area and the US (Bundesbank Discussion Papers, Series 1: Economic Studies, No 12/2007)*, (<http://www.bundesbank.de/download/volkswirtschaft/dkp/2007/200712dkp.pdf>).
 - Hayek, Friedrich A. von (1976): *Choice in Currency* – London.
 - Hayek, Friedrich A. von (1968/2003): *Der Wettbewerb als Entdeckungsverfahren*, dalam: Hayek, Friedrich A. von: *Rechtsordnung und Handelsordnung. Aufsätze zur Ordnungsökonomik*, diedit oleh Manfred E. Streit (Gesammelte Schriften in deutscher Sprache, Abt. A 4) – Tübingen, hlm. 132-149.
 - Hayek, Friedrich A. von (1977): *Entnationalisierung des Geldes. Eine Analyse der Theorie und Praxis konkurrierender Umlaufmittel* – Tübingen.
 - Hayek, Friedrich A. von (1929): *Geldtheorie und Konjunkturtheorie* – Wien / Leipzig.
 - Hayek, Friedrich A. von (1943/1976): *Warenwährung*, dalam: Hayek,

Friedrich A. von: *Individualismus und wirtschaftliche Ordnung* – Salzburg, hlm. 268-280.

- Hoffmann, Andreas / Schnabl, Gunther (2009): *A Vicious Cycle of Manias, Crashes and Asymmetric Policies. An Overinvestment View* (CESifo Working Paper 2855) (http://www.cesifogroup.de/pls/guestci/download/CESifo%20Working%20Papers%202009/CESifo%20Working%20Papers%20November%202009/cesifo1_wp2855.pdf or <http://ideas.repec.org/p/prs/mprapa/18532.html>).
- Huerta de Soto, Jesús (2006): *Money, Bank Credit, and Economic Cycles* – Auburn (<http://mises.org/books/desoto.pdf>).
- International Monetary Fund (IMF) (2009): *Fiscal Implications of the Global Economic and Financial Crisis (Occasional Papers, vol. 269)* – Washington, D.C.
- International Monetary Fund (IMF) (2009): *Fiscal Implications of the Global Economic and Financial Crisis (Occasional Papers, vol. 269)* – Washington, D.C.
- Jaffee, Dwight M.: *Reforming Fannie and Freddie*, in: *Regulation*, vol. 31(4), hlm. 52-57 (dimuat turun dari: http://papers.ssrn.com/sol3/papers.cfm?abstract_id=1346044).
- Jaffee, Dwight M.: *Reforming Fannie and Freddie*, in: *Regulation*, vol. 31(4), hlm. 52-57 (dimuat turun dari http://papers.ssrn.com/sol3/papers.cfm?abstract_id=1346044).
- McCarthy, Jonathan/Peach, Richard W. (2005): *Is There a "Bubble" in the Housing Market, Now?* (NFI Policy Brief, No 2005-PB-01).
- McKinnon, Ronald / Schnabl, Gunther (2009): *China's Financial Conundrum and Global Imbalances* (BIS Working Papers, No. 277).
- McKinnon, Ronald / Schnabl, Gunther (2004): *The Return to Soft Dollar Pegging in East Asia. Mitigating Conflicted Virtue*, dalam: *International Finance*, vol. 7(2), hlm. 169-201.
- Meulen, Henry (1934): *Free Banking. An Outline of a Policy of Individualism* – London.
- Miksch, Leonard (1949b): *Die Geldordnung der Zukunft*, in: *Zeitschrift für das gesamte Kreditwesen*, vol. 2(7), hlm. 155-158.
- Miksch, Leonard (1949a): *Die künftige Bundes-Bank*, in: *Zeitschrift für das gesamte Kreditwesen*, vol. 2(22), hlm. 517-519.
- Minsky, Hyman P. (1986): *Stabilizing an Unstable Economy* – New Haven.
- Mishkin, Frederic S. (2007): *Housing and the Monetary Transmission Mechanism (Finance and Economics Discussion Series, Divisions of Research & Statistics and Monetary Affairs Federal Reserve Board)* – Washington, D.C.
- Neumann, Manfred J. M. (2009): *Internationale Finanzkrise und die*

- Geldpolitik der Europäischen Zentralbank*, dalam: *Perspektiven der Wirtschaftspolitik*, vol. 10(4), hlm. 367-388.
- Osman, Yasmin (2007): 2/28, 'Alt-A' oder 'No-Doc' – die Kreditfantasie kennt keine Grenzen, dalam: *Financial Times Deutschland*, September 12, 2007, hlm. 18.
 - Rothbard, Murray N. (1962): *The Case for a 100 Per Cent Gold Dollar*, dalam: Leland B. Yeager: *In Search of a Monetary Constitution*, Cambridge, 1962, hlm. 94-136.
 - Schnabel, Gunther / Hoffmann, Andreas (2008): *Monetary Policy, Vagabonding Liquidity and Bursting Bubbles in New and Emerging Markets. An Overinvestment View*, dalam: *The World Economy*, vol. 31, hlm. 1226-1252.
 - Schnyder, M. (2002): *Die Hypothese finanzieller Instabilität von Hyman P. Minsky. Ein Versuch der theoretischen Abgrenzung und Erweiterung* (dissertation) – Freiburg im Breisgau.
 - Smith, Vera C. (1936): *The Rationale of Central Banking* – London.
 - Straubhaar, Thomas et al. (2009): *Rückkehr des Keynesianismus. Anmerkungen aus ordnungspolitischer Sicht*, dalam: *Aus Politik und Zeitgeschichte*, vol. 20, hlm. 19-26.
 - Vanberg, Viktor J. (1998): *Constitutional Political Economy*, dalam: *The Handbook of Economic Methodology*, diedit oleh J.B. Davis et al., Cheltenham, 1998, hlm. 69-75.
 - Weber, Axel A. (2008): *Financial Markets and Monetary Policy* (BIS Review, vol. 116).
 - White, Lawrence H. (1983): *Competitive Money, Inside and Out*, dalam: *Cato Journal*, vol. 3(1), hlm. 281-304.
 - White, William R. (2006): *Is Price Stability Enough?* (BIS Working Paper, No 205) – Basel.
 - Wohlgemuth, Michael (2008): *Asche auf ihrem Haupt*, dalam: *Internationale Politik*, vol. 63, hlm. 48-53.
 - Wohlgemuth, Michael (2009): *Die politische Ökonomie des Ausnahmezustands*, dalam: *Wirtschaftsdienst*, vol. 89(4), hlm. 219-223.
 - Yeager, Leland B. (2009): *The Continuing Search for a Monetary Constitution*, dalam: *Contribution at the 10th Summer Institute for the Preservation of the History of Economic Thought*, Richmond, 19-22 Jun, 2009.
 - Zhou, Xiaochuan (2009): *Reform the International Monetary System* (www.pbc.gov.cn/english//detail.asp?col=6500&ID=178) (dilihat pada Julai 24, 2009 pada 20:15 CEST).

ADAKAH KRISIS KEWANGAN DAN KRISIS EKONOMI INI ANCAMAN KEPADA EKONOMI PASARAN SOSIAL?

David Gregosz

1. PENDAHULUAN

Kedua-dua krisis kewangan dan Ekonomi Pasaran Sosial menjadi subjek kepada kebanyakan artikel di media, ucapan-ucapan dan esei-esei. Dengan itu, Konrad Adenauer Stiftung juga berharap dapat menjelaskan sedikit tentang perkara ini melalui penerbitan-penerbitan dan persidangan-persidangannya baru-baru ini. Makalah ini diperihalkan atas motif tersebut dan membina satu hubungan diantara dua topik – krisis kewangan dan juga Ekonomi Pasaran Sosial – dalam usaha untuk menjawab persoalan pokok pada masa sekarang, iaitu: Adakah krisis-krisis kewangan dan ekonomi mendatangkan ancaman terhadap Ekonomi Pasaran Sosial? Dan juga, apa kesimpulan yang dapat dibuat?

Tanpa hasrat untuk menangguhkan jawapan yang lebih sofistikated, satu perkara yang dapat diperkata dengan pasti; Sistem ekonomi Jerman (lebih dikenali sebagai “Ekonomi Pasaran Sosial”) bersama-sama dengan dasar-dasar kewangan dan ekonomi Kerajaan Persekutuannya sedang menghadapi cabaran-cabaran yang besar. Cabaran-cabaran ini akan menggambarkan sifat zaman legislatif yang seterusnya. Ini kebanyakannya kesan kemelesatan mendalam yang janggal, yang mana ekonomi global mula pulih pada awal tahun 2009, yang mana sekarang perlunya perubahan dalam ruang politik individual (contohnya sistem keselamatan sosial dan sistem fiskal). Sekiranya tanda-tanda ekonomi terdahulu dapat diterima logiknya, maka kepincangan ekonomi tersebut sudahpun berjaya diatasi; Namun, senario pemulihan ekonomi yang mendatang tidak dipersetujui oleh para akademik. Pemerhatian tertentu boleh dibuat sekarang, tidak kira hasil pemulihan ekonomi yang berbentuk W,V atau U. Tanggapan utama sekarang adalah perlunya untuk membaik pulih pasaran kewangan bagi memastikan modal dan kekayaan sekali lagi dapat berperanan untuk membantu manusia.

2. KESAN DAN IMPAK FISKAL TERHADAP KRISIS KEWANGAN

Ukuran krisis semasa adalah disebabkan oleh beberapa faktor yang berlaku serentak: Krisis kewangan, kepincangan ekonomi dan krisis struktur antarabangsa dalam pasaran tertentu (contohnya industri automotif dan pembekal-pembekal, yang perlu untuk mengurangkan kapasiti surplus) - tiga fenomena ekonomi yang saling memberi impak kepada yang lain.

Ketidakstabilan makroekonomi, struktur-struktur kawal-atur yang tidak cekap dan kecacatan mekanisme insentif yang signifikan dalam sistem perbankan telah dikenalpasti sebagai titik permulaan bagi krisis perbankan, atau lebih tepat lagi sebagai krisis kewangan, sepertimana dasar sosial dan kewangan Amerika yang gagal, yang menggalakkan gelembung hartanah, dan paling teruk apabila menyebabkan meletupnya gelembung tersebut. Ini menyebabkan beberapa institusi kewangan yang saling berkaitan jatuh dalam kesukaran dan mengakibatkan kejatuhan bank pelaburan, Lehman Brothers, pada 15 September 2008. Hasil daripada kejutan yang tidak dijangka ini, pasaran antara bank hampir menemui kebuntuan. Akibatnya kos pinjaman melambung, pinjaman dikurangkan, pasaran dipetakan (*compartmentalized markets*) dan keyakinan terhadap nasib ekonomi hilang (terbukti melalui keruntuhan pasaran saham). Berikutan daripada itu, banyak masalah ekonomi besar timbul, yang mewujudkan ketegangan paling besar ke atas Eurozone; dan ketegangan tersebut terus berkembang dalam ruang mata wang tunggal (unit kewangan yang dikongsi oleh beberapa negara). Kesan kepada krisis-krisis kewangan dan ekonomi bersebuti dengan beberapa negara seperti Greek, Itali, Portugal dan Sepanyol kerana kegagalan ekonomi yang tertentu. Sebelum ini, kesemua negara ini hidup di luar kemampuan mereka, yang mana masalah individu mereka bertambah teruk apabila krisis timbul dan mengakibatkan pengubahsuaian harga dan gaji dalam ekonomi sebenar menjadi keperluan.

Tidak kira penduduk atau peniaga, kedua-dua golongan telah menikmati dahulu bagaimana ekonomi yang saling berhubung – yang tidak diragui menguntungkan Jerman – tetapi juga boleh memindahkan kejutan-kejutan di seluruh sistem. Apabila ekonomi dunia perlahan akibat kejutan sebegini, peneraju negara eksport (terdahulu) akan mendapat tamparan terhebat daripada situasi tersebut. Dalam hal krisis semasa sekarang, ahli-ahli ekonomi merujuk kepada “kemelesetan yang

diimport”, yang sememangnya akan mempengaruhi pertumbuhan ekonomi dan pekerjaan. Sebab inilah, Kerajaan Persekutuan yang baru harus menunjukkan perhatian lebih bagi menghadapi krisis tersebut dan bagi memperbaiki pengawalan antarabangsa. Walaubagaimanapun, pengurangan sektor buruh yang disebabkan oleh ekonomi tidak teragih secara bersimetri: sesetengah sektor, terutamanya sektor-sektor serantau seperti industri barangan, ditimpa kesan buruk lebih dahsyat dari yang lain. Kekeliruan dalam sektor-sektor tertentu dapat diperjelas hanya kerana krisis tersebut belum sampai kepada mereka. Hanya apabila situasi tersebut menjadi sangat ketara, dengan potongan gaji, potongan masa bekerja dan pengganguran, barulah rakyat kebanyakan akan peka akan sejauh mana kegendalaan ini. Daripada perspektif makroekonomi, kegendalaan ini diakui sangat besar, kerana itulah negara-negara industri bertungkus-lumus untuk memulihkan kejatuhan permintaan ini melalui usaha bersama.

3. KESAN-KESAN TERHADAP “EKONOMI SEBENAR”

Walaupun melalui usaha ini, Kerajaan Persekutuan menganggarkan kejatuhan KDNK sebanyak 5.0 peratus dalam terma sebenar. Jabatan Perangkaan Persekutuan telah mengeluarkan angka pada Mei 2009 yang menunjukkan keluaran ekonomi telah jatuh sebanyak 3.8 peratus pada suku pertama (ekonomi berkembang sedikit sebanyak 0.3 peratus pada suku kedua). Tidak pernah timbul kejatuhan yang sebegini teruk dalam sejarah 60 tahun Republik Persekutuan. Akibatnya, bilangan kes yang tidak selesai meningkat tinggi, dan peningkatan purata bilangan pengangguran tahunan semakin menaik, iaitu tanda-tanda tertanggung “ekonomi sebenar” untuk kerajaan. Institut Kajian Buruh (untuk: *Institut für Arbeitsmarkt- und Berufsforschung, IAB*) menghitung purata bilangan penganggur sebanyak 3.5 juta pada 2009. Angka Purata tahunan tersebut dijangka mencapai 4.1 juta bagi 2010.¹

Sudah tentu keadaan yang bertambah teruk ini memberi impak pada rakyat terbanyak. Dari segi pendapatan, hasil anggaran cukai bulan Mei bagi 2009 hingga 2012 menunjukkan penurunan dalam terimaan cukai sebanyak 316 juta Euros (Namun begitu, ramalan menunjukkan tahun ini akan menyaksikan hasil cukai yang ketiga tertinggi selama ini – hasil cukai yang lebih tinggi daripada itu hanya dapat diperolehi pada 2007 dan 2008). Lebih kurang dua pertiga daripada kerugian ini berkaitan dengan

1 Rujuk Bach et al. (2009).

keseluruhan situasi ekonomi yang semakin teruk; baki satu pertiga adalah daripada reformasi fiskal.

Penghakisan hasil, dan juga beban tambahan ke atas perbelanjaan (seperti pakej ransangan buruh dan ekonomi) akan membentuk kewangan nasional pada tahun-tahun yang mendatang. Ianya sangat jelas bahawa defisit yang dijangka bagi 2009 dan 2010 akan melebihi defisit yang pernah disaksikan selepas penyatuan semula Jerman. Kesetiaan terhadap ‘European Growth and Stability Pact’ kian hilang kepentingannya, kerana membetulkan defisit berstruktur bukannya sesuatu yang mudah untuk dicapai. Hakikat bahawa tugas ini harus diutamakan oleh zaman legislatif seterusnya datang daripada peruntukan menghalang hutang yang termaktub dalam perlembagaan.

4. CABARAN-CABARAN BAGI DASAR EKONOMI JERMAN

Kata-kata “zaman ekonomi yang mencabar” kelihatan sangat berasas; ia sememangnya mencabar kerana kita menghadapi krisis ekonomi yang paling terus sejak kemelesetan agung 1930 dan kita tiada pengawalan “formula membawa kejayaan”. Lebih-lebih lagi, krisis semasa ini lebih kompleks, kerana lebih berskala global dan lebih segerak daripada 80 tahun lepas. Namun, kini – dan ini adalah perbezaan penting dengan yang lepas – bank pusat bereaksi dengan bijaksana. Kesilapan lepas bank pusat yang mengurangkan penawaran wang tidak lagi diulangi. Tambah lagi, ia mencabar kerana keselamatan sosial yang tidak terjamin – bukti-bukti hilangnya keyakinan terhadap Ekonomi Pasaran Sosial – berlaku serentak dengan “laungan kejayaan” populisme sayap kiri, kelompok yang sentiasa skeptik terhadap ekonomi pasaran dan masyarakat terbuka. Sesiapa sahaja boleh berkata bahawa kelompok yang menyokong intervensi kerajaan amat gembira dalam krisis ekonomi ini. Mereka tidak perlu untuk mendengar semua kekelaman tentang malapetaka yang ditimpa ekonomi pasaran serta tamatnya sudah zaman liberalisme. Mereka hanya perlu merujuk pada ahli ekonomi Joseph Schumpeter, yang pernah menulis: “Kapitalisme sedang dibicara oleh hakim-hakim yang tersedia hukuman mati dalam saku mereka.”²

Walaupun begitu, kritik-kritik tentang “pasaran” yang baru menular ini terlepas pandang bahawa hakikat terjadinya kejadian ini adalah kerana perilaku manusia. Pasaran “tersebut” bukanlah entiti yang berautonomi, tetapi hanya mekanisme panduan bagi perilaku banyak manusia dalam

2 Schumpeter (1950), hlm. 233.

satu struktur kawalan. Kerajaan dengan relanya ingin bertanggungjawab ke atas struktur ini, ke atas penggubalan undang-undang ekonomi dan ke atas hasil – tanpa mengira positif ataupun negatif – pasaran tersebut. Dengan itu, agak tidak adil untuk kita hanya menyalahkan krisis-krisis ekonomi dan kewangan tersebut ke atas ekonomi pasaran dan penyokongnya. Lagi tidak bersebab untuk kita menyerang para ordoliberal (daripada bahasa Latin *ordo*, bererti keteraturan) ini, seperti Walter Eucken, yang sentiasa melihat bahawa kerajaan yang berperanan untuk membina. Siapa dia para ordoliberal ini?

5. MEMANDANG SERIUS PRINSIP-PRINSIP EKONOMI PASARAN SOSIAL

Bagi menghadapi krisis ekonomi global semasa, sangat munasabah untuk kita merujuk kepada tulisan-tulisan perancang-perancang asal Ekonomi Pasaran Sosial, sebaiknya kita mula merujuk pada Sekolah Freiburg. Setahun selepas krisis bank 1931, di saat kemuncak krisis global, wujud kelompok ordoliberal yang memperjuangkan “kerajaan yang kuat, kerajaan yang mengatasi ekonomi” melawan “kekaraman kapitalisme”.³

Di ketika itu, peranan kerajaan juga bukan sekadar menjamin hak-hak harta benda dan keselamatan, tetapi juga membina satu sistem ekonomi baru melalui prinsip konstituen dan kawal atur yang kompetitif (iaitu pasaran) sebagai prioriti utama: “Inilah saat genting di mana kerajaan mesti campur tangan bagi melaksana peraturan pasaran dan mengatasi tembok-tembok yang menghalang peraturan ini daripada dilaksanakan.”⁴

Di ketika itu ia tidak lain seperti mengolah semula liberalisme: Pada 1930-an, para ordoteoris, sepertimana yang diperkatakan oleh liberalisme klasik, menunjukkan bahawa pasaran tidak menjana keteraturan dengan sendirinya. Kerajaan mempunyai satu peranan yang khusus, iaitu sebagai penjamin utama keteraturan ekonomi. Sejak beberapa tahun lalu, ahli-ahli politik dan ejen-ejen pasaran seolah-olah lupa akan prioriti kerajaan terhadap ekonomi – seperti yang dikehendaki oleh para perintis Ekonomi Pasaran Sosial – iaitu, penyeliaan terhadap ekonomi yang jelasnya dikawal dan pasaran yang berstruktur. Menurut ini, sekiranya pasaran gagal, ia membawa maksud kegagalan kerajaan. Begitu juga sebaliknya.

Ingatlah bahawa rukun utama Sekolah Freiburg adalah ekonomi pasaran bebas bersama sistem harga yang berfungsi. Harta benda

³ Rujuk Rüstow (1932).

⁴ Daripada Alexander Rüstow pada 3 April 1930 kepada Walter Eucken; disebut berdasarkan *Vogt* (1997), hlm. 265.

peribadi, kebebasan berkontrak, yang juga jelas ditakrifkan, jaminan hak-hak harta benda adalah prasyarat untuk membolehkan manusia bertindak bebas dan dengan penuh tanggungjawab. Pada masa yang sama – dan ini memang mustahak – kerajaan seharusnya memberi satu rangka untuk pasaran berdasarkan prinsip-prinsip tertentu. Walter Eucken telah merumuskan asas ini dalam makalahnya – yang masih relevan hingga ke hari ini – berjudul *Grundsätze der Wirtschaftspolitik (Principles of Economic Policy)*⁵:

- Pentingnya persaingan untuk dipertahankan; syarikat-syarikat mempunyai kecenderungan untuk merencatkan persaingan melalui pemerolehan atau penetapan harga sebagai contoh. Maka, kerajaan seharusnya mengelakkan daripada monopoli atau kartel-kartel dan sentiasa mengekalkan keterbukaan pasaran supaya dapat diceburi pesaing-pesaing yang berpotensi. Hanya “whip” persaingan yang boleh mengeluarkan kos kecekapan dan tekanan kepada inovasi.
- Selanjutnya, peraturan jelas terhadap liabiliti perlu ada bagi menjamin pihak-pihak yang malang tidak dibebankan dengan kos perbelanjaan dan aktor-aktor tidak mengambil risiko berlebihan.
- Bank pusat harus menjamin kestabilan monetari yang mencukupi bagi mengelakkan sistem pasaran memberi isyarat memutar-belit dan mengakibatkan pelaburan yang teruk.
- Bagi memperbaiki perancangan jangka-panjang, dasar ekonomi harus berpaksikan keutuhan, ketekalan dan kebolehamalan.

Sekiranya prinsip-prinsip ini diabaikan, iaitu prinsip utama kepada Ekonomi Pasaran Sosial, maka kesimpulan yang dapat dibuat: Krisis-krisis kewangan dan ekonomi hari ini bukanlah bukti kegagalan Ekonomi Pasaran Sosial. Tetapi, ia menguatkan lagi keabsahan dan nilai essensi prinsip-prinsip universal ini, seperti kestabilan monetari, liabiliti, penimbang, persaingan kuat dan penolakan kepentingan yang separa.

Hakikatnya, pemerhatian daripada pasaran yang dibesar-besarkan ini adalah akibat langsung daripada kesilapan dasar-dasar lalu. Prinsip kawal atur Ekonomi Pasaran Sosial diabaikan. Di USA, banyak usaha dibuat untuk membiayai ekonomi atas asas kadar faedah yang rendah dan kerajaan juga menggalakkan hutang swasta. Ini adalah antara sebab terjadinya peningkatan monetari yang mendadak. Sekiranya wang dan barangan

5 Rujuk Eucken (1952), hlm. 254-291.

disusun salah, maka kestabilan harga pasti akan terancam. Walaupun ia tidak mengakibatkan inflasi berlebihan terhadap USA, tetapi kecairan yang amat besar ini menyumbang kepada pertumbuhan gelembung hartanah. Seterusnya, beberapa bank mengelakkan risiko kegagalan pinjaman dan, kemudian, menghindari liabiliti mereka untuk perniagaan-perniagaan tertentu dengan menimbunkan (“menyelamatkan”) pemberian pinjaman gadaai janji mereka dan menjual kesemuanya di pasaran kepada bank-bank lain, institusi kewangan atau pelabur-pelabur swasta (tanpa dikenakan ke atas mereka untuk mengekalkan ko-liabiliti oleh pengawal). Perhubungan langsung pemberi pinjaman-peminjam diabaikan oleh sebab struktur yang tidak diketahui, struktur liabiliti yang kabur, yang terbukti akhirnya tidak bertahan. Tambah lagi, penumpuan proses dalam sektor perbankan – di mana dalam kadar global dan berterusan tanpa kawalan – menimbulkan masalah bahawa institusi-institusi ini “terlalu besar untuk gagal”. Tidak lupa juga, insentif terang-terangan yang salah di kalangan agensi penarafan dan kelemahan peraturan dalam perakaunan antarabangsa yang amat ketara.

6. APAKAH IKTIBAR DARIPADA KRISIS INI?

Seiring dengan persoalan ini, boleh diperkatakan bahawa krisis kewangan ini tidak mengancam idea – “idea” sebagai kata kunci – Ekonomi Pasaran Sosial. Tetapi ia menonjolkan lagi unsur-unsur utamanya! Namun, iktibar utama yang boleh dipelajari daripada krisis ini ialah, kerajaan – kedua-dua kerajaan Amerika dan Jerman – gagal untuk mengambil serius idea ini dan gagal untuk menghadapinya dengan isu-isu pengawalan yang sebetulnya (contohnya pengawalan pasaran kewangan yang efektif), akibat kebuntuan daripada penelitian terhadap dasar-dasar tertentu.

Kini, wujud ancaman daripada kerajaan – yang didorong dengan ideologi tertentu akibat krisis semasa ini – untuk terus dalam usaha intervensionis dan meletakkan kebebasan dan kemakmuran pada situasi yang amat berisiko. ‘Car scrappage scheme’, yang diperkenalkan oleh Pakatan Agung ‘Grand Coalition’, yang mendatangkan impak teruk kepada persaingan adalah antara contoh terbaik. Mana-mana ordopolitikus akan rasa tergugat dengan kenyataan seperti di dalam § ketiga, perenggan pertama daripada *Financial Market Stabilization Act* yang dipinda: “Kementerian Kewangan Persekutuan bertanggungjawab untuk melaksanakan prosedur pengambilalihan”⁶ – terutamanya apabila akta ini dicipta khusus untuk menghadapi kes ‘Hypo Real Estate Bank’.

6 *Gesetz zur weiteren Stabilisierung des Finanzmarktes.*

Dengan itu, kita tidak boleh dituduh sebagai salah tafsir, ianya perlu dalam situasi sebegini, yang kini telah berjaya diatasi, untuk melindungi daripada keruntuhan pasaran kewangan dengan menggunakan dana khas penstabilan pasaran kewangan. Pakej ransangan ekonomi – sebagai langkah kedua – seharusnya tidak diabaikan terus: Di satu sudut kerana keberkesanan dasar monetari yang terhad dan, di sudut yang lain, untuk menjamin kestabilan ekonomi yang diramal. Pendekatan ini melibatkan pakej ransangan ekonomi tindak-perlahan I dan II, yang berjumlah sekitar 80 juta Euros. Namun, kandungan utamanya adalah – dan inilah cabaran bagi zaman legislatif yang mendatang – untuk tidak terlepas pandang akan prinsip kawal atur dan untuk mengimbangi semula antara kerajaan dan pasaran.

Ujian sebenar untuk pengawalan belum lagi dirasai, di mana campurtangan kerajaan – yang juga sebahagian daripada Ekonomi Pasaran Sosial – seharusnya selari dengan prinsip-prinsip pasaran dan pengunduran kerajaan ke atas ekonomi mestilah dicapai dengan bijaksana.

Ia kelihatan agak keterlaluan untuk melaksana langkah-langkah Keynesian secara menyeluruh, iaitu pembiayaan perbelanjaan hutang negara yang lebih tinggi ataupun pakej ransangan ekonomi yang baru dengan menggunakan dana kecemasan kerajaan dan terus membenarkan campurtangan kerajaan. Terutamanya ketika hutang negara yang sangat tinggi di rantau ini, 1.6 bilion Euros (ini tidak termasuk janji-janji tersirat kerajaan), yang menghadkan kelonggaran dalam penggubalan dasar pada masa akan datang. Dan selain masalah hutang, seperti yang telah disaksikan melalui sejarah, kerajaan tidak berupaya untuk mengawal sejauh mana campurtangannya dalam aktiviti ekonomi. Dan juga, isi-isi rumah dan syarikat-syarikat bertindakbalas – kadang-kadang dalam bentuk yang tidak dingini – terhadap campurtangan kerajaan (contohnya terjatuhnya permintaan pengguna/pelaburan). Maka, pengaruh dasar ekonomi terhadap perkembangan ekonomi adalah kekal terhad.

Tambah lagi, sumbangan kerajaan kepada krisis global tidak boleh diabaikan. Lagipun, ia adalah bank pusat US yang menggalakkan pertumbuhan ekonomi nasional dan global. Semuanya kesan daripada dasar kadar faedah rendah, justeru menyumbang kepada ketidakstabilan ekonomi US. “Kegagalan pasaran”, yang selalu disebut-sebut, harus dilihat seiring dengan “kegagalan kerajaan”.

Penting bagi Kerajaan Persekutuan yang baru untuk kekal terikat dengan dasar yang mengawal selia ekonomi, yang memerhati dan

memperbaiki program rangsangan ekonomi sebagai penyelesaian kepada satu situasi luar jangkaan yang khusus. Ini berbeza kerana daya pasaran yang biasa juga mampu membawa pengaruh negatif, kadangkadang mungkin juga elok, terhadap syarikat-syarikat yang mampu bertahan. Dan mungkin akhirnya mereka ini berjuang mempertahankan kewujudan masing-masing akibat krisis luar biasa ini – satu situasi, yang dulunya tidak boleh, dan masih tidak boleh dipandang enteng dalam krisis semasa ini. Pendapat ini, yang juga dipanggil intervensionisme liberal dan pengawalan, adalah sejajar dengan kelainan dasar ekonomi yang berbentuk pragmatik, yang dilaksanakan oleh Ludwig Erhard ke atas Ekonomi Pasaran Sosial.

Kini, malangnya, Ekonomi Pasaran Sosial Ludwig Erhard sama juga boleh dipersalahkan dengan lebih ekonomi global akibat ‘kin liability’ – iaitu liabiliti kepada semua ahli keluarga hanya kerana salah laku salah seorang daripadanya. Agak sukar apabila kedua tersebut disamakan – sesuatu yang tidak mengambarkannya tetapi sangat popular; ini mungkin boleh disebut sebagai “cabaran asal” kepada pengikut-pengikut setia Ekonomi Pasaran Sosial. Dari perspektif ekonomi, perlu dibezakan idea di antara pencipta asal, Alfred Müller-Armack dan Ludwig Erhard, dan versi yang separuh terlaksana itu. Kerana, dari awal lagi, seluruh sektor ekonomi (iaitu pertanian, tenaga, pengangkutan dan perumahan) diasingkan daripada daya persaingan tersebut, iaitu “teras” kepada Ekonomi Pasaran Sosial. Ini menunjukkan bahawa hakikat ekonomi berpelembagaan oleh Republik Persekutuan tidak pernah menggambarkan bentuk “hakiki” Ekonomi Pasaran Sosial.

Namun, pemerhatian ini tidak diendahkan: Kritikan kuat kepada kapitalisme dan sistem telah dibangkitkan semula. Punca kedua fenomena ini adalah kerana peningkatan hilangnya keyakinan terhadap sistem ekonomi kita dan ini telah tertanam sekali dalam model masyarakat liberal tertentu. Pada masa yang sama, banyak yang lupa bahawa sistem ekonomi lain juga tidak bebas daripada skandal dan masalah sosial. Banyak tinjauan yang dibuat membuktikan – malahan sebelum krisis kewangan ini bermula – hilangnya keyakinan terhadap sistem ekonomi. Secara tidak langsung, mereka juga menganggap sistem Ekonomi Pasaran Sosial yang dibina untuk menjamin keteraturan ekonomi selepas Perang Dunia Kedua makin berkurangan daya kepaduan sosial.

7. MEMPERKUKUHKAN KEPADUAN SOSIAL EKONOMI PASARAN SOSIAL

Kesemua aktor yang bertanggungjawab haruslah mendalami isyarat yang dibawa daripada hakisan keyakinan ini, dan bertanya mengapa model Jerman ini kelihatan telah hilang daya kepaduannya dan kemampuannya sepanjang 60 tahun lalu untuk difahami rakyat. Limpahan ekonomi (2005 hingga 2007) yang lepas mampu untuk menjawab persoalan ini.

Apa yang mungkin berbunyi paradoks ini, hakikatnya, terbukti dengan statistik: Tidak mungkin kesemua populasi mendapat faedah daripada limpahan ekonomi yang lepas di Jerman. Perhubungan linear antara pertumbuhan dan kekayaan peribadi, antara kejayaan korporat dan kebajikan individu, yang bertahun-tahun berjaya dijalinan, telah putus bagi kebanyakan rakyat, terutamanya bagi mereka yang bekerja. Akibatnya, keraguan timbul ke atas jaminan kehidupan; ketakutan akan kejatutan ini kini tertanam dalam ke dalam masyarakat. Masalah sosial, seperti pendidikan yang ditentukan, peningkatan risiko kemiskinan para pesara ataupun ketidakstabilan pekerjaan juga harus dipertimbangkan. Kesemua ini tidak mungkin mampu diselesaikan dengan pengabaian mekanisme pasaran atau “kuasa pasaran” hanya diangkat di sebelah pihak.

Tanggapan bahawa peningkatan keuntungan korporat tidak menjamin keselamatan kerja individu, dan pengangguran berleluasa mampu untuk merangsang kesangsian terhadap pasaran saham dalam ekonomi pasaran makin menguatkan dakyah untuk mengabaikan Ekonomi Pasaran Sosial. Tindakan tidak bertanggungjawab daripada pegawai-pegawai kanan dalam ambang krisis kewangan lagi mempercepatkan proses ini. Baru-baru ini, Wolfgang Schäuble telah menyebut “penggali kubur untuk Ekonomi Pasaran Sosial”.⁷

Bahagian kedua jawapan kepada persoalan ini boleh dilihat melalui krisis kewangan yang menghakis keyakinan terhadap keteraturan ekonomi, yang kita selalu sebut sebagai Ekonomi Pasaran Sosial, kerana tuntutan utamanya “kemakmuran untuk semua”, sekarang sedang dipersoal. Ianya mustahak untuk mengatasi kesangsian ini untuk masa hadapan peluang dalam ekonomi, untuk iklim politik dalam Republik ini dan untuk kejayaan Kerajaan Persekutuan yang baru.

Sekiranya kita berniat untuk mempertahankan sistem ekonomi yang sudah terbukti berjaya, kita juga harus menghadapi kelemahannya,

7 Schäuble (2009).

dan pada masa yang sama mengenal pasti cabaran-cabaran “luaran” yang perlu dihadapi. Justeru, kini timbul dua dilema: Sementara model ekonomi Jerman sedang dijejaskan dan dicemar oleh individu-individu tertentu “dari dalam”, Ekonomi Pasaran Sosial juga harus bersaing secara global bersama ekonomi-ekonomi yang berlainan ideologi.

Ini hanya akan berjaya jika ahli-ahli politik mengangkat prinsip-prinsip panduan Ekonomi Pasaran Sosial ke persada antarabangsa. Ini melibatkan apa yang dipanggil sebagai “permukiman kerajaan” – walaupun kesukaran yang jelas dalam mengawal atur ekonomi. Akhirnya, model nasional untuk keteraturan ekonomi, seperti Ekonomi Pasaran Sosial ini, akan terhalang oleh tembok besar sekiranya negara-negara lain tidak merasakan keterikatan dengan prinsip-prinsipnya yang kompetitif.

Sekiranya seseorang dapat menyaksikan imej-imej kemanusiaan lain dan mempunyai fahaman terhadap kerajaan negara-negara lain dengan cukup teliti dan liberal, maka, sistem ekonomi nasional tidak akan bermasalah dalam dunia pasaran bebas. Sukan dapat memberikan allegori yang baik: Sekiranya pengadil tidak menegaskan pemain-pemain untuk bermain mengikut peraturan yang sama, maka perlawanan akan bertukar menjadi pergasakan. Permainan berskala global ini telah bermula tanpa memilih pengadil yang benar-benar cekap. Akibat daripada krisis terkini ini jelas dalam pasaran kewangan. Kita tidak boleh melupakan tentang pasaran komoditi, pelanggaran-pelanggaran terkini terhadap hak-hak harta benda, masalah persekitaran, buruh kanak-kanak ataupun ketaksamaan ekonomi-ekonomi luar yang asing. Fenomena-fenomena ini juga adalah hasil daripada ketiadaan pengawalan global dan persaingan tidak adil antara syarikat-syarikat.

Hakikatnya, kebanyakan yang dilihat mustahak kepada rakyat oleh Republik Persekutuan ini, contohnya sebuah rangka sosial untuk pekerjaan atau prestasi individu dan tempatnya yang dijanjikan dalam sistem persaingan oleh kerajaan selalunya diperlekeh di peringkat antarabangsa. Berdasarkan pendekatan para pemikir utama yang bersifat ordoteori seperti Walter Eucken, Wilhelm Röpke, Alfred Müller-Armack atau Ludwig Erhard, ciri-ciri inilah yang membentuk Ekonomi Pasaran Sosial dan perlu diperkukuhkan di persada antarabangsa. Kekayaan dengan nilai-nilai – yang tidak sekadar ditakrifkan dalam istilah kuantitatif – adalah matlamatnya. Bahkan, atau terutamanya dalam dunia globalisasi.

Peluang-peluang untuk pembaharuan sosial dan ekonomi global tentunya ada. Di satu sudut, Amerika dan British sedang mempersoal

model ekonomi mereka akibat krisis ini – yang lagi memudahkan untuk konsensus antarabangsa. Di sudut lain, *Konrad-Adenauer-Stiftung* telah menyaksikan peningkatan minat ke atas Ekonomi Pasaran Sosial. Khususnya demokrasi atau kerajaan yang masih muda yang sedang tergugat, mereka sedia untuk turut sama dalam perbincangan tentang pengawalan. Dan juga, kepentingan untuk prinsip-prinsip kawal atur dan prinsip-prinsip konstitutif bagi sistem ekonomi global yang berfungsi di ambang krisis ekonomi dapat diperhatikan di peringkat antarabangsa. Pengalaman negara Jerman mengesahkan keperluan untuk memperkukuhkan lagi prinsip-prinsip ini di seluruh Eropah. Apa yang benar bagi tepat untuk negara bangsa yang individu, juga penting untuk komuniti ekonomi global dan berpusat kepada keperluan-keperluan utama ordoliberal: “Kebebasan memerlukan keteraturan”.

8. PANDANGAN

Sekarang, kita mungkin perlu untuk komen perjalanan yang mendatang. Barangkali, pasaran kewangan akan menjadi lebih telus selepas krisis ini; pengurus-pengurus bank akan memperoleh gaji yang lebih tinggi dan kawalan bank akan diperbaharui. Hasil G20 Summit di Pittsburgh pada 2009 memang menjurus ke arah ini, walaupun mereka belum melaksanakannya di peringkat undang-undang nasional. Namun, pelaksanaan menyeluruh sahaja tidak cukup. Lagipun ini hanya akan menampakkan lebih jelas “masalah-masalah tersembunyi” sistem ekonomi dan sosial Jerman. Perkara kelihatan mudah untuk dihadapi apabila dibandingkan dengan cabaran-cabaran yang kita hadapi di peringkat global. Walaupun begitu, perkara sebegini juga memerlukan kekuatan dan usaha politik. Cabaran-cabaran ini terutamanya melibatkan:

- Jaminan terhadap keupayaan kewangan kerajaan untuk bertindak (tekanan demografi terhadap perbelanjaan awam, akan meningkatkan hutang);
- Memperbaharui sistem cukai dan faedah;
- Menaik taraf pendidikan;
- Turut mempertimbangkan perubahan iklim dan keselamatan tenaga;
- Mengikuti perubahan struktur ekonomi dan mengenalpasti isu-isu terbaru pengagihan.

Senarai ini bukan berniat untuk mewujudkan kebimbangan; tetapi ia adalah solusi kepada masalah-masalah yang disebut. Kesemua ini harus dilaksana dengan berani. Diakui bahawa cabaran-cabaran ini adalah kompleks. Hanya menghadapi ia dengan frasa “Ekonomi Pasaran Sosial” sahaja tidak mencukupi. Aktor-aktor yang bertanggungjawab harus meyakinkan khalayak manusia dengan nilai dan kekuatan sistem Jerman ini. Kemungkinan usaha sebegini sangat kurang pada masa lepas. Ekonomi Pasaran Sosial sentiasa menjadi “cara pemikiran yang progresif”.⁸ Namun, kadang-kadang, ia membuka jalan untuk kepentingan politik. Walaupun begitu, inilah sebabnya ia boleh dihidupkan kembali. Ia harusnya mempertimbangkan semula syarat-syarat rangka baru. Ini termasuk menambahkan perhatian terhadap nilai-nilai utamanya iaitu kesamaan peluang dan prestasi.

Di sini, dua pemerhatian harus dibuat: Pertamanya, gaji, yang lebih tinggi daripada purata pendapatan, tidak boleh dijustifikasikan sebagai kesamaan prestasi; keduanya, tugas utama dasar sosial kerajaan adalah untuk menambah peluang, iaitu dengan memberikan setiap manusia peluang untuk menggunakan kemahirannya dalam masyarakat melalui pendidikan, politik dan integrasinya. Kita juga harus mengingatkan dua lagi nilai-nilai Ekonomi Pasaran Sosial: Penimbang dan bertanggungjawab. Ini bukannya ketinggalan zaman; bahkan ia adalah asas kepada reformasi untuk menjamin kebebasan. Sangat jelas bahawa ekonomi pasaran memerlukan asas etika. Tanpa kebaikan dan kesusilaan yang membelakangi tindakan seseorang, tidak mungkin untuk kita hidup bersama dengan harmoni. Hubungan ini telah disebut oleh Wilhelm Röpke beberapa tahun lepas.

Ekonomi Pasaran Sosial menawarkan kekuatan struktur kawal atur bagi menghadapi cabaran-cabaran domestik yang telah disebut. Atas beberapa sebab, ideologi ini masih lagi kontempori:

- Pertama, sekiranya dibandingkan dengan model ekonomi yang lain (kerajaan kapitalis autoritarian, kapitalisme pasaran bebas), Ekonomi Pasaran Sosial ini berdasarkan penemuan antropologi, maka ia bukan sekadar sistem ekonomi. Ia adalah model kepada masyarakat. Rukun utama model ini adalah personaliti manusia itu sendiri, kuasa pertimbangan dan membuat keputusan yang boleh dipercayai. Pemahaman Kristian ini mewujudkan rangka etika

⁸ Müller-Armack (1966), hlm. 12.

untuk perniagaan dan perdagangan; kriteria untuk kesamaan jelas disertakan dan diambil sebagai sebahagian hak untuk menceburi.

- Kedua, Ekonomi Pasaran Sosial ini betul, kerana ia meletakkan mekanisme pasaran di pusatnya. Kita tidak boleh lupa bahawa krisis semasa ini adalah akibat daripada kegagalan untuk memerhati mekanisme-mekanisme pasaran. Kemahiran pasaran untuk menjana kekayaan dalam skala luas tidak berjaya dicapai. Disebabkan itu, wujudnya keperluan untuk institusi-institusi, harta benda, kebebasan berkontrak, kepentingan diri, pasaran, kawalan harga dan persaingan. Ekonomi yang kompetitif adalah sistem ekonomi yang paling cekap dan demokratik, kerana ia tidak mewujudkan kesamaan melalui paksaan, tetapi melalui koordinasi pasaran.
- Ketiga, hanya Ekonomi Pasaran Sosial yang menjamin untuk kerajaan berperanan konstruktif dan bersesuaian. Ia tidak cuba untuk mengecilkan kerajaan, juga tidak cuba untuk membesarkan-besarkan kerajaan. Kerajaan harus bertindak sebagai pembela keteraturan ekonomi yang berfungsi lalu turut serta dengan perhubungan yang produktif bersama pasaran. Terutamanya sekarang, apabila rakyat amat peka dengan keperluan ini.
- Keempat, prinsip subsidiariti wujud sebagai panduan, supaya tindakan kerajaan harus diorientasikan, khususnya dalam dasar sosial. Kegagalan untuk menjaga prinsip-prinsip ini akan mendatangkan impak negatif ke atas kesejahteraan manusia dan mencemarkan nama-nama baik warganegara yang amanah.
- Kelima, Ekonomi Pasaran Sosial bukanlah sebuah doktrin, tetapi ia adalah “cara pemikiran yang progresif”.⁹ Atas sebab ini, ia boleh diadaptasi dan dilaksanakan di peringkat antarabangsa.

Isi-isi ini secara ringkas menggambarkan mengapa Ekonomi Pasaran Sosial menghadapi masalah-masalah di ambang krisis kewangan ini. Kita harus cuba untuk menggiatkan nilai-nilai dan prinsip-prinsip utamanya (kebebasan, subsidiariti, solidariti) dan membina ia untuk menghubungkan pencapaian ekonomi pasaran dengan dasar kesamaan sosial berorientasikan pasaran yang bersesuaian – sepertimana diperkatakan oleh Alfred Müller-Armack.¹⁰ Kini, lebih-lebih lagi sekarang, politik harus menonjolkan kemahiran komunikasinya, dan kehebatan kepimpinannya dan pandangan dunia mereka.

⁹ Rujuk Müller-Armack (1966).

¹⁰ Müller-Armack (1966), hlm. 245.

RUJUKAN

- *Bach, Hans-Uwe et al. (2009): Arbeitsmarkt-Projektion 2010: Die Krise wird deutliche Spuren hinterlassen (LAB-Kurzbericht 20/2009) – Nürnberg.*
- *Eucken, Walter (1952): Grundsätze der Wirtschaftspolitik – Bern / Tübingen.*
- *Gesetz zur weiteren Stabilisierung des Finanzmarktes (Finanzmarktstabilisierungergänzungsgesetz – FMSStErgG, 09.04.2009)*
- *Müller-Armack, Alfred (1956): Soziale Marktwirtschaft, dalam : Handwörterbuch der Sozialwissenschaft, vol. 9, Stuttgart, oleh Erwin von Beckerath, 1956, hlm. 390-392 (Dicetak semula dalam: Müller-Armack (1966): Wirtschaftsordnung und Wirtschaftspolitik. Studien und Konzepte zur Sozialen Marktwirtschaft und zur Europäischen Integration – Freiburg im Breisgau, 1966).*
- *Müller-Armack, Alfred (1966): Wirtschaftsordnung und Wirtschaftspolitik. Studien und Konzepte zur sozialen Marktwirtschaft und zur europäischen Integration (Beiträge zur Wirtschaftspolitik, vol. 4) – Freiburg im Breisgau.*
- *Rüstow, Alexander (1929): Zur Frage der Staatsführung in der Weimarer Republik. Dokumentation der Rede Alexander Rüstows “Diktatur innerhalb der Grenzen der Demokratie” vor der Deutschen Hochschule für Politik am 5. Juli 1929 und die sich hier anschließenden Diskussionsbeiträge von Hermann Heller, Josef Winschub und Theodor Heuss, dalam: Vierteljahrshefte für Zeitgeschichte, vol. 1, hlm. 85-111.*
- *Schäuble, Wolfgang (28.03.2009): “Unanständiges Verhalten”, dalam: Süddeutsche Zeitung, 28 Mac 2009.*
- *Schumpeter, Joseph A. (1950): Kapitalismus, Sozialismus und Demokratie – Bern, 1950.*
- *Vogt, Bernhard (1997): Franz Oppenheimer. Wissenschaft und Ethik der Sozialen Marktwirtschaft (Studien zur Geistesgeschichte, vol. 22) – Bodenheim.*



Prof. Lothar Funk adalah Profesor Ekonomi dan Hubungan Ekonomi Antarabangsa di Universiti Ilmu Terapan Duesseldorf (untuk: *Düsseldorf Fachhochschule*). Dia juga Koordinator Matawang Asing di Jabatan Pengajian Perniagaan dan mengetuai Sarjana Pengurusan Antarabangsa. Sehingga pertengahan tahun 2005 dia bertanggung jawab untuk kajian dalam Hubungan Antarabangsa Buruh di Institut Penyelidikan Ekonomi Cologne di mana dia masih seorang Felo sekarang. Beliau adalah Felo Pelawat di Institut Pengajian Jerman, Universiti Birmingham, serta sebagai ahli dewan penasihat ekonomi *Konrad-Adenauer-Stiftung*, Berlin, dan editor-bersama *Sozialer Fortschritt. Unabhängige Zeitschrift für Sozialpolitik* (Kajian Dasar Ekonomi Jerman). Dia telah menerbitkan secara meluas mengenai isu-isu yang berkaitan dengan pasaran kerja, kepelbagaian kapitalisme dan persoalan reformasi negara kebajikan. Dia menulis (menjadi penulis bersama juga) dan mengedit beberapa buah buku berkaitan isu-isu tersebut.

Fachhochschule Düsseldorf
 Fachbereich Wirtschaft FB 7
 Prof Dr Funk Lothar
 Universitätsstraße
 Gebäude 23,32
 40225 Düsseldorf | Germany
 Tel: +49 (0) 21 18 11 47 96
 Emel: lothar.funk@fh-duesseldorf.de



Dr. Christian L. Glossner adalah Felo Pengajar dan Pembantu Pensyarah Ekonomi Politik dan Komunikasi Politik di Universiti Oxford dan Université de Fribourg. Sekarang, beliau juga pengerusi European Business Circle (EuBC). Sebelumnya, Glossner menjadi Europaeum Research Fellowship di Institut Universitaire de Hautes Etudes Internationales (IUHEI) di Geneva dan bekerja di pelbagai perunding pengurusan, syarikat industri dan institusi-institusi sektor awam termasuk Direktorat Jenderal untuk urusan Ekonomi dan Kewangan (ECFIN), European Commission di Brussels. Beliau adalah lulusan dari Université de Fribourg serta London School of Economics dan Sains Politik (LSE) dan menerima PHD-nya dalam teori ekonomi dan sejarah politik dari University of Oxford. Dia telah menerbitkan pelbagai artikel kontemporari urusan politik dan ekonomi antarabangsa dan menjadi penulis bersama sebuah buku tentang Kesatuan Eropah. Penerbitan terbarunya adalah *The Making of the German Post-War Economy*.

Universiti Oxford
 Oriel College
 Dr Christian L. Glossner
 Oxford OXOX1 4EW | United Kingdom
 Tel: +44 (0) 77 21 69 21 23
 Emel: christian.glossner@oriel.ox.ac.uk



David Gregosz mendapat Diploma dalam bidang Sains Politik pada tahun 2008, dan pada tahun 2009 mendapat Sarjana Muda Sains dalam bidang Ekonomi dari Universiti PHILIPPS-Marburg. Beliau pernah berkerja dengan *Konrad-Adenauer-Stiftung* dan bekerja semasa pengajiannya sebagai pembantu untuk dua kerusi di Universiti Marburg. Selain itu dia bekerja dengan ahli parlimen di Brussels dan Berlin selama waktu itu. Tesis pengajiannya berkaitan dengan persoalan ekonomi dalam pasaran tenaga elektrik Jerman serta kesinambungan model ekonomi Jerman iaitu Ekonomi Pasaran Sosial. Sejak awal tahun 2009 David Gregosz bekerja sebagai Peneliti di Jabatan Politik dan Konsultasi (di: *Hauptabteilung Politik und Beratung*) di *Konrad-Adenauer-Stiftung* di Berlin. Minat penelitiannya meliputi sejarah pemikiran ekonomi dan sejarah ekonomi, ekonomi politik untuk reformasi dasar ekonomi, makroekonomi dan ekonomi tenaga kerja. Banyak kajiannya baru-baru ini lebih menumpukan pada kesan krisis kewangan.

Konrad-Adenauer-Stiftung e.V.
 Hauptabteilung Beratung und Politik | Team Wirtschaftspolitik
 David Gregosz | Koordinator Grundsatzfragen / Ordnungspolitik
 Klingelhöferstr. 23
 10785 Berlin | Germany
 Tel: +49 (0) 30 2 69 96 35 16
 Emel: david.gregosz@kas.de



Prof Dr Bodo Herzog adalah Profesor Ekonomi di Universiti ESB Business School, Reutlingen. Dia adalah mantan Ketua Jabatan Ekonomi di *Konrad-Adenauer-Stiftung* di Berlin. Sejak tahun 2005 hingga 2007 dia menjadi anggota Dewan Pakar Ekonomi Jerman. Herzog belajar matematik dan ekonomi di Universität Konstanz. Beliau meraih Ph.D. Ekonomi - dibiayai oleh Yayasan Penyelidikan Jerman (di: *Deutsche Forschungsgesellschaft*, DFG). Sejak Disember 2006 dia menjadi Felo Penyelidik di Massachusetts Institute of Technology (MIT) dan Sloan School of Management, Cambridge, Amerika Syarikat. Selanjutnya, dia adalah ahli dan pengarah beberapa jawatankuasa kajian dan majlis penasihat politik. Selain itu, dia adalah felo polisi di *Institut zur Zukunft*

der Arbeit (Lembaga Kajian Tenaga Kerja, IZA) dan dia adalah Pegawai Penyelidik di kumpulan penyelidikan disiplin dalam neuroekonomi dan econophysics. Selain itu, Herzog adalah profesor-pelawat di International Summer University Macedonia (ISUM). Penelitiannya tertumpu terutamanya dalam makroekonomi, khususnya tentang ekonomi monetari dan kewangan juga tentang kemapanan ekonomi. Dia telah menerbitkan banyak artikel dalam jurnal profesional, buku dan makalah dalam prosiding persidangan.

ESB Business School
Prof Dr Bodo Herzog
Alteburgstr. 150
72762 Reutlingen | Germany
Tel: +49 (0) 71 21 27 16 03 1
Emel: Bodo.Herzog@Reutlingen-University.de



Andreas Hoffman adalah Calon Doktor dan Pembantu Penyelidik Gunther Schnabl di Institut Dasar Ekonomi, Universiti Leipzig. Penelitiannya tertumpu pada pertukaran kewangan, bunga dan analisis dasar fiskal, ekonomi antarabangsa dan sejarah krisis kewangan. Penerbitan pertama dalam jurnal referi antarabangsa mengumpulkan minat penelitiannya. Ketika ini dia sedang bertugas di Jabatan Ekonomi di New York University, di mana dia membuat kajian doktor di bawah pengawasan Mario Rizzo. Beliau adalah pemegang biasiswa kedoktoran daripada Friedrich Naumann Foundation dan Bradley Fellowship dari New York University

Universität Leipzig
Wirtschaftswissenschaftliche Fakultät
Andreas Hoffmann
Grimmaische Str. 12
04109 Leipzig | Germany
Telefon: +49 (0) 34 19 73 35 78
Emel: ahoffmann@wifa.uni-leipzig.de



Janina Jänsch adalah Pembantu Penyelidikan di Institut Dasar Ekonomi di Universiti Cologne (di: *Institut für Wirtschaftspolitik an der Universität zu Köln*). Sebelumnya, dia menjadi Pembantu Penyelidik di kerusi Dasar Ekonomi di Universiti Cologne. Dia mendapat Diploma dalam Pengajian Serantau dengan pengkhususan dalam bidang Ekonomi. Selama kajian, dia memperoleh pengalaman

kerja antarabangsa dengan bekerja di Jabatan Ekonomi di Kedutaan Jerman Santo Domingo dan di syarikat *interdealer broker* di New York. Jänsch mengkhususkan diri dalam dasar iklim dan dasar tenaga dan telah menerbitkan pelbagai artikel tentang bidang ini.

Institut für Wirtschaftspolitik an der Universität zu Köln

Janina Jänsch

Pohligstr. 1

50969 Köln

Germany

Telefon: +49 (0) 22 14 70 53 55

Emel: jaensch@wiso.uni-koeln.de



Ekkehard Köhler adalah Calon Doktor di IAW itu - *Abteilung für Wirtschaftspolitik* (iaitu Institut Dasar Ekonomi Jabatan Ekonomi) di Universiti Freiburg dan Pembantu Penyelidik di Institut Eucken Walter. Tumpuan utama kajiannya adalah dalam bidang ekonomi politik berperlembagaan, ekonomi institusi dan evolusi, kewangan dan analisis rejim fiskal, dan sejarah pemikiran

ekonomi. Ekkehard Köhler telah menerbitkan pelbagai artikel hal-ehwal ekonomi dan politik dan telah menjadi sarjana tamu di Program Adam Smith di Sekolah Kepimpinan Jepson dari University of Richmond, VA pada tahun 2009 dan 2010. Beliau meraih biasiswa doktor dari Friedrich Naumann Foundation.

Walter Eucken Institut

Ekkehard Köhler

Goethestrasse 10

79100 Freiburg im Breisgau | Germany

Telefon: +49 (0) 76 17 90 97 11

Emel: ekkehard.koehler@walter-eucken-institut.de



Ines Läufer adalah Pembantu Ekonomi dan Penyelidikan di Institut Dasar Ekonomi di Universiti Cologne (untuk: *Institut für Wirtschaftspolitik an der Universität zu Köln*). Dia belajar Ekonomi dan Sosiologi di Universiti Cologne dan di Institut d' Etudes Politiques (IEP) di Lyon, Perancis. Selama pengajiannya, dia terlibat dalam beberapa projek penyelidikan, antara lain di Institut Max Planck untuk Kajian Masyarakat di Cologne. Selain itu, ia memperoleh pengalaman kerja sebagai intern di Jabatan Kesihatan Persekutuan di Berlin. Fokus penelitiannya saat ini adalah pada dasar kesihatan secara umum dan pada insurans perkhidmatan kesihatan wajib di Jerman.

Institut für sebuah Wirtschaftspolitik der Universität zu Köln
Ines Läufer
Pohligstr. 1
50969 Köln | Germany
Telefon: +49 (0) 22 14 70 53 54
Emel: laeuffer@wiso.uni-koeln.de



Dr. Hagen Lesch adalah Ahli Ekonomi Senior dan Ketua Bahagian Dasar Gaji dan Perundingan Kolektif di *Institut der Deutschen Wirtschaft Köln* (Cologne iaitu Lembaga Penyelidikan Ekonomi, IW) di mana dia telah bekerja sejak tahun 2000. Dia belajar ekonomi di Bonn Friedrich-Wilhelms-Universität Rheinische. Setelah selesai dengan sarjana “Diplom-Volkswirt” dia menjadi Felo Penyelidik dan Peneliti Ekonomi di *Institut Finanzen und Steuern* (iaitu Institut “Kewangan dan Cukai”) di Bonn dari 1991 ke 2000. Menerima gelaran Ph.D. (Dr. rer. pol.) dari Universiti Bonn pada tahun 1998. Antara tahun 2002 dan 2007 dia menjadi Pensyarah Lawatan di Universiti Ilmu Gunaan, Cologne. Lesch telah menerbitkan secara meluas dalam bidang dasar gaji dan hubungan pekerja. Penerbitan terbarunya adalah *Arbeit und Fairness - Die Suche nach dem gerechten Lohn*, sebuah buku kecil tentang keadilan di pasaran tenaga kerja yang dia menjadi penulis bersama pada tahun 2010.

Institut der Deutschen Wirtschaft Köln
Dr Hagen Lesch
Gustav-Heinmann-Ufer 84-88
50668 | Germany
Telefon: +49 (0) 22 84 98 17 78
E-Mel: lesch@iwkoeln.de



Alexander Lorch adalah Calon Kedoktoran Prof Dr Peter Ulrich di Universiti Institut St Gallen untuk Etika Bisnis (untuk: *Institut für Wirtschaftsethik*) di Switzerland, di mana dia bekerja pada sebuah modernisasi pemikiran falsafah ordoliberal. Dalam tesisnya, dia menganalisis fikiran ordoliberal bersejarah dari sudut pandang etika integratif ekonomi dan memperkaya dengan idea-idea politik-falsafah moden. Dia tamat pelajaran dari European Business School, Oestrich-Winkel di Jerman pada tahun 2007.

Universität St Gallen
 Institut für Wirtschaftsethik
 Alexander Lorch
 Guisanstrasse 11
 9010, Switzerland
 Telefon: +41 (0) 71 22 43 10 8
 Emel: alexander.lorch @ unisg.ch



Dr Markus Marktanner adalah Pembantu Profesor di Jabatan Ekonomi di American University of Beirut (AUB). Dia menerima Ph.D. dari Universiti Teknikal Ilmenau, Jerman. Dalam tesis kedoktorannya dia memeriksa ekonomi politik transformasi dan proses integrasi global ekonomi negara-negara bekas sosialis. Sebelum menyertai fakulti AUB, beliau memegang jawatan mengajar dan penelitian di Jerman dan Amerika Syarikat. Penelitiannya tertumpu pada keterkaitan antara determinan politik, sosial, dan ekonomi pembangunan. Kajiannya diterima oleh jurnal seperti *Journal of International Development*, *Jurnal Pengajian Ekonomi*, *Jurnal Pembangunan Wilayah*, dan *Kajian Ekonomi dan Kewangan Timur Tengah*. Dia juga memberikan sumbangan bab pelbagai buku. Selain itu, dia telah terlibat dalam rundingan dasar awam, termasuk bekerja untuk PBB Suruhanjaya Ekonomi untuk Asia Barat, World Food Program, dan Konrad-Adenauer-Stiftung. Beliau juga berkhidmat dalam Lembaga Editorial jurnal *Kajian Perniagaan Global dan Ekonomi*.

American University of Beirut
 Jabatan Ekonomi
 Dr Markus Marktanner
 P.O. Box 11-0236, Riad Solh El
 Beirut 1107 2020 | Lubnan
 Telefon: 961 (0) 13 50 00 0 / 4072
 Emel: marktanner@aub.edu.lb



Tim Petersen adalah Calon Doktor di Jabatan Ekonomi di Universiti Hamburg. Tajuk tesis Ph.D. adalah “Pengaruh Teologi pada Teori Ekonomi Jerman pada abad 19 dan 20.” Tim Petersen mempelajari pentadbiran peniagaan di Universiti Hamburg dari 1999 hingga 2003. Sejak tahun 2004 hingga 2007 dan sejak tahun 2009, dia bekerja untuk biro konsultasi cukai Klaus Petersen. Pada tahun 2007 dan 2008, beliau membuat kajian sebagai sarjana

Konrad-Adenauer-Stiftung di pejabat di negeri persekutuan Thuringia di Lembaga Ekonomi Antarabangsa Erfurt (HWWI). Minat penelitiannya adalah sejarah ekonomi dan pemikiran teologi, ordoliberalisme dan etika perniagaan.

Dipl.-KFM. Tim Petersen
c / o Steuerberatungsbüro Klaus Petersen
Auf dem Baggersand 17
23570 Lübeck-Travemünde | Germany
Telefon: +49 (0) 45 02 50 02
Emel: petersen@hwwi.org



Dr Marc Stegherr adalah Pembantu Profesor di Universiti Ludwig-Maximilian Munich. Dia belajar Filologi Slavia. Penerbitannya paling terbaru adalah *Abschied von der Wiege des Serbentums? Das Kosovo* di *Politik und Kultur Serbiens* and *Medien* dan *Die di Osteuropa - Mediensysteme im Transformationsprozess*.

Ludwig-Maximilians-Universität München
Fakultät für Sprach-und Literaturwissenschaften, Jabatan II
Institut für Slavische Philologie
Dr Marc Stegherr
Geschwister-Scholl-Platz 1
80539 München | Germany
Telefon: +49 (0) 89 21 80 23 74
E-Mel: marc.stegherr@minews.de



Christian Vossler adalah Pembantu Penyelidikan di Institut Dasar Ekonomi di Universiti Cologne (untuk: *Institut für Wirtschaftspolitik an der Universität zu Köln*). Setelah menyelesaikan pendidikan dalam bidang perbankan, dia bekerja sebagai Customer Service Representative sebelum mengambil pengajian di bidang pentadbiran perniagaan di Cologne. Ketika belajar, dia bekerja sebagai seorang pelatih pelajar di HSBC Trinkaus Global Asset Management. Dia lulus pada 2007 dengan pakar dalam bidang ekonomi. Minat kajian khususnya adalah dalam dasar iklim dan dasar tenaga dan telah menerbitkan pelbagai artikel dalam subjek tersebut.

Institut für Wirtschaftspolitik an der Universität zu Köln
 Dipl.-KFM. Christian Vossler
 Pohligstr. 1
 50969 | Jerman
 Telefon: +49 (0) 221 470 5349
 E-Mel: vossler@wiso.uni-koeln.de



Christine Wolfgramm adalah Pembantu Ekonomi dan Pengajaran di Institut untuk Dasar Ekonomi di Universiti Cologne (untuk: *Institut für Wirtschaftspolitik an der Universität zu Köln*). Semasa belajar di Munich dan Cologne dia bekerja sebagai Pembantu Penyelidik untuk beberapa agensi termasuk Deutsche Bundesbank dan Suruhanjaya Ekonomi PBB untuk Eropah. Setelah lulus, dia telah mendapat pengalaman kerja lebih lanjut sebagai penganalisis kredit di hartanah antarabangsa sebelum kembali ke universiti untuk mendapat Ph.D. Dari 2008 dia telah menyampaikan beberapa ucapan dan kursus dalam isu-isu dasar ekonomi dan ekonomi kesihatan pada khususnya. Dia telah menerbitkan juga turut menulis bersama artikel tentang isu-isu dasar kesihatan dan kajian tentang peranan penilaian hartanah dalam krisis kewangan ketika ini. Saat ini, dia mengkaji dalam perspektif reformasi untuk insuran kesihatan wajib Jerman dan khidmat perawatan.

Institut für Wirtschaftspolitik an der Universität zu Köln
 Dipl.-Vw. Christine Wolfgramm
 Pohligstrasse 1
 50969 Cologne | Germany
 Telefon: +49 (0) 22 14 70 53 56
 Emel: wolfgramm@wiso.uni-koeln.de



Manuel Wörsdörfer adalah Felo Penyelidik dari Cluster of Excellence “Pembentukan Aturan-aturan Normatif”, Goethe-University, Frankfurt am Main (Projek Kajian: Asal-usul Norma Ekonomi). Sebagai Calon Doktor beliau menulis tesis tentang “Dasar-dasar Normatif Ordoliberalisme”. Beliau adalah lulusan dari University of Bayreuth dan mendapatkan Ijazah Sarjana dalam falsafah dan ekonomi. Minat kajiannya saat ini adalah implikasi ekonomi-etika dari ordoliberalisme dan Ekonomi Pasaran Sosial, selanjutnya ekonomi/etika perniagaan dan sejarah pemikiran ekonomi.

Universität Frankfurt am Main
Professur für VWL, insb. Wirtschaftliche Entwicklung und Integration
Manuel Wörsdörfer, M.A.
Grüneburgweg 1
FB 2, H.P.O. Peti 47
60323 Frankfurt am Main | Germany
Telefon: +49 (0) 69 79 83 47 78
E-Mel: woersdoerfer@wiwi.uni-frankfurt.de



Prof. Dr. Aslam Haneef adalah Profesor Ekonomi di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Beliau adalah ahli majlis editorial Wacana Intelektual sejak tahun 2009 dan sebelum ini pernah menjadi ketua editor Jurnal Ekonomi dan Sains Pengurusan UIAM pada tahun 2005-2009. Beliau menerima Ph.D. daripada universiti East Anglia, Norwich pada tahun 1994. Prof. Dr. Aslam juga aktif menulis jurnal dan membuat pembentangan persidangan dalam bidang falsafah ekonomi, Islam dan kemajuan ekonomi, pendidikan Ekonomi Islam, dan globalisasi dan ekonomi negara-negara OIC. Beliau juga terlibat dalam beberapa program latihan sektor awam dan swasta, tempatan dan perantauan, bersyarah dalam petanda-petanda ekonomi, globalisasi dan ekonomi-ekonomi Islam.

Professor Dr. Mohamed Aslam Haneef
Kuliyah Ekonomi dan Sains Pengurusan,
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
Tel: +603 6196 4649
Emel: mdaslam@iium.edu.my